

# **TERENGGANU**

*dahulu dan sekarang*

www.terengganu.com.my  
www.terengganu.com

www.terengganu.com  
www.terengganu.com  
www.terengganu.com  
www.terengganu.com

# **TERENGGANU**

*dahulu dan sekarang*

Disunting oleh:

**ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI**

Diterbitkan oleh;  
Persatuan Muzium Malaysia  
Muzium Negara  
Jalan Damansara, Kuala Lumpur.

16  
3550211

Jawatankuasa Penerbitan  
Persatuan Muzium Malaysia

Pengerusi Bersama : Tuan Haji Mohd. Zulkifli bin Hj. Abd. Aziz  
Setiausaha : Prof. Khoo Kay Kim  
Bendahari : Paiman Keromo  
Ahli : Mohd. Radzi bin Haji Ahmad  
Ahli : Mohamad Abu Bakar  
Ahli : Abdullah Zakaria Ghazali  
Ahli : Adnan Hj. Nawang  
Ahli : Zainal Abidin Borhan  
Ahli : Norazit Selat  
Penyelaras : Jazamuddin Baharuddin  
Pengurus Ikhlan : Mohd. Kassim Haji Ali  
Rekabentuk : Shahnan Abdullah  
Rekaletak : Mohd. Rasul  
Gambar Kulit : Alias Haji Yusuf  
(Ikhwan Dewan Bahasa dan Pustaka)

Cetakan Pertama 1984  
© Hakcipta: Persatuan Muzium Malaysia

M  
759.5122  
TER

Dicetak oleh:  
United Selangor Press Sdn Bhd  
Kuala Lumpur  
Harga: \$10.00

M  
1150776

22 MAR 2005  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## Penghargaan

**P**ENERBITAN sesebuah buku tidak akan berhasil tanpa bantuan dan kerjasama dari orang perseorangan dan pihak tertentu. Oleh itu dari kesempatan ini peluang diambil bagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang artikel; galakkan dan bantuan dari Saudara Mohamad bin Abu Bakar, Profesor Dr. Khoo Kay Kim dan Saudara Adnan bin Haji Mohd. Nawang. Juga ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan dan Sidang Pengarang Persatuan Muzium Malaysia kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menyunting salah satu dari siri penerbitannya. Selain dari itu tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Saudara Jazamuddin Baharuddin (Adi) yang tidak jemu-jemu menyelenggarakan penerbitan buku ini. Akhir kata segala bantuan dan kerjasama yang diberikan tetap akan dikenang.

Wassalam.

Abdullah Zakaria bin Ghazali  
Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

Disember 1984.



## Kandungan

- XI PENDAHULUAN
- XIII SINGKATAN
- 1 LATAR BELAKANG KEAGAMAAN DI TERENGGANU  
*Shafie Abu Bakar*
- 17 BATU BERSURAT TERENGGANU: KAJIAN MENGENAI ISI KANDUNGAN DAN TAFSIRAN BACAANNYA  
*Hamdan bin Hassan*
- 29 SEJARAH RINGKAS MATA WANG NEGERI TERENGGANU  
*Mohd. Kassim bin Haji Ali*
- 38 KEADAAN POLITIK DAN SOSIOEKONOMI TERENGGANU PADA KURUN KE-19  
*Abdullah Zakaria bin Ghazali*
- 57 KUALA TERENGGANU: PUSAT PERDAGANGAN ANTARABANGSA  
*Khoo Kay Kim*
- 74 PONDOK DI BESUT: SATU TINJAUAN TENTANG ASAL USUL KEMUNCULANNYA  
*Mahmud bin Mamat*
- 90 ULAMA DAN SIASAH: PENGLIBATAN GURU PONDOK DALAM POLITIK KEPARTIAN DI NEGERI TERENGGANU  
*Mohamad Abu Bakar*
- 105 SEJARAH UMUM MUKIM BANDI, 1930-AN  
*Ismail bin Jusoh*

- 116 TERENGGANU 1940—1945: SATU KAJIAN MENGENAI  
KEMUNCULAN GOLONGAN KIRI MELAYU  
*Abdul Aziz bin Satar Khan*
- 129 H.C. MOHAMMAD ABDUL RAHMAN DAN  
PENGLIBATANNYA DALAM PENERBITAN BUKU—  
BUKU SASTERA  
*Tuan Sharif bin Tuan Petera*
- 140 SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MODEN  
DI KAMPUNG MANIR 1939—1965  
*Mohamad bin Ismail*
- 154 PERKEMBANGAN SEKOLAH SWASTA DI KUALA  
TERENGGANU  
*Mohd. Nazir bin Zainal*
- 173 MASYARAKAT NELAYAN KUALA KEMAMAN  
1950-AN — 1973: SUATU TINJAUAN RINGKAS  
TENTANG PERUBAHAN SOSIOEKONOMI  
*Izman Ismail*
- 187 KAMPUNG MENGABANG TELIPOT, KUALA  
TERENGGANU: SATU KAJIAN TENTANG  
PERKEMBANGAN EKONOMI, MASALAH DAN  
PROSES PERPINDAHAN NELAYAN  
*Dagang Mohd. Yunus*
- 203 KEMUNCULAN PARTI-PARTI POLITIK DI BESUT  
1945—1970  
*Safar bin Haji Awang*

## Pendahuluan

**B**IASANYA apabila Terengganu disebut maka rujukan yang selalu diberikan ialah Batu Bersurat; padahal masih banyak terdapat sejarah yang istimewa di Terengganu. Memandangkan setakat ini agak sedikit bahan-bahan bercetak, terutamanya kajian yang agak serius tentang sejarah Terengganu, inisiatif diambil untuk mengusahakan monograf ini. Ini sangat bersesuaian pula dengan adanya usaha-usaha untuk menggalakkan penulisan sejarah tempatan. Namun demikian dalam usaha ke arah ini adalah tidak mungkin segala-galanya dapat dimuatkan di dalam monograf yang kecil; mengcakupi segala aspek sejarah Terengganu pada masa dahulu dan sekarang.

Suatu perkara yang tidak dapat dipisahkan dengan sejarah Terengganu ialah Batu Bersurat. Oleh sebab itu perbincangan tentangnya masih diberikan perhatian di dalam monograf ini. Selain daripada tafsiran bacaannya, kesimpulan dibuat bahawa sebelum terukir Batu Bersurat, Terengganu telah pun menerima agama Islam. Sesungguhnya ini tidak menghairankan kerana Terengganu sendiri dikenali juga dengan panggilan jolokan *Darul-Iman*. Penghayatan keagamaan ini dapat dikesani dari kewujudan sistem pelajaran pondok; berterusan sehingga abad ke-20, apabila pondok-pondok terakhir telah diambil alih oleh kerajaan untuk dijadikan sekolah agama.

Walaupun sejarah awal pemerintahan Terengganu pada umumnya tidak dapat dikesani dengan jelas, tetapi bagi zaman pemerintahan Tun Zainal Abidin (saudara Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV Johor dan bergelar Sultan Zainal Abidin I) ia tidaklah menjadi masalah. Kewujudan keluarga baru sebagai pemerintah pada kurun ke-18 membawa perkembangan kepada negeri Terengganu; malah Kuala Terengganu pada kurun ini menjadi tumpuan saudagar-saudagar asing dan boleh dikatakan sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa. Begitu juga penglibatan aktif orang-orang Terengganu dalam bidang ekonomi terutama perdagangan, perusahaan tenunan kain, tembaga dan juga ukiran. Di samping itu dalam usaha melancarkan urusniaga, Terengganu mengeluarkan mata wangnya sendiri. Namun begitu satu perkara yang sangat menarik ialah undang-undang Islam menjadi asas kepada sistem pentadbiran Terengganu.

Walaupun begitu keutuhan pemerintahan Terengganu mulai tercabar dengan perlantikan agen British (W.L. Conlay) pada tahun 1910, akibat dari Perjanjian Bangkok 1909. Keadaan ini menjadi lebih ketara lagi setelah perlantikan Penasihat British (J.L. Humphreys) pada tahun 1919, iaitu berikutan termeterinya perjanjian di antara Kerajaan Great Britain dengan

Terengganu pada tahun tersebut. Suatu kesan penting berikutan dari perlantikan Penasihat British ialah wujudnya pengenalan peraturan baru (undang-undang Barat) dan bercanggah dengan amalan tempatan. Ini telah mengakibatkan lahirnya rasa tidak puas hati di kalangan penduduk tertentu pendalamannya Terengganu sehingga menimbulkan tentangan terhadap peraturan baru pada tahun 1922, 1925 dan 1928 di bawah pimpinan Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid (lebih dikenali dengan panggilan Haji Abdul Rahman Limbong).

Semasa pondok menduduki tempat istimewa di dalam masyarakat, tok-tok guru tertentu turut melibatkan diri dalam politik. Sesungguhnya Terengganu seperti juga negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu mengalami pertumbuhan parti-parti politik. Parti-parti tersebut, seperti PKMM, UMNO, PAS, PSRM dan parti Negara. Di samping itu tidak ketinggalan juga wujudnya pertubuhan lain seperti API dan AWAS, selaras dengan perjuangan kemerdekaan pada ketika itu.

Memandangkan pentingnya perkembangan di Terengganu, beberapa makalah digabungkan untuk melahirkan sebuah monograf, dengan harapan paling tidaknya dapat mewakili perkembangan sejarah Terengganu dahulu dan sekarang. Makalah-makalah yang dipilih adalah hasil dari kajian pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah yang berminat dalam perkembangan di Terengganu.

Adalah sangat diharapkan monograf ini bukan sahaja dapat menambahkan lagi sumber bacaan dan rujukan tetapi juga menarik minat pengkaji-pengkaji serta pelajar-pelajar sejarah untuk membuat kajian lebih lanjut dalam beberapa aspek sejarah Terengganu.

AZG

## Singkatan

API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BATAS	Barisan Tani Se Malaya
Bil.	Bilangan
BKM	Badan Kebudayaan Melayu
BMA	British Malaya Administration
GLU	General Labour Union
IBHY	Ibrahim Hj. Yaakob
IMP	Independence Malaya Party
JMBRAS	Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society
Jum.	Jumlah
KMM	Kesatuan Melayu Malaya
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMS	Kesatuan Melayu Singapura
KRIS	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
KRIS	Kekuatan Rakyat Istimewa
L.C.E.	Lower Certificate of Education
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MNP	Malayan Nationalist Party
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
PAS	Parti Islam Se Malaya
Per.	Perempuan
PETA	Pembela Tanah Air
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya
PMIP	Pan Malayan Islamic Party
PMS	Persatuan Melayu Selangor
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaya
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SITC	Sultan Idris Tanjung Malim College (Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim)
UMNO	United Malays National Organisation



## Latar Belakang Keagamaan Di Terengganu\*

SHAFIE ABU BAKAR<sup>+</sup>

**P**ADA zaman tradisi,<sup>1</sup> negeri Terengganu adalah terkenal sebagai sebuah negeri yang maju dengan perkembangan ilmu pengetahuan keagamaan (keislaman). Abdullah Munshi yang membuat pelayaran ke Pantai Timur Tanah Melayu pada Dzulhijah — Muharam 1253 — 4 Mac — April 1838 dan pernah singgah di Terengganu melaporkan bahawa pada masa tersebut, institusi-institusi pengajian di Terengganu kebanyakannya menggunakan kitab-kitab Arab dan kurang menggunakan kitab-kitab berbahasa Melayu (Jawi). Bacaan Quran penduduknya sangat baik hingga terkenal keluar Terengganu dan tulisan berhuruf Arab/Jawi mereka sangatlah elok.<sup>2</sup> Di setiap kampung pula terdiri madrasah-madrasah; melaluinya diperkembangkan ilmu pengetahuan Islam.<sup>3</sup> Pengajian Quran pula menjadi umum diajar di rumah-rumah.<sup>4</sup>

Dari gambaran Abdullah Munshi secara sepintas lalu mengenai pengajian di Terengganu di samping kritiknya yang pedas terhadap kekuasaan tradisi di negeri-negeri Melayu yang dilawatinya (Pahang, Terengganu, Kelantan), beliau dengan tidak secara langsung seolah-olah mengakui bahawa negeri Terengganu pada masa itu adalah teristimewa dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang bercorak keislaman — suatu gambaran yang tidak disebutnya semasa beliau singgah di negeri-negeri Melayu yang lain (Pahang, Kelantan). Kadar celek dan buta huruf di Terengganu dibuat anggaran kasar oleh Abdullah:

Syahadan di antara mereka itu adalah dua bahagi yang tiada tahu mengaji, dan

\* Dipetik dari (Bab I) Tesis Sarjana Persuratan yang berjudul, 'Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu) Dan Kitab-kitab Padanya', Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77.

+ Penulis adalah pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

<sup>1</sup> Dimaksudkan zaman sebelum kekuasaan barat bertapak di negeri ini.

<sup>2</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Kesoh Pelayaran Abdullah*, Malaysia Publications Ltd., Singapura, 1965, hlm. 32–33.

<sup>3</sup> Ibid., hlm. 28.

<sup>4</sup> Ibid., hlm. 32.

sebagi yang tahu; dan empat bagi yang tiada tahu membaca surat Melayu, dan sebagi yang tahu.<sup>5</sup>

Walaupun dari apa yang disebut oleh Abdullah, bahawa satu pertiga daripada rakyat negeri Terengganu tahu mengaji dan hanya satu perlita daripada mereka yang tahu membaca tulisan Melayu (Jawi), namun begitu, kadar rakyat yang tahu mengaji dan membaca di zaman tradisi ini adalah tinggi dan mungkin sukar didapati di negeri-negeri Melayu yang lain pada masa itu. Wujudnya tradisi intelektual yang telah berakar umbi di dalam masyarakat Melayu di Terengganu pada masa itu sudah tentu ada pertalian dengan perkembangan pengajian tradisi yang telah wujud sebelumnya. Titik tolak perkembangan ilmu pengetahuan yang bercorak keislaman dan kebolehan mereka menguasai tulisan jawi, jika hendak disusur galur dari awal-awal lagi, maka asal-usul dan pokok pangkalnya adalah bermula dari sejak kedatangan Islam ke negeri tersebut. Peristiwa yang bersejarah ini telah diabadikan dengan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh pada hari Jumaat 4 Rajab 702 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 1303 Masihi<sup>6</sup> yang ditempatkan di tepi Muara Sungai Tersat yang berkualakan Sungai Brang, salah satu daripada cawangan Sungai Terengganu.<sup>7</sup>

5 Ibid., hlm. 33.

6 Syed Muhammad Naguib al-Attas, *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 1.

7 Mengenai kedatangan Islam ke Terengganu ini, selain dari Batu Bersurat Terengganu, setakat ini belum diketemui catatan-catatan lain baik dari sumber tempatan maupun sumber luar yang menyebut tentang kedatangan Islam ke negeri tersebut. Pengarang-pengarang Arab yang menceritakan tentang hubungan dagang antara negeri mereka dengan negeri China atau lain-lain negeri di sebelah timur ini tiada langsung menyentuh tentang negeri Terengganu. Marvasy yang mengarang *Taba'l-U'l-Hayawan* (513/1120) yang menceritakan tentang pelarian orang-orang Islam dari golongan Shi'ah dari kerajaan Umayyah sebelum (131/749) ke China (Canton), Abu Zayd (IV/pertengahan abad ke X) yang menyunting *Akhbaru'l-Sin* (273/851). Ibu Khurdadhbih (M.300/912) yang mengarang *Al-Mazikku wa'l-Mamlik* (M.232/846—7), Ibu al-Faqih yang mengarang kitab *Al-Buldan*, Mas'udi (M.345/956) yang mengarang *Muruju'dh-Dhabab* (M.303/916) dan kitab *At-Timbukku wa'l-Israf*, Abu Dulaf yang mengarang *Yaqutu Mu'jam'i'l-Buldan*, Bururq bin Shahriyar yang mengarang kitab 'Aja'ibu'l-Hindi dan pengarang-pengarang Arab lain seperti Muhibbali abad ke (IV/X) dan Idrisi (VI/pertengahan abad ke XII), masing-masing dalam menceritakan tentang hal-halwali di timur ini lebih menekankan penceritaan yang berkait dengan hubungan mereka dengan negeri China. Walaupun terdapat juga maklumat-maklumat berkenaan dengan Alam Melayu, tetapi maklumat-maklumat tersebut hanya menyentuh tempat-tempat di Sumatera dan Kedah dan amat kurang sekali dengan maklumat-maklumat yang menyentuh tempat-tempat di Timur Tanah Melayu. Abu Zayd hanya memberi maklumat tentang Pulau Tioman dan Ibu Khurdadhbih selain dari menyebut Pulau Tioman juga menyebut suatu tempat yang bernama Ma'it yang dijangka letaknya di selatan Tanah Melayu.

Meskipun demikian, tidaklah dapat dinafikan bahawa di dalam masa berlakunya perhubungan dagang antara orang-orang Arab/Parsi dengan negeri China dan Alam Melayu yang memakan masa begitu lama, iaitu sejak abad (pertama/ke VIII) hingga abad ke (12/18) itu tidak dapat dinafikan dari berlakunya perhubungan dengan negeri Terengganu baik secara langsung atau tidak langsung dengan pedagang-pedagang Islam yang juga setengahnya bersifat sebagai mubaligh-mubaligh. Selepas berlakunya pemberontakan Huang ch'ao di Canton (265/877) yang ditujukan terhadap pedagang-pedagang luar, maka ramai dari pedagang-pedagang Islam menjadi mangsa. Akibatnya peristiwa ini telah memalingkan tumpuan mereka dari negeri China ke Kepulauan Melayu dan persekitaran Asia Tenggara seperti Kedah, Palimbang, Pasai, Campa, Patani, Burma dan Siam. Hingga kepada pertengahan abad ke (4/10) perhubungan dagang mereka dengan Asia Tenggara menjadi amat lancar yang boleh dikatakan menjadi puncak perkembangan dagang mereka di kawasan tersebut. Pada pertengahan abad ini juga menurut G.R. Tibbets kapal-kapal dagang orang-orang Islam sering berulang-alik dari dan ke pelabuhan Khmer dan Campa. Dari batu bersurat yang bertulisan Arab di Campa bertarikh awal abad ke (5/11) yang diketemui pada tahun (1320—1325/1902—1907) menunjukkan Campa telah pun menerima Islam pada masa itu. Pada tahun (347/958) negeri Campa telah mengirim dutanya ke negeri China. Menurut Kodo Tasaka di dalam tulisannya "Islam in Champa" *Tohoku*, IV (1952), p. 52 yang dipetik oleh Coedes, duta bagi perutusan itu bernama P'u Ho San ialah seorang

Peristiwa kedatangan Islam sebagaimana yang dirakamkan oleh Batu Bersurat Terengganu dan penerimaan tulisan jawi yang dipadankan dari tulisan Arab dan beberapa huruf Parsi merupakan suatu peristiwa sejarah yang besar bukan saja di Terengganu bahkan bagi Kepulauan Melayu seluruhnya. Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah menukarkan aliran

Islam iaitu Abu Hassan. Menurut Coedes, keterangan yang didapati ini adalah bukti terawal tentang kewujudan orang-orang Islam di Campa. Dari inskripsi yang ditemui di sana pada tahun 1902—1907 dan telah difasirkan oleh Paul Ravaisse dalam artikelnya "Deux inscriptions coufiques du Champa" JA, XX (1922), p. 247, menurutnya, membuktikan bahawa sebuah koloni Islam memangnya telah wujud di Campa dalam mana negeri tersebut mendapat kuasa otonomi tertentu; iaitu pada pertengahan abad ke 4/10. Menurut Nik Mohamed Salleh dalam artikelnya dalam *Berita Minggu* bulan Mei, 1975 mengenai negeri tersebut, Campa sebagai sebuah negeri Melayu, ianya telah wujud sejak tahun (192M) dan berkekalan hingga (1236/1820). Pada zaman kegemilangan wilayahnya meluas ke Propinsi Han Tinh di Vietnam Utara dan ke Propinsi Phuoc Tuy di Vietnam Selatan. Negeri tersebut pernah berhubungan dengan kerajaan Majapahit dan cerita berkenaaninya tercatat di dalam Sejarah Melayu di dalam cerita yang ke-21. Kesan dari keislaman kerajaan Campa, maka dari keturunan mereka inilah hingga sekarang ini masih terdapat kira-kira 700 ribu orang Islam di Kemboja yang dikatakan Melayu Campa itu. Keturunan Melayu yang beragama Islam sedemikian juga terdapat di Selatan Thailand, Burma dan Vietnam yang berjumlah lebih dari 5 juta orang. Di negeri China pulu koloni Islam sedemikian telah wujud di bandar Kuang-chou (Canton) sejak tahun (140/758) yang juga meninggalkan kesan kepada keislaman orang-orang Cina, mereka terkenal dengan keturunan Pu'. Di dalam *Akhbaru's-Sin* yang diedit oleh Abu Zayd dan *al-Masliku wa'l-Mamlik* karangan Ibn Khurdadhbih selain dari menekankan berita tentang negeri China juga menyebut yang Campa memangnya menjadi satu pelabuhan yang penting di samping Kalah, Tioman dan Kadarang (Panduranga).

Semasa pedagang-pedagang Arab/Parsi bergiat di pelabuhan-pelabuhan di Asia Tenggara hingga membawa kepada bertapakan Islam seperti di Khmer dan Campa di awal abad ke (5/11), bukti menunjukkan, bahawa orang-orang Melayu di Pantai Timur di Tanah Melayu seperti Terengganu dan Kelantan sebelum menerima Islam telah lama berhubungan dan berulang-alik bermiaga antara Khmer/Campa tersebut sejak berabad-abad lamanya. Sebagai penduduk yang tinggal di perpantauan yang ramai mengantungkan kehidupan mereka pada laut, mereka adalah terkenal sebagai ahli pelayaran yang handal. Terengganu sejak zaman-berzaman menjadai pusat pembinaan perahu kecil dan besar di Pantai Timur seperti perahu bedar, payang dan sebagainya. Di dalam zaman tradisi laut memangnya menjadi perhubungan penting bagi negeri yang berpantauan memanjang itu. Pelayar-pelayar perahu besar Terengganu pada zaman itu dan kesannya masih terdapat hingga kini, mengadakan pelayarannya hingga ke Patani, Teluk Siam, Bangkok, Khmer dan Saigon serta kawasan-kawasan di selatan seperti ke Siantan, Riau, Inderagiri dan Sambas kerana menjalankan perniagaan mereka. Barang-barang dagangan yang diperniagakan termasuklah beras, garam, benang-benang tenun, rempah-rempah, tempayang dan sebagainya. Dari kesan-kesan yang masih terdapat di Kuala Terengganu menunjukkan, mereka yang telah melibatkan diri di dalam pelayaran tersebut terdiri dari penduduk-penduduk yang tinggal di persekitaran Sungai Kuala Terengganu seperti Pulau Duyung, Losong, Seberang Takir, Pulau Rusa dan pelayar-pelayar di Kuala Terengganu sendiri.

Di dalam konteks ini, dengan berlakunya perhubungan antara khususnya Terengganu dengan Campa dan Khmer telah membuka jalan kepada kemasukan Islam ke negeri itu. Dapatlah difahamkan bahawa di dalam masa tersebut pedagang-pedagang yang sifatnya sebagai mubaligh-mubaligh sama ada secara langsung atau melalui pelabuhan-pelabuhan yang menjadi jaringan perhubungan dengan Terengganu di samping menjalankan perniagaan telah menyebarkan Islam ke negeri tersebut. Kuala Brang tempat pertama menerima Islam di suatu masa dahulu menurut kenyataan di dalam buku Ling-wai Tai-ta (Bab 2) yang menyebutnya (Fo-lo-an) memangnya menjadi pelabuhan yang terkenal dan pernah terletak di bawah kerajaan Sriwijaya. Kemungkinan dari sejak zaman itu juga perhubungan sedemikian berlaku dengan negeri-negeri di Asia Tenggara seperti Khmer, Campa dan Kemboja. Sebagai buktinya hasil dari perhubungan Terengganu dengan terutama orang-orang Campa yang berketurunan Melayu itu telah meninggalkan pengaruh ke atas seni pertukangan tangan di Terengganu seperti pertukangan emas, perak dan besi, tenun-menenun dan anyam menganyam. Pengaruh ini mungkin berlaku sebelum dari kedatangan Islam lagi, tetapi kesan dari pengaruh Islam menunjukkan komuniti Melayu yang beragama Islam di Kemboja itu boleh menulis dan membaca jawi yang mana tulisan tersebut jugalah terakam pada Batu Bersurat Terengganu. Iaitu tulisan yang tertua pernah diketemui hingga kini. Walaupun pengisian Terengganu dilihat dari jaringan sejarahnya lebih munasabah bertalian dengan pengisian sebuah kerajaan Melayu tuo di utara yang terkenal dengan kerajaan Campa, tetapi tidaklah dapat dipisahkan pertaliannya dengan kawasan-kawasan yang lain terutamanya di Kepulauan Melayu, lantaran sejak dari abad ke (3/8) hingga abad ke (11/17) pedagang-pedagang Islam dari Asia Barat menguasai perhubungan dagang di timur di samping menjalankan kegiatan dakwah. Melihat kepada

sejarah sebelumnya yang dipengaruhi animisma dan Hindu-Buddha yang berasaskan takhyul kedewaan dan pemujaan yang lebih bersifat seni dari kefalsafahan kepada kepercayaan Islam yang bersifat intelektual, rasional, saintifik dan falsafah.<sup>8</sup> Tulisan jawi itu sendiri merupakan tulisan Melayu Islam dan menjadi kunci yang dengannya orang-orang Melayu dapat meneroka khazanah ilmu pengetahuan keislaman. Bahkan menerusi Islam, bahasa Melayu yang telah dipraktikkan di dalam bidang penulisan menerusi tulisan jawi dan lisan mampu membicarakan soal-soal falsafah, metaphizik, teologi, perundangan dan soal-soal kenegaraan.<sup>9</sup> Bukti-bukti hingga kini masih dapat dipersaksikan dari kitab-kitab yang telah hasilkan oleh ulama-ulama tempatan yang menguasai bidang-bidang di atas. Menerusi Islamlah juga bahasa Melayu telah muncul menjadi bahasa pengantar di Kepulauan Melayu dan menimbulkan rasa kesatuan di kalangan mereka.<sup>10</sup>

Negeri Terengganu bukan saja setakat menjadi negeri yang pertama menerima tulisan jawi, tetapi membuktikan penggunaan dan memperkembangkannya menerusi perkembangan agama Islam di negeri itu sehingga ke pertengahan abad ke (13/19). Abdullah Munshi dalam lawatannya ke negeri itu mengagumi keindahan tulisan jawi/Arab Terengganu dan keelokkan bacaan Qurannya. Mungkin boleh ditimbulkan persoalan, mengapakah tulisan jawi pada permulaannya muncul di Terengganu, tetapi tidak di Capa, Samudra, Pasai atau di lain-lain bahagian kawasan yang mana bukti tarikh pengislamannya lebih awal dari Terengganu.<sup>11</sup>

---

rentetan inskripsi-inskripsi yang ditemui di Asia Tenggara yang membayangkan kehadiran mereka pada peringkat permulaan seperti di Phan Rang Campa (431/1039), Gresik, Jawa (475/1082), di Pasai (697/1297), di Terengganu (702/1303) dan di Jolo, Filipina (710/1310), maka dapatlah diambil kesimpulan bahawa sejak pedagang-pedagang Islam mengalihkan kegiatan mereka dari negeri China ke Asia Tenggara, maka bermula bertapaknya Islam di kawasan tersebut, khususnya di Alam Melayu. Oleh kerana kegiatan perniagaan dan dakwah mereka begitu meluas pada masa itu, maka bolehlah dikatakan pengaruh pengislamahan yang tiba pada peringkat permulaan ke tempat-tempat di atas adalah kait-mengait. Pada peringkat yang lain pula pertautan pengaruh antara Pasai, Melaka, Aceh dan Jawa memperluaskan perkembangan Islam ke seluruh Alam Melayu. Sila lihat G.R. Tibbets, M.A.A.L.A., Early Muslim Traders in South East Asia", *JMBRAS*, Vol. 30, Pt. I, 1962, hlm. 2—42.

Nik Mohamed Salleh, "Campa Negeri Melayu Tertua di Dunia," *Berita Minggu*, 4, 11 dan 18 Mei, 1975, hlm. 6.

G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur — Singapore, 1968; hlm. 124—316.

M.C.F. Sheppard, "A Short History of Trengganu", *JMBRAS*, Vol. XXII, Pt. III, June, 1949, hlm. 3. C.A. Gibson Hill, "Cargo Boats of the East Coast of Malaya", *JMBRAS*, Vol. XXII, Pt. III, 1949, hlm. 106.

Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Pustaka Ilmu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 69.

Lihat juga B. Lewis (eds.), *The Encyclopaedia of Islam*, Vol. III, E.J. Brill, Luzac & Co. London, 1971, hlm. 128—1221.

8 Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay — Indonesian Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 5—6.

9 Syed Muhammad Naguib al-Attas, "Nilai-nilai Kebudayaan Dalam Bahasa dan Kesusasteraan Melayu", dalam *Asas Kebudayaan Kebangsaan*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 131.

10 Ibid., hlm. 132—133.

11 Berhubung dengan pengislamahan Samudra-Pasai selain dari bukti pengislamannya pada (697/1297) yang didasarkan pada tarikh yang tercatat pada batu nisan Sultan Maliku's-Salih terdapat dua bukti yang lain yang menunjukkan tarikh pengislamannya lebih awal dari itu. Marco Polo yang di dalam pengembaramanya pernah singgah di Sumatera (692/1292) menyebutkan Perlec yang tidak berjauhan dari Samudra-Pasai telah menerima Islam pada masa itu, tetapi berdasarkan pada berita China yang disebut oleh Yuan Shih bahawa satu misi Cina yang dalam perjalanan pulang dari Ma'bar di Koromandal pada tahun (681/1282) telah dijemput singgah di Sa-mu-tu-la. Misi ini diberi sambutan oleh raja yang

Terjadinya keadaan yang sedemikian kerana terdapatnya perbezaan pengaruh yang diterima oleh kawasan-kawasan tersebut. Sebagai contohnya Campa, Samudra-Pasai dan Terengganu adalah merupakan negeri-negeri Melayu yang tua dan maklumat mengenainya terdapat di dalam catatan-catatan lama mengenainya.<sup>12</sup> Namun begitu kawasan-kawasan tersebut berbeza di dalam menerima pengaruh luar. Campa sejak wujudnya kerajaan Melayu di sana dari tahun 192M hingga tibanya Islam (431/1039) amat tebal dengan pengaruh Hindu, demikian halnya dengan negeri Samudra-Pasai, sebelum menerima Islam negeri tersebut pernah terletak di bawah kerajaan Sriwijaya yang berpusat di Palembang dan kemudiannya Jambi dari abad ke (1/7) hingga ke (5/12).<sup>13</sup> Dari sini dapatlah difahamkan seperti di Campa atau di Samudra-Pasai sebelum ketibaan Islam kedua-duanya kuat dipengaruhi Hindu. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan candi-candi yang terdapat di Capa dan pengaruh Hindu-Buddha yang kekal di hari ini. Bukti tibanya Islam ke negeri itu yang didasarkan pada inskripsi di Phan Kang

telah menghantar dua orang menterinya membawa misi ke negeri China; seorang bernama Hasan dan seorang lagi bernama Sulayman. Berdasarkan nama-nama Islam ini, maka nyatahal sekurang-kurangnya sejak tahun (681/1282) Sumatera telah menerima Islam.

- Lihat: A.H. Hill, "Hikayat Raja-Raja Pasai", *JMBRAS*, Vol. XXXIII, Pt. 2, 1960, hlm. 8, 9, 11.  
 12 Catatan mengenai Pasai yang terawal terdapat di dalam rekod Mongol yang mengatakan pada tahun (708/1309) tiga orang perutusan telah dihantar dari negeri China ke Ciampa (Campa), Puh-lin-pa (Palembang) dan Pah-sih (Pasai). Kenyataan mengenai Sumatera sebagaimana di atas terdapat sejak (681/1282). Kenyataan ini disebut pula oleh Ibn Battutah dalam lawatannya ke sana pada (746—7/1345—6).

Manakala mengenai Terengganu dicatat oleh Tschau Jou Kui dalam catatannya dalam tahun (622/1225) menyebut Tong-ya-nong dan Ki-lan-tan adalah dua buah pelabuhan yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu dan kedua-duanya di bawah pemerintahan kerajaan Sriwijaya. Pelliot pula menyebut (1904 Vol. 4, p. 344) beberapa versi catatan China yang mencatat nama Terengganu seperti catatan yang berjudul *Hai Kou Wen Kien Lou* yang menyebut Terengganu sebagai Ting-ko-nou; dari catatan berjudul *Ying Honan Tche Lio* yang menyebut Terengganu sebagai Ting-ko-lou dan Ting-kia-lou. Dari bahan berjudul *Hai Lou* menyebut Terengganu sebagai Ting-kia-lo. Kenyataan ini boleh dirujuk kepada bahan yang berjudul *Hai Sui Shih* yang dihimpunkan oleh Yeh T'ing-Kuei dalam tahun (543/1149).

Manakala kenyataan mengenai Kuala Brang tempat di mana diketemui Batu Bersurat Terengganu itu terdapat di dalam catatan lama Cao Cu-fei yang mengarang buku *Ling-wai Tai-ts* pada tahun (573/1178), beliau menyebutnya Foloan. Paul Wheatley berkenderungan mengatakan yang Foloan itu ialah Kuala Brang. Beliau menterjemahkannya dari bahasa Cina ke bahasa Inggeris sebagaimana berikut:

The Kingdom of Fo-lo-an can be reached in four days from Ling-ya-tsü-chia; one can also travel by land. Two Buddhas flew into this country, one with six, the other with four, arms, when pirate ships are about to enter the region they are inevitably driven back by the wind. This is popularly ascribed to the influence of the Buddhas. The Buddhist temples are tiled with bronze and ornamented with gold. Each year the full moon of the sixth month is kept as the Buddha's birthday, with processions, music, and cymbals. Foreign merchants take part in the celebrations. Indigenous products include su and chan (varieties of gharu-wood), laka wood, sandalwood, ivory and suchlike, for which foreigners barter, gold, silver, porcelain, iron, lacquer-ware, wine, rice, sugar and wheat, yearly (Fo-lo-an) offers tribute to San-fo-ch'i. It (Fo-lo-an) adjoins P'eng-feng (Pahang) Teng-ya-nung (Terengganu) and Chi-lan-tan (Kelantan) are of the similar character.

Coedes juga nampaknya bersetuju dengan pendapat Paul Wheatley yang memaksudkan Foloan itu ialah Kuala Brang.

(Lihat: Nik Mohamed Salieh, loc. cit.; A.H. Hill, op. cit., hlm. 9, 8, 14; Ibn Battutah, *Travels in Asia and Africa 1325—1354*, (Terjemahan H.A.R. Gibb), George Routledge, London, 1929, hlm. 274; Lihat juga Sheppard, op. cit., hlm. 2; Lihat juga Wheatley, op. cit., hlm. 68—69; Lihat juga Coedes, op. cit., hlm. 184).

- 13 Dari berita yang dilaporkan oleh I Ching mengenai pelayarannya dari negeri China ke India pada tahun (52/670), menyatakan di Fo-shih kota Sriwijaya ketika itu didapati lebih dari 7 ribu sami Buddha belajar di sana. Ia sendiri singgah di situ untuk mempelajari bahasa Sanskrit selama 6 bulan sebelum ke India. (Lihat Coedes, op. cit., hlm. 79—80).

(431/1039) adalah bertulisan Arab, dalam erti kata yang lain belum timbul lagi tulisan jawi di situ pada masa itu dan anak tempatan berkebiasaan menggunakan tulisan Sanskrit yang diketahui diguna di negeri itu sejak abad ke 4M.<sup>14</sup> Demikianlah dengan inskripsi-inskripsi yang lain seperti di Gresik, Jawa (475/1082) dan di Jolo, Filipina (710/1310) bertulisan Arab, membangunkan memangnya tulisan jawi belum diperkenalkan di tempat-tempat tersebut. Di Sumatera pula tulisan Sanskrit memang telah digunakan di sana di zaman kerajaan Sriwijaya. Inskripsi-inskripsi yang diketemui seperti Inskripsi Kedukan Bukit yang dijumpai di kaki Bukit Seguntang (61/683), Talang Tuwo (62/684), Karang Brahi (64/686) dan Kota Kapur (64/686) adalah inskripsi-inskripsi yang bertulisan Sanskrit. Walaupun sesudah ketibaan Islam (681/1282) tulisan tersebut nampaknya terus digunakan. Sebuah inskripsi yang diketemui di Minye Tujuh bertarikh (782/1380), walaupun isinya menceritakan tentang seorang Raja bernama Imam Warda yang terang-terang mengandungi unsur-unsur Islam, ditulis dalam bentuk upajati (bukan syair) namun inskripsi tersebut masih tertulis dengan tulisan Sanskrit.<sup>15</sup> Keadaan ini nampaknya berlainan dari Terengganu, walaupun ianya pernah termasuk di bawah kerajaan Sriwijaya dan disebut oleh Cao Cu-fei tentang terdapatnya berhala berunsur Buddha di sana, tetapi sudah tentulah tidak setebal pengaruh Hindu/Buddha di Campa atau di Sumatera. Oleh kerana yang demikian Terengganu lebih terbuka untuk menerima kaedah ejaan baru yang diperkenalkan oleh Islam yang kemudiannya dikenal dengan tulisan jawi. Lantaran sedemikian, maka tulisan tersebut lahir di Terengganu.

Secara logiknya, sebelum kemunculan tulisan jawi di Terengganu, sekurang-kurangnya memang sudah ada sedikit ruang waktu di dalam mana ianya memberi kesempatan kepada pengikut-pengikut Islam mempelajari soal selok-belok mengenai Islam dan berkenalan dengan huruf Arab hingga membuatkan penyesuaian yang melahirkan tulisan jawi. Dalam erti kata yang lain, terdirinya Batu Bersurat Terengganu menandakan yang negeri itu sudah menerima Islam dan bukan bererti pada hari didirikan Batu Bersurat itu masa tibanya Islam ke sana, kerana kemungkinan tibanya Islam ke negeri itu lebih awal sedikit dari tarikh Batu Bersurat itu.<sup>16</sup>

Jadi sebelum terdirinya Batu Bersurat Terengganu, telah timbul usaha bukan saja dalam memperkenalkan hukum-hukum Islam, tetapi mengajar mempersesuaikan huruf-huruf Arab-Parsi kepada ejaan jawi, khususnya kepada kalangan pihak istana dan kalangan atasan di masa itu, hal ini lebih menyenangkan, kerana di dalam pengajaran mengenai hal-hal agama Islam itu lebih sukar jika diperturunkan melalui tulisan yang lain — Sanskrit umpamanya, sedangkan dengan tulisan jawi mendekatkan kepada sumber Islam dengan ini lebih menyenangkan penyerapan istilah-istilah.

<sup>14</sup> Ibid., hlm. 48.

<sup>15</sup> W.F. Stutterheim, "A Malay Sha'ir in Old Sumatran Characters of 1380 A.D.", *Acta Orientalia*, Vol. XIV, 1936, hlm. 268—279. Lihat juga Syed Naguib al-Attas, *The Origin of the Malay Sha'ir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 17—18.

<sup>16</sup> Menurut kajian Profesor Dr. Syed Muhammad Naguib al-Attas, tarikh didirikan Batu Bersurat Terengganu yang jatuhnya pada hari Jumaat 4 Rejab, 702 bersamaan 22 Februari, 1303 itu merupakan suatu tarikh pilihan yang ada kaitannya dengan peristiwa sejarah yang penting yang berlaku pada bulan itu; iaitu peristiwa Israk dan Mikraj bagi Nabi Besar Muhammad (s.a.w.). Lihat: Al-Attas, *The Correct Date of the Trenggenu Inscription*, hlm. 24.

Di dalam perkembangan Islam baik di mana-mana jua pun, penyuluhan yang menjadi panduan penting kepada penganut-penganutnya ialah al-Qurān, pendek kata al-Qurān dan penganut-penganut Islam tidak dapat dipisahkan. Apabila seseorang individu menerima Islam, maka untuk menunaikan perintah Tuhan terutamanya seperti sembahyang dengan sendirinya ia dikehendaki mempelajari al-Qurān. Melalui pengajian al-Qurān penuntut-penuntut berkenalan dengan huruf-huruf Arab/jawi. Dari sini pula cara ejaan dan bacaan huruf-huruf Arab tadi diterap dan disesuaikan pula kepada ejaan bagi perkataan-perkataan Melayu. Sebab itu kalau kita melihat kepada ejaan tulisan Melayu lama sangat mendekati cara ejaan al-Qurān (Arab) yang mendasarkan sebutan huruf-huruf berdasarkan baris-baris sebagaimana contohnya banyak terdapat pada tulisan-tulisan jawi lama, misalnya ejaan aku, kamu atau kami, maka, hati, bagi, kata dan sebagainya dieja sebagaimana berikut:

كَتا ، بَك ، هَات ، مَك ، كَام ، أَك

Perluasan kaedah tulisan jawi ini tidak lari dari asas-asas ejaan yang berdasarkan kepada empat jenis baris, iaitu fathah ـ (baris di atas), dammah ـ (baris di hadapan), kasrah ـ (baris di bawah), dan suku ـ (baris mati).<sup>17</sup> Sebagai contohnya jika tulisan jawi hendak ditarikkan, maka ia akan mirip kepada tulisan al-Qurān. Di sini diperturunkan sebahagian dari tulisan jawi pada Batu Bersurat Terengganu sebagai tulisan jawi yang tertua diketahui hingga kini dengan memakai baris:

رَسُولُ اللهِ دَعْنَ يَعْ أُورَعْ صَحَّاَيِيْ مَرِينَكْ سَكَلِينَ  
أَسَافَدَا دِيُوتَ مُلِيَّارَايِيْ بِرِيْ هَمْبَا مَنْكَهْكَنْ أَكَامَا  
إِسْلَمْ دَعْنَ بَرْ بَچَارَادَرْمَا مَرْقَسَا بَكِيْ سَكَلِينَ هَمْبَا  
دِيُوتَ مُلِيَّارَايِيْ دِبِسُو أَكُوَانِنْ فَنَنْتُو أَكَامَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى  
اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَاجَاهَمَنْدَلِيَكَا يَعْ بَرْ بَچَارَاسَبَلَهِ دِيُوتَ  
مُلِيَّارَايِيْ دَوَالَمْ .

Tetapi sebagaimana di dalam bahasa Arab, berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang difahami dan telah menjadi kebiasaan, maka baris-baris sedemikian tidak diadakan.

Melihat kepada tulisan pada Batu Bersurat Terengganu di atas, pada peringkat permulaan ini, nampaknya ejaannya sengaja mengikuti sebutan asal bahasa Melayu dalam mana penulisannya banyak memakai huruf-huruf

<sup>17</sup> Adapun tanwin bagi ketiga-tiga jenis harakah (baris) di atas di dalam ejaan jawi di hujungnya digantikan dengan nun yang mati. Biasanya sebelum nun mati yang datang selepas baris hadapan atau di bawah ditambah dengan huruf saksi wau dan ya'. Contohnya ejaan **فَتَ** dieja dengan **فَتْ**, ejaan **جَائِلَنْ** dieja dengan **جَائِلَنْ** dan ejaan **جَاءَنْ** dieja dengan **جَاءَنْ**.

saksi, tetapi di dalam perkembangannya selepas mengalami kebiasaan, ianya menjadi semakin mirip kepada ejaan Arab dalam mana ejaannya menjadi semakin ringkas berdasarkan baris-baris ejaan yang difahamkan.<sup>18</sup> Setengah dari ejaan-ejaan di atas, di dalam kitab-kitab lama berubah menjadi sedemikian:

Ejaan Batu Bersurat	Ejaan Kitab
اورغ	أُرْغ
اسا	أَس
فدا	فَد
مليا	مَلِي
همبـا	هَمْبَـ
اكامـا	أَكْمـ
بـچارـا	بـچـرـا
بـکـنـى	بـكـ
کـو	كـ
فـنتـو	فـنـتـ
رـاجـا	رـاجـ

Pada peringkat permulaan, perkembangan tulisan jawi di kalangan awam melalui pengajian al-Qur'an dan pengajian agama adalah menerusi masjid-masjid, surau-surau, langgar-langgar, balai-balai, madrasah-madrasah atau rumah-rumah tertentu. Darinya terbentuklah institusi Tok Guru yang biasanya dikendalikan oleh imam, atau mereka yang ada kaitannya dengan pengajaran agama. Sistem pengajian al-Qur'an dan agama di rumah-rumah Tok Guru yang terdapat — terutamanya di kampung-kampung hingga kini

<sup>18</sup> Ejaan sekarang bolehlah dikatakan ejaan yang *disstandarifkan* berdasarkan fahaman dan pengalaman campuran dari asas-asas sebutan dan ejaan yang didasarkan kepada baris-baris. Apa yang agak menarik, proses perubahan tulisan jawi di kebelakangan ini pun mengalami apa yang berlaku pada zaman permulaannya. Umpamanya di dalam mencari ejaan *standard* bagi tulisan tersebut ada pihak-pihak tertentu mahu mengembalikan ejaan jawi betul-betul berdasarkan ketetapan baris-baris secara ringkas. Sebaliknya pihak yang lain mau mengembalikannya kepada sebutan asal yang mana baris hendaklah mengikut sebutan. Lihat: Raja Mukhtaruddin Dain, "Sistem Baharu Tulisan Jawi: Satu Usul", *Dewan Bahasa*, Jil. XVI, Bil. 7 Julai, 1972, hlm. 309—312. Lihat juga: Shafie Abu Bakar, "Sistem Baru Tulisan Jawi oleh Raja Mukhtaruddin: Satu Pandangan", *Dewan Bahasa*, Jil. XVI, Bil. 11 November, 1972, hlm. 491—495. Lihat juga, Rencana Pengarang, "Tulisan Jawi Dengan Sistem Fonetik", Dian (Edisi Jawi), Bil. 30, Tahun IX, 1970, Syarikat Dian Sdn. Berhad, Kota Bharu, hlm. 1—4.

adalah warisan dari cara pendidikan di peringkat awal. Di zaman tradisi sistem pendidikan sedemikian memainkan peranan yang penting di dalam mendidik anak-anak.

Dapatlah dibuat andaian perkembangan tulisan jawi yang mula diperkenalkan di Terengganu ini, secara sengaja diperkembangkan juga di tempat-tempat di mana Islam bertapak di Alam Melayu seperti di Pasai, Patani dan Campa melalui istana-istana dipelajari oleh pembesar-pembesar dan kemudiannya meluas di kalangan rakyat jelata. Di Terengganu difahamkan dari keterangan di atas sejak kedatangan Islam ke sana sudah wujud bentuk-bentuk institusi pengajian di sana. Berdasarkan kepada Batu Bersurat Terengganu terbukti pada peringkat pertama konsep ketuhanan telah diperkenalkan melalui istilah ‘Dewata Mulia Raya’<sup>19</sup> yang dimaksudkan kepada Tuhan (Allah) dan kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w.). Berikut dengan pengenalan konsep ini diperkenalkan hukum hakam yang berkait dengan ilmu fiqh. Bukti ini jelas pada Batu Bersurat Terengganu di mana dicatatkan hukum-hukum terhadap orang berzina dan berhutang-piutang.

Dari keterangan di atas pula dapatlah dibuat andaian, dengan kedatangan agama Islam ke Terengganu, suasana pemerintahan di negeri itu yang terletak di bawah pemerintahan Raja Mandalika dari dinasti Telanai dan keturunannya mengalami perubahan yang diperseuaikan dengan hukum Islam. Di Samudra-Pasai misalnya selepas negeri tersebut menerima Islam negeri itu digelar dengan negeri “Darul-Islam”<sup>20</sup> yang bererti negeri Islam dan berusaha menjalankan hukuman menurut perintah Allah.<sup>21</sup> Sultannya pula diberi gelaran menurut gelaran Islam iaitu, Shah ‘Alam Zillu’Llah fi'l-‘Alam,<sup>22</sup> yakni bayangan Allah di muka bumi ini. Jawatan menterinya pula diadakan yang menepati gelaran wazir di dalam bahasa Arab. Keadaan seperti ini juga dapatlah dikatakan berlaku di Terengganu. Gelaran yang terkenal bagi negeri itu hingga sekarang ini ialah “Darul-Imān” yang bererti negeri yang beriman, hingga kini tiada siapa dapat menentukan bilakah bermulanya diberi gelaran tersebut. Berdasarkan kepada apa yang berlaku di Pasai, dan bersesuaian dengan negeri itu sebagai negeri yang awal menerima Islam, maka besar kemungkinan yang gelaran ini telah diberi kepada negeri Terengganu sejak permulaan negeri itu menerima Islam. Sebagaimana di Pasai, berusaha menjalankan hukuman Allah selepas Islam, berdasarkan kandungan pada Batu Bersurat Terengganu, maka demikianlah halnya berlaku di negeri tersebut. Walaupun tidak diketahui bagaimanakah gelaran dan jawatan pembesar-pembesar selepas negeri itu menerima Islam, tetapi bolehlah dianggarkan tidak berjauhan dengan apa yang berlaku di Pasai. Di dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* terdapat gelaran Megat seperti Megat Iskandar dan

19 Istilah ini walaupun berasal dari perkataan Sanskrit, tetapi ianya mencerminkan konsep Islam yang diterjemah secara literary daripada perkataan “Rabbu'l-'Alamin” — bukannya konsep Hindu.

20 A.H. Hill, op. cit., hlm. 58, 59, 60, 61, 64, 64, 70. Lihat juga B. Lewis (eds.) *The Encyclopaedia of Islam*, Vol. II, E.J. Brill Leiden — Lu Zac & Co., London, 1965, hlm. 127.

21 Selepas ditabalkan Sultan Maliku's-Salih, baginda mengingatkan para menterinya (Sayid Asmayu'd-Din dan Sayid 'Ali Chiatu'd-Din) supaya menjalankan hukuman Allah dan mengingatkan mereka dengan firman Tuhan: 50 : وَمَن لَمْ يَعْمِلْ بِمَا أُنزَلَ لَهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ - الْأَنْعَمُ . ٥٠ yang bererti: Dan barang siapa tidak menghukum dengan hukuman yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang kafir. Lihat A.H. Hill, op. cit., hlm. 65.

22 Ibid.

Megat Kedah.<sup>23</sup> Gelaran seperti ini juga diberi kepada Parameswara setelah baginda menerima Islam dan menjadi Sultan Melaka yang pertama dengan gelaran Islamnya Sultan Megat.<sup>24</sup> Menurut A.H. Hill gelaran Megat ini ternyata tercipta selepas kedatangan Islam dan bermulanya dari Pasai, kemudian gelaran ini ikut dipakai di Kedah<sup>25</sup> dan Melaka yang membuktikan kedua-dua negeri itu pernah dipengaruhi Pasai.<sup>26</sup> Tetapi nampaknya gelaran tersebut tidak saja dipakai oleh ketiga-tiga buah negeri itu, bahkan ianya terdapat juga di Terengganu. Anak-anak raja dari dinasti Telanai<sup>27</sup> di negeri ini diberi gelaran Megat. Misalnya cucu Tun Telanai Terengganu yang menyelamatkan diri ke Melaka selepas datuknya dibunuh bernama Megat Sulaiman, Megat Hamzah dan Megat Omar.<sup>28</sup>

Bagaimanakah kedudukan pentadbiran di Terengganu khususnya selepas negeri tersebut diambil alih pemerintahannya oleh Sri Akar dan keturunannya hingga kepada masa perlantikan Sultan Zainal Abidin I yang berketurunan dari Tun Abdul Majid Johor (saudara kepada Tun Abdul Jalil (1131—1213/1719—1799), sultan Johor yang pertama dari keturunan Bendahara) nampaknya begitu kabur. Yang nyata dalam jangka masa antara kedua pemerintahan ini (keturunan Sri Akar Diraja dan Sultan Zainal Abidin I) Terengganu adalah di bawah pemerintahan pembesar-pembesar tempatan

23 Ibid., hlm. 53.

24 Menurut *Sejarah Melayu*, raja pertama memeluk agama Islam ialah Raja Kecil Besar, cicit kepada Raja Iskandar, bergelar selepas Islamnya Sultan Muhammad. (Ibid., hlm. 24. Lihat juga *Sejarah Melayu*, edisi W.C. Shellabear, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 71—72).

25 Gelaran yang diberi ialah Megat Kedah. Lihat Hill, op. cit., hlm. 53.

26 Misalnya Sultan Iskandar Shah Melaka berkawin dengan puteri Raja Pasai dan negeri Kedah pula, berdasarkan syariah yang terdapat pada sebuah inskripsi di Minye Tujuh mengatakan yang Kedah pernah termasuk di bawah pemerintahan Pasai. (Ibid., hlm. 24. Lihat Stutterheim, loc. cit.).

27 Berhubung dengan gelaran Telanai ini penggunaannya terdapat di beberapa tempat. F.M. Schnitger di dalam bukunya berjudul *Forgotten Kingdom of Sumatra* menyebut seorang dari Raja Jambi terdapat memakai gelaran Sultan Telanai. Gelaran seperti ini juga terdapat pada patung Buddha di Selatan Thai yang didirikan pada tahun (581/1186). Di dalam Sejarah Melayu cerita ketiga terdapat gelaran tersebut tiga kali. Gelaran ini diberi kepada anak Demang Lebar Daun yang dirajakan di Bentan dengan gelaran Tun Telanai. Gelaran Tun Telanai juga dipakai oleh anak Bendahara Paduka Raja Melaka yang diutus ke Siam dan juga ke China. Dari bukti-bukti di atas Sheppard membuat telahan berkemungkinan bahawa gelaran tersebut pada mulanya dipakai di Terengganu sebelum kerajaan Sriwijaya memindahkan pusat pemerintahannya dari Jawa ke Sumatera pada kurun ke (2/8). Gelaran yang tercipta di Timur Laut Melayu itu diguna di Sumatera, kemudian gelaran ini pula diberi oleh Demang Lebar Daun kepada Sri Tri Buana (Sang Nila Utama) pemerintah Temasek. Berhubung dengan Dinasti Telanai Terengganu, keturunan ini diketahui memerintah di negeri itu semenjak Raja Mandala, raja pertama memeluk Islam di Terengganu. Dinasti ini berterusan hingga tahun (883/1478) setelah berlakunya tragedi yang menyayat dalam mana Tun Telanai Raja yang memerintah pada masa itu dan sebahagian dari keturunannya telah dibunuh oleh Sri Akar Diraja anak Sri Bija Diraja, hububang Pahang yang telah diperintah oleh Sultan Muhammad (bergelar Sultan Mahmud) yang telah merampas takhta kerajaan Pahang dan menderha terhadap Melaka. Tindakan ini diambil oleh kerana Pahang mahu Terengganu menumpukan kesetiaan kepadaanya, tetapi tidak kepada Melaka. (Terengganu telah bertuankannya sejak Sultan Muhammad Shah (793—817/1390—1414) lagi. Pada masa pemerintahan Tun Telanai beliau telah melawat Melaka pada awal tahun (883/1478) untuk mempersembahkan taat setia kepada Sultan Ala'u'd-Din Ri'ayat Shah (882—893/1477—1488) yang memerintah pada masa itu). Setelah Tun Telanai dibunuh Sri Akar Diraja dilantik menjadi pemerintah Terengganu oleh Sultan Muhammad Pahang, pemerintahan ini kemudiannya diteruskan oleh keturunannya. (Lihat Sheppard, op. cit., hlm. 3—4. Lihat juga *Sejarah Melayu*, hlm. 37, 102, 125—126, 173).

28 Cerita berkenaan Megat ini terdapat juga di dalam *Hikayat Hang Tuah* menceritakan pertikaian Hang Tuah dengan Megat Panji Alam yang tewas kerana mempertahankan tunangnya dari diambil Hang Tuah untuk dipersembahkan kepada Raja Melaka. Lihat *Sejarah Melayu*, op. cit., hlm. 174. Lihat *Hikayat Hang Tuah*, (Selenggaraan Kassim Ahmad), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 208—214.

yang antaranya dari keturunan Megat.<sup>29</sup> Tetapi di dalam masa tersebut pengajian keagamaan giat berlaku di Terengganu. Antara bukti-buktinya, pada penghujung abad ke (11/16) tiba di Hulu Terengganu seorang ulama bernama Sharif Muhammad<sup>30</sup> menyebarkan ilmu pengetahuan di sana. Kedatangannya ini bertalian dengan kedatangan beberapa orang ulama penting<sup>31</sup> dari Asia Barat menyebarkan ilmu pengetahuan di negeri Aceh yang pada masa itu sedang muncul menjadi sebuah negeri Melayu yang terkuat kedudukannya dan mulai pesat dengan perkembangan ilmu pengetahuan. Pada masa yang sama negeri Terengganu pula banyak menerima kemasukan pelarian-pelarian politik dari Johor yang tergolong dari kalangan intelek pada masa itu. Keadaan ini berlaku bertalian dengan kekalahan Melaka di tangan Portugis (916/1511). Sultan Mahmud yang diburu Portugis terpaksa melarikan diri selepas gagal untuk menawan kembali Melaka. Baginda terpaksa berpindah ke Muar, Pahang, Bentan dan Kampar yang akhirnya meninggal dunia di sana (934/1528). Selepas itu pusat pemerintahan raja yang berketurunan dari Melaka itu berpindah ke Johor di bawah pemerintahan Sultan Alá'uddín Ri'ayat Shah. Tetapi konfrontasi dengan Portugis tidak berhenti begitu sahaja, sebaliknya, negeri Johor berkali-kali menyerang Melaka pada tahun-tahun (939/1533), (996/1587), namun setiap kali ianya menyerang kembali dipukul mundur oleh Portugis, bahkan akibat dari serangan secara besar-besaran oleh Johor dengan

29 Mengapa pemerintahan Terengganu bertukar kembali dari keturunan Sri Akar Diraja kepada keturunan Megat yang berasal dari keturunan Telanai tidaklah diketahui dengan nyata, tetapi berkemungkinan besar mereka tidak diterima oleh pembesar-pembesar dan rakyat negeri Terengganu oleh kerana kekuasaan mereka ditegak dengan cara kekerasan, apalagi dengan membunuh raja mereka dan keluarganya, keturunan yang telah memerintah Terengganu berabad-abad lamanya dengan secara kejam sekali. Dapatlah dijangka memang pada mulanya, oleh kerana dengan secara kekerasan rakyat Terengganu menerima pemerintahan Sri Akar Diraja, tetapi selepasnya keturunannya tidak mendapat taat setia dari rakyat, kerana selain dari secara paksaan, mereka sebenarnya mewaris arahan Raja Pahang (Sultan Muhammad) yang derhaka kerana membunuh anak Tun Perak sebelum tersingkir ke Pahang. Lanjaran itulah Tun Telanai lebih rela menumpukan taat setianya ke Melaka dari Pahang. Kesetiaan Terengganu yang tidak berbebas bagi ini terus berlaku apabila warisan kerajaan Melaka berpindah ke Johor-Riau. Kemudian negeri Terengganu yang sejak lama diperintah oleh pembesar-pembesar tempatan itu dengan senang hati pula menerima perlantikan sultan yang baru (Zainal Abidin I) yang berketurunan Bendahara Johor.

30 Beliau berasal dari Baghdad, menetap di Ulu Terengganu dan meninggal di Kampung Batu Belah, tidak jauh dari Kuala Brang, kuburnya masih kedapatan di sana. Menurut Misbah Ulama tersebut berasal dari Hadramaut. (Lihat Muhammad Saleh bin Haji Awang, (Misbah), *Mengkaji Sejarah Terengganu*, Jil. I, Ahmadiyah Press, Singapura, 1954, hlm. 22–23).

31 Nuru'd-Din ar-Raniri yang datang ke Aceh (1047/1637), pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Thani (1045–1051/1636–1641) di dalam karangannya *Bustanu's-Salatin* menceritakan pada zaman pemerintahan Sultan Husin bin Sultan 'Ala'u'd-Din bergelar Sultan 'Ali Ri'ayat Shah (M.983/1575) datang seorang ulama dari Mekah bernama Muhammad Azhari yang bergelar Nuru'd-Din, berasal dari Mesir bermazhab Shafi'i. Beliau mengajar ilmu *ma'qul* di Aceh dan meninggal di sana. Pada zaman pemerintahan Sultan 'Ala'u-d-Din bin Sultan Ahmad (M.993/1585) yang berasal dari Perak ramai datang ulama ke negeri Aceh. Pada tahun (990/1582) dua orang ulama datang ke Aceh dari Mekah seorang bernama Shaykh Abu'l-Khayr bin Shaykh Ibu Hajar pengarang kitab *Sayfiu'l-Qati'* yang membicarakan berkenaan *a'yān thabitah* dan mengajar ilmu fiqh di Aceh. Berikutnya datang lagi seorang ulama bernama Shaykh Muhammad Yamani yang alim di dalam ilmu usul. Seterusnya tiba pula ulama dari Gujarat bernama Shaykh Muhammad Jayhani bin Hasan bin Muhammad Hamid berketurunan Quraysh, bermazhab Shafi'i dan berasal dari Ranir. Di Aceh beliau mengajar ilmu *manṭiq, ma'ani, bayan, badi', usul fiqh* dan juga *tasawuf*. Dari pengaruh penyebaran ilmu pengetahuan dari ulama-ulama yang sebagiannya sempat dirakamakan oleh sejarah inilah telah menimbulkan gerakan intelektual keislaman di Aceh yang tidak ada taranya di Alam Melayu pada abad ke (12/17). (Lihat Nuru'd-Din ar-Raniri, *Bustanu's-Salatin*, Bab (1–5), Nasikhah Universiti Malaya, Bab 2, fasal 11, hlm. 283–285).

dibantu oleh orang-orang Minangkabau, Naning dan Rembau, Portugis telah menyerang Johor lama dan memusnahkannya sama sekali.<sup>32</sup> Akibat dari pemusnahan berlakulah penghijrahan dari sana. Salah satu tempat menjadi pilihan bagi penghijrahan tersebut ialah negeri Terengganu. Pilihan ini dibuat ialah kerana negeri Terengganu terus menumpahkan kesetiaannya kepada warisan empayar Melaka, lagi pula negeri tersebut kedudukannya lebih jauh dari musuh, ia merupakan tempat perlindungan yang selamat, dan juga menerusi Hulu Terengganu mudah untuk berhubung dengan Pahang melalui Tembeling. Kesan-kesan dari pelarian ini masih kedapatan di Hulu Terengganu, banyak kuburan tua yang diketahui sebagai kuburan mereka, antaranya dikenali seperti kubur Tok Surat,<sup>33</sup> Tok Hidup dan Tok Pangini berhampiran dengan kubur Tok Gajah dari Pahang, terletak di suatu tempat tiga batu jauhnya ke darat Pasir Nering, Hulu Terengganu.<sup>34</sup>

Kesan perpindahan ini berlaku lagi kepada Terengganu apabila negeri Johor menukar polisinya cuba berbaik-baik dengan Portugis dan seterusnya membuat perjanjian persahabatan dengannya pada tahun 1019/1610. Perjanjian ini telah membangkitkan kemarahan kerajaan Aceh dan Patani. Akibatnya Aceh yang pada masa itu sedang berada di kemuncak keagungan di bawah pemerintahan Iskandar Muda Mahkota Alam (1016—1046/1607—1636) telah menyerang Johor (1023/1613) secara mengejut dan menawan Sultan Alā'uddīn Ri'ayat Shah (935—956/1529—1550M) dan keluarganya serta Tun Sri Lanang lalu dibawa ke Aceh. Tetapi apabila sultan dirajakan kembali dan beliau cuba berbaik kembali menyebabkan Aceh menyerangnya kembali (1028/1618) dan (1030/1620)<sup>35</sup> yang membawa kepada kehancuran Batu Sawar, ibu negeri pada masa itu. Dengan itu sekali lagi berlakunya penghijrahan yang kesannya juga sampai ke Terengganu.

Kesan dari perpindahan di atas dapatlah dibuat andaian bahawa negeri Terengganu yang telah mempunyai tradisi keagamaan yang lebih tua dari negeri-negeri yang lain itu, dengan kedatangan ulama menyebarluaskan pengetahuan Islam dan pelarian-pelarian politik yang berasal dari pembesar-pembesar dan kebiasaannya di dalam konteks di zaman tradisinya berpengetahuan keagamaan, maka dengan demikian bertambah lancarlah perkembangan ilmu pengetahuan keagamaan di sana. Sebagai buktinya berdasarkan kepada sebuah naskhah lama yang ditulis pada akhir abad ke (12/17) menyebut bahawa kalangan pembesar-pembesar pada masa itu yang setengahnya bergelar Datuk adalah dari kalangan mereka yang dalam pengetahuan agama, mereka ditanya dan turut memberi pendapat mengenai masalah-masalah agama.<sup>36</sup> Suatu golongan lagi yang dianggap berpengaruh pada masa itu ialah golongan sayid<sup>37</sup> yang ternyata sejak zaman tersebut ramai terdapat di Terengganu dan mereka dianggap lebih mengetahui soal-soal agama. Tidaklah dapat dinasikan gambaran yang terdapat pada akhir abad ke (12/17) di Terengganu ini sebenarnya juga mencerminkan keadaan

<sup>32</sup> Wilhelm G. Solheim II & Ernestene Green, "Johore Lama Excavations, 1960, Federation Museums Journal, Museums Department, States of Malaya, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 3.

<sup>33</sup> Gelaran tersebut diberi kerana pada nisan kuburannya terdapat tulisan (berbahasa Arab).

<sup>34</sup> Berita Minggu, 11 Ogos, 1974, 1974, hlm. 7.

<sup>35</sup> Sheppard, op. cit., hlm. 7.

<sup>36</sup> 'Abdu'l-Malik bin Abdullah, *Naqi*, Naskhah A, hlm. 9, 11—12, B, hlm. 14, 17.

<sup>37</sup> Ibid.

yang wujud sebelumnya.

Apa yang istimewa dari segi keagamaan di Terengganu pada abad ke (12/17) itu terdapat suatu jawatan khusus di dalam hal-hal mengeluarkan fatwa-fatwa keagamaan di negeri tersebut. Fungsinya adalah sebagaimana jawatan-jawatan mufti yang terdapat di negeri-negeri Melayu sekarang, tetapi pada masa itu orang yang bertanggungjawab di dalam jawatan ini tidak dipanggil mufti seperti sekarang ini, tetapi dipanggil 'Imām Fatawā'.<sup>38</sup> Bolehlah diambil kesimpulan bahawa jawatan Imam Fatawa ini telah wujud di Terengganu, jauh lebih awal dari abad ke (12/17) di samping jawatan-jawatan yang lain.<sup>39</sup> Dari sini pula boleh diambil kesimpulan bahawa orientasi keagamaan yang terdapat di tengah-tengah masyarakat di Terengganu pada masa itu adalah hasil didikan keagamaan dari institusi-institusi keagamaan yang wujud di Terengganu sebelumnya sama ada yang bersifat keistanaan ataupun menerusi masjid-masjid, surau-surau, langgar-langgar, balai-balai, madrasah-madrasah ataupun menerusi rumah-rumah orang perseorangan seperti imam, bilal dan tok-tok guru.

Menyentuh berkenaan dengan institusi-institusi pendidikan keagamaan ini, Aceh yang menjadi kuasa terkuat di Alam Melayu pada abad ke (12/17) dan gemilang dengan perkembangan ilmu pengetahuan itu telah meninggalkan pengaruh yang kuat terutamanya di dalam bidang ilmu pengetahuan keagamaan di Alam Melayu. Pada masa kekuasaannya meluas keluar dari Sumatera, ia bukan saja bertapak di Johor, malah dapat menguasai Pahang (1027/1617), Kedah (1029/1619) dan Perak (1030/1620). Dapatlah digalurkan, akibat perhubungan yang rapat antara Johor dan Terengganu dan berlakunya penghijrahan dari negeri Johor ke Terengganu, maka pengaruh penguasaan Aceh di Johor pada zaman kegemilangannya sampai juga kesannya ke Terengganu. Orang-orang Aceh bukan setakat menduduki Johor, tetapi juga tiba ke Terengganu. Di Pasir Nering yang kira-kira lima batu jauhnya dari Kuala Brang terdapat beberapa buah kuburan orang-orang Aceh yang letaknya tidak berapa jauh dari tepi Sungai Terengganu.<sup>40</sup> Bukti ini menunjukkan bahawa pada awal abad ke (12/17) Kuala Brang (Hulu Terengganu) tempat yang diketemui Batu Bersurat Terengganu masih lagi berfungsi sebagai pusat pemerintahan lantaran aliran ekonomi pada zaman tradisinya sangat bergantung pada Sungai Terengganu. Kedatangan orang-orang Aceh ke Kuala Brang pada masa keagungannya mungkin bukan sahaja berkaitan dengan perniagaan (membawa barang-barang dagangan) tetapi juga pengaruh ke Acehannya terutama sekali di dalam bidang ilmu keagamaan, khususnya ilmu *tasawuf* yang sedang berkembang pesat di negeri Aceh pada masa itu.<sup>41</sup> Terdapatnya naskhah-naskhah salinan tangan yang berasal dari karangan ulama Aceh<sup>42</sup> seperti risalah *Mukhtasar Pada Menyatakan Perbe-*

38 Ibid., Naskhah A, hlm. 11, B, hlm. 17, 18.

39 Tidaklah diketahui apakah jawatan-jawatan seperti Bendahara, Temenggung, Shahbandar, Penghulu Bendahara dan Laksamana dan jawatan-jawatan yang lebih rendah lagi sebagaimana wujud di Melaka itu wujud di Terengganu, tetapi semasa Terengganu di perintah oleh pembesar-pembesar, mereka menguasai kuala sungai tertentu yang dikenali sebagai Raja Anak Sungai.

40 Berita Minggu, 11 Ogos, 1974, loc. cit.

41 Pengaruh intelektual Aceh yang bersifat keagamaan ini tidak saja terhad penyebarnya di Alam Melayu, tetapi terbukti naskhah-naskhah yang berasal dari Aceh ini disalin dan diguna oleh orang-orang Melayu yang terdapat di Ceylon. Lihat *The New Straits Times*, 15 May, 1975, hlm. 9.

42 Aceh telah melahirkan ramai ahli-ahli sufi antaranya yang terkenal seperti Hamzah Fansuri meninggal

zaan Makhluk dengan Khaliq, Mukhtasar fi Bayani'l-Ma'rifati wa't-Tawhid wa'l-Imani wa'l-Islami dan risalah 'Umur Dunia<sup>43</sup> karangan Shaykh Nuru'd-Din dari Aceh yang terkenal itu dan risalah-risalah yang mengandungi unsur-unsur *tasawuf* seperti risalah berkenaan *A'yān Thabitah*,<sup>44</sup> *Usūl Tahqīq*,<sup>45</sup> risalah berkenaan *Sakrat*,<sup>46</sup> cerita-cerita (cetera) berkenaan *Nabi Sulaiman*<sup>47</sup> dan *Nabi Mūsā*<sup>48</sup> serta beberapa lagi daripada risalah dan kitab di dalam tulisan jawi yang tidak diketahui pengarang dan judulnya<sup>49</sup> yang dijangka berasal dari Aceh dan sampai ke Terengganu mungkin dalam peringkat yang lebih awal dan disalin kembali di sini. Kenyataan ini semuanya membuktikan bahawa pengaruh intelektual Aceh memangnya sampai ke Terengganu. Kesampaian pengaruh tersebut nampaknya bukanlah didatangi oleh orang-orang Aceh semata-mata, tetapi mungkin melalui Johor yang pernah ditakluki oleh Aceh menerusi penghijrahan penduduknya ke sini<sup>50</sup> dan melalui pemergian anak-anak tempatan sama ada ke Johor atau langsung ke Aceh. Dari bukti-bukti di atas dapatlah dibuat andaian bahawa institusi-institusi pengajian yang wujud di Terengganu pada zaman tradisi itu bertambah maju dengan kemasukan kitab-kitab dari negeri Aceh itu. Hasil dari didikan institusi-institusi tempatan ini nampaknya bukan saja melahirkan pemuka-pemuka tempatan yang berpendidikan keagamaan, tetapi dari bukti-bukti menunjukkan ianya juga menghasilkan ulama-ulama terbilang yang antaranya menyambung pelajaran hingga ke Aceh dan Mekah. Seorang tokoh ulama dari Terengganu yang terawal diketahui keluar negeri menyambung pelajaran ke Aceh dan kemudian ke Mekah pada akhir abad ke (12/17) ialah Shaykh Abdul Malik bin Abdullah pertengahan abad (12—1149/17—1736). Ulama ini bersemasa dengan beberapa ulama terkenal di Alam Melayu pada zamannya seperti Faqih 'Abdu'l-Qādi di Palembang, Faqih 'Abdu'r-Rahmān di Patani, Faqih 'Abdu's-Samad di Kedah, Haji Ibrahim dan Tok Haji Muhammad di Siantan.<sup>51</sup> Beliau berkesempatan juga dengan Shaykh

antara (997—1013/1588—1604), Shaykh Shamsu'd-Din as-Sumatrani m. (1040/1630), Shaykh Nuru'd-Din ar-Raniri m. (1077/1666) dan Shaykh 'Abdu'r-Ra'uf Singkel (1030—1105/1620—1693).

43 Lihat Bahagian II, Naskhah-naskhah *Usūl d-Dīn*. Lihat juga Lampiran A, Kitab-kitab Fiqh, bil. 17.

44 Lampiran A, Kitab-kitab *Tasawuf*, bil. 4.

45 Ibid., bil. 40(9), 10.

46 Ibid., bil. 5.

47 Ibid., Bahasa dan Sastera, bil. 4.

48 Ibid., bil. 3.

49 Lampiran A.

50 Pada tahun (1099/1688) seorang panglima dari Riau bernama Panglima Hitam telah lari melindungkan diri dari kekacauan politik di sana dan meninggal di Terengganu. Begitu juga pada akhir abad ke (12/17) pada masa Johor berbendahara Paduka Sri Maharaja (Bendahara Padang Saujanah (1099—1108/1688—1697) beliau telah memerintah tiga orang pembesarinya, iaitu Paduka Sri Rama, Paduka Laksamana dan Paduka Raja ke Terengganu mengambil pemerintahan negeri tersebut dari tangan Megat-Megat. Sejak dari itu pemerintah di Terengganu dilantik oleh Johor. Kemudian daripada itu Terengganu diperintah oleh Bendahara Hasan, seorang pembesar yang diketahui pada masa itu ialah Tun Zain Indera dan tiga orang anak-anaknya yang diberi menjaga kawasan-kawasan tertentu iaitu Tun Buana menjadi Bendahara di Hulu Terengganu, Tun Sulaiman (Tuk Kilat) menjadi sultan memerintah di Pantai Layang dan Tun Ismail menjadi Menteri Tersat. Keturunan Zain Indera ini berserak membuka tempat-tempat baru di Hulu Terengganu. Antara kuburan yang diketahui ialah kubur Tok Kaya Padang (Tok Kuala Pur leatkannya antara Kuala Manjing dan Durian Badur di Tersat). Antara kuburan pegawai-pejawainya ialah kubur Tok Brang di hilir Kampung Tapah, Tok Berdiam Mahmud, Tok Bukit Jerai Jening dan Tok Kaya Setia Jerai di Kuala Manjing yang kesemuanya terletak di Tersat. (Lihat Sheppard, loc. cit. Lihat juga Misbahah, Jil. I, op. cit., hlm. 13—16).

51 'Abdu'l-Malik bin Abdullah, *Naql*, op. cit., Naskhah A., hlm. 9, B. 14.

'Abdu'r-Rauif Singkel<sup>52</sup> dan salah seorang temannya yang paling rapat semasa menuntut di Mekah ialah Haji Muhammad Salihi bin Omar as-Samarani (Semarang).<sup>53</sup> Keterangan ini membuktikan bahawa sifat pengajian di zaman tradisi ini telah begitu meluas di Alam Melayu. Perkembangan institusi pengajian keagamaan di Terengganu pada masa itu adalah selari dengan perkembangan yang berlaku di beberapa negeri Melayu yang lain yang teguh dengan tradisi keislamannya terutama seperti negeri-negeri Palembang, Patani, Kedah dan Banten.

Di Terengganu, peranan Shaykh Abdul Malik bin Abdullah anak tempatan yang berasal dari Hulu Terengganu tempat dijumpai Batu Bersurat Terengganu itu amat penting di dalam penyebaran ilmu pengetahuan keagamaan di negeri tersebut. Institusi pengajian yang dibentuknya pada akhir abad ke (12/17) yang mulanya bertempat di Pulau Manis, Kuala Terengganu berlanjutan hingga ke awal abad (14/20). Sumbangannya yang paling besar ialah tinggalan beberapa buah karangannya yang masih kedapatan hingga kini. Di samping itu sebahagian besar dari kitab-kitab pengajian yang berlangsung di Institusi Shaykh Abdul Malik bin Abdullah selama lebih kurang 2½ abad itu masih kedapatan tersimpan di sebuah bangunan (balai, surau atau madrasah) yang dulunya pernah menjadi tempat pengajian bagi institusi tersebut. Sebahagian besar dari tinggalan kitab-kitab tersebut adalah di dalam bentuk naskhah-naskhah bertulisan tangan yang pada keseluruhannya di dalam bentuk khat yang cantik. Naskhah-naskhah ini pula kebanyakannya di dalam bahasa Arab,<sup>54</sup> sebahagian darinya di dalam tulisan jawi, manakala yang lain adalah kitab-kitab bercetak yang lebih baru usianya yang digunakan oleh pengajar-pengajar penuntut-penuntut yang mengajar/belajar pada peringkat akhir perkembangan institusi tersebut.

Dari perkembangan institusi di atas, tidak syak lagi di dalam jangka masa yang begitu lama ia telah banyak mengeluarkan ulama-ulama dan pelajar-pelajar tempatan yang lengkap dengan pengetahuan keagamaan. Institusi induk ini pula kemudiannya dengan tidak secara langsung telah melahirkan bentuk-bentuk institusi keagamaan yang seumpamanya yang tumbuh berselerak di negeri Terengganu<sup>55</sup> di abad-abad berikutnya. Pertumbuhan institusi-institusi pengajian sedemikian tidak dapat tidak tentulah meninggalkan kesan yang mendalam ke atas masyarakatnya. Keadaan ini memang jelas terbukti apabila dibandingkan masyarakat Terengganu dengan masyarakat di beberapa negeri lain. Kesannya didapati bahawa masyarakat di negeri tersebut lebih berorientasikan keagamaan. Hugh Clifford yang pernah menjalankan ekspedisi ke Terengganu pada tahun (1311/1894), beliau telah meneliti keadaan masyarakat di negeri tersebut dan berpendapat bahawa:

52 Ibid., A., hlm. 11, B., hlm. 15, 16, 17.

53 Ibid., A., hlm. 11; B., hlm. 17.

54 Bukti ini menjelaskan kebenaran keterangan Abdullah Munshi yang di dalam lawatannya ke Terengganu mendapati bahawa tulisan jawi/Arab di negeri tersebut begitu cantik dan pengajian di sana banyak menggunakan kitab-kitab Arab daripada bahasa Melayu. (Lihat Abdullah Munshi, op. cit., hlm. 32–33).

55 Institusi pengajian sedemikian kemudiannya lebih dikenali dengan pengajian pondok. Dari abad ke (12–15/17–20) berpuluhan-puluhan pengajian yang sedemikian tumbuh di Terengganu.

the people of Trengganu are the most zealous Muhammadans in the Peninsula, and since religious teaching among the Malays is the beginning of all learning, their standard of culture is comparatively high.<sup>56</sup>

Hingga kini, ciri-ciri keagamaan masih terus menjiwai masyarakat Terengganu, terbinanya identiti sedemikian adalah merupakan natijah dari orientasi keagamaan yang telah berlangsung berabad-abad sebelumnya di negeri itu. Di tengah-tengah perkembangan pendidikan moden kini, institusi-institusi pendidikan keagamaan yang dipersesuaikan masih terus hidup di tengah-tengah masyarakat menyebarkan pengetahuan agama Islam.

---

56 Hugh Clifford, "Expedition to Trengganu and Kelantan", *JMBRAS*, Vol. 34, Pt. 1, 1961, hlm. 99.

sejarah Islam di Terengganu yang tidak pernah hilang, sejak itu benda ini telah menjadi simbol penting dalam sejarah dan budaya negara.

Sejak itu, Batu Bersurat ini menjadi salah satu objek arkeologi yang paling penting di Terengganu. Dalam artikel ini, Dr. HAMDAN HASSAN, Ph.D., akan memberikan kajian mendalam mengenai makna dan maknanya.

## Batu Bersurat Terengganu: Kajian Mengenai Isi Kandungan Dan Tafsiran Bacaannya \*

HAMDAN BIN HASSAN<sup>+</sup>

### Pendahuluan

**S**EJARAH Kedatangan Islam ke Malaysia dan khususnya ke Terengganu sampai sekarang masih belum dibincangkan secara meluas dan menyeluruh oleh ahli-ahli sejarah Malaysia.

Akibat dari kecuaian kita dalam bidang sejarah keislaman ini, maka timbul semacam simpang-siur dan kekaburuan pandangan dalam menentukan sejarah masuknya Islam ke Malaysia, siapa yang memainkan peranan yang penting dalam penyebaran tersebut pada zaman permulaannya, dari mana sumber Islam yang masuk ke daerah ini dan bagaimana pula cara-caranya. Masalah-masalah ini memerlukan studi yang luas dan mendalam serta perbincangan-perbincangan yang serius.

Tulisan ini adalah mengulas kembali isi kandungan Batu Bersurat Terengganu. Batu Bersurat ini merupakan bahan sejarah Islam yang terpenting dalam menguji dan membahas sejarah masuknya Islam ke Semenanjung Malaysia dan khususnya ke Terengganu. Perbincangan tanpa merujuk kepada tulisan pada *monument* ini sebenarnya suatu perbincangan yang tidak lengkap, kerana tulisan di *monument* inilah yang dianggap oleh para pengkaji sejarah Islam sebagai sumber yang paling autoritatif dan representatif dalam hal persejarahan Islam di Malaysia.

### Isi Kandungan Batu Bersurat Terengganu

Sebelum disentuh isi kandungan *monument* ini, maka ada baik juga kalau diulangi kembali secara ringkas mengenai sejarah penemuannya beberapa puluhan tahun yang lalu. Sebagaimana yang diketahui orang bahawa Batu Bersurat dipertemukan oleh seorang peniaga Arab, yang datang dari Riau, Indonesia. Beliau bernama Said Husin bin Ghulam Al-Bokhari.

\* Didasarkan kepada kertas kerja bertajuk 'Isi kandungan Batu Bersurat dan tafsiran bacaannya', yang dibentangkan dalam Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu, anjuran Yayasan Islam Terengganu, di Kuala Terengganu 17–18 Mei 1981.

+ Penulis adalah pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Said Husin dalam tahun 1902, selalu berulang alik ke Hulu Terengganu untuk mencari kawasan tanah yang mengandungi timah dan emas bagi menjalankan perusahaan niaganya.

Pada suatu hari dalam tahun itu juga beliau sampai di Kuala Brang, kira-kira 25 batu dari pusat bandar Kuala Terengganu. Kemudian beliau dengan pembantunya, Engku Pengiran Anum berasih sambil sembahyang di sebuah masjid yang terletak kurang lebih 60 elai jauhnya dari sungai tersebut.<sup>1</sup>

Secara kebetulan Said Husin ternampak batu itu, yang diletakkan berhampiran masjid sebagai tempat membasuh kaki bagi orang-orang yang masuk ke masjid itu. Lalu beliau membawanya ke Kuala Terengganu untuk dipersembahkan kepada Sultan Zainal Abidin III. Baginda Sultan memerintahkan supaya Batu Bersurat ini disimpan di atas Bukit Puteri, yang berhampiran dengan Istana Maziah, Kuala Terengganu.<sup>2</sup>

Peristiwa penemuan *monument* yang bersejarah ini telah menarik minat para peminat sejarah tempatan. Mereka menyelidiki mengenai sejarahnya dan bagaimana sebenarnya cara-cara penemuan oleh seorang peniaga Arab itu. Salah seorang peminat sejarah tempatan yang terkemuka di Terengganu, Misbaha (Dato' Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang) berkali-kali mengunjungi Kampung Buluh, Kuala Brang untuk mengetahui dengan sesungguhnya mengenai salasilah batu tersebut. Dalam tulisannya,<sup>3</sup> menerangkan bahawa sebenarnya soal batu itu sudah lama diketahui orang Kampung Buluh. Bahkan ada di antara orang tua di kampung itu yang sempat melihatnya di tempat asalnya, yang masih di dalam keadaan berdiri ditanam di tebing sungai Tersat. Apabila tebing sungai itu runtuh akibat dari arus air, maka bahagian kakinya tertanam ke dalam tanah sedalam 4 kaki.

Kemudian Batu Bersurat ini dipindahkan ke sebuah surau, yang dikenali sebagai surau Tok Abdul Rasyid, yang meninggal dunia kira-kira 100 tahun yang lalu. Selanjutnya dipindahkan ke Masjid Lama, Kampung Buluh, dan dijadikan sebagai alas membasuh kaki;<sup>4</sup> dan di sinilah Said Husin menemuinya, serta membawanya ke Kuala Terengganu. Kemudian batu ini dipinjamkan oleh Baginda Sultan kepada Raffles Museum di Singapura. Tetapi kira-kira 20 tahun yang lalu batu ini telah dibawa balik oleh Muzium Negara Malaysia dan disimpan di dalamnya hingga sekarang ini.

Jenis batu ini ialah batu sungai yang pejal, tidak mudah serpih dan dipecahkan orang. Beratnya kurang lebih 400—500 paun dan tingginya muka A dari permukaan tanah k.1. 52 cm. Lebarnya di sebelah atas 53 cm dan lebar sebelah bawahnya 39 cm. Tulisannya terdiri dari 11 baris. Muka B

1 Engku Pengiran Anum, "How the Trengganu Stone was Found", *Malaya in History*, Vol. VII, September, 1961, hlm. 30.

2 Lihat juga Misbaha (Haji Muhamad Saleh bin Haji Awang), *Pusaka Suci*, al-Ahmadiyah Press, Singapura, 1959/61, hlm. 9.

3 Ibid., hlm. 12—14.

4 Sebenarnya saya tidak setuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa Batu Bersurat Terengganu dijadikan tempat membasuh kaki bagi orang-orang yang akan masuk ke masjid tersebut. Lihat Engku Pengiran Anum, loc. cit. Kenyataan seperti itu adalah amat bertentangan dengan kenyataan orang-orang Melayu dipersempuaan abad ke-20 atau kira-kira 70 tahun yang lalu yang sudah banyak dapat membaca tulisan Jawi. Atas sekurang-kurangnya Tok Imam masjid itu sudah tentu mengetahui huruf-huruf tulisan Jawi dan tulisan Allah dan Rasul, yang kalau dipijak adalah suatu yang dilarang dalam Islam.

tingginya 48.5 cm dan lebar sebelah atasnya k.l. 41 cm. Sementara lebar sebelah bawahnya k.l. 29 cm. Kandungan barisnya ialah 12 baris. Muka C tingginya k.l. 47 cm. dan lebarnya sebelah atas 29 cm. Lebar sebelah bawahnya k.l. 27 cm dan 6 baris. Permukaan D tingginya k.l. 50.5 cm. Lebar k.l. 20 cm dan 5 baris saja. Sementara lebar atau tebal batu tersebut k.l. 24 cm dan keempat-empat sudut ruangan (muka) terdapat tulisan sebagaimana yang terlampir.

#### Isi Kandungan Muka A<sup>5</sup>

1. Rasul Allah dengan yang orang *sahabat* mereka salam...
2. ada pada Dewata Mulia Raya *memeri* hamba meneguhkan agama Islam
3. dengan benar bicara derma meraksa bagi sekalian hamba Dewata Mulia Raya
4. di benuaku ini *sa-agama* (su-ugama) Rasul Allah *salla'llahu'alaihi wa sallama* Raja
5. Mandalika yang benar bicara *sudah* Dewata Mulia Raya di dalam
6. behumi. *Semua* itu fardzu pada sekalian Raja Manda
7. lika Islam menurut se titah Dewata Mulia Raya dengan benar
8. bicara *berbaiki mula memeri itu* (?) maka titah Seri Paduka
9. Tuhan mendudukkan tamra ini di benua Terengganu adipertama ada
10. Jumaat di bulan Rajab di tahun saratan di sasanakala
11. Baginda Rasul Allah telah lalu tujuh ratus dua

#### Muka B

1. Keluarga di benua *Jawa ber ... utusan* (?) yang
2. datang berikan. Keemp(-at derma barang) orang berpihutang
3. jangan mengambil k ... . (a)mbil hilangkan emasnya
4. kelima derma barang orang ..... merdeka
5. jangan mengambil *tukul* buat ... *rata* (?) emas
6. jika ia ambil hilangkan emas. Keenam derma barang
7. orang berbuat balacara laki-laki perempuan se titah
8. Dewata Mulia Raya jika merdeka bujan palu
9. seratus rautan. Jika merdeka beristeri
10. atawa perempuan bersuami ditanam hingga
11. pinggang dihambalang dengan batu matikan
12. jika inka ba(-lacara) hambalang jika *itu* Mandalika

#### Muka C

1. bujan dendanya sepuluh tengah *tiga* jika ia
2. menteri bujan dendanya tujuh tahil *se(su)*
3. tengah tiga. Jika tetua bujan dendanya lima ta (-hil)
4. tujuh tahil se paha masuk bendahara. Jika o(-rang)
5. merdeka. Ketujuh derma barang perempuan hendak
6. tida dapat bersuami jika ia berbuat balacara *bujan ia* (?)

<sup>5</sup> Bacaan di sini mengikut hasil transkripsi Mejor H.S. Paterson, "An early Malay Inscription from Trengganu", *JMBRAS*, Vol. II, 1924, him. 255—256. Kecuali kata-kata yang diberi garis ialah bacaan dan rekonstruksi penulis sendiri.

## Muka D

1. *bila tida dendanya se tahil se paha. Kesembilan derma*
2. *seru Paduka Tuhan siapa tida .... dendanya*
3. *jadikan anakkau atawa pemainkau atawa cucukau atawa keluargakau atawa anak*
4. *tamra ini segala isi tamra ini barang siapa tida menurut tamra ini la'anat Dewata Mulia Raya*
5. *jadikan Dewata Mulia Raya hai yang langgar acara tamra ini.:*

## Catatan Muka A

Sebelumnya sudah disebutkan bahawa kata-kata yang diberi garis di bawahnya (dalam transkripsi isi kandungan Batu Bersurat) adalah hasil dari bacaan dan rekonstruksi penulis sendiri, tetapi di dalam ruang catatan ini semua kata yang dibincang dan diulas diberi garis dengan maksud untuk membezakan dengan kata-kata yang biasa.

Pada baris ke 1 ada kata *orang*, yang mungkin juga dibaca *arwah*, tetapi kalau kita membaca *arwah*, maka susunan hurufnya haruslah a, r, w, a dan h, tetapi kenyataannya huruf-huruf terdiri dari a, w, r dan 'a ('ain), yang nampak di situ (sila lihat lampiran 'A') ditulis seperti h. Atas dasar susunan huruf ini, maka bacaan yang lebih tepat ialah *orang* dan bukan *arwah*. Lagi pula susunan kata-kata pada ayat itu lebih menunjukkan persona-persona orang daripada aspek arwah atau roh.

Kata yang kedua, yang juga samar-samar pada ayat ini ialah kata *sahabat* atau *sahabi*, yang dapat juga dibaca sebagai *santabi*, tetapi bacaan *santabi* penuh dengan kekburuan dan tidak mempunyai erti yang jelas. Ada lagi sebuah kata pada akhir ayat yang huruf-hurufnya ternyata tidak lengkap dan yang jelas hanya huruf s. dan ekor l (lam), yang diikuti dengan anak gigi a (alif) dan 'm'nya langsung tidak ketara. Susunan huruf yang lengkap ialah s, l, a dan m dan bacaannya *salam* (?). Pada baris ke-2 ada kata *memeri*, yang dibaca orang sebagai *beri* saja. Kalau kita baca *beri* saja ini bererti kita meninggalkan dua huruf m (mim) di permulaan katanya. Memang asal kata ini ialah *beri*, tetapi di dalam proses morfologi bahasa Melayu lama kata yang dimulai dengan huruf letusan bersuara, apabila mendapat awalan *me*, maka letusan itu kadang-kadang berubah menjadi bunyi tenggorokan atau nasal. Peristiwa seperupa ini adalah biasa terjadi dalam naskhah-naskhah Melayu Lama, misalnya kata *bunuh* menjadi *memunuh*, *basuh* menjadi *memasuh* dan *beri* menjadi *memeri*. Dalam bahasa-bahasa yang dirakamkan pada batubatu juga terdapat peristiwa bahasa seperti itu, misalnya *mamawa* untuk *membawa*.<sup>6</sup> Jadi jelas bahawa kata tersebut sebaiknya dibaca *memeri* dan tidak *beri* sebagaimana yang dibaca oleh setengah orang.

Baris ke-3 ada kata-kata yang perlu diterangkan di sini, iaitu *derma*, yang dianggap berasal dari kata sanskrit *dharma*, ertiinya undang-undang atau peraturan. Sementara kata *meraksa* dari kata sanskrit *rakshati*, yang bererti memerintah, menjaga atau melindungi. Pada Batu Bersurat Kota Kapur, Palembang terdapat juga kata *mangraksha*, yang dihubungkan

6 Lihat Dr. T. Iskandar (peny.). *Bustanu 's-Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 20.

sebagai dewa-dewa, yang menjaga Kerajaan Seri Wijaya Palembang.<sup>7</sup> Kata lain yang patut diulaskan di sini ialah *raja mandalika*, pada baris ke-5. Kata *mandalika*, dianggap dari kata sanskrit *māndalika*, yang bererti raja sebuah negeri atau daerah. Dalam buku *Nagarakretagama* juga menggunakan istilah ini, tetapi digambarkan sebagai sebuah negeri, yang berada di bawah naungan Majapahit, di mana Terengganu juga dianggap sebagai salah satu dari daerah naungannya.<sup>8</sup>

Ada kata pada baris ke-4, yang hanya terdiri dari dua huruf saja, iaitu s (sin) dan w (wau) sebelum kata *agama*. Ada pengkaji yang membaca *penentu* dalam rangkaian kata *penentu agama*,<sup>9</sup> tetapi bacaan ini jelas amat tidak menentu dan oleh kerana itu harus dicari kemungkinan bacaan yang lain dan adalah lebih tepat dibaca *se* atau *sa* (teks *su-ugama*) dari asal kata *esa* atau satu. Kalau dihubungkan dengan kata berikutnya menjadi *se agama* atau *sa agama*. Bacaan *su-ugama* lebih merupakan pengaruh dialek tempatan, dan bacaan *su*, yang sepatutnya *se* atau *sa* itu ialah terpengaruh oleh *ugama*, yang dibaca dengan *u*. Kata *ugama* dari bahasa Sanskrit *agama*, yang terdiri dari pokok kata *a + gam + a* (arealis). Demikian kalau kita membaca *se* atau *sa* itu lebih tepat daripada membaca *penentu* (-agama), kerana penggunaan *se* atau *sa* serupa ini pernah terdapat pada bahasa Batu Bersurat yang lain, misalnya, seperti Batu Bersurat Seri Wijaya, Palembang dan Gandasuli, Kedu, Jawa, Indonesia, contohnya *samālām* (Seri Wijaya) dan *sānak* dan *sawanākna* (Gandasuli). Erti *sa* di sini seperti yang saya sebut sebelumnya, iaitu menyatakan satu kumpulan yang satu.

Pada baris ke-6 ada kata *bhumi*, yang dikatakan dari bahasa Sanskrit *bhumi*, yang kemudian menjadi *bumi* dalam bahasa Melayu sekarang ini. Akan tetapi kata berikutnya adalah tidak jelas bacaannya, walaupun demikian ada orang yang membaca sebagai *penentua* atau kemungkinan lain *pembantua*. Kedua-dua bacaan ini masih gelap dan tidak menimbulkan gambaran yang sebenarnya pada rangkaian kata pada baris ke-6 tersebut. Kalau pembacaan penentua atau pembantua, maka perlu dijelaskan apakah fungsi *a* pada kedua kata itu? Dalam bahasa Jawa Kuno juga da mengenal *a* sebagai arealis, dan demikian juga pada bahasa Melayu yang lebih tua di Batu Bersurat Seri Wijaya dan Gandasuli dari abad ke-10 Masihi, seperti kata *datwa* dan *tatwa*.<sup>10</sup> Fungsi akhiran *a* (arealis) ialah untuk membentuk kata benda menjadi kata benda abstrak atau menyatakan yang akan datang atau futura. Di sini masih ragu-ragu, apakah kata *penentua* itu dari akar kata *tatwa* atau *tetwa*, yang kemudian mendapat sisipan *n* lalu menjadi *tentwa* atau *tentu* saja. Demikian juga halnya dengan kata *pembantua*, apakah dari akar kata *watu*. W kerap kali berubah menjadi *b*, yang dibaca *batu* dan kalau mendapat sisipan *n*, maka dibaca *bantu*. Kalau kedua kata itu bukan berasal dari bahasa Sanskrit atau Jawa Kuno, maka adalah tidak lazim diberi akhiran *a* arealis, tetapi ini adalah pernyataan dari seorang yang bukan ahli

7 C.O. Blagden, "A Note on the Trengganu Inscription", *JMBRAS*, Vol. II, Pt. II, 1924, hlm. 262.  
8 Ibid.

9 Lihat Paterson, *op. cit.*, hlm. 255.

10 De Casparis, *Prasasti Indonesia I*, Jawatan Purbakalaan R.I., Bandung, 1950, hlm. 50. Buku beliau yang kedua *Prasasti Indonesia II*, yang membincangkan prasasti Selatan Sumatera, Masa Baru, Bandung, 1956. Untuk keperluan yang sama, lihat juga Poerbatjaraka, *Riwayat Indonesia I*, Yayasan Pembangunan, Jakarta, 1952, hlm. 40.

702, 708, 720—729, dan 780—789.<sup>13</sup> Akibat dari banyaknya alternatif tarikh merekodkan pernyataan itu, maka kesimpulan beliau membuat jangka 788 Hijrah, yang bermula pada 2 Februari, 1386 Masihi.

Demikian kelemahan dari analisa ini dari angka tahun 702 menjadi 788, yang dirasakan terlalu jauh bezanya. Apa yang perlu diketahui di sini bahawa pernyataan atau proklamasi undang-undang Islam tersebut adalah suatu perintah rasmi dari raja atau penguasa daerah. Dan sudah tentu perintah mengukir tulisan proklamasi itu diberikan kepada ahli bahasa Melayu pada waktu itu, yang dapat menggunakan dan mengetahui selok-belok bahasa itu dengan sebaik-baiknya. Oleh kerana itu isi kandungan proklamasi tersebut harus dianggap sempurna, sekurang-kurangnya dalam ukuran mereka atau ahli bahasa yang berkenaan itu. Penyebutan angka 702 yang tidak diikuti oleh *tahun*, barangkali sudah merupakan suatu *idiom* bahasa Melayu pada waktu itu, sebab ada tarikh pada beberapa naskhah bahasa Melayu yang ditemui kemudian juga tidak menyebut *tahun* di akhir bilangan angkanya. Sebagai contoh dapat kita lihat kepada naskhah *Manhalu's Sāfi Bayāni Amri Ahli's-Sūfī*, yang dipercayai ditulis pada abad yang lalu, menyatakan perihal penulisannya, seperti katanya "telah selesai daripada fakir ilia Ta'ala menyurat kitab daripada hari arba' tiga belas hari bulan Rajab pada hijrah seribu tiga ratus sebelas, iaitu Abdul Kadir Patani".<sup>14</sup> Kalau kita mengikuti jalan fikiran C.O. Blagden, maka harus ada *tahun* setelah kata *sebelas*, tetapi bagi penulis naskhah bahasa Melayu itu menganggap tidak perlu lagi, kerana ungkapan angka tahun seperti itu sudah dapat difahami dan lazim dipakai dalam bahasa Melayu pada waktu itu. Sebenarnya kita harus berhati-hati sekali dengan dugaan ada kata-kata yang hilang atau tidak lengkap pada rakaman proklamasi itu, sebab penulis adalah cukup teliti untuk menjaga keutuhan isi kandungan perintah rasmi Seri Paduka tersebut. Oleh kerana itu keempat-empat sisinya diberi garis yang terang sebagai batas berakhirnya ruang tulisan itu. Maksudnya, mungkin supaya pembaca-pembaca yang kemudian tidak menduga yang bukan-bukan, yang boleh mengaburkan maksud yang sebenarnya. Atas dasar ini, mempersetuju pandangan Dato' Perba Diraja, (Bekas Kadi Besar Terengganu), yang mengatakan bahawa tarikh yang sebenar perintah rasmi itu ialah 25 Februari, 1304,<sup>15</sup> atau 22 Februari, 1303 Masihi.<sup>16</sup> Sebelum mengakhiri catatan muka A ada lagi satu kata yang sepatutnya diterangkan dalam rangkaian menghuraikan kata *saratān*, iaitu kata *sasanakala*. Kata ini dianggap dari bahasa Sanskrit *sāsanam* dan kala, yang masing-masing bererti agama dan masa atau waktu. Penggunaan kata yang agaknya serupa juga terdapat pada batu-batu bersurat yang lain, misalnya, seperti Batu Bersurat Talang Tuwo di Palembang dari tahun 684 Masihi. Akan tetapi bacaannya *asannakala*.<sup>17</sup> Kata *asannakala* mungkin merupakan kependekan dari *sasanakala*, yang tersebut di atas.

13 Ibid.

14 Salinan naskhah yang berkenaan ada dalam simpanan penulis.

15 Lihat Misbah, op. cit., hlm. 44.

16 Syed Muhammad Naguib al-Attas, *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 23.

17 A. Teeuw, *Pokok dan Tokoh*, Jil. I, P.T. Pembangunan, Jakarta, 1955, hlm. 17.

dalam bahasa Sanskrit dan Jawa Kuno. Oleh kerana itu penulis kita mengharapkan orang yang lebih berwibawa dalam soal ini akan dapat menjelaskan kepada kita semua di kemudian hari nanti. Kerana keraguan ini, percubaan dibuat untuk mencari kemungkinan bacaan yang lebih sesuai dan lebih tepat. Bacaan itu ialah *semua*, bukan *penentua*, seperti yang dibaca orang.

Ada lagi sebuah kata pada baris ke-8, yang dibaca sebagai *berbaiki*, dan bertentangan dengan bacaan pengkaji sebelumnya, iaitu *berbajiki*. Bacaan *berbajiki* adalah kabur dan tidak dapat membantu mencari gambaran yang lebih jelas pada rangkaian kata-kata pada baris ke-8 itu. Dan kata lain pada baris tersebut yang patut diterangkan *mula*, yang pernah juga dibaca orang sebagai *benua*, tetapi adalah lebih tepat dibaca *mula* kerana hurufnya terdiri dari m, w dan l dan bukan b, n, w dan a (alif).

Selanjutnya pada baris ke-9 ada tiga buah kata yang harus dikemukakan, iaitu *mendudukkan*, *tamra* dan *adipertama*. Kata *medudukkan*, yang ditulis tanpa huruf nasal n, ini mungkin sekali terpengaruh kepada dialek bahasa Melayu daerah (— Terengganu) pada waktu itu. Sedangkan ejaan bahasa Melayu dewasa ini selalu ditulis dengan nasal n menjadi *mendudukkan*. Sementara *tamra* dianggap dari bahasa Sanskrit *tāmrasāsana*, yang bererti suatu peraturan yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah, dan kata *adipertama*, juga dianggap dari bahasa Sanskrit *ādi+prathama*. Ertinya *adi*, permulaan dan *prathama* ialah yang pertama.<sup>11</sup>

Dua baris yang terakhir, iaitu baris ke-10 dan ke-11, adalah amat penting dari keseluruhan isi kandungan *monument* tersebut, sebab penulisnya telah merekodkan dengan jelas tarikh titah Seri Paduka, yang dikatakan "Jumaat di bulan Rajab di tahun saratan di sasanakala. Baginda Rasul Allah telah lalu tujuh ratus dua". Suatu masalah telah timbul di sini, kerana rekod itu menyebutkan *tahun saratān*. Kata *saratān* dalam bahasa asingnya *Cancer* dan kalau *tahun saratan* ialah tahun *Cancer*, akan tetapi *Cancer* itu ialah sama dengan bintang yang keempat dari 12 bintang di mana tiap-tiap tahun matahari beredar mengelilingi masing-masing bintang itu. Persoalan di sini ialah bagaimana untuk memastikan suatu tahun yang tertentu itu dapat dikenali dengan salah satu bintang yang 12 tersebut?

Pertanyaan ini ditimbulkan oleh C.O. Blagden, ahli bahasa Melayu yang mula-mula sekali membuat analisa isi kandungan *monument* itu, kira-kira 50 tahun yang lalu. Masalah-masalah yang beliau timbulkan di dalam artikelnya telah banyak menarik perhatian para peminat dan ahli mengenai tulisan tersebut.<sup>12</sup> Selanjutnya C.O. Blagden mengulas pula tentang tahun 702, yang dianggapnya suatu pernyataan yang tidak lengkap dan untuk lengkapnya haruslah ada *tahun* di hujungnya, yang dianggap sudah hilang. Kata *dua* kalau disambung kepada bahagian yang hilang itu, maka boleh *dua-lapan* menjadi delapan (Indonesia) dan lapan bahasa Melayu. Atau *dua-puluh*. Bilangan ini mungkin dapat melengkap angka-angka tahun itu atau mungkin juga kedua-dua kemungkinan itu masih disambung dengan angka-angka yang lain, yang boleh jadi ada alternatif lagi dan alternatif itu ialah

11 C.O. Blagden, loc. cit.

12 Ibid., hlm. 259.

## Catatan Muka B

Baris pertama ada perkataan yang terdiri dari tiga huruf saja, j(jim), a dan w, yang dibaca orang sebagai *jauh*, tetapi sepatutnya dibaca *Jawa*, sebab kalau kita membaca *jauh*, maka haruslah dapat menerangkan apa yang dimaksudkan dengan *jauh* itu dan apa pula hubungan erti dengan ayat-ayat berikutnya. Kalau tidak ada perkaitan yang jelas, maka perlu dicari kemungkinan bacaan yang lebih tepat, yang kiranya ada pertalian dengan ayat berikutnya. Kemungkinan bacaan tersebut ialah *Jawa*. Maksud *Jawa* di sini bukanlah kerajaan yang berada di Pulau Jawa, tetapi kerajaan Samudra-Pasai, yang pada abad ke-14 yang lalu terkenal sebagai kerajaan Jawa dan sultannya disebut Sultan Jawa.<sup>18</sup>

Ada dua atau tiga perkataan yang hilang setelah kata *Jawa*, akibat dari hausnya batu tersebut. Akan tetapi kelihatan seolah-olah semacam b dan r sebagai permulaan kata selepas kata *Jawa* dan dua huruf ini dapat dibaca sebagai *ber*. Pada kata yang ketiga, yang hilang ada terdapat pada akhiran kata semacam gigi s (sin) yang tidak lengkap dan kemudian diikuti oleh huruf n (nun). Mungkin sekali huruf-hurufnya yang lengkap terdiri dari a, w, t, s dan n dan bacanya *utusan*. Kata yang terakhir pada baris kel itu ada orang yang membaca *ul*, tetapi jelas tidak ada alasan kenapa harus dibaca demikian, kerana huruf-hurufnya nampak dengan terang dari i (ya) dan ng. Oleh kerana itu bacaan yang tepat ialah *yang*.

Pada baris ke-2 juga ada dua atau tiga perkataan yang hilang, tetapi Paterson cuba merekonstruksikan sebagai "Keempat derma barang".<sup>19</sup> Mungkin juga hasil rekonstruksinya benar, sebab ada perkaitan dengan maksud kata derma sebelumnya. Walaupun demikian pada baris ke-3 perkataan *emas*, sebaiknya dibaca *emasnya*, kerana ny kelihatan dengan jelas di hujung huruf s. Kemudian pada baris ke-5 juga terdapat perbezaan bacaan, seperti perkataan *tukul*, sebelumnya dibaca orang sebagai *tugal*, tetapi bacaan *tugal* adalah jelas amat kabur ertinya. Ada satu perkataan yang huruf-hurufnya telah hilang, tetapi di akhir perkataannya ada semacam r dan t dan dari huruf-huruf ini apakah mungkin dibaca *rata* (?) atau *serta*, sudah tentu tidak dapat dipastikan bacaan yang sebenarnya.

Pada baris ke-7 juga ada perkataan yang perlu diterangkan, iaitu *balacara*. Perkataan ini dianggap sebagai gabungan dari dua kata Sanskrit *bala*, yang bererti anak atau bersifat kanak-kanak dan kata *acara*, yang bermaksud tingkah laku atau peraturan, sebagaimana yang dimaksudkan kata *acara* pada baris ke-5 (muka D).<sup>20</sup> Baris ke-8 ada perkataan *bujan*, yang sebenarnya dari perkataan *bujang*. Perubahan nasal ng menjadi n mungkin sekali merupakan pengaruh dialek Terengganu (-juga Kelantan) pada waktu itu. Sementara perkataan *rautan* pada baris ke-9 adalah merupakan bentuk ejaan arkaif daripada ejaan *rotan* yang didapati dalam bahasa Melayu sekarang ini. Bentuk ejaan tua yang lain ialah *atawa* dari bahasa Sanskrit *utawa*, yang sekarang dibaca *atau* saja. Pada baris berikutnya iaitu baris ke-11 terdapat perkataan *hambalang*. Perkataan ini juga dapat

18 Lihat Hamdan Hassan, "Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh", *Tamadun Islam di Malaysia*, Jurnal Sejarah, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 53.

19 H.S. Paterson, *loc. cit.*

20 C.O. Blagden, *op. cit.*, hlm. 263.

dianggap sebagai bentuk kata arkaif dari kata *balang*, yang pemakaiannya lebih kerap ditemui dalam bahasa Jawa daripada bahasa Melayu sekarang.

### Catatan Muka C

Banyak orang yang menduga bahawa pada setiap akhir ayat yang terdiri dari 6 baris ada saja kata-kata yang hilang atau tidak lengkap, kerana serpihan batu atau sebagainya. Akan tetapi perlu diberi perhatian di sini sekali lagi bahawa ruang muka C juga diberi garis oleh pengukirnya, terutama garis sebelah kirinya sebagai batas berakhirnya sebuah perkataan atau sepotong ayat. Oleh kerana itu adalah dianggapkan sebagaimana sebelumnya, yang mungkin hilang itu hanyalah beberapa huruf saja. Misalnya pada baris ke 2 *se* (teks *su*) tidak perlu direkonstruksikan sebagai *se paha*, sebab *se* merupakan awalan kepada *tengah* (baris ke-3). Jadi lengkapnya *se tengah* (teks *su tengah*) dan bukan *se paha tengah*.

Cara-cara melaksanakan dendanya dinyatakan dengan ungkapan bahasa yang sudah tidak lazim lagi pemakaiannya dewasa ini, seperti katanya "jika itu Mandalika bujan dendanya sepuluh tengah tiga". Susunan kata *tengah tiga* ada juga yang membacanya *tengah saga*, tetapi dirasakan lebih tepat dibaca *tiga*. Tambahan pula *idiom-idiom* seperti itu adalah amat lazim digunakan dalam bahasa Melayu lama. Sementara kata *se paha* sama dengan se-suku atau se-perempat. Oleh kerana itu "tujuh tahil se paha" sama dengan  $7\frac{1}{4}$  tahil. Pada baris ke-6 ada perkataan *tida* (juga muka D, baris 1, 2 dan 4) yang menunjukkan suatu bentuk ejaan bahasa Melayu lama. Bentuk ejaan seperti ini boleh juga didapati pada bahasa Melayu Batu Bersurat Kota Kapur dari abad ke-7, Palembang, yang dibaca sebagai *tida*. Bentuk tulisan ini rupanya kemudian berubah menjadi *tiyada* pada Batu Bersurat di Jawa Barat.<sup>21</sup> Bentuk ejaan *tiada* dipakai sampai sekarang dalam bahasa Melayu di samping bentuk kata *tidak*. Perkataan lain yang sepatutnya juga disentuh ialah di baris yang ke-6 ini ialah *berbuat* atau *barbuat*. Di sini, kecenderungan dibaca sebagai *barbuat* sebab bahasa prasasti di Sumatera Barat juga menggunakan kata *barbuat*. Dan dengan ini bererti bentuk *barbuat* lebih tua dari bentuk kata *berbuat*. Prasasti abad ke-7 Palembang tulis bentuk kata *marbuat* untuk *barbuat*,<sup>22</sup> yang kemudian menjadi *berbuat* saja dalam bahasa Melayu.

### Catatan Muka D

Pada bahagian ini barangkali hanya beberapa perkataan saja, yang perlu dijelaskan, misalnya, seperti perkataan *anakku*, *pemainku* dan seterusnya itu, mungkin juga dapat dibaca, *anakkau*, *pemainkau* dan sebagainya. Bahkan bacaan inilah yang lebih tepat dari bacaan sebelumnya. Sebelum diakhiri ulasan ini ada sebuah perkataan lagi yang sepatutnya tidak dilewati begitu saja, iaitu kata *hai*, yang pernah dibaca orang *bagi*. Di sini dibaca *hai*, sebab huruf-hurufnya nampak dengan jelas, seperti huruf *h* dan *i*. Dugaan ini diperkuat pula dengan tanda baca di akhir ayat itu, yang kelihatan sebagai tanda seru, setelah titik.

21 Lihat A. Teeuw, *op. cit.*, him. 22.

22 *Ibid.*

## Catatan Bentuk Tulisan

Suatu hal yang patut juga dibincangkan sekadarnya ialah mengenai bentuk dan sifat tulisan, yang dipergunakan pada Batu Bersurat Terengganu tersebut. Bentuk tulisan adalah juga amat penting dalam usaha untuk menilai sejarah penulisan *monument* itu.

Sebagaimana yang disebut sebelumnya bahawa tulisan Jawi, yang dipergunakan di Batu Bersurat Terengganu ini dipercayai yang tertua, yang dapat ditemui orang setakat ini. Bahasa yang dipergunakan bercampur aduk antara bahasa Melayu, Sanskrit dan bahasa Arab. Sementara bentuk ejaannya masih banyak mempergunakan bentuk ejaan arkaif, yang sering dianggap oleh para pengkaji bahasa Melayu Lama, sebagai ciri bahasa Melayu yang tertua. Bentuk ejaan seperti ini masih dipakai daam bahasa Melayu hingga ke beberapa abad kemudian.

Dalam membicarakan sifat dan bentuk tulisan pada Batu Bersurat Terengganu adalah jelas bahawa tulisan Jawi tersebut lahir dalam gelanggang bahasa Melayu, sebagai akibat langsung dari pengaruh bentuk tulisan dalam bahasa Arab.<sup>23</sup> Dan kalau kita meninjau bentuk tulisan dalam bahasa Arab, maka didapati bahawa bentuk yang tertua dalam bahasa itu atau sekurang-kurang setelah zaman Islam adalah bentuk tulisan *kufi*. Tulisan ini dipergunakan untuk menulis naskhah Quran dan juga dokumen-dokumen, yang tertua dalam bahasa Arab.<sup>24</sup>

Apabila Islam tersebar ke Timur, maka dipercayai tulisan seni khat *kufi* ikut tersebar bersama, tetapi mengikut B. Moritz, seorang ahli mengenai bentuk-bentuk tulisan dalam seni Islam, mengatakan bahawa mulai akhir abad ke-13 bentuk tulisan *kufi* tidak dipergunakan lagi dan sebaliknya bentuk tulisan yang lahir kerana pengaruh khat *kufi*, iaitu bentuk *naskhi*, telah berkembang menuju puncak kejayaannya.<sup>25</sup> Gambaran perubahan itu dapat dikesan di batu nisan di Samudra-Pasai dan kemudian di Gresik, dari abad ke-13 dan 15 Masihi.<sup>26</sup> Apa yang lebih menarik dari itu ialah pandangan S.Q. Fatimi, yang mengatakan bahawa tulisan pada *monument* Terengganu menunjukkan suatu model yang tersendiri, yang dipergunakan di Malaysia. Bentuk tulisannya cenderung menuju ke arah bentuk tulisan *ta'liq*, yang pada abad ke-14 yang lalu menuju dengan cepatnya ke arah bentuk tulisan yang dikenal sebagai *nasta'liq*.<sup>27</sup>

Kedua bentuk tulisan ini diadaptasikan oleh orang-orang Parsi sebagai bentuk tulisan mereka sendiri, yang berbeza dengan bentuk tulisan yang lain. Bentuk tulisan ini dilindungi dan dipergunakan pada pemerintahan Islam di Delhi. Seni tulisan ini mendapat hak yang istimewa pada zaman pemerintahan Islam Delhi, kerana pengaruh Parsi amat kuat dalam istana kesultanan itu. Walaupun demikian daerah-daerah Islam yang berjauhan dari istana ini masih tetap menggunakan bentuk tulisan *naskhi*. Bahkan sampai sekarang bentuk tulisan ini masih dipergunakan dalam bahasa Sindhi dan Pashto.<sup>28</sup>

23 Lihat juga W.G. Shellabear, "The Evolution of Malay Spelling", *JMBRAS*, Julai, 1901, hlm. 75—79.

24 M.T.H. Houtsma dan kawan-kawannya, *Encyclopaedia of Islam*, Vol. I, Leiden, 1913, hlm. 381.

25 S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Malaysian Sociological Research Institute Ltd., Singapore, 1963, hlm. 41.

26 Ibid., hlm. 42.

27 Ibid.

28 Ibid.

Sebagaimana yang disebut sebelumnya bahawa lahirnya bentuk tulisan Jawi, yang kita kenal sekarang ini adalah hasil pengaruh dari bentuk seni tulisan dalam bahasa Arab, tetapi seni khat yang menjadi dasarnya ialah *ta'liq* atau *nasta'liq*. Bentuk-bentuk tulisan inilah yang berkembang kemudian menjadi bentuk yang tersendiri dalam bahasa Melayu, yang kita kenal sebagai tulisan Jawi. Proses kelahiran tulisan Jawi ini amat cepat di kalangan orang-orang Melayu di Nusantara pada waktu itu. Hal ini terjadi mungkin sekali akibat dari adanya beberapa usaha dari setengah-setengah pedagang Arab, yang ingin menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi di kalangan orang-orang Melayu. Tulisan-tulisan di batu nisan yang terdapat di Samudra-Pasai dan juga di Jawa jelas menunjukkan usaha para pedagang Arab tersebut. Dan untuk mengimbang usaha-usaha pedagang mereka ini agaknya, maka penulis-penulis Melayu menggunakan bentuk tulisan Jawi sebagai bentuk yang rasmi bagi proklamasi undang-undang Islam di Terengganu itu.

### Kesimpulan

Berdasarkan analisa dan isi kandungan Batu Bersurat di atas, maka jelas menunjukkan yang membuat ukiran tulisan di *monument* itu adalah seorang ahli bahasa Melayu, yang mempunyai pengetahuan yang luas mengenai selok-belok bahasa Melayu pada waktu itu. Hasil rakaman pujangga Melayu ini dapat dianggap sebagai tulisan Jawi yang tertua, yang dapat ditemui orang di kepulauan Melayu.

Isi kandungannya adalah merupakan proklamasi undang-undang Islam, yang nampaknya ditujukan kepada penguasa dan rakyat di Terengganu. Dengan proklamasi ini, maka Terengganu secara rasmi menjadi negeri Islam yang pertama di rantau ini pada abad ke-14 Masihi. Walaupun Terengganu telah mengisytiharkan sebagai kerajaan Islam, tetapi tidak berhasil mengembangkan sinarnya yang luas dan berkesan, kerana persaingan dari daerah-daerah Islam lainnya, yang segera muncul kemudian, seperti kemunculan kerajaan Islam Melayu Melaka dengan kekuatan-kekuatan yang lebih besar dan berpengaruh.

Meskipun Terengganu telah memproklamirkan undang-undang Islam pada abad ke-14, tetapi ini tidak bererti bahawa Islam masuk ke Terengganu pada abad tersebut. Mungkin sekali Islam sudah bertapak di Terengganu satu atau dua abad sebelumnya, sebagaimana yang dialami oleh beberapa daerah lain di Nusantara ini. Dengan demikian peristiwa proklamasi tersebut haruslah dianggap sebagai perisytiharan undang-undang Islam dan bukan sebagai tarikh permulaan masuknya Islam di Terengganu.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa Melakalah yang mula-mula sekali masuknya Islam di Semenanjung Malaysia dan daerah-daerah lain, seperti daerah-daerah di Pantai Timur, Terengganu, Kelantan dan Patani (Selatan Thailand) menerima Islam dari Melaka. Akan tetapi berdasarkan *monument* Terengganu dan lain-lain petunjuk yang berhubungan dengan sejarah Islam, telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa Terengganu lebih dahulu menerima Islam daripada Melaka. Oleh kerana itu pandangan tersebut harus ditimbangkan kembali sesuai dengan bukti-buktii sejarah yang ada, yang sampai kepada kita.

Perlu juga dikemukakan di sini bahawa Islam di Terengganu mungkin sekali berhubungan rapat dengan Islam di Patani dan Kelantan. Kedua negeri yang terakhir ini adalah merupakan satu kebudayaan dan satu bahasa dalam sejarahnya di masa silam. Kedua negeri ini juga dipercayai telah menerima agama Islam sebelum abad ke-14 Masihi yan lalu, tetapi bukti-bukti menge-nainya amat sedikit dan samar-samar. Oleh kerana itu hubungan Islam di Terengganu dengan kedua negeri tersebut lebih banyak berdasarkan kemungkinan dan dugaan semata-mata. Namun demikian perlu saya menarik perhatian sekali lagi di sini bahawa ketiga-tiga negeri di Pantai Timur ini pada zaman lampau adalah merupakan negeri-negeri, yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Peristiwa yang terjadi dan dialami Terengganu dengan mudah berkembangan dan menjalar ke Kelantan dan Patani atau sebaliknya apa yang terjadi di Patani dan Kelantan dengan cepat pula terpengaruh kepada Terengganu. Akan tetapi bukti yang sah dan yang paling autoritatif mengenai sejarah masuknya Islam ke Pantai Timur dan Semenanjung Malaysia hanyalah Batu Bersurat Terengganu.

## Sejarah Ringkas Mata Wang Negeri Terengganu

MOHD. KASSIM BIN HAJI ALI\*

### Pendahuluan

**D**ALAM lingkungan kurun ke-16, 17 dan 18 Masihi, negeri Terengganu telah membentuk duit-duit tempatan sendiri bagi menampung perdagangan yang sedang pesat berkembang. Duit-duit dagangan ini direka bentuk dengan menggunakan kepingan logam emas dan timah. Kesemua duit-duit ini diterima dan sah dipergunakan di dalam negeri dan juga di negeri lain di seluruh Semenanjung Melayu kecuali Melaka.

Jenis nilai yang digunakan dan diperbuat dari logam emas adalah merupakan jenis nilai 'Mas' dan 'Kupang'. Rupa bentuk duit ini sama seperti yang diedarkan oleh Kesultanan negeri Johor, dan pada masa itu juga kegunaan duit negeri Johor telah disahkan dan diperlakukan di negeri Terengganu tanpa sekat atau larangan. Ini merupakan mata wang dagangan yang paling popular dan diterima dengan baik oleh semua pihak.

Walaupun negeri Terengganu tidak mempunyai hasil logam emas tetapi ia dibeli dari negeri Kelantan atau melalui negeri Pahang. Kerajaan Terengganu pada masa itu menganggap bahawa adalah paling senang dan mudah menggunakan duit-duit emas yang dibawa masuk melalui dagangan dari negeri Kelantan dan negeri Johor dengan tidak payah membentuknya sendiri.

Pada kurun ke-18 duit emas jenis nilai 'kupang' itu dibuat bersamaan dengan  $12\frac{1}{2}$  sen atau 1 rial, daripada "dolar Spanyol", di mana pada masa itu "dolar Spanyol" ini telah dijadikan unit asas mata wang di seluruh Tanah Melayu. Di negeri Terengganu ini dipercayai bahawa duit-duit emas jenis nilai Mas dan Kupang itu diedarkan dalam lingkungan masa dua pemerintahan.

Walau bagaimanapun apabila dikaji secara teliti didapati bahawa duit-duit ini dikeluarkan di masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin Shah I (1702—1726). Ini dapat dipastikan dengan bukti bahawa di permukaan duit itu tertera dengan nama Sultan Zainal Abidin Shah dan sebelah

\* Penulis adalah Kurator Ethnologi Muzium Negara, Kuala Lumpur.



*Duit-duit emas dan pitis rasmi negeri Terengganu.*

belakangnya dengan kata-kata pujian Khalifatul Mukminin dalam bentuk tulisan Jawi/Arab dan ianya tidak bertarikh, kecuali pada satu jenis yang dijumpai mengandungi tahun hijrah 1120 A.H. bersamaan 1708. Oleh kerana duit-duit yang ditemui sehingga ini hanya tertera dengan nama Sultan Zainal Abidin sahaja, maka besar kemungkinan bahawa Sultan Zainal Abidin II (1793—1808) juga turut mengedarkan duit emas yang sama di masa pemerintahan beliau.

### Pitis Timah


Di Terengganu, selain dari duit-duit emas, duit-duit pitis yang dibentuk menggunakan logam timah juga dibuat untuk menampung kekurangan duit-duit emas dan "dolar-dolar" asing yang digunakan secara meluas di bandar-bandar negeri Terengganu. Hingga pada hari ini tidak pula dipastikan bilakah mulanya duit "pitis" yang pertama diedarkan, kerana kesemua pitis yang awal ini tidak mempunyai tarikhnya. Selain dari itu pitis-pitis ini tidak pula mempunyai lubang tengah seperti yang diedarkan di negeri Kelantan. Di muka depannya tertera ayat "Malik al Adil" dalam tulisan Jawi/Arab dan di belakangnya dengan ayat "Khalifatul Mukminin".

Lama kemudiannya diikuti pula dengan satu siri baru "pitis" yang dibentuk secara kasar dan bertarikh pada tahun 1892. Pitis ini boleh ditukarkan dengan jenis nilai iaitu 10 pitis bersamaan dengan jenis nilai 1 sen dari "Dolar Mexico". Mengikut laporan yang dibuat oleh Hugh Clifford dan pada akhir tahun 1894 Sultan telah mengedarkan 3 juta duit jenis nilai pitis ini untuk kegunaan umum dan pada awal tahun 1895 baginda Sultan telah menyerahkan hak pengeluaran pitis itu kepada permaisuri-permaisuri baginda sebagai sara hidup. Tiap-tiap seorang dari mereka boleh mengeluarkan pitis yang berjumlah 96,000 keping sebulan. Oleh kerana pitis jenis ini sangat senang untuk ditiru dan ianya telah ditarik balik pengeluarannya dengan secepat mungkin. Pada tahun 1904, jenis nilai baru iaitu  $\frac{1}{2}$  sen yang ganjil telah dikeluarkan mengandungi ayat tertera — "Daerah Takluknya Terengganu tarikh 1322 AH (1904)". Dari ayat yang tertera ini boleh dipastikan bahawa pengeluarannya telah dikawal oleh ketua-ketua daerah dan bukannya Sultan. Walau bagaimanapun pitis ini mungkin telah dikeluarkan dengan keizinan dari baginda Sultan memerintah dan rekabentuknya mengandungi ayat tulisan khat yang berbunyi "Kerajaan".

Pada tahun 1907, apabila duit baru ini diedarkan, walaupun negeri Terengganu dikatakan menjadi sebahagian dari jajahan dan kawalan Siam, tetapi duit rasmi negeri Siam tidak digunakan sebagai duit tempatan. Sebaliknya duit yang baru ini diedarkan dengan jenis nilai "sen" iaitu 1 dari perpuluhan 100 sen, walaupun begitu nilai sebenar yang diperlakukan untuk berniaga hanya tiga suku ( $\frac{3}{4}$ ) daripada duit sen tembaga keluaran Negeri-negeri Selat.

Di belakang duit ini juga tertera dengan ayat Jawi "Kerajaan Terengganu 1325" di kelilingi dengan bulatan titik-titik, di luarnya pula didapati 3 bintang yang membahagi-bahagikan huruf S, Z, dan A, iaitu kependekan nama Sultan Zainal Abidin.

Semua duit baru ini dikilang menggunakan alat moden dan dikilang satu



*"Dies atau Cap duit Pitis 1907/8*

demi satu dengan tangan. Jenis nilai  $\frac{1}{2}$  dan  $\frac{1}{4}$  sen ditambah dan diedarkan bersama-sama duit-duit yang lain.

Pada tahun 1920, negeri Terengganu telah mengalami kekurangan duit dan kerajaan negeri terpaksa mengilang duit baru untuk menampung kekurangan yang telah menjelas ekonomi negeri. Kerajaan terpaksa menggunakan semula acuan yang bertarikh 1907. Tetapi selepas itu duit ini ditarik semula daripada edaran dan ini telah disempurnakan pada tahun 1921. Mengikut rekod yang ada, duit jenis nilai ini telah dikilang sebanyak 1 juta keping.

Dalam jangka masa yang sama orang-orang Cina mendatang yang bekerja di ladang dan di lombong-lombong bijih biasanya dijagai oleh seorang ketua yang bergelar "Kapitan Cina" dan beliaulah yang dipertanggung-jawabkan segala urusan dari sara hidup hingga kepada soal kebajikan. Kapitan Cina telah dianggap sebagai orang tengah di antara anak buahnya dengan Kerajaan ataupun Raja memerintah.

### Jokoh Keramik

Sehingga kurun ke-20 Kerajaan telah mendapat hasil cukai yang banyak dari pengeluaran lesen tempat-tempat perjudian orang-orang Cina melalui "Kapitan Cina" — Hasil yang banyak juga dipungut melalui pengeluaran buah dadu dan "ganti duit" yang dibuat khas untuk perjudian di tempat yang diluluskan oleh Kerajaan. Tetapi ganti duit ini pada mula hanya boleh diperlakukan di tempat khas itu sahaja dan tidak boleh digunakan di tempat yang lain walaupun keadaan dan jenis nilainya itu sama.

Oleh kerana Kerajaan selalu sahaja mengalami kekurangan duit biasa atau duit rasmi, ganti duit ini lama-kelamaannya telah diterima sebagai bayaran untuk membeli-belah barang keperluan dari kedai-kedai runcit yang mana biasanya tukang kedai itu adalah salah seorang dari golongan yang kerap bermain judi bersama-sama orang tempatan di beberapa kemah perjudian dari mana ganti duit yang diperolehnya itu boleh digunakan semula. Lama-kelamaannya ganti duit ini telah menjadi satu perkara yang tidak boleh dipisahkan dari masyarakat umum di mana kemudiannya bebas digunakan di pasar-pasar dan kedai-kedai runcit yang lain.

Pada mulanya ganti duit yang awal dan tulin telah dibawa masuk dari Siam dan biasanya dibuat dengan bahan keramik. Apabila kekurangan ganti duit yang diimport ini juga dirasai maka ganti duit tempatan pula dibuat dan yang menggunakan teknik yang serupa dan rasmi dikeluarkan oleh Kerajaan. Ganti duit ini dibentuk mengandungi nama kedai judi atau "kongsi" yang bertanggungjawab mengeluarkannya supaya kawalan rapi dapat dibuat untuk membayar cukai kepada kerajaan negeri.

Perbelanjaan untuk membuat ganti duit seperti ini sangat rendah dari nilai sebenarnya dan dengan itu juga telah mengakibatkan banyak di antaranya dibuat dan dipalsukan dan dengan itu pihak yang bertanggungjawab sukar untuk mengatasi kerumitan ini dan terpaksa membentuk dan menukar corak rupa bentuknya supaya kongsi itu tidak mengalami kerugian besar.

### Jokoh Timah

Seketika kemudian timbul lagi satu rupa bentuk ganti duit yang baru dan



Ganti duit (Jokoh) Keramik Siam yang pernah digunakan di negeri Terengganu.

diberi nama "Jokoh" dibuat seakan rupa bentuk duit "Cash China" tetapi ianya menggunakan logam timah. Jokoh baru ini dinilaikan kepada dolar Spanyol dan Mexico — iaitu 40 jokoh menjadi 1 dolar Spanyol atau Mexico. Pada akhirnya diluluskan nilainya yang menjadikan  $2\frac{1}{4}$  sen kepada tiap-tiap 1 jokoh, ini diterima dan sah diberlakukan di Kelantan dan Terengganu. Tetapi jokoh ini hanya laku ditukarkan dengan 1 sen sahaja di Pahang.

Di antara tahun 1870 dan 1893 kesemua jokoh yang diedarkan di Terengganu senang dikenali oleh kerana tiap-tiap keping dicap dengan nama Kapitan Cina yang berkuasa. Selepas itu peluang untuk membuat jokoh ini diberikan kuasanya kepada Jurubahasa Sultan dan keraninya ini adalah disebabkan bahawa mereka ini tidak dibayar gaji oleh Sultan tetapi boleh menerima keuntungan dari pengeluaran jokoh.

Tiap seorang dari tiga pegawai ini berpeluang mengeluarkan sebanyak 40,000 jokoh atau ganti duit ini pada satu tahun. Mereka boleh mendapat keuntungan yang besar dari ini, kerana belanja membuat jokoh yang bernilai  $2\frac{1}{4}$  sen itu hanya  $\frac{1}{2}$  sen sahaja dan ini bermakna keuntungannya pada tiap-tiap keping ialah 2 sen, di mana pada masa itu nilainya ini boleh disifat atau ditafsirkan mendatangkan keuntungan yang besar.

Lama-kelamaan Kerajaan juga telah memberi peluang kepada saudagar-saudagar dan pekedai-pekedai yang besar di negeri Terengganu untuk mengeluarkan jokoh yang sama.

Tiap keping jokoh itu dicapkan nama tuan yang punya seperti "Wee Sin Hee". Muka depan jokoh ini melambangkan dua ekor harimau di kiri kanan lubang tengahnya dan nama "Sin" dan "Hee" dalam tulisan jawi di atas dan di bawahnya.

Di muka belakangnya tertera dengan tulisan Cina yang berbunyi "Teck Soom Kongsi" dan "Konggu" manakala di luar bulatan yang bertitik pula tertera "Wee Sin Hee" serta tarikh "1907" dalam bentuk *romanised*.

Akhir sekali, di negeri Terengganu ini ada satu lagi jenis ganti duit yang dikeluarkan oleh Saudagar Singapura khas untuk digunakan di negeri Terengganu. Ianya dibentuk menggunakan kepingan tembaga dan berukuran garis pusat 21 mm. Di muka depannya dalam bentuk tulisan jawi "Negeri Terengganu" manakala di belakangnya pula tertera "Satu Keping 1251 A.H." ini bermakna ganti duit ini bertarikh 1835. Sungguhpun demikian ganti duit ini hanya digunakan buat beberapa tahun sahaja dan selepas itu digantikan dengan duit yang dikeluarkan oleh Kerajaan British "Straits Settlements".

#### Nilai Pertukaran

(i) Pada awal kurun ke-19

1 Kupang = 400 pitis.

1 Mas = 1600 pitis

1 Dolar Spanyol = 3,200 pitis

(ii) Pada pertengahan kurun ke-19

10 Pitis = 1 Keping baharu

3 Keping Baharu = 1 Kenderi (unit akuan)

4 Kenderi = 1 Kupang



*Jokoh: "Sin" dan "Hee" dalam bentuk Skrip Jawi*



*Jokoh: Kepunyaan Juru Bahasa*

- 4 Kupang = 1 Mas  
2 Mas - 960 pitis = 1 Dolar Mexico  
(iii) Pada akhir kurun ke-19  
24 Pitis = 1 Jokoh  
5 Jokoh = 1 Kupang  
20 Jokoh = 1 Mas  
40 Jokoh = 1 Dolar Spanyol/Mexico

#### Rujukan

- 1) Buckmill, Sir J. "Observations on some coins obtained in Malaya", *JMBRAS*, Vol. 2 pt. 1, 1923.
- 2) \_\_\_\_\_, "Remarks upon certain currency notes, coins and tokens from Malaya," *JSBRAS*, 1895.
- 3) Clifford, H., *Report on an Expedition to Trengganu and Kelantan 1895*, FMS. Govt. Press Kuala Lumpur, 1938.
- 4) Coope, A.E., *The Voyage of Abdullah*, Malaya Publishing House Singapore, 1949.
- 5) Shaw William & Mohd Kassim, *Coins of North Malaya*, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1971.

# Keadaan Politik Dan Sosioekonomi Terengganu Pada Kurun Ke-19

ABDULLAH ZAKARIA B. GHAZALI\*

**P**ADA abad ke-19 ibu negeri dan pusat pentadbiran Terengganu ialah Kuala Terengganu. Dalam tahun 1828 jumlah penduduknya kira-kira 30,000 orang.<sup>1</sup> Menurut Medhurst pula yang melawat Kuala Terengganu dalam tahun 1828 (iaitu lebih dahulu dari lawatan G.W. Earl) menerangkan bahawa Kuala Terengganu adalah sebuah bandar Melayu yang ramai penduduknya dan jalan-jalannya sempit serta kawasannya kotor.<sup>2</sup> Di Kuala Terengganu terdapat juga orang-orang Cina tetapi jumlah mereka tidaklah ramai, dan kebanyakannya dari mereka ini menetap di Kampung Cina.<sup>3</sup> Mereka ini pula berketurunan Hokkien dan Kheh.<sup>4</sup> Pekerjaan mereka ialah bermiaga. Jumlah mereka kira-kira 600 orang.<sup>5</sup> Mereka memiliki jong (junk) sendiri dan mengadakan perdagangan dengan negeri-negeri Siam, Kemboja, Tongkin dan Sambas.<sup>6</sup>

Kuala Terengganu adalah juga pusat perdagangan yang terbesar di Terengganu di mana ia sentiasa dikunjungi oleh pedagang-pedangan dari rata-rata Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Melayu dan Eropah.

Pada abad ke-19 jumlah penduduk Terengganu adalah ramai. 99% terdiri daripada orang-orang Melayu. Mereka terdiri daripada tiga kumpulan iaitu nelayan yang mana tinggal di pesisiran pantai; keduanya *artisan* yang mana tinggal di kawasan bandar dan akhirnya petani yang mana tinggal di kawasan pedalaman. Menurut Hugh Clifford dalam tahun 1895 jumlah penduduk Terengganu lebih kurang 100,000 orang iaitu 40% lebih ramai dari jumlah penduduk negeri Pahang. Dari jumlah ini, 40,000 orang adalah orang-

- 
- \* Penulis adalah pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
1. T.J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits of Malacca*, Vol. 11, London, 1839, hlm. 60.
  2. Ibid., hlm. 62.
  3. Kini masih dikenali dengan nama Kampung Cina, letaknya dalam bandar, Kuala Terengganu.
  4. Abdullah bin Kadir Munshi, *Kesah Pelayaran Abdullah*, Malayan Publishing House Ltd., Singapore 1928, hlm. 36—37.
  5. T.J. Newbold, op.cit., hlm. 63.
  6. D.K. Bassett, "The Historical Background 1500—1815" dalam Wang Gungwu (ed.) *Malaysia: A Survey*, London, 1964, hlm. 122.

orang yang telah dewasa, 8,000 orang nelayan, 5,000 orang *artisan*, 26,000 orang petani dan yang bakinya 1,000 orang ialah pembesar-pembesar negeri dan daerah serta saudara-mara mereka.<sup>7</sup> Berdasarkan laporan Hugh Clifford lagi, kira-kira 45,000 orang menduduki di kawasan lembah Terengganu. Dari jumlah ini hanya 500 orang sahaja menetap di kawasan ke atas daripada air terjun Kelemang dan yang bakinya 44,500 orang menetap di antara air terjun Kelemang dan pinggir laut. Dari jumlah 44,500 orang ini pula hanya 12,000 orang sahaja yang tinggal di kawasan bandar dan kampung-kampung yang berhampiran dengan bandar.<sup>8</sup> G.W. Earl menegaskan bahawa penduduk-penduduk Terengganu adalah orang Melayu jati.<sup>9</sup>

Sistem perhubungan yang penting di Terengganu dalam abad ke-19 ialah sungai dan pesisiran pantai. Oleh sebab itu rumah-rumah di kawasan pedalaman didirikan berhampiran dengan sungai; manakala kawasan pinggir pantai pula, rumah-rumah didirikan berhampiran dengan pantai. Petempatan mereka ini mempunyai hubungan erat dengan kemudahan hubungan di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Biasanya penduduk-penduduk di dalam sesebuah kampung itu adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai tali persaudaraan. Jarak di antara sesebuah rumah tergantung kepada keluasan tanah seseorang itu. Biasanya keadaan ini terjadi di kawasan lebih ketara di kawasan pedalaman. Di Kawasan pantai pula seperti di Kuala Besut, Kuala Dungun, Kuala Kemaman, Seberang Takir dan Tanjung;<sup>10</sup> jarak rumah di antara satu sama lain adalah dekat.

Dinding rumah di sini dibuat daripada daun nipah, rumbia, buluh, kulit-kulit kayu dan ada juga papan.<sup>11</sup> Atapnya pula dibuat daripada daun nipah atau daun rumbia. Oleh kerana semasa mendirikan rumah-rumah itu mereka mengikut kecenderungan hati masing-masing, kedudukan rumah-rumah adalah tidak teratur. Abdullah bin Abdul Kadir Munshi menggambarkan keadaan rumah di Terengganu pada abad ke-19 seperti berikut:

... rumah-rumah mereka itu sekalian congkah-mangkah dengan tiada teratur dan tiada sama, masing-masing punya suka, dan pagarnya bengkang-bengkang.<sup>12</sup>

Di samping itu kedudukan rumah-rumah ini tidak sama, ada yang mengiring jalan dan ada pula yang berhadapan dengan jalan;<sup>13</sup> juga biasanya di bawah rumah terdapat timbunan sabut-sabut untuk mengasap nyamuk pada waktu malam.<sup>14</sup> Kedudukan dan keadaan rumah yang sebegini rupa disebabkan penduduk-penduduk lebih tertumpu ke kawasan muara sungai kerana di sini lebih mudah untuk mencari nafkah hidup.

W.W. Skeat pula melaporkan keadaan rumah-rumah di Terengganu

7. Hugh Clifford, "Expedition to Terengganu and Kelantan", *JMBRAS*, Vol. 22, Part III, 1949, hlm. 45.
8. Ibid., Hugh Clifford, hlm. 89.
9. "The inhabitants of Trengganu are genuine Malays, ..." G.W. Earl, op. cit., hlm. 184.
10. Saad Shukri bin Haji Muda (pembaharuan oleh Abdullah al-Qari bin Haji Salleh dan dengan sumbangan oleh Drs. Abdul Rahman Al Ahmad). *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1971, hlm. 92.
11. Seberang Takir dan Tanjung letaknya di sebelah menyebelah kiri dan kanan muara Sungai Terengganu.
12. Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op.cit., hlm. 31. Lihat juga G.W. Earl, op.cit., hlm. 184; beliau mencatakan "... the houses and shops forming a small street, but the Malay habitation are all detached from each other".
13. Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, hlm. 32.
14. Ibid., hlm. 31.

pada abad ke-19 seperti berikut:

We also saw a few wooden lamp-posts, which must have been unique among the east coast states at the time of our visit. Passing through the kampongs we found that the gable ends of the palm-thatched houses were decorated with many different designs. Some had a sort of half-open gable-end, called alang-buang, or undang-undang. The windows, rarely plain openings, were for the most part barred: some were diamond-shaped, others had alternate piece omitted in the bamboo plaiting and these made up the design.<sup>15</sup>

Ada juga rumah-rumah cantik, indah dan dilingkungi oleh pagar. Rumah-rumah Sultan dan pembesar-pembesar dibuat daripada bahan-bahan yang kuat seperti batu bata, papan dan di kelilingi oleh pagar buku dan juga terdapat lela di hadapan rumah masing-masing.<sup>16</sup>

### Sistem Politik Pentadbiran

Dalam sistem politik pentadbiran, Yang Dipertuan Terengganu yang pertama Sultan Zainal Abidin (1702—1726) dibantu oleh Bendahara Tun Hussain.<sup>17</sup> Apabila Sultan Zainal Abidin I mangkat dalam tahun 1726, takhta kerajaan diganti oleh putera baginda Tengku Mansur (1726—1793) yang berusia tujuh tahun. Dengan itu takhta kerajaan dipangku oleh Bendahara Tun Hussain.<sup>18</sup> Tengku Mansur menjadi Yang Dipertuan dengan gelaran Sultan Mansur I. Di masa pemerintah baginda, di samping Bendahara Tun Hussain terdapat Pembesar-pembesar itu seperti Maharaja Dinda,<sup>19</sup> Temenggung, Datuk Dungun, Tun Nara Wangsa,<sup>20</sup> Orang Kaya Padang<sup>21</sup> dan Orang Kaya Seri Wangsa.<sup>22</sup>

Peranan Bendahara Tun Hussain amat penting dalam pentadbiran Terengganu; ini terbukti ketika Sultan Mansur I berangkat dan menetap di Riau buat beberapa ketika, takhta kerajaan diserahkan di bawah pangkuan Bendahara Tun Hussain.<sup>23</sup> Jawatan Bendahara ini terus wujud dan memainkan peranan dalam pentadbiran Terengganu ketika pemerintahan pengganti Sultan Mansur I iaitu puteranya yang bergelar Sultan Zainal Abidin II (1793—1808). Tetapi jawatan Bendahara terhapus dan tidak digantikan lagi apabila Tun Hussain meninggal dunia; iaitu di masa pemerintah Sultan Ahmad (1808—1831),<sup>24</sup> pengganti Sultan Zainal Abidin II.

Sultan Ahmad mangkat pada tahun 1831, takhta kerajaan diganti oleh saudara baginda Tengku Abdul Rahman. Ketika pemerintahan Tengku Abdul

15. W.W. Skeat, "The Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States and to upper Perak 1899—1900", *JMBRAS*, Vol. 26, Part IV, 1953, hlm. 122.
16. G.W. Earl, op.cit., hlm. 184. Lela bentuknya seperti juga meriam tetapi ia lebih kecil berbanding dengan meriam.
17. Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, hlm. 20, M.C. ff. Sheppard, op.cit., hlm. 11.
18. Haji Mohd. Saleh bin Haji Awang, op.cit., hlm. 60. Ibid., Haji Buyong Adil, hlm. 22.
19. Ibid., Haji Buyong Adil, hlm. 20. M.C. off. Sheppard, op.cit., hlm. 11.
20. M.C. ff. Sheppard, hlm. 12.
21. Orang Kaya Padang dan Bendahara Tun Hussain menentang Ku Tana Wangsa, kakanda Tengku Mansur yang hendak memangku takhta kerajaan. Orang Kaya Padang kemudiannya dibunuhi oleh Sultan Mansur I kerana persengketaannya dengan Ku Tana Wangsa itu (Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, hlm. 20).
22. Orang Kaya Seri pada suatu ketika dititahkan bersama-sama dengan saudagar Ally deen menemui Kapten Francis Light di Pulau Pinang berunding mengenai perdagangan.
23. Ibid., hlm. 27.
24. Ibid., hlm. 59. M.C. ff. Sheppard, op.cit., hlm. 23.

Rahman, Kemaman ditadbirkan oleh Encik Abdul Rahim dan selepas itu oleh Tuan Marta yang berasal dari Pahang.<sup>25</sup> Tengku Abdul Rahman tidak lama memerintah; baginda mangkat pada tahun yang sama (1831). Dengan itu takhta kerajaan diganti oleh Tengku Daud, putera Sultan Ahmad. Tengku Daud hanya sempat memerintah selama 40 hari sahaja dan mangkat pada tahun 1831.

Kemangkatan Sultan Daud telah merubahkan sistem penggantian Yang Dipertuan yang sebelum ini berjalan dengan aman kepada perebutan kuasa. Apabila Sultan Daud mangkat, saudaranya Tengku Omar<sup>26</sup> yang sebelum ini bergelar Yang Dipertuan Muda iaitu bakal pengganti ditabalkan menjadi Yang Dipertuan Terengganu. Setelah menaiki takhta kerajaan, Baginda Omar melantik Tengku Mansur sebagai Yang Dipertuan Muda dan merupakan waris pengganti Yang Dipertuan. Keadaan berubah kemudiannya, oleh kerana Tengku Mansur ini telah lama berminat terhadap takhta kerajaan dan sentiasa mencari jalan dan peluang yang baik bagi memulakan tindakan merampas kuasa daripada Tengku Omar. Tengku Mansur menjalankan langkahnya melantik Che Ku Omar dan Che Ku Ahmad (iaitu saudara sebelah ibunya) sebagai pegawai utama, dan memujuk serta menawarkan jawatan menteri dan wang kepada Tengku Ismail (iaitu bapa saudara Tengku Omar dan pada ketika ini sebagai Menteri). Kini wujud dua kumpulan yang bertentangan, di satu pihak Tengku Mansur yang bermarkas di Balik Bukit dan Sultan Omar yang bermarkas berhampiran dengan Bukit Puteri.<sup>27</sup> Tengku Ismail akhirnya menerima tawaran Tengku Mansur. Beliau kemudiannya memujuk Sultan Omar meletakkan jawatan. Usaha Tengku Ismail mengalami kegagalan. Dengan itu Tengku Mansur memberi kata dua kepada Baginda Omar; pertama tidak akan mengambil tindakan kekerasan sekiranya takhta kerajaan diserahkan kepada beliau; keduanya akan melakukan tindakan kekerasan sekiranya Baginda Omar menolak. Walaupun diugut Baginda Omar tidak meletakkan takhta Kerajaan. Keengganan Baginda Omar ini menyebabkan Tengku Mansur menyerang kediaman Baginda Omar. Oleh kerana ketika Tengku Mansur menyerang pengawal-pengawal Baginda Omar sudah pulang ke rumah masing-masing menyebabkan dengan mudah Baginda Omar dikalahkan dan Tengku Mansur berjaya menduduki takhta kerajaan Terengganu. Baginda Omar mengundurkan diri ke Setiu, Besut dan akhir ke Kemaman. Beliau juga ke Riau untuk mendapatkan bantuan daripada Sultan Riau.<sup>28</sup>

Ketika berada di Kemaman Baginda Omar sentiasa berjaga-jaga dan membuat persiapan-persiapan menyerang Tengku Mansur dan mengambil semula takhta kerajaan Terengganu. Perisik-perisik sulit sentiasa dihantar bagi mendapatkan maklumat-maklumat penting mengenai strategi Tengku

25. Ibid., hlm. 175.

26. Tengku Omar (lebih terkenal dengan Baginda Omar) ialah putera Sultan Ahmad dengan isteri ketiga. M.C. ff. Sheppard, op.cit., hlm. 26. Haji Mubin Sheppard, "Baginda Omar the Conqueror", *Malaysia in History*, Vol. 12, No. 1, Oktober 1968, hlm. 34. Bukit Puteri letaknya berhampiran dengan muara sungai Terengganu iaitu 800 elai jaraknya, tingginya 500 kaki dan hanya 100 elai dari tebing selatan sungai Terengganu. Lihat Y.T.M. Tengku Ahmad Ibn Almarhum Sultan Zainal Abidin III, "Bukit Puteri in Legend and History", *Malaysia in History*, Vol. 2, No. 1, Oktober 1968, hlm. 27.

28. Ibid., Haji Mubin Sheppard, "Baginda Omar The Conqueror". Lihat juga T.J. Newbold, op.cit., hlm. 61.

Mansur di Kuala Terengganu. Kadangkala orang-orang Baginda Omar ini melakukan serangan dan mengakibatkan kerugian besar kepada kerajaan Terengganu.

Apabila Sultan Mansur mangkat, putera baginda, Tengku Muhammad dilantik menjadi Yang Dipertuan Terengganu. Baginda Omar dan pengikut-pengikutnya menyerang istana Tengku Muhammad di Bukit Puteri. Sultan Muhammad mengundurkan diri ke Dungun dan akhirnya ke Besut. Walaupun demikian Baginda Omar ditentang oleh Che Ku Omar dan Che Ahmad (kedua-duanya bapa saudara Sultan Mansur). Dalam pertempuran ini Che Ku Omar dibunuh oleh Wan Abdul Rahman, panglima Baginda Omar. Dengan kejayaan ini maka sekali lagi Baginda Omar menaikkan takhta kerajaan Terengganu.

Setelah menaiki takhta kerajaan menjadi Yang Dipertuan Terengganu, Baginda Omar melantik Tengku Idris sepupu Sultan Ahmad (Sultan Terengganu ke-4, 1808—1831) sebagai Menteri, Tengku Muda iaitu bapa saudara baginda menjadi penasihat utama, Datuk Bentara Haji sebagai Datuk Kaya Bija Diraja, Datuk Kaya Duyong, Imam Perang Losong, Tengku Panglima, Wan Abdul Rahman sebagai Orang Kaya Megat Seri Mahkota Diraja, Wan Osman sebagai Orang Kaya Panglima Dalam Setia Raja dan Tengku Abdullah putera Sultan Abdul Rahman (Sultan Terengganu ke-5) dengan gelarannya dikenal pasti.<sup>29</sup> Baginda juga melantik Wan Abdullah menjadi mufti, dan Tengku Ali bin Tengku Kadir menjadi pemerintah Besut. Apabila Tengku Idris mangkat, jawatan Menteri disandang oleh Yang Dipertuan Muda Tengku Mahmud. Apabila Tengku Mahmud mangkat, Baginda Omar melantik Sayid Zin bin Sayid Mohamed menjadi Menteri dengan gelaran Engku Sayid Seri Perdana. Oleh kerana semasa mentadbir Engku Sayid Zin seringkali tidak sihat, Baginda Omar melantik Tengku Ahmad menjadi pembantu dalam pentadbiran hingga ia meninggal dunia.

Baginda Omar juga menghapuskan sistem Pembesar Daerah setelah mereka meninggal dunia, kecuali Orang Kaya Duyong dan Orang Kaya Setiu. Sebagai ganti Baginda Omar melantik Penghulu; dan Penghulu ini bertanggungjawab dalam kawasan-kawasan tertentu seperti Pembesar dahulu. Penghulu-penghulu ini pula boleh berhubung secara langsung dengan Baginda Omar.<sup>30</sup> Di antara penghulu-penghulu yang dilantik oleh Baginda Omar ialah Penghulu Malek dan bertanggungjawab dalam kawasan Trengganu; Penghulu Said, Brueh di Hulu Kerbat dan Sungai Ketiar; Penghulu Ali di Sungai Chergul; Penghulu Bakti menjaga kesemua kawasan ke bawah Hulu Terengganu dan ke atas air terjun Kelemand.<sup>31</sup> Sebelum ini kawasan-kawasan tersebut adalah di bawah jagaan dan kawalan Orang Kaya Belimbings.<sup>32</sup> Jawatan Orang Kaya Belimbings dihapuskan apabila beliau meninggal dunia. Perubahan yang dilakukan oleh Baginda Omar ini merupakan sesuatu perkara yang penting dalam perkembangan sejarah Terengganu kerana sebelum ini daerah-daerah dalam negeri Terengganu ditadbirkan oleh Datuk atau Pembesar Daerah. Di dalam daerah, pula

29. M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu", hlm. 29.

30. Hugh Clifford, op.cit., hlm. 69.

31. Ibid., hlm. 70.

32. Ibid., M.C. Sheppard, "A Short History of Trengganu", hlm. 35.

dipecahkan lagi kawasan dan ditadbirkan oleh Datuk Muda. Manakala kampung-kampung dalam daerah yang dipecahkan itu ditadbirkan pula oleh Ka-tua-an atau Penghulu. Hugh Clifford melaporkan bahawa bentuk pentadbiran Terengganu sebagai pemusatan.<sup>33</sup> Juga pada masa ini Terengganu tidak lagi menghantar Bunga Mas atau Bunga Perak kepada kerajaan Siam.

Ketika menduduki takhta kerajaan Baginda Omar menghadapi serangan daripada Tengku Wok Hitam,<sup>34</sup> yang dahulunya membantu Tengku Mansur dalam perebutan kuasa. Pendaratan angkatan Tengku Wok Hitam ini diberitahu kepada Baginda Omar oleh Encik Chik. Oleh itu Baginda Omar pun memerintahkan tentera-tentera baginda bersiap sedia menjaga istana dan juga muara Kuala Terengganu. Tentera Baginda Omar pada ketika ini hanya ada tujuh belas orang sahaja di dalam kubu. Oleh itu orang perempuan juga diberikan senjata, seperti lembing, bersiap sedia sekiranya berlaku sebarang kemungkinan.<sup>35</sup> Angkatan Tengku Wok Hitam berjaya mendarat di Kuala Terengganu pada pukul dua pagi; tetapi gagal melakukan serangan disebabkan senjata yang dibawa tidak dapat digunakan kerana terkena tempias air laut ketika mendarat. Dengan itu Tengku Wok Hitam menerima kekalahan.<sup>36</sup> Dengan kekalahan Tengku Wok Hitam ini maka Terengganu tidak lagi diganggu-gugat oleh sebarang kumpulan atau pakatan yang ingin merampas kuasa. Baginda Omar memerintah Terengganu selama 37 tahun; mangkat dalam tahun 1876 dan dimakamkan di dalam kawasan Masjid Abidin.<sup>37</sup> Pengganti Baginda Omar ialah Sultan Ahmad II (1876—1881) dan baginda meneruskan sistem pentadbiran yang telah wujud sebelumnya. Seterusnya apabila Sultan Ahmad II mangkat, Terengganu diperintahkan oleh puteranya dengan gelaran Sultan Zainal Abidin III (1881—1919).

Ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, Terengganu sekali lagi mencapai kestabilan ekonomi dan politik. Sultan Zainal Abidin III melantik Tengku Muhammad bin Zainal Abidin menjadi Raja Muda atau Yang Dipertuan Muda Terengganu dan Tengku Sulaiman bin Zainal Abidin menjadi Tengku Muda. Kedua-duanya ialah putera Sultan Zainal Abidin III. Sultan Zainal Abidin kemudiannya memecahkan kawasan-kawasan Terengganu dan diserahkan kepada waris-waris yang dekat dan juga kepada pembesar-pembesar kerajaan.<sup>38</sup> Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad bin Zainal Abidin menjaga kawasan Sungai Marang. Tengku Musa atau Tengku Embong iaitu putera Sultan Daud (Sultan Terengganu Ke-6) menerima Sungai Kerteh. Tengku Embong juga bertugas sebagai Menteri dan Bendahari di Jabatan Perbendaharaan Terengganu. Tengku Khajki (Tengku Woh) bin Tengku Abu Bakar menantu Sultan Zainal Abidin III

33. Hugh Clifford, him. 69—70.

34. Tengku Wok Hitam keturunan Riau, datang serta menetap di Trengganu dalam masa pemerintah Sultan Zainal Abidin II (1793—1808) dan diberi kuasa mengutip cukai dan menjaga kawasan sungai Dungun. Lihat M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu", him. 29.

35. Haji Muhib Sheppard, "Baginda Omar The Conqueror", him. 36.

36. M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu", him. 29. Ibid., Haji Muhib Sheppard.

37. Ibid., M.C. ff. Sheppard, him. 35.

38. Mengenai pembahagian kawasan-kawasan itu sila lihat C.O. 273/351, John Anderson kepada Pejabat Kolonial, No. 303, 22 Februari 1909, terlampir: Laporan W.L. Conlay, "Extracts from the Journal of the British Agent Trengganu for the period 11th July to 31st August 1909", No. 53/09, 8 September 1909. (Seterusnya diringkaskan menjadi Laporan W.L. Conlay, 8.9.1909). W.L. Conlay, 8.9.1909, him. 19—22.

menerima Sungai Nerus iaitu cabang Sungai Terengganu yang penting.<sup>39</sup> Kawasan Sungai Telemong pula diserahkan kepada Tengku Ngah bin Tengku Rahim, menantu Sultan Zainal Abidin III yang berkahwin dengan Tengku Nik. Tengku Abu Bakar bin Abdul Jalil iaitu ayahanda Tengku Khajki yang beristerikan saudara (half-sister) Sultan Zainal Abidin III menjaga Sungai Dungun bersama-sama dengan Tengku Chik bin Tengku Long. Besut pula diserahkan kepada Tengku Hitam bersama-sama dengan anak saudaranya Tengku Long bin Tengku Ngah. Tengku Abdullah atau Tengku Puteh bin Sultan Ali keturunan Singapura yang beristerikan Tengku Ngah puteri sulung Sultan Zainal Abidin III menerima Sungai Paka. Sungai Setiu dan Sungai Kluang pula, iaitu dua sungai kecil di utara Terengganu ditadbirkan oleh Tengku Mahmud atau Tengku Muhammad bin Tengku Dalam bersama-sama dengan Datuk Kaya Lela Wangsa. Sungai Kemaman dan Kijal diserahkan kepada Tengku Ibrahim iaitu bekas pembesar Singapura dan kini menetap di Terengganu. Beliau ini berkahwin dengan janda Tengku Panglima Besar yang meninggal dalam tahun 1907. Che Mat bin Abdul Rahim yang bertugas di Pejabat Perbendaharan menjaga Sungai Kemasik. Sungai Merchang iaitu sungai di antara Kuala Terengganu dengan Dungun diserahkan kepada Tengku Putera bin Tengku Said Lingga. Tengku Putera adalah keturunan Singapura. Hulu Terengganu diserahkan kepada Tuan Bong atau Sayid Abu Bakar. Sayid Abu Bakar ini berkahwin dengan anak saudara Sultan Zainal Abidin III. Sungai Ibai dan Marang, oleh kerana ianya kecil tidak diserahkan kepada sesiapa. Pembahagian kepada waris-waris yang dekat ini merupakan satu tekitik yang bijak demi menjaga keselamatan dalam negeri dari sebarang kemungkinan perebutan kuasa.

Hasil-hasil dalam negeri pula hanya boleh dipungut oleh mereka yang telah dilantik oleh Sultan Zainal Abidin III. Saudara tua baginda, Tengku Chik Pangiran berhak memungut cukai dan hasil dalam kawasan-kawasan ke atas daripada Kelembang. Che Abdul Rahim iaitu Penasihat Sulit Utama Sultan Zainal Abidin III memungut cukai dan hasil di kawasan di antara Kelembang dan Kuala Terengganu. Tengku Musa, iaitu bapa saudara Sultan Zainal Abidin III diberi kuasa memungut cukai dan hasil di kawasan Sungai Telemong. Ungku Sayid Paloh, Sheikh-ul-Ulama dan Ahli Mesyuarat memungut cukai dan hasil di Sungai Nerus. Sultan Zainal Abidin III sendiri memungut cukai dan hasil di kawasan-kawasan yang bermula dari Kuala Telemong hingga ke Kuala Sungai Terengganu dan dari Sungai Ibai hingga ke Kuala Sungai Terengganu.<sup>40</sup>

Dalam menjalankan pentadbiran Sultan Zainal Abidin III dibantu oleh Tengku Musa, Tuan Hitam dan Che Abdul Rahim.<sup>41</sup> Ketika pemerintah baginda juga terdapat seorang Pembesar yang bergelar Datuk Mata-Mata. Tugasnya Datuk Mata-Mata ialah menyambut kedatangan pelawat-pelawat rasmi atau orang-orang kenamaan ke Terengganu, mengaturkan waktu perjumpaan dengan Yang Maha Mula Sultan di istana;<sup>42</sup> dan menjalankan

39. Tengku Khajki keturunan Trengganu" dan Singapura disifatkan oleh W.L. Conlay sebagai "... an enlightened young chief with great charm of manner and will probably influence Terengganu affairs considerably when he has gained experience". Ibid., hlm. 19.

40. M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu", hlm. 38.

41. M.C. ff. Sheppard, "A History of Terengganu", hlm. 47.

42. Laporan W.L. Conlay, 8.9.1980, hlm. 11.

undang-undang serta perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan.<sup>43</sup> Di masa pemerintah Sultan Zainal Abidin III juga terdapat jawatan Setiausaha Sulit Sultan Zainal Abidin III ialah Haji Ngah (atau Haji Ngah Mohamad) bin Yusof. Tugasnya pula termasuk pengurusan hal-ehwal dalam dan luar negeri. Ketua Agama Islam Terengganu yang digelar Sheikh-ul-Islam dipegang oleh Ungku Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad Al-Idrus.<sup>44</sup> Di samping itu Terengganu mempunyai sebuah Majlis Mesyuarat Negeri bagi memutuskan sesuatu hukuman atau pengisyiharan negeri. Anggota Majlis ini dipanggil Ahli Mesyuarat.

Penghantaran Bunga Mas ke Siam yang tidak dilakukan oleh Baginda Omar dimulakan kembali oleh Sultan Zainal Abidin III. Bunga Mas ini dihantar pada tiap-tiap tiga tahun sekali sebagai tanda persahabatan antara Kerajaan Terengganu dengan Kerajaan Siam. Di masa Sultan Zainal Abidin III Bunga Mas ke Siam dihantar oleh Datuk Balai Salim bin Umat, Long Mamat, Megat Ahmad dan Che Ali nakhoda perahu.<sup>45</sup>

Ketika Sultan Zainal Abidin III dan Sultan-sultan sebelum baginda memerintah Terengganu rakyat bebas membuka tanah baru dan memiliki-kinya, bebas menebang hutan dan mengambil kayu serta daun (nipah atau rumbia) untuk membuat atap bagi membuat rumah.<sup>46</sup> Walaupun ada kebebasan ini tetapi rakyat Terengganu masih terikat pada institusi-institusi tertentu yang dijalankan di Terengganu seperti Sistem Banci, Sistem Serah dan Sistem Kerah.<sup>47</sup>

43. Y.T.M. Tengku Ahmad Ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin, 'Dato Mata-Mata', *Malaysia in History*, Vol. 12, No. 1, Oktober 1968, hlm. 33. Datuk Mata-Mata disandang oleh Che Ali bin Mohamed. Sebelum menjawat jawatan ini beliau adalah Budak Raja. Apabila ayahandanya meninggal dunia jawatan dan gelaran Datuk Mata-Mata disandang oleh Che Ahli.
44. Engku Sayid Abdul Rahman bin Muhammad Al-Idrus (lebih terkenal dengan nama Tok Ku Paloh) dilahirkan di Paloh berhampiran dengan Kuala Terengganu. Ayahandanya, Sayid Muhammad bin Zainal Abidin bin Husin bin Mustafa Al-Idrus bergelar Tuan Besar Paduka dan menjawat jawatan Sheikh-ul-Ulama (sebutan Tok Ku Paloh) adalah seorang tokoh agama yang termasyhur di Terengganu. Di masa pemerintahan Baginda Omar, beliau telah mengarang beberapa buah buku agama yang berbentuk puji-pujian, nazam dan syair. Di antara buku karangan beliau ada juga yang dicetak. Apabila Sayid Muhammad meninggal dunia, jawatan Sheikh-ul-Ulama dipegang oleh Tok Ku Paloh. Tok Ku Paloh beristerikan Mak Ku Andak, iaitu emak saudara Sultan Zainal Abidin III. Beliau mempunyai sebuah pejabat di Cabang Tiga, Kuala Terengganu dan beberapa orang Budak Raja. (Temuramah Haji Mohd. Saleh bin Haji Awang, Kuala Terengganu, 24.3.1974. Juga temuramah Encik Mahmud, 9.3.1974). Tok Ku Paloh ini berpengaruh dan disegani oleh Pembesar-pembesar Negeri, juga disayangi oleh Sultan Zainal Abidin III. Hugh Clifford (semasa ekspedisinya ke Terengganu dan Kelantan untuk menangkap pejuang-pejuang Pahang. Tok Gajah, Datuk Bahaman, Mat Kilau dan pejuang-pejuang yang lain) mensifatkan Tok Ku Paloh seperti berikut: "... a man weak and wizened of body, but powerful and great reputation, who sent forth others to do doughty deeds for the faith ..." (William R. Roff, op.cit., hlm. 94). Masyarakat Terengganu pada masa itu menganggap Tok Ku Paloh sebagai orang keramat. (Abdul Taib bin Haji Ahmad, *Dato Bahaman Orang Kaya Semantan*, penggal 2, Pustaka Garuda, Kuala Lumpur, 1961, hlm. 97. Juga temuramah Haji Mohd. Saleh bin Haji Awang, 23.3.1974). Tok Ku Paloh sentiasa dikunjungi oleh orang-orang yang ingin mempelajari agama, dan juga untuk mendapat ubat serta berkait. Beliau mengajar tiga kali seminggu. (Hugh Clifford, op.cit., hlm. 99. Juga lihat yang Aisyah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891—1895*, Pustaka Aman Kota Bharu, Kelantan 1972, hlm. 13). Tok Ku Paloh meninggal dunia dalam tahun 1918.
45. Tentang Bunga Mas sila lihat Abdullah Zakaria b. Ghazali, "Bunga Emas: Suatu Tinjauan Dalam Hubungan Terengganu — Siam", *Malaysia in History*, Vol. 21, No. 1, Jun 1978.
46. "It appears that there are no premia or rents of any kind on state lands occupied or permanently taken up by native". Laporan W.L. Conlay, 8.9.1909, hlm. 9.
47. Hugh Clifford, op.cit., hlm. 72—73. Dalam Sistem Banci ini, tiap-tiap tiga tahun sekali kutipan wang dibuat daripada rakyat untuk menampung perbelanjaan membuat Bunga Mas. Tiap-tiap seorang yang telah berkhatah dikenakan bayaran sebanyak satu ringgit. Juga Yang Dipertuan ada mengenakan cukai sebanyak lima puluh sen seorang pada tiap-tiap tahun atau kadangkala tiga tahun sekali. Sistem

## **Keadaan Masyarakat**

Struktur sosial di Terengganu pada akad ke-19, ialah golongan pemerintah yang terdiri dari Yang Dipertuan, Anak Raja, Kerabat Diraja dan Pembesar-pembesar; manakala di bawah mereka ialah golongan yang diperintah dan terdiri daripada rakyat jelata, termasuklah pedagang, petani dan sedikit hamba.

Kerabat Diraja ialah mereka yang berdarah Raja dan boleh bergerak bebas dalam istana; Anak Raja ialah anak Yang Dipertuan dan Raja Daerah (di Besut Pembesar Daerah dipanggil Raja oleh penduduk-penduduknya). Manakala ada nama-nama yang bermula dengan Tengku, Engku, Raja seperti yang ada sekarang; ada di antaranya mempunyai hubungan darah dengan Yang Dipertuan tetapi merupakan waris yang jauh dan tidak ada harapan untuk menjadi yang Dipertuan. Pembesar-pembesar di Terengganu, sama ada di peringkat pusat atau daerah terdiri dari Kerabat Diraja dan orang kebanyakannya. Di Terengganu gelaran bagi Kerabat Diraja seperti Tengku Nara Wangsa, Tengku Bijaya, Tengku Seri Utama Raja, manakala orang kebanyakannya pula seperti Datuk Seri Amar Diraja, Datuk Pahlawan, Datuk Dalam, Datuk Seri Lela Diraja, Datuk Bentara, Datuk Bija Sura, Datuk Mata-Mata, Datuk Jaya Perkara, Datuk Balai dan Datuk Syahbandar. (Gelaran-gelaran ini terdapat dalam tahun 1920-an).

Hamba di Terengganu tidak ramai, di antara mereka terdapat hamba raja. Hamba raja ini bersikap ganas, garang dan bebas bertindak. Tiada siapa pun yang berani menyanggahi tindak-tanduk mereka. Di samping hamba raja ini terdapat hamba berhutang. Mereka ini pada mulanya menerima hutang tetapi apabila tiba tempoh perjanjian pembayaran mereka tidak dapat menjelaskan hutang itu, dan sebagai ganti mereka sanggup menyerahkan diri mereka menjadi hamba. Hamba berhutang ini akan bebas apabila ia dapat menjelaskan hutangnya itu. Di Terengganu hamba berhutang tidak boleh dimiliki atau diwarisi dari si piutang kepada saudara-mara piutang.<sup>48</sup> Dalam nilai dan pandangan, hamba perempuan lebih dihormati daripada hamba lelaki.<sup>49</sup> Di Terengganu pada abad ke-19, hamba boleh dibahagikan kepada tiga jenis mengikut tugas:

1. — Hamba Bekerja Dalam Rumah
2. — Hamba Pertanian

Serah pula merupakan satu cara untuk mendapatkan hasil. Sistem ini dijalankan melalui satu daripada dua cara yang berikut: Pertamanya Yang Dipertuan atau Pembesar Daerah menyerahkan barang tertentu kepada sesebuah kampung atau orang perseorangan dan nilai barang itu lebih tinggi daripada harga pasaran. Kedua-dua jumlah kecil wang dikirimkan kepada sesebuah kampung atau individu untuk mendapatkan hasil getah atau hasil-hasil hutan. Jadi, untuk mendapatkan perkara yang dikehendaki oleh Yang Dipertuan itu maka penghulu akan mengarahkan anak buahnya menyerahkan wang (kalau cara pertama) atau hasil-hasil hutan diserahkan maka barang atau wang yang diberikan oleh Yang Dipertuan terlebih dahulu tadi dibahagikan kepada orang yang menyerahkan wang atau hasil-hasil hutan. Dalam pembahagian itu biasanya orang yang berpengaruh mendapat lebih banyak; sebaliknya orang-orang yang lemah mendapat sedikit; kadangkala tidak mendapat langsung. Sistem Kerah hanya boleh dijalankan oleh Yang Dipertuan dan Pembesar Daerah. Dalam Sistem Kerah ini, Yang Dipertuan atau Pembesar Daerah apabila hendak menjalankan sesuatu pekerjaan sama ada untuk kepentingan negeri atau persendirian, ianya boleh mengerahkan rakyat untuk menjalankan pekerjaan itu.

48. Laporan W.L. Conlay, 8.9.1909, hlm. 11.

49. J.L. Humphreys, "Appendix No. 6. Report on Debt-Slavery in Trengganu", *Report of the Commission, appointed by Excellency the High Commissioner to enquire into Certain Matters Relating to the State of Trengganu 1918*, 1918, hlm. 158—159.

### 3. — Hamba Pengiring

Hamba Bekerja Dalam Rumah ini terdiri daripada gadis-gadis dan wanita; tugas-tugas mereka membelah kayu api, mengangkat air dari perigi ke atas rumah, memasak, membasuh kain, ke pasar, sebagai jururawat, menjahit, menjadi pelayan ketika makan dan juga menjadi suruhan menghantar surat. Hamba jenis ini kebanyakannya berkhidmat di rumah-rumah golongan pemerintah. Hamba Pertanian pula jumlahnya kecil sahaja dan tidak memainkan peranan penting di Terengganu, kerana golongan pemerintah kebanyakannya tidak berasal dari Terengganu tetapi dari Johor dan mereka ini tidak mempunyai tanah yang luas. Oleh itu golongan pemerintah ini lebih banyak menumpukan hasil mereka ke atas kutipan cukai pelabuhan. Jenis terakhir, Hamba Pengiring, telah mengalami perubahan kerana kos menanggungnya terlalu tinggi dan tambahan pula tugas-tugas mereka tidak diperlukan lagi di awal abad ke-20.<sup>50</sup> Perhambaan mengalami kemerosotan di masa pemerintahan Baginda Omar dan seterusnya terhapus di pertengahan awal abad ke-20.

Pada abad ke-19 seseorang tidak boleh berpayung ketika melalui kampung kediaman Yang Dipertuan, dan juga tidak boleh memakai kasut dan pakaian yang diperbuat daripada kain yang berwarna kuning.<sup>51</sup>

Kegemaran orang-orang Melayu Terengganu seperti juga di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya di Kelantan ialah menyabung ayam, lembu, kerbau, biri-biri, kambing; main layang-layang, rodat, berdikir barat, makyung, wayang kulit, menora dan gasing. Permianan gasing ini biasanya diadakan pertandingan di antara sebuah kampung dengan sebuah kampung yang lain. Jika sekiranya sebuah kampung itu mengalami kekalahan maka hadiah-hadiah tertentu akan diberikan kepada kampung yang menang.

Mengenai orang-orang Terengganu Abdullah bin Abdul Kadir Munshi membuat satu komentar di mana beliau menegaskan:

Apabilah seorang dagang atau orang puteh yang datang ke negeri itu, maka beratus-ratus orang dan kanak-kanak berlari-lari pergi mendapatkan berkerumun kepadanya tindih-menindih.<sup>52</sup>

Kenyataan ini keterlaluan sekali kerana walaupun kemungkinan ada yang datang melihatnya tetapi jumlah mereka yang hadir tidaklah seperti apa yang telah digambarkan oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi.

Kemudiannya, sekali lagi Abdullah bin Abdul Kadir Munshi menegaskan bahawa orang-orang di Terengganu malas dan mereka ini hanya membawa empat hingga lima batang campak buang, sebilah keris dan satu cangkas; berlainan pula dengan kaum wanita di mana mereka ini merupakan tenaga

50 Sebelum awal abad ke-20 hamba pengiring ini diperlukan oleh Pembesar-pembesar, juga Yang Dipertuan. Ini disebabkan kekuatan seseorang Pembesar itu tergantung kepada jumlah hamba pengiring yang mereka miliki. Sekiranya ramai bererti kuatlah kewibawaan seseorang Pembesar itu; sebaliknya kalau jumlah hamba pengiring itu sedikit maka kekuatan Pembesar itu tidak begitu teguh.

51 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op. cit., hlm. 28. Juga temuramah Encik Mahmud, Kuala Terengganu, pada 9.3.1974.

52 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, hlm. 29.

utama mencari nafkah hidup bagi keluarga di rumah.<sup>53</sup> Di sini, kalau diperhatikan kenyataan Abdullah bin Abdul Kadir Munshi sekali lagi keterlaluan kerana beliau hanya melihat sebilangan kecil sahaja; dan tambahan pula beliau hanya sekejap sahaja di Kuala Terengganu lantas membuat rumusan yang tidak begitu tepat. Sesungguhnya dapat diragukan apakah mungkin orang-orang lelaki di Terengganu malas kerana di abad ke-19 ini orang-orang Melayu Terengganu telah pun lama melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.<sup>54</sup> Kemungkinan besar orang-orang lelaki yang dilihat oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi itu ialah hamba-hamba raja ataupun mereka yang berkhidmat dengan Sultan.

Setelah menegaskan bahawa orang-orang Melayu Terengganu malas, Abdullah bin Abdul Kadir Munshi memberi alasannya kemalasan itu disebabkan oleh sikap Yang Dipertuan dan sistem pertadbiran negeri:

... kalau berharta atau berumah baik atau berladang berkebun besar, nescaya dicarikan raja suatu jalan, diambilinya dan dipinjamnya atau dipintanya. Manakala kalau tiada diberi dirampasnya; dan kalau melawan habis sekalian anak buah dibunuhnya dan didendanya.<sup>55</sup>

Persoalannya apakah sikap sebegini wujud di masa pemerintahan Baginda Omar atau sebelum dan selepas baginda. Semasa pemerintahan Baginda Omar, beliau sentiasa menggalakkan orang-orang Terengganu memasuki lapangan perniagaan dan perdagangan.

Pakaian rakyat Terengganu berbeza dengan Sultan dan pembesar. W.W. Skeat mencatatkan pakaian Sultan Zainal Abidin III seperti berikut:

... [He was] dressed in a loose, cream-coloured jacket, a sarong and white trousers of usual pattern. On his head he wore a black songkok, in place of the elaborately head-cloth.<sup>56</sup>

Rakyat Terengganu memakai kain lepas atas dan bawah dan setengah-setengah perempuan pula memakai kain dukung sebagai ganti baju.<sup>57</sup> Sebaliknya pula orang-orang besar memakai seluar 'sapak' atau seluar empat kerat berselimpang giling ungu dan berdastar serta ada juga di antara mereka memakai songkok yang dibuat dari urat resam yang dijalin; bajunya dikenali dengan nama baju ketat, lengannya pula hanya setakat siku.<sup>58</sup>

Dari segi keagamaan Terengganu juga menduduki tempat yang baik.

53 Ibid., hlm. 39. Namun demikian W.G. Earl hanya menyatakan orang-orang Terengganu membawa sebilah keris di pinggang sebagai mempertahankan diri sekiranya diserang oleh musuh. W.G. Earl langsung tidak mencatatkan bahawa orang-orang Terengganu malas. W.G. Earl, op. cit., hlm. 186.

54 Terengganu telah lama berkecimpung dalam bidang perdagangan. Oleh itu kenyataan Abdullah Munshi ini harus dipersoalkan kerana semasa mencatat beliau hanya melihat sekali pandang sahaja dan kemudiannya merekodkan tanpa penyelidikan lanjut. Kegiatan orang-orang Terengganu dalam perniagaan dicatatkan oleh pelawat-pelawat Perancis semasa mereka singgah di Kuala Terengganu pada abad ke-18. Di antara yang mencatatkan kegiatan perniagaan orang-orang Terengganu ini ialah Kapten Labe, Lieutenant Pottier Del 'Horme, Pierre Monneron; dan di sini mereka membeli dan menjual barang-barang. Mereka tiba sebelum kedatangan Abdullah Munshi. Pelawat-pelawat Perancis ini tiba di masa pemerintahan Sultan Mansur I atau yang dikenali dengan nama Marhum Janggut (1726—1793). Sila lihat Dr. John Dunmore, (tr.) op. cit., hlm. 145—159.

55 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op. cit., hlm. 39.

56 W.W. Skeat, op. cit., hlm. 121.

57 Haji Mohd Saleh bin Haji Awang, *Sejarah Terengganu*, hlm. 55.

58 Ibid.

Sekiranya didasarkan kepada Batu Bersurat, Terengganu menerima agama Islam lebih awal daripada kerajaan Melayu Melaka iaitu pada abad ke-14; dan ini bersesuaian pula dengan nama Terengganu sebagai Darul-Iman.<sup>59</sup>

Di abad ke-19 tiap-tiap kampung di Terengganu terdapat sebuah surau. Di Kuala Terengganu terdapat sebuah masjid yang dibuat daripada batu dan beratap papan. Di samping itu orang-orang Terengganu memandang tinggi dan menghormati mereka yang telah menunaikan fardhu Haji.<sup>60</sup> Ini menunjukkan bahawa pegangan dan pengaruh agama Islam di Terengganu begitu teguh sekali.

Walaupun di abad ke-19 tidak ada orang yang mengajar bahasa Melayu<sup>61</sup> di Terengganu tetapi pelajaran keagamaan diajar kepada anak-anak (dalam bahasa Melayu) dan mengaji al-Quran. Mengenai mengaji al-Quran ini Abdullah bin Abdul Kadir Munshi menegaskan.

Maka sebab itu terpuji [mengaji] kuran Terengganu itu dalam negeri-negeri lain.<sup>62</sup>

### Kegiatan Ekonomi

Pekerjaan utama penduduk-penduduk Terengganu di abad ke-19 yang mendiami kawasan di sepanjang sungai ialah bersawah padi dan bercucuk tanam sayur-sayuran untuk makanan harian dan sedikit untuk jualan. Di samping itu mereka juga membuat pekerjaan lain seperti menangkap ikan di sungai atau tasik dengan menggunakan tual, lukah, bubu, pukat, pancing dan jala. Ikan-ikan yang didapati ini kadangkala dijual dan wang yang didapati digunakan untuk membeli keperluan harian.

Mereka yang mengerjakan sawah sekali setahun menjalankan pekerjaan lain selepas menuai padi. Di antara pekerjaan lain ialah menganyam tikar, membuat saji dan 'karung' bagi kaum wanita dan membuat ukiran daripada kayu serta logam; mengambil upah membina atau membaiki rumah bagi kaum lelaki.

Pada abad ke-19 Terengganu telah pun menggunakan mata wang dalam penjualan dan pembelian.<sup>63</sup> Mata wang Terengganu ketika ini dipanggil Kepeng dan Jokoh. Berdasarkan catatan Abdullah Munshi ketika beliau singgah di Kuala Terengganu pada abad ke-19, besar mata wang Terengganu sama dengan mata wang Negeri-negeri Selat yang bernilai satu ringgit. Di muka hadapan mata wang Terengganu ini tertera perkataan 'Malik-ul-Adil' (Sultan Adil).<sup>64</sup> Dan di sebelah lagi ditulis 'Khalifatul-Mumin'in' (Khalifah Amanah).<sup>65</sup> Duit ini ada juga berbentuk bulat dan ditulis di hadapannya

59 Temuramah Haji Mohd. Saleh bin Haji Awang, Kuala Terengganu, 24.3.1974. Beliau menggaskan bahawa hingga kini tidak dapat mengesahkan bila dan siapa yang memulakan gelaran Terengganu dengan nama Darul-Iman.

60 W.G. Earl, op. cit., hlm. 149.

61 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op. cit., hlm. 37.

62 Ibid., hlm. 30.

63 Ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1700—1733) duit telah digunakan. Di hadapan duit ini tertulis "Sultan Zainal Abidin Syah" dan di sebelah lagi ditulis "Khalifatu'l Mumin'in 1120". Sila baca William Shaw dan Mohd. Kassim bin Haji Ali, *Coins of North Malaya*, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 34.

64 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op. cit., hlm. 35.

65 William Shaw & Mohd Kassim bin Haji Ali, op. cit., hlm. 34.

perkataan 'Kali Malik-Al-Adil'.<sup>66</sup>

Di masa pemerintahan Baginda Omar duit Terengganu ditulis pada sebelah muka sahaja, iaitu 'Duriba Fi Trekanu Sanat 1265'.<sup>67</sup> Semasa pentadbiran Sultan Zainal Abidin III (1881—1918) di hadapan duit Terengganu ditulis 'Belanja Terengganu Sanat 1299'; dan ada juga ditulis 'Sepuluh Kepen 10'.<sup>68</sup>

Kedua-dua jenis mata wang Terengganu Kepen dan Pitis (duit) dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri; bentuknya tipis dan kecil. Jokoh pula dikeluarkan oleh Kapitan Cina atau Komuniti Cina. Biasanya duit Jokoh digunakan di rumah perjudian. Namun begitu duit ini sah digunakan di Terengganu. Duit Jokoh lebih besar daripada duit tembaga Negeri-negeri Selat; berlubang ditengah-tengahnya sah digunakan setelah diberi dan disahkan oleh Jurubahasa dan Jurutulis dan juga "Chinese Interpreter" dan "Chinese Scribe of the Sultan".<sup>69</sup> Di samping itu ada juga Jokoh baru, nilainya sama dengan Jokoh yang dikeluarkan oleh Kapitan Cina; tetapi bentuk dan beratnya berlainan. Kapitan, Jurutulis dan Jurubahasa berkuasa mengeluarkan duit Jokoh sejumlah 40,000 tiap-tiap tahun yang bernilai seribu ringgit.<sup>70</sup> Juga Kerajaan Negeri ada mengedarkan duit baru dan nilainya sama dengan sepuluh sen pitis atau Kepen lama.

Semasa lawatan Abdullah Munshi ke Terengganu, beliau menganggarkan jumlah duit timah yang beredar dalam negeri sebanyak tiga ribu delapan ratus empat puluh.<sup>71</sup> Hugh Clifford pula mencatatkan jumlah pitis (duit) lama sebanyak sepuluh ribu ringgit, jumlah Kepeng baru tiga puluh ribu ringgit dan dari jumlah ini bertambah dua ribu ringgit pada tiap-tiap bulan Edaran Jokoh yang dikeluarkan berjumlah lima ribu ringgit, dan bertambah tiga ribu ringgit pada tiap-tiap tahun. Hugh Clifford menganggarkan jumlah semua edaran duit dalam negeri Terengganu enam puluh ribu ringgit.<sup>72</sup> Tentang pengeluaran duit di Terengganu ditegaskan oleh Hugh Clifford seperti berikut:

In a state like Terengganu, however, which fittingly be called the Birmingham of the Peninsula, there are numerous artisan capable of making exact imitations of the coin,  
<sup>73</sup> ...

Di samping itu duit Mexico dan Yen Jepun sah digunakan di Terengganu. Nilai satu ringgit Mexican sama dengan empat kepen atau lima puluh sen.<sup>74</sup>

Mengenai kegiatan ekonomi orang-orang Melayu Terengganu Abdullah Munshi mencatatkan bahawa ramai berniaga dan kebanyakannya daripada

66 Ibid., hlm. 36.

67 Ibid., hlm. 39.

68 Ibid.

69 Hugh Clifford, op. cit., hlm. 76.

70 Ibid., hlm. 77.

71 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op. cit., hlm. 35.

72 Hugh Clifford, op. cit., hlm. 78. Juga lihat M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu", hlm. 46.

73 Ibid., Hugh Clifford.

74 Ibid., hlm. 79.

**Jadual I**  
**Mata Wang Terengganu**

10 pitis atau kepen[g]	—	1 kepen baru
3 kepen baru	—	1 keneri
4 keneri	—	1 kupang
4 kupang	—	1 amas (50 sen)
2 amas	—	1 ringgit

Sumber: Hugh Clifford, hlm. 76.

**Jadual II**  
**Mata Wang Terengganu**

24 pitis atau kepen[g]	—	1 jokoh
5 jokoh	—	1 kupang
4 kupang (20 jokoh)	—	1 amas (50 sen)
2 amas (40 jokoh)	—	1 ringgit

Sumber: Hugh Clifford, hlm. 77.

mereka terdiri dari kaum wanita.<sup>75</sup> Jual beli di pasar dijalankan pada waktu petang sahaja.<sup>76</sup> Barang-barang jualan pula ialah pengangan, cucur, goreng pisang, keladi rebus, pengangan talam (tepung talam), buah melaka, bua korea dan tepung (kuih) manis.<sup>77</sup> Barang-barang lain yang di-niagakan ialah ikan dan sayur-sayuran. Harganya adalah murah. Buah-buahan ada juga dijual. Oleh kerana kebanyakan daerah di Kuala Terengganu ditanami dengan pokok limau menyebabkan harganya satu ringgit bagi dua ratus biji.<sup>78</sup> Di samping itu tidak ketinggalan barang-barang yang di-jual di pasar seperti tempoyak, petai, jering dan ulam-ulam. Barang-barang yang dijual di kedai pula ialah roti minuman keras, cerut dan barang-barang buatan Eropah, India dan Cina.<sup>79</sup>

Orang-orang Melayu Terengganu yang mendiami kawasan pinggir pantai terdiri nelayan. Di samping itu terdapat juga pedagang-pedagang yang menggunakan perahu-perahu layar yang besar dan dikenali sebagai perahu 'Bedar'. Perniagaan ini dilaksanakan melalui jaluran pantai hingga ke Senggora, Patani dan Singapura.

Pada tiap-tiap hari nelayan-nelayan ini ke laut mencari rezeki bagi menampung nafkah kehidupan sehari-hari. Mereka ini bangkit dari tidur pada pagi-pagi hari. Setelah menunaikan fardu subuh maka nelayan-nelayan ini ke pantai, ke perahu masing-masing dan kemudiannya terus ke laut.

<sup>75</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op. cit., hlm. 28. Juga lihat T.J. Newbold, op. cit., hlm. 62. Medhurst menegaskan ketika beliau melewati pasar kebanyakannya penjual dan pembeli adalah kaum wanita.

<sup>76</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, hlm. 28. "... adat di sini petang sahaja ada pasar". Juga lihat John Dunmore, op. cit., hlm. 156. Di mana Pierre Monnerson's semasa lawatannya ke Kuala Terengganu dalam abad ke-18 menyatakan: "The markets are not held before three or four in the afternoon".

<sup>77</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, hlm. 34.

<sup>78</sup> Ibid.

<sup>79</sup> W.W. Skeat, op. cit., hlm. 121. Lihat juga John Dunmore, op. cit., hlm. 147.

Setelah hampir separuh hari di tengah-tengah lautan maka nelayan-nelayan ini pun dengan menggunakan layar serta dengan pertolongan bayu laut pulang ke pantai. Hitung panjang pendapatan bulanan nelayan-nelayan ialah lapan ringgit.<sup>80</sup>

Ketika musim tengkujuh nelayan membaiki pukat, rumah dan perahu-perahu yang rosak. Di samping itu ada di antara mereka ini ke sungai menangkap ketam, udang dan ikan. Mereka yang mahir dalam pertukangan tangan akan membuat barang-barang pertukangan seperti senduk, kukuran, pengayuh, lesung dan antan serta berbagai-bagai lagi untuk dijual atau untuk kegunaan sendiri.

Selain dari menjadi nelayan, terdapat juga mereka yang mendiami kawasan pinggir pantai menjadi pedagang. Perdagangan Terengganu di abad ke-19, menggunakan perahu layar yang dikenali dengan nama perahu 'Bedar'. Barang-barang yang diperdagangkan pula ialah tikar, karung, ikan kering, pinang kotai, lembu, kambing, emas, bijih timah, bijih besi, kopi, lada hitam, kayu candan, kain sutera, seluar, dan baju sutera, ikat pinggang dan saputangan sutera, senjata-senjata seperti keris, lembing, tombak dan pedang, gula, kelapa, minyak sapi, rotan dan damar. Jumlah eksport kopi setahun ialah seribu pikul; lada hitam seribu hingga dua ribu pikul dan pinang kotai pula dua ribu hingga tiga ribu pikul. Barang-barang yang dibawa masuk ke Terengganu pula ialah candu, garam, kain lain seperti kain giras, kain putih, kain kesumba merah, kain cita Eropah dan benang Eropah.<sup>81</sup> Import garam hanya boleh dijalankan oleh Yang Dipertuan sahaja. Import candu juga monopoli Yang Dipertuan dan menghasilkan pendapatan lima ribu ringgit setahun kepada negeri.<sup>82</sup>

Perdagangan ini dapat dijalankan dengan lancar kerana keadaan dalam negeri pada keseluruhannya aman dan disebabkan keadaan pelabuhan Terengganu sendiri yang baik dan mudah untuk dimasukki oleh perahu-perahu dan kapal-kapal dagang. Tentang muara sungai Terengganu ini Abdullah Munshi mencatakan:

Maka adalah sahaya lihat Terengganu itu bagus, dan sungainya besar....<sup>83</sup>

Urusniaga perdagangan keseluruhannya dijalankan di suatu tempat yang terdiri daripada beberapa orang pedagang dan pembeli; misalnya di Balai Sultan atau di Residen Kapitan Cina. Manakala penjualan pula dilaksanakan seperti lelong di mana sesiapa yang sanggup membayar dengan harga tinggi maka dia lah yang berhak ke atas barang yang ditawarkan.<sup>84</sup>

Kapten Hamilton yang melawat Terengganu dalam tahun 1719 dan 1720 menyatakan:

... [Kuala Terengganu] the town was partly people with Chinese who had a good trade of three or four junks yearly, besides some that trade to Siam, Cambodia, Tan-

80 Hugh Clifford, op. cit., hlm. 89.

81 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op. cit., hlm. 35.

82 Hugh Clifford, op. cit., hlm. 75.

83 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, op. cit., hlm. 27.

84 G.W. Earl, op. cit., hlm. 187—188.

Cukai eksport yang dikenakan ke atas tiap-tiap pikul ikan di Terengganu ialah satu ringgit; sebaliknya cukai import yang didapati pada tiap-tiap tahun ialah lima ribu ringgit.<sup>86</sup>

Pedagang-pedagang atau saudagar-saudagar Terengganu memberi layanan yang baik kepada pedagang-pedagang luar negeri. Ini digambarkan oleh Kapten Labe's seperti berikut:

The King was absent, but his merchants gave me an excellent welcome and promised to supply me with all the food I might need, for either cash or opium or muskets.<sup>87</sup>

Walaupun demikian urusan perniagaan dijalankan oleh Yang Dipertuan,<sup>88</sup> Jual beli dilakukan dalam timbangan kati, pikul dan sukatn gantang.<sup>89</sup>

Tentang perdagangan di Kuala Terengganu Kapten Labe's mencatatkan seperti berikut:

The King has a share in this and does all the sea trade on his own account with European he also owns several boats that go to Cambodia, Siam and other places, he also charters the ships of these people to bring rice to meet the needs of his subjects who in spite of the fertility of the country are too lazy to grow enough of what is consumed in the country.<sup>90</sup>

Yang Dipertuan sentiasa melawat pelabuhan dan memberi layanan-layanan yang istimewa kepada orang-orang Eropah dan orang Belanda.<sup>91</sup> Sebaliknya pula kalau Yang Dipertuan tidak dapat hadir ke pelabuhan maka baginda akan diwakili oleh Pembesar; tetapi segala tindakan dan perlaksanaan perniagaan adalah berdasarkan kepada apa yang diperintah oleh Yang Dipertuan.<sup>92</sup>

Ketika pemerintah Baginda Omar, terdapat pedagang-pedagang Terengganu yang bermiaga di Singapura ditipu oleh orang-orang Cina. Kejadian ini dipandang berat oleh baginda. Baginda menghantar surat kepada sahabat baginda di Singapura meminta bantuan menyelesaikan masalah yang menimpa pedagang-pedagang Terengganu di Singapura. Salah seorang daripada sahabat yang sentiasa diharapkan oleh Baginda Omar mengawasi keadaan pedagang-pedagang Trengganu sekiranya ditimpa kemalangan atau ditipu ialah Encik Bujal. Dalam surat baginda kepada Encik Bujal, Baginda Omar mencatatkan seperti berikut:

... haraplah Encik Bujal boleh tolong dari perkara orang Cina yang menipu orang kita di Singapura.<sup>93</sup>

### Kemudiannya Baginda Omar menghantar satu surat lagi kepada sahabat

85 Dipetik dari M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu", hlm. 8. Lihat juga D.K. Bassel, op. cit., hlm. 122.

86 M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu", hlm. 47.

87 John Dunmore, op. cit., hlm. 146. Laporan ini dibuat semasa singgah di Kuala Terengganu pada hari Jumaat 28 Julai 1769 dan tinggal di sini selama hingga dari Rabu 2 Ogos 1769.

88 Ibid., hlm. 153. Lihat catatan Lieutenant Pottier de L' Hormes.

89 Ibid., hlm. 153.

90 John Dunmore, op. cit., hlm. 148.

91 Ibid.

92 Ibid.

93 ARKD, Bil. 3/1265, surat Baginda Omar kepada Encik Bujal Singapura, ditulis pada pukul 12.00, hari Selasa 9 Syawal 1265 (27.8.1849).

baginda yang lain iaitu Bab Kamsin. Dalam surat ini, setelah memuji-muji kebaikan Bab Kamsin Baginda mencatatkan:

... haraplah akan sahabat kita boleh menolong selesaikan dari fasal wang kita yang sudah tertipu oleh Ahoo itu di mana-mana jalan yang patut kepada sahabat kita yang jangan jadi besar kemaluan [malu] kita segala-gala kita tiada sayang akan wang kita yang sebegitu banyak tetapi kita banyak malu dari sebab tiada ada penolongan daripada segala sahabat handai kita yang sudah kita harapkan akan dapat penolong daripadanya demikianlah adanya tamat al-kalam bil-khairi was salam.<sup>94</sup>

Dalam bidang perusahaan kemahiran tangan dan tenunan, Terengganu mencapai taraf yang membanggakan di abad ke-19. Hinggakan Terengganu seringkali menerima pujian daripada orang Barat. Di antaranya, Hugh Clifford menganggapkan bahawa Terengganu sebagai Birmingham di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>95</sup> Di antara hasil perusahaan orang Melayu Terengganu ialah kain sutera dan kapas, alat-alat senjata seperti lembing, keris, tombak dan juga alat-alat perhiasan yang dibuat daripada logam dan kayu, serta juga perabot-perabot rumah.

Tenunan kain biasanya diusahakan oleh kaum wanita, manakala senjata dan alat-alat perhiasan daripada logam dan kayu diusahakan oleh kaum lelaki. Hasil tenunan yang sangat bernilai ialah kain benang emas, kain limau dan kain perang rosak, yang mana dianggap oleh Hugh Clifford sebagai dua jenis kain yang terbaik hasil tenunan di Terengganu dan dijual dengan harga yang tinggi di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>96</sup> Selain dari ketiga-tiga jenis kain tadi terdapat juga jenis-jenis kain lain seperti kain bujang, kain lepas, kain sampin, kain bekung, kain selendang, kain kelubung, dan kain setangan (saputangan). Corak kain pula dipanggil kain beragi, kain semerenda, kain mastuli, kain corak Muar dan kain Bugis.<sup>97</sup> Di antara kain-kain ini kain songket yang bermutu tinggi. Ini diakui oleh A.H. Hill, di mana beliau menyebut:

The finest types of finished cloths all belong to class known generically as kain songket in which gold and silver thread ....<sup>98</sup>

Di antara nama corak kain ialah kain kepala pucuk rebung, kain kepala lawi ayam, kain giling, kain teluk berantai, kain corak Jepun, kain prang rosak, kain bunga rumput, kain selumbar nibung, kain pelangi, kain selereng, kain bujang dan kain benang emas.<sup>99</sup> Kawasan perusahaan tenunan ini ialah di Paloh, Cabang Tiga, Kuala Ibai, Chendering (kesemua kawasan ini terletak dalam daerah Kuala Terengganu sekarang ini).

Perusahaan logam juga dijalankan di Terengganu, iaitu membuat alat-alat dari tembaga seperti batil, ketul, dulang, gobek sirih, cerana (tepak sirih); dan juga alat-alat perhiasan daripada perak. Hasil perusahaan ini dijual di Semenanjung Tanah Melayu dan negeri-negeri jiran.

94 ARKD, Bil. 5/1265, surat Baginda Omar kepada Bab Kamsin saudagar Singapura, 9 Syawal 1265 (27.8.1849).

95 Hugh Clifford, op. cit., hlm. 78.

96 Ibid., hlm. 21.

97 A.H. Hill, "The Weaving Industry in Trengganu", *JMFRAS*, Vol. 22, Pt. III, 1949, hlm. 82.

98 Ibid.

99 Ibid., hlm. 82—84.

Di samping hasil-hasil perusahaan yang dibincangkan itu, orang-orang Melayu Terengganu juga membuat tikar daripada mengkuang dan kericot, karung, badang dan beg tangan. Pekerjaan ini dilakukan oleh kaum wanita. Memandang kepada kemahiran orang Melayu Terengganu ini maka Gerald Hawkins menegaskan seperti berikut:

Terengganu is also the home of the best Malay Plaited work, used in the production of gaily coloured and patterned hats, bags, purses and dish covers.<sup>100</sup>

Melihat kepada aktiviti-aktiviti kemahiran tangan orang Melayu Terengganu ini juga maka W.W. Skeat mencatatkan seperti berikut:

Kuala Terengganu appeared to be a hive of industry, and we were truly astonished at the range of the activities, and in parts at the high quality of the work.<sup>101</sup>

Dalam bidang pertanian pula tanaman yang ditanam selain daripada padi ialah jelai, ubi kayu, keladi, gambir, kelapa, tebu dan pokok-pokok buah-buahan. Namun begitu padi merupakan tanaman utama dan yang terpenting di Terengganu. Ianya ditanam sekali setahun melalui tiga cara mengikut jenis-jenis tanah; iaitu tanah sawah, tanah tenggala dan tanah huma.

Penggunaan beras tahunan di Terengganu kira-kira 6,000,000 gantang atau 30,000 pikul. Dari jumlah ini hampir satu pertiga diimport dari negeri Siam dan Negeri-negeri Selat.<sup>102</sup> Harganya pula antara satu ringgit untuk lapan hingga sembilan gantang; dan antara \$2.50 dengan \$2.22 bagi sepikul. Manakala di Setiu, Besut dan Dungun harganya kadangkala meningkat hingga ke \$4.00 sepikul.<sup>103</sup>

Tanaman kelapa pula, di samping untuk makanan juga untuk dijual. Kelapa yang dibeli oleh orang tertentu, kemudiannya dikeringkan dan dieksport ke Singapura. Tebu pula ditanam di kawasan tertentu dalam negeri dan dibuat manisan tebu untuk kegunaan sendiri.

Punca asli negeri Terengganu seperti getah jelutung, kapur barus, kayu candan dan rotan dimonopoli oleh Yang Dipertuan, dan Pembesar.<sup>104</sup> Bahan-bahan ini hendaklah dijual kepada Yang Dipertuan, Pembesar atau wakil-wakil yang telah ditentukan dengan harga yang telah ditetapkan.

Di samping itu damar dan kayu juga menjadi barang monopoli Yang Dipertuan dan Pembesar. Hasil ini hendaklah terlebih dahulu dijualkan kepada baginda, atau wakil-wakil baginda dan kemudiannya baharulah dieksport. Juga, lembu tidak boleh dieksport sebarang kerana ia merupakan barang monopoli Yang Dipertuan. Lembu hendaklah dijual kepada baginda atau wakil baginda dengan harga yang telah ditetapkan iaitu antara \$8.00 hingga \$12.00 seekor. Sekiranya ada sesiapa yang melanggar perintah ini akan didenda dengan berat oleh pihak yang berkuasa.<sup>105</sup> Walaupun demikian ada juga bahan-bahan yang tidak menjadi monopoli

100 Gerald Hawkins, *Malaya*, Government Printing Press Office, Singapore, 1952, hlm. 49.

101 W.W. Skeat, op. cit., hlm. 194.

102 Berdasarkan laporan W.L. Conlay, 8.9.1909, hlm. 10. Dalam tahun 1909 Terengganu mengimport beras sebanyak tiga perempat sama ada dari Kelantan atau Bangkok.

103 Hugh Clifford, op. cit., hlm. 96.

104 Ibid., hlm. 74.

105 Ibid., hlm. 74—75.

Yang Dipertuan seperti tembakau.<sup>106</sup>

Di kawasan pantai pula, ikan-ikan dibeli oleh orang tertentu dijadikan ikan kering dan dieksport ke Singapura. Keseluruhan perusahaan ikan kering ini diusahakan oleh orang-orang Melayu, tetapi proses penjualan dilakukan oleh orang-orang Cina. Ikan-ikan kering yang dieksport ke Singapura ini biasanya berharga \$5.00 sepikul (harga di Singapura). Keuntungan yang didapat pada tiap-tiap pikul ikan adalah kecil. Keras kos memproses ikan kering sepikul \$4.75, termasuk proses ikan \$3.25 dan cukai serta kos pengangkutan ke Singapura \$1.50. Harga sepikul di Singapura ialah \$5.00. Dengan itu keuntungan yang didapat ialah 25 sen bagi tiap-tiap pikul.<sup>107</sup>

Tiap-tiap perahu dagang atau kapal memasuki Kuala Terengganu dikenakan cukai import; dan cukainya pula berdasarkan jenis perahu dan kapal dagangan itu. Sekiranya perahu atau kapal itu besar maka cukai pelabuhan apabila memasuki ke Kuala Terengganu ialah \$20.70 sebuah; sebaliknya kalau jong-jong dan perahu bumiputera maka jumlah cukai yang dikenakan adalah rendah.<sup>108</sup> Cukai ini juga dikenali dengan panggilan Labuh Batu. Cukai yang dikenakan ke atas jong yang mendarat dan meninggalkan Kuala Terengganu sebanyak \$15.00 hingga \$35.00 bagi sebuah jong. Cukai ini dipungut oleh seorang yang bergelar Jurubahasa dan beliau adalah wakil Yang Dipertuan.<sup>109</sup> Hasil daripada pungutan ini kemudian dibahagikan kepada dua puluh bahagian mengikut kadar tertentu. Yang Dipertuan mendapat enam bahagian, Yang Dipertuan Muda mendapat empat bahagian, Datuk Bandar dua bahagian, manakala Pembesar-pembesar termasuk Datuk Mata-Mata, Haji Ngah Mohamed bin Yusof, Setiausaha Sulit Yang Dipertuan dan Encik Mat anak Jurubahasa mendapat satu bahagian.<sup>110</sup>

Ekonomi Terengganu yang mencapai taraf yang baik dan memuaskan di mana pemerintahan Baginda Omar kerana galakan baginda sendiri terus berkembang lagi di masa pemerintah Sultan Zainal Abidin III. Juga seiringan dengan itu monopolii Yang Dipertuan terhadap punca-punca asli berkurangan.

106 Ibid., hlm. 75.

107 Ibid.

108 Ibid., hlm. 75—76.

109 *Annual Report Trengganu 1912*, dipetik oleh M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu", hlm. 50. Lihat juga G.W. Earl, op. cit., hlm. 183.

110 M.C. ff. Sheppard, op. cit., hlm. 50.

... dalam pengaruh yang kuat oleh Suku Cina yang menduduki sebahagian besar bandar dan kota-kota di seluruh negara. Pada akhirnya, kerajaan British mengambil alih pentadbiran negara pada tahun 1826. Dengan kejatuhan kerajaan Melayu, pentadbiran negara berpindah ke London. Pada masa itu, Kuala Terengganu merupakan sebuah bandar yang kecil dengan populasi kurang dari 10,000 orang. Ia terdiri daripada beberapa kampung yang terpisah dan tanpa jalan raya yang teratur. Terdapat beberapa sungai yang mengalir melalui bandar ini, termasuk Sungai Terengganu yang merupakan sungai utama yang mengalir melalui bandar.

## Kuala Terengganu: Pusat Perdagangan Antarabangsa\*

KHOO KAY KIM+

**S**EBAHAGIAN daripada usaha penulisan kembali sejarah Malaysia melibatkan pembetulan perspektif mengenai sejarah itu. Jarang disedari bahawa generasi sekarang terpedaya oleh perkembangan-perkembangan terbaru sehingga pandangan mereka mengenai masa lepas mendapat pewarnaan oleh ide-ide yang anakronistik. Ini terutama sekali telah mengganggu minat terhadap sejarah Negeri-negeri Timur Semenanjung, di mana timbulnya anggapan bahawa negeri-negeri tersebut semestinya mundur berbanding dengan Negeri-negeri Melayu Pantai Barat. Akibatnya, seperti yang ketara pada masa ini, ialah kewujudan ketidakseimbangan yang nyata dalam historiografi Malaysia, walaupun ada usaha-usaha pada akhir-akhir ini yang dilakukan oleh para sarjana untuk mengisi ruang yang kosong sedapati yang boleh.

Di samping itu, setiap kali anjuran dibuat supaya dilakukan beberapa perubahan ke atas sukanan pelajaran sejarah, aduan yang selalu dikemukakan oleh guru-guru sekolah ialah mereka menghadapi kesukaran mendapat bahan mengenai tajuk-tajuk yang kurang popular mengenai sejarah Malaysia. Aduan-aduan seumpama ini adalah berasaskan kepada tanggapan sahaja. Guru-guru sejarah Malaysia yang cergas dan berdedikasi akan menginsafi bahawa terdapat sekumpulan besar bahan-bahan yang telah dicetak mengenai pelbagai aspek sejarah negara ini.

Berdasarkan kepada hal inilah usaha dilakukan untuk memaparkan sebahagian dari gambaran jelas mengenai Kuala Terengganu sebagaimana yang diperkatakan oleh beberapa orang pelawat ke pusat perdagangan penting itu dalam jangka waktu hampir dua ratus tahun. Sumber-sumber yang digunakan hampir kesemuanya terdiri daripada bahan-bahan yang telah

\* Artikel asalnya bertajuk 'KUALA TERENGGANU INTERNATIONAL TRADING CENTRE'. Dialihbahasa dengan kerjasama saudara Mohamed Abu Bakar dan Adnan Hj. Mohd Nawang.  
+ Penulis adalah Profesor Sejarah Malaysia, Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

dicetak, yang mana sebahagiannya masih boleh didapati dengan mudah oleh pelajar-pelajar sejarah Malaysia.

### Alexander Hamilton (1719—1720)

Salah seorang pelawat Inggeris yang awal datang ke Kuala Terengganu ialah seorang pedagang terkenal — Kapten Alexander Hamilton. Beliau berada di Kuala Terengganu sebelum pemerintahan beraja hari ini diasaskan.<sup>1</sup> Barangkali Hamilton singgah di Kuala Terengganu pada akhir tahun 1719, sama ada dalam perjalanan menuju atau dari Siam<sup>2</sup> dan beliau merakamkan bahawa:

Trangano stands pleasantly near the Sea, on the side of a River that has a shallow Bar, and many Rocks scattered to and again within the River, but Room enough in many Places to moore small Ships very securely, to keep them safe from the Dangers of the Winds or Floods. There may be about one thousand Houses in it, not built in regular Streets, but scattered in ten or twenty in a Place distant a little Way from another's Villa of the same Magnitude. The Town is above half-peopled with Chinese, who have a good Trade for three of four Jonks yearly, besides some that trade to Siam, Cambodia, Tunqueen and Sambas. When I came back from Siam with my Cargo unsold, as I mentioned before, I came to Trangano to dispose of what I could of my Goods, and to procure a new Cargo for Surat, the kind King [Sultan Abdul Jalil of Johor] assisted me in doing both, with all the Readiness and Cheerfulness imaginable.<sup>3</sup>

Hamilton yang sebelumnya melawat Johor pada tahun 1695 dan 1703, memperkatakan terutama sekali mengenai politik pada masa itu, tetapi oleh kerana tujuan utama lawatannya ke timur adalah perdagangan, maka beliau tidak ketinggalan dari membicarakan persoalan ekonomi Terengganu. Beliau mencatatkan seperti berikut:

Trangano is a very pleasant and healthful Country, and affords a fine Land-skip from the Sea. The Hills are low, and covered with ever-green Trees, that accomodate the Inhabitants with Variety of delicious Fruits, such as Lemons, Oranges, Limes, Mangoes, Mangostans, Rambostans, Letchees and Dureans: And in the Valleys, Com Pulse, and Sugar-canies. The Ground is cultivated by the Chinese, for the Malayas [sic] cannot take that Trouble.

The Product of the Country is Pepper and Gold, which are mostly exported by the Chinese. About 300 Tuns are the common Export of Pepper, and we have it almost for one half of the Price that we pay for Malabar Pepper. From the Month of October till March, their River is shut up by the Bar, which fills up by the Impetuosity of the great Seas sent on that Shore by the North-east Monsoons; but in the Months of July and August their Seas produce the finest Fish that ever I saw or tasted. There is one Sort exactly like a Salmon, both in Shape and Taste, but the Fish is white, as the Salmon is red. Their Poultry are large, plump and sweet, but Beef is scarce, except Buffalo Beef, and that is plentiful enough.<sup>4</sup>

1 Keluarga diraja sekarang barangkali diasaskan pada tahun 1726—27 (1139 Hijrah). Sila lihat Misbaha, *Sejarah Trengganu*, Kuala Terengganu, 1966, hlm. 51.

2 Urutan Kronologi pengembalaan Hamilton tidaklah selalunya jelas dari penceritaannya. Sir William Foster (ed.), *A New Account of the East Indies by Alexander Hamilton*, The Argonaut Press, London, 1930.

3 Ibid., hlm. 81—82.

4 Ibid., hlm. 83.

### Kapten Joseph Jackson (1764)

Minat Hamilton terhadap Kuala Terengganu bukanlah suatu fenomena yang terpisah. Minat perdagangan Inggeris di dunia bahagian ini telah bertambah dengan jelas menjelang kurun ke-18. Pada tahun 1737 Belanda melaporkan ketibaan dua buah kapal perdagangan persendirian British di Melaka, yang berada dalam perjalanan ke Kuala Terengganu dan kepulangan salah satu daripadanya dari Kuala Terengganu pada tahun yang sama. Menjelang pertengahan kurun ke-18, Kuala Terengganu adalah pelabuhan singgahan yang sering dikunjungi oleh kapal-kapal Syarikat Hindia Timur Inggeris, yang memerlukan bekalan dalam perjalanan ke China.<sup>5</sup> Pada akhir tahun 1763 atau awal tahun 1764 seorang ahli perang British, Panther singgah di Kuala Terengganu dan membawa sepucuk surat Sultan Mansur I untuk dihantar ke Madras. Ini kemudiannya diikuti oleh Kapten Joseph Jackson yang singgah di Kuala Terengganu dalam kapal sewa Syarikat Hindia Timur, *Pitt*. Beliau tiba pada 14 Jun 1764. Laporan Kapten Jackson telah menambahkan pengetahuan kita tentang keadaan Kuala Terengganu pada masa itu. Sebahagian besar daripada laporannya membincangkan tentang keperluan kompeni untuk mendirikan satu pangkalan yang kekal di Terengganu. Beliau hanya dengan secara ringkas mencatatkan bahawa:

Trangano appears to be very healthy and pleasant, large and very populous, abounding in good Provisions of all Sorts, and a fine River with Sixteen Foot Water over the Barr, and within Water enough for ships of any Burthen. The Chinese have a large Settlement and carry on a considerable Trade here. These the King said he would put under any Restrictions We pleased or sent them all away if desired.<sup>6</sup>

Seterusnya beliau menambah:

In short the very great Advantage that appears to me from the Trade of this place...seems to be equal or superior to either the Coast of Choromandell or that of Malabar, as to Pepper you will say you have sufficient Quantity from Bencoolen for the China Market, but in that Case you may always sell it to the Amoy Junks, for as much as you can sell it for at Canton.

Jackson sebenarnya berjanji kepada Sultan bahawa dalam jangka waktu setahun pihak British akan mengadakan satu penempatan di Terengganu. Pada tahun 1766 Madras menghantar seorang pedagang persendirian, William Pawney, untuk mengekalkan perhubungan dengan Terengganu. Tetapi London tidak menggalakkan langkah itu dan barangkali hanya pada tahun 1772 sahaja seorang Inggeris yang lain, Edward Monckton, melawat Terengganu berikutkan daripada missinya ke Kedah.<sup>7</sup> Di sini kita tidak perlu membahaskan tentang masalah politik dan ekonomi British pada masa itu; kita perlu menumpukan kepada laporan-laporan lain mengenai Kuala Terengganu, dan pada kali ini oleh pelawat-pelawat Perancis ke pelabuhan itu.

5 Mark S. Francis, "Captain Joseph Jackson's Report on Trengganu", *Journal of the Historical Society University of Malaya*, Kuala Lumpur, Vol. III, 1969/70, hlm. 73.

6 Ibid., hlm. 76.

7 Saya belum melihat laporan Monckton.

### Jean-Francois de Surville (1769)

Ketika British masih ragu-ragu sama ada hendak memulakan hubungan politik dan perdagangan yang rapat dengan Terengganu, pihak Peranchis juga sedang memikirkan ide untuk mengukuhkan kedudukannya di negeri itu. Sebenarnya, semasa Hamilton berada di Kuala Terengganu, sebuah kapal Peranchis, di bawah perintah Pedro-villamont Garden, telah berlabuh di pelabuhan itu dan nampaknya beliau menjanjikan Sultan Mansur I bahawa pihak Peranchis akan mendirikan tempat persinggahan di Terengganu. Tetapi langkah itu tidak berhasil. Pada tahun 1755 sebuah kapal Peranchis yang lain, di bawah seorang yang bernama Le Blanc, singgah di Kuala Terengganu tetapi tidak ada sebarang rekod diketahui mengenai lawatannya itu.<sup>8</sup> Pada tahun 1769, walau bagaimanapun, St. Jean Baptist di bawah perintah Jean-Francois de Surville tiba di Kuala Terengganu dan pada kali ini orang-orang Peranchis telah meninggalkan beberapa laporan yang sangat menarik mengenai pelabuhan itu. Pegawai Satu, Kapten Labe menulis:

The town is badly built with rough wooden huts, some with tiled roofs, others with roof and house covered with coconut leaves, they are raised on piles 8 or 9 feet high, there are bamboo ladders to climb up. The King's palace is the same thing, there is just one small brick house which serves as a powder store in the same enclosure, the whole enclosed by a kind of palisade of heavy planks 20 feet high which have almost all fallen over because of lack of attention. There are three bazaars, one for the Malays, another for the Siamese and the largest for the Chinese: their street is a pleasant one, their houses better built than the others and in the front they have their shops where you can find Chinese and European goods.<sup>9</sup>

Leftenan Pottier De l' Horme, yang mana gambarannya adalah yang paling lengkap, telah memberi satu deskripsi yang grafik mengenai istana:

The King's palace is the town fortress. It is the only house with any appearance. It is longer than it is wide, surrounded by its own buildings and an enclosure made of wooden planks 1½ to 2 inches thick and about 15 feet high. This palace is situated on the southern bank of the river a short distance from the other houses. Entrance to it is forbidden when the King is away. There is all around and 4 or 5 feet from this enclosure a fairly thick hedge that constitutes the total fortifications of this citadel. When you enter the river you find on the right bank a wooden square building with 3 embrasures on each side for small cannons, a little further up you find a similar fort: those are all the defences of this town. The King has a few guns in the courtyard of his palace but none is mounted.<sup>10</sup>

Deskripsi beliau mengenai wajah keseluruhan negeri Terengganu berbeza sedikit dari yang diberikan oleh Kapten Labe:

Tronganon is fairly large and very populous place, but the houses have a repulsive appearance: they are made of wood and thatched with palm tree leaves. There is no orderliness in the way they are arranged or built. Since there are numerous Chinese a street is allocated to them; it is the only passable one, it is well laid out, the houses are very clean and the shops fairly well stocked.<sup>11</sup>

<sup>8</sup> John Dunmor (tr.), "French Visitors to Trengganu in the 18th Century", *JMBRAS*, Vol. XLVI, Pt. 1, 1973, hlm. 149, nota 3.

<sup>9</sup> Ibid., hlm. 147.

<sup>10</sup> Ibid., hlm. 152.

<sup>11</sup> Ibid.

Sebahagian daripada laporan-laporan adalah mengenai pelbagai aspek masyarakat Terengganu — ekonominya, kaum imigran Cina, timbangan dan mata wang serta juga sesuatu yang berkaitan dengan sistem perundangan. Pada umumnya bolehlah dikatakan bahawa orang-orang Perancis mempunyai pandangan yang baik tentang dagangan di Kuala Terengganu. Mereka yakin bahawa pentadbiran tempatan mampu menjaga kestabilan politik dan mempunyai sikap yang baik terhadap pedagang-pedagang asing kecuali Belanda, yang pada itu telah berada di Melaka, dan berusaha untuk menguasai perdagangan di Semenanjung.

Untuk jangka waktu di antara kurun ke-18 dengan kurun ke-19, tidak ada rekod-rekod yang serupa mengenai Terengganu diterbitkan. Ini tidaklah seharusnya ditakrifkan sebagai berakhirnya perdagangan di antara Eropah dengan Terengganu. Barangkali satu penerokaan yang gigih di arkib-arkib akan menghasilkan laporan-laporan yang lebih menarik dengan banyaknya. Setakat ini bolehlah diandaikan bahawa laporan menarik mengenai Terengganu ialah yang dibuat oleh seorang Inggeris bernama W. Medhurst.<sup>12</sup>

#### **W. Medhurst (1828)**

Tidak seperti pelawat-pelawat lain sebelumnya, Medhurst singgah di Kuala Terengganu bukan kerana perdagangan tetapi untuk menyebar agama Kristian di kalangan orang-orang Cina di sana. Beliau sebenarnya berminat terhadap orang-orang Cina yang tinggal di pantai timur Semenanjung dari Pahang hingga ke Senggora (Songkhla). Walau bagaimanapun oleh kerana beliau adalah seorang penumpang dalam perahu besar Cina, beliau tidak mempunyai kuasa ke atas matlamatnya dan gagal melawat Kelantan yang sangat dikehendakinya. Medhurst melaporkan:

Sept. 4th [1828] Passed by Calintan, without entering the river, and was thereby prevented from seeing the place, and sending some tracts up to the numerous body of Chinese, which reside in the interior.<sup>13</sup>

Medhurst waktu berkhidmat dengan London Missionary pernah tinggal di Melaka (1817—1820). Beliau kemudian banyak menjelajahi Asia Tenggara dan Timur dan menulis tentang pengalamannya.<sup>14</sup> Medhurst memahami bahasa Cina dan oleh itu kegiatan penyebarannya tertumpu kepada orang-orang Cina.

Adalah sesuatu yang menyediakan, oleh kerana Medhurst seorang mubaligh, maka kepercayaan agamanya telah mewarnakan sepenuhnya perspektif terhadap mereka yang tidak seagama dengannya. Beliau mempersendakan orang-orang Cina dan Islam, dan tidak banyak mempunyai pendapat yang baik mengenai Terengganu. Satu contoh boleh diberikan mengenai sikap besar dirinya apabila beliau memberi gambaran mengenai penduduk tempatan. Ketika melaporkan perbincangannya dengan putera Sultan, Medhurst menjelaskan:

12 Lihat *Journal of a Tour Through The Settlements on The Eastern Side of the Peninsula of Malacca*, Mission Press, Singapore, tanpa tarikh.

13 Ibid., 20.

14 Brian Harrison, *Waiting For China*, Hong Kong, 1979, hlm. 37—38, 57—59, 113—115.

He asked me where I came from, and what was my business in Triangano, but he did not pay much attention to my answers, being so much taken up with his gun, the lock of which was of a peculiar construction made in Triangano, and he wished to know if they could make such in Europe. I said that they could make any thing in Europe that was made in Triangano.<sup>15</sup>

Tetapi, kalau diketepikan sentimen peribadi Medhurst, laporan beliau adalah menarik dari beberapa segi. Ia mengandungi maklumat yang berguna tentang orang Cina di Kuala Terengganu. Sebagai contoh beliau menyebut:

Being at liberty, I went among the Chinese, who amount to some hundreds, dwelling principally in strong brick built houses, which have every appearance of being erected many years ago. The women and children all speak Chinese keep very much to themselves, and mix less with the Malays than in other places.<sup>16</sup>

Beliau seterusnya mencatatkan:

The Chinese females in Triangano double the number of the males, and the children are more numerous still; all these speak Chinese and I was struck with hearing infants lisp out the language with a correctness of tones it takes us foreigners years to acquire.<sup>17</sup>

Tetapi Medhurst tidak pun menjelaskan mengapa terdapat lebih ramai wanita daripada lelaki di kalangan orang-orang Cina di Terengganu. Walau bagaimanapun kehadiran jumlah wanita yang ramai ini menjelaskan mengapa orang-orang Cina Terengganu boleh hidup sebagai kumpulan tersendiri tanpa mempunyai hubungan sosial yang rapat dengan penduduk tempatan.

Medhurst menumpukan ruang yang banyak kepada perbincangan yang sangat diminatinya. Beliau melaporkan dengan panjang lebar mengenai perbincangan agama yang diadakannya dengan orang-orang Cina dan juga Sultan (Abdul Rahman Syah 1826—1831). Sungguhpun Medhurst berkecenderungan untuk mempermaknkan Islam, adalah terbukti daripada laporannya bahawa pemerintah Terengganu mempunyai minat yang besar terhadap perbahasan agama. Medhurst telah ditanya bukan sahaja tentang agama Islam tetapi juga mengenai kepercayaan agama orang-orang Cina. Pada suatu ketika,

...the Rajah provided me [Medhurst] with a supper, after which he came himself to my room and ordered all the cleverest men among the Chinese to be assembled together, that we might debate on the subject of religion.<sup>18</sup>

Di perjumpaan inilah satu terjemahan *Bible* dalam bahasa Melayu dikeluarkan. Nampaknya kitab ini diperolehi dari Singapura. Di suatu ketika yang lain Medhurst mendapati bahawa Sultan mempunyai satu terjemahan *Bible* dalam bahasa Melayu yang diperolehinya daripada Thomson dari Singapura, dan ini membuatnya mengeluarkan kata-kata berikut:

15 Ibid., hlm. 15.

16 Ibid., hlm. 14.

17 Ibid., hlm. 19.

18 Ibid., hlm. 13.

...[it] rejoiced me to find that the books circulated by our Missionary brethren at their several stations do find their way to Mahometan countries and Mahometan Courts, where the brethren themselves can seldom go; and that the books when thus dispersed are not destroyed or thrown away, but preserved with care, and perhaps read with attention.<sup>19</sup>

Gambaran yang diberikan oleh Medhurst mengenai minat besar terhadap agama yang ditunjukkan oleh pemerintah Terengganu adalah selari dengan pengetahuan masa kini tentang pengaruh mendalam yang dicapai oleh Islam dalam masyarakat Terengganu. Hugh Clifford telah membuat pengamatan yang sama beberapa tahun selepas Medhurst. Pada keseluruhan nampaknya berkemungkinan besar Islam di Semenanjung Tanah Melayu pertama-tamanya berakar-umbi di Terengganu.<sup>20</sup>

Medhurst tidak banyak berbicara tentang fizikal Kuala Terengganu dan sebarang yang dinyatakan tidak menyenangkan:

The river of Tringano is not so wide as that of Pahang, but the town lies nearer the river's mouth. The Malay town, into which we first entered is large and populous, but dirty and filthy in the extreme; — the houses nearly all the attap, and the streets very narrow. The two market-places which we went through were stocked principally with women who appear to be the chief buyers and sellers, in like manner as I have witnessed it on Java. After winding through half of this dirty town, we arrived at the custom house, where I was introduced to the native Shah bandar. He was smoking his hookah, in the midst of a number of Chinese and Malays...<sup>21</sup>

Di tempat lain pula beliau menambah:

The town wears on all sides the appearance of an old settlement, for many of the buildings are falling into decay. The Malay town is very large, containing in its immediate vicinity about twenty thousand inhabitants who live nearly all in attap sheds. The old brick buildings I saw, were the Mosque (in good repair) and the custom House, the latter of which is so dirty and filthy, that one would rather suppose it the common sewer of the city. There were many small Malay prows in the river, two Siamese junks; and a cutter belonging to Tringano, that was about to proceed to Singapore. In the summer months the trade is very brisk.<sup>22</sup>

Sungguhpun seterusnya penekanan diberikan kepada wajah kotor tempat itu, deskripsi Medhurst tentang Kuala Terengganu sebenarnya memberi gambaran mengenai sebuah pusat perdagangan yang hidup pada tahun 1828. Rujukan kepada masjid sebagai salah satu daripada dua bangunan batu di bandar itu dan "in good repair" menunjukkan sekali lagi bahawa kerajaan Terengganu memberi tempat yang utama kepada Islam.

### G.W. Earl (1833)

Lima tahun selepas lawatan Medhurst ke Terengganu, George Windsor Earl, seorang yang mempunyai banyak kebolehan, bersama dengan seorang

19 Ibid., hlm. 37.

20 Cerita tentang Batu Bersurat Terengganu kini sangat terkenal dan tidak memerlukan ulasan lagi. Lihat Engku Pangiran Anum, "How The Trengganu Stone was Found", *Malaya in History*, Vol. VII, No. 1, Sept. 1961; Syed Muhammad Naguib Al-Attas, *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1970.

21 W. Medhurst, op. cit., hlm. 14.

22 Ibid., hlm. 20.

saudagar British, Robert Hunter, membuat pelayaran perdagangan ke Pantai Timur Semenanjung. Mereka sebanyak dua kali di Kuala Terengganu dan sekala di Kuala Kelantan. Lawatan pertama ke Kuala Terengganu adalah singkat sahaja. Malah Earl tidak mengiringi Hunter ke pantai pun. Kapal berlabuh lebih kurang 1½ batu dari muara sungai Terengganu. Earl merakamkan bahawa:

The town was hidden from our view by the trees, and only a few huts were to be seen on the sandy point near the river. On this point two very extraordinary looking forts, or batteries, had been constructed — indeed, I do not know what name military men would give them. They were each composed of four strong posts, about forth feet high, fixed firmly in the ground, having a thick wooden platform on the top, covered with thatch like a house. On each of these, a long twelve or eighteen-pounder carriage gun, and a pile of shot were placed. These forts would be useful in defending the mouth of the river in the event of an attack from the sea; but a land force would soon dislodge the garrison, for the guns would be of no use unless they were tumbled down on the heads of the besiegers.<sup>23</sup>

Pada tengah hari "an immense fleet of prahus, about a hundred in number" datang dari laut. Ia adalah perahu-perahu nelayan Terengganu. Sungguhpun Terengganu begitu terkenal sebagai mempunyai penduduk nelayan yang besar tetapi ia adalah satu-satunya negeri yang mana penduduknya tertumpu di kawasan pantai.

Earl dan Hunter seterusnya belayar ke Kelantan, tetapi mengikut Earl bahawa:

Calantan is inferior in importance to Tringano,<sup>24</sup> but gold-dust, pepper, rattans, and hides, are exported in considerable quantities.

Walaupun begitu sampan-pukat Cina seringkali singgah di Kelantan. Dan ini nampaknya satu aspek penting perdagangan di Kelantan pada masa itu.<sup>25</sup>

Earl and Hunter pulang ke Terengganu beberapa bulan selepas melawat Siam. Pada kali ini Earl berjaya membuat pengamatan yang lebih teliti mengenai Kuala Terengganu. Tentang bandar itu beliau menyebut:

The town consists of a large group of huts, composed of wood and thatch, heaped together without any order or regularity. The part inhabited by the few Chinese who were not driven away by the tyranny of the former Sultan, can boast of some appearance of regularity, the houses and shops forming a small street, but the Malay habitations are all detached from each other. The dwellings of the Sultan, and of two or three of the principal pangerans or nobles, are built of more substantial materials than the rest, indeed the former may be called a fort, for it is surrounded with a paggar, or bamboo fence, and is defended by several long brass lelahs [cannon].<sup>26</sup>

Earl menggambarkan kerajaan sebagai "aristocratical" di mana kuasa tertinggi terletak pada Sultan, tetapi "pangerans or lords" yang sebenarnya

23 G.W. Earl, *The Eastern Seas*, Oxford in Asia Historical Reprints, Kuala Lumpur, 1971 (With Introduction by C.M. Turnbull), him. 151—152.

24 Ibid., him. 154.

25 Tentang perdagangan sampan-pukat atau perahu-pukas, lihat Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore 1819—69", *JMBRAS*, Vol. XXXIII, Pt IV, 1960, him. 78—80.

26 G.W. Earl., op. cit., him. 184.

memegang kuasa. Beliau juga mendapati bahawa Islam mempunyai tempat yang kukuh di kalangan rakyat dan mereka yang penting bertanggungjawab menyebarkan agama itu ialah orang-orang Arab yang merupakan satu komuniti yang kuat di Kuala Terengganu.<sup>27</sup>

Earl mengesahkan bahawa menangkap ikan boleh jadi satu pekerjaan yang paling penting di Terengganu:

Catching and curing fish forms the principal employment of the inhabitants. The dried fish are disposed of to the natives of the interior, in exchange for inland produce, gold-dust, and pepper; and these are again exchanged by the people of Tringanu, for rice, tobacco, cotton-goods, &c. the produce of foreign countries. Although rice forms the principal article of food, it is not cultivated, the Malays being little disposed to agricultural occupation, and preferring the more precarious subsistence to be gained by a maritime life.<sup>28</sup>

Walau bagaimanapun orang-orang Melayu dikatakan mempunyai kepintaran dalam urusniaga. Mereka akan "adopt a mode of bargaining by means of fingers, which precludes the bystanders from discovering what is going on." dan mereka juga "frequently offer five dollars for an article worth twenty, and should the vendor put himself into a passion, they will tease him with like offers, in the hope that he will give them the goods at the cheapest rate for the sake of getting away."<sup>29</sup>

### Munshi Abdullah (1838)

Lebih kurang lima tahun selepas lawatan Earl ke Kuala Terengganu maka tiba pula seorang yang terkenal, Munshi Abdullah. Karyanya iaitu *Kesah Pelayaran Abdullah*,<sup>30</sup> satu rekod pelayaran ke timur Semenanjung masih boleh didapati dengan mudah kerana ia telah diulang cetak beberapa kali. Oleh itu tidak perlu dibicarakan di sini dengan panjang lebar tentangnya. Adalah mencukupi kalau dikatakan bahawa Munshi Abdullah itu ahli komentar yang berat sebelah terhadap masyarakat Melayu. Beliau tidak membekalkan pembaca dengan satu analisa yang wajar tentang sistem sosiopolitik Terengganu, tetapi hanya sekadar menunjukkan perbezaannya dengan ide pemerintahan barat. Beliau bersikap rasional dalam perbahasan-nya, tetapi gagal memahami bahawa perubahan sosial bukanlah ekoran lojik biasa, dan akibatnya sebagai seorang yang tidak mempunyai pengetahuan tentang sosiologi beliau gagal memahami fungsi pantang larang yang dikritiknya dengan hebat itu. Abdullah lebih merupakan seorang pengarang — seorang penulis dan tidak sangat seorang pelapor. Kita sangat sukar untuk mengelakkan dari mempunyai tanggapan bahawa beliau lebih cenderung membesarkan matlamatnya.<sup>31</sup>

Walau bagaimanapun ketika Abdullah tidak membicarakan tentang kehidupan rakyat Terengganu, sebaliknya menumpukan perhatiannya kepada geografi tempat itu didapati maklumat yang diberikannya berbeza sedikit

27 Ibid., hlm. 185.

28 Ibid., hlm. 184—185.

29 Ibid., hlm. 186—187.

30 Lihat Kassim Ahmad (ed.), *Kisah Pelayaran Abdullah*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966.

31 Lihat C. Skinner, "Abdullah's Voyages to the East Coast See Through Contemporary Eyes", *JMBRAS*, Vol. XXXIX, Pt. 2, 1966.

daripada yang telah diberikan oleh pelawat-pelawat yang lebih awal. Satu rumusan ringkas telah diberikan di suatu tempat yang lain dan dirakamkan semula di sini:

Houses sited in a haphazard manner, many of them with a small shop on the front verandah with women in charge; each house claiming two or three coconut trees; lanes narrowed and crooked; piles of dried coconut husks underneath most houses to drive away mosquitoes; no schools; a large Chinese quarter with a Capitan China who spoke fluent Malay and dressed in Malay costume; fishing the main occupation of the male Malay population, who are described as being otherwise idle; the Sultan's place made of stone and a flag pole on Bukit Petri. the Kora'an taught to small groups of boys; and very beautiful fishing boats...<sup>32</sup>

Barang-barang eksport Terengganu ialah "gold, tin, coffee, pepper, betelnut, silk cloth and fine sarongs interwoven with gold and silver thread, and minor products such as rotan, damar and buffalo ghee." Import utama ialah cанду, benang dan kain Eropah.<sup>33</sup>

#### Skinner (1884)

Sekjak permulaan kurun ke-19, terutama selepas pembukaan Pulau Pinang (1786) dan kemudiannya Singapura (1819), diikuti pula dengan pertumbuhan perusahaan perlombongan bijih timah telah terdapat perkembangan luar biasa di Negeri-negeri Melayu pantai barat sehingga menjelang pertengahan kurun sebahagian dari Semenanjung yang menghadapi Laut China hampir terlindung sepenuhnya oleh kawasan yang menghadapi Selat Melaka. Namun demikian tidaklah begitu benar kalau dikatakan bahawa Kuala Terengganu mengalami kemerosotan pada peringkat ini. Kedua-dua Earl dan Abdullah mengatakan bahawa ia masih merupakan sebuah pusat perdagangan yang sibuk pada tahun 1830-an. Tetapi kepentingan ekonomi British di Semenanjung mulai mengalami perubahan penting menjelang tahun 1880-an. Sungguhpun Singapura terus mempunyai pertalian perdagangan yang rapat dengan timur Semenanjung, mengikut kaca mata London, ekonomi perdagangan menduduki tempat kedua kepada ekonomi industri; dan dengan itu negeri-negeri pengeluar bijih menjadi lebih berperanan dari pusat-pusat perdagangan di negeri-negeri pantai timur. Dalam jangka waktu dua puluh tahun, mulai lebih kurang tahun 1860 satu tahap urbanisasi telah bermula di kawasan-kawasan perlombongan. Tidak terdapat perkembangan yang serupa di bahagian timur Semenanjung, dan dalam hal ini Skinner menulis mengenai Terengganu pada tahun 1884 seperti berikut:

...nearly the whole country is one continuous jungle, with less development, either of its minerals or its commerce, than perhaps any other of the Malay States. The inhabitants consist almost entirely of Malays and some wild tribes, with a very few Chinese, who carry on the little that is now done in the way of trade or mining. The total population of the State was computed at 37,500 in 1856. Of this number, the town of [Kuala] Tringganu, ... was then estimated to contain 15,000 to 20,000 inhabitants....A most destructive fire took place in August, 1883, which is said to have destroyed nearly 2,000 habitations. The town has been much deserted since, and the

32 M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu", *JMBRAS*, Vol. XXII, Pt. 3, 1949, hlm. 28.

33 Ibid.

population of the whole country has, it is believed, declined considerable, and does not exceed 20,000 at the present time, many having been attracted away to Kelantan. The place is but little visited, and the small quantity of gold and tin produced come, it is said, from the Pahang mountains...<sup>34</sup>

Adalah jelas bahawa Skinner sendiri tidak melawat Terengganu, tetapi hanya menyusun satu geografi berdasarkan kepada beberapa sumber dan oleh itu kenyataan-kenyataan dengan terang menggambarkan suasana pendapat yang wujud di Negeri-negeri Selat yang berkesedaran ekonomi. Mungkin sekali pada peringkat Kelantan mulai mencabar Terengganu secara serius sebagai negeri yang paling progresif di Timur Semenanjung. Adalah tidak mungkin di sini untuk dibuat suatu kajian perbandingan tentang perkembangan dalam kedua-dua negeri tersebut. Kajian-kajian terbaru oleh mahasiswa menunjukkan perkembangan pelajaran, dan memperlihatkan kemajuan di Kelantan di akhir kurun ke-19; dan menjelang tahun 1920-an, apabila kemajuan penulisan yang lebih menarik terdapat dengan jelas di Kelantan. Terengganu masih tidak memperlihatkan sebarang perubahan sosial yang penting.

### Hugh Clifford (1895)

Menyentuh kembali Kuala Terengganu di akhir kurun ke-19 kini kita boleh membincangkan laporan yang panjang lebar dan terperinci disediakan oleh Hugh Clifford yang memasuki Terengganu dari kawasan pedalaman dalam ekspedisinya untuk mengejar dan menangkap pembesar-pembesar Pahang yang melancarkan gerakan menentang pentadbiran British di Pahang.<sup>35</sup> Clifford menyentuh hampir setiap aspek masyarakat Terengganu dengan memberi perhatian khusus mengenai Kuala Terengganu. Sungguhpun dokumennya begitu bernilai, terdapat beberapa ketidaksetepatan yang serius kerana Clifford merasa sukar menghakimkan Terengganu, kecuali melakukannya berdasarkan kepada nilai dan sistem barat.

Dalam tulisannya Clifford memperkecilkan Sistem Politik peribumi dan sikapnya terhadap Islam menyerupai pandangan oleh Medhurst. Beliau mereka-reka beberapa keburukan di mana sebenarnya hanya sebilangan kecil sahaja yang berlaku.<sup>36</sup> Beliau tidak dapat menerima pandangan bahawa seorang raja yang begitu 'waraq' boleh memerintah sebuah kerajaan dengan berkesan. Baginya setiap bentuk kutipan cukai pada masa lalu adalah amalan yang buruk.<sup>37</sup> Beliau hanya memberi penghargaan kepada kemahiran pengeluaran orang-orang Terengganu.

Barang-barang utama pengeluaran Terengganu ketika itu ialah sutera, kain-kain, alat-alat senjata seperti pisau, badik, pedang, lembing, pisau raut dan parang; barang-barang logam dan ukiran kayu. Orang-orang Melayu Terengganu juga adalah pembuat bot yang pakar, tetapi sebahagian kecil sahaja daripada bot-bot itu dieksport. Clifford menganggapkan Terengganu sebagai "the Birmingham of the Peninsula" dan beliau berpendapat bahawa

34 A.M. Skinner (ed.), *A Geography of the Malay Peninsula*, Singapore, 1884, him. 29.

35 Lihat H. Clifford, "Expedition to Trengganu and Kelantan", *JMBRAS*, Vol. XXXIV, Pt. 1, 1961.

36 Lihat komentar oleh J. De Vere Allen, "The Ancien Regime in Trengganu, 1909-1919", *JMBRAS*, Vol. XLI, Pt. 1, 1968.

37 H. Clifford, op. cit., him. 66-67; 71-76.

"the natives are more ingenious than the Malays of any other part of the Peninsula" sekalipun "their genius is imitative rather than creative".<sup>38</sup>

Di Terengganu terdapat tiga jenis pekerjaan penting. Selain daripada kumpulan pengeluar terdapat juga kumpulan yang bertani. Mereka ini bekerja dalam pertanian padi, jagung, ubi kayu, keladi, gambir, kelapa, tebu dan buah-buahan. Corak pertanian ialah secukup hidup, kerana satu pertiga daripada beras yang dimakan di Terengganu diimport dari Siam dan Negeri-negeri Selat.<sup>39</sup>

Barangkali Terengganu mempunyai penduduk nelayan yang terbesar di kalangan negeri-negeri Melayu. Mereka "inhabit a string of villages which stretches along the whole of the Trengganu coast-line, work very hard during the months between March and November, and in that time are enabled to win a sufficient sum to keep them in comfort in the close season when the north-east monsoon renders fishing impossible." Di luar musim nelayan membina dan membaiki perahu dan rumah, membaiki pukat, ber-cucuk tanam atau membuat kerja sambilan. Mereka adalah sesungguhnya rajin bekerja.<sup>40</sup>

Di akhir kurun ke-19, Kuala Terengganu tidaklah seperti di kurun ke-18. Perdagangan eksportnya masih penting. Ini termasuklah barang-barang pengeluar, hasil hutan, seperti getah (jelutong), kapur barus, kayu candan, rotan dan juga ikan. Tetapi Clifford tidak sedikit pun menyentuh Kuala Terengganu sebagai pelabuhan. Barangkali ini adalah bukti bahawa ia tidak lagi mempunyai kedudukan penting seperti pada kurun yang lalu. Walau bagaimanapun ini tidaklah bermakna Kuala Terengganu menjadi kawasan penempatan yang merosot, sekalipun berlaku huru-hara pada tahun 1883 ia masih salah sebuah bandar yang teramai penduduknya di Semenanjung. Clifford sendiri mengulas:

The population of the valley of the Trengganu river is about 45,000 souls, only 500 of whom inhabit the country above the Kelemang falls, the remaining 44,500 being crowded into the space between the falls and the sea. Of these, about 12,000 occupy the capital and the villages in the immediate neighbourhood. The country between the falls and the capital thus accommodate a population of about 33,000 souls, and is, therefore, one of the most thickly populated portions of the Peninsula.<sup>41</sup>

Terdapat bukti yang lain bahawa Kuala Terengganu masih terus berkembang sekalipun secara beransur-ansur. Menjelang kurun ke-20 Terengganu telah dilawati oleh satu ekspedisi dari Universiti Cambridge.

#### **W.W. Skeat dan F.F. Laidlaw (1899)**

Di antara dua anggota ekspedisi — Skeat dan Laidlaw yang telah membuat pengamatan mengenai Kuala Terengganu; Skeat jelas sekali tertarik dengan apa yang dilihatinya. Beliau menyebut:

In the course of the next few days he [Che' Taib of Kampong Losong] took us round all the many kampongs of which the capital was composed, and we saw all manner

38 Ibid., hlm. 91—95.

39 Ibid., hlm. 95—98.

40. Ibid., hlm. 89—90.

41 Ibid., hlm. 89.

of crafts being followed from boat making to embroidery. Kuala Trengganu appeared to be a hive of industry, and we were truly astonished at the range of activities, and in parts at the high quality of the work...

The shops, we noticed, were well supplied with bread, light beers, soda, cheroots and similar European wares, as well as with an extensive assortment of Malay goods and, above all, Chinese and Indian articles. The streets, except round the Istana, were ill-kept and destitute of drains. Yet even here the local talent for craftsmanship showed itself clearly in the well-built bridges across the creeks. We also saw a few wooden lamp-posts, which must have been unique among the east coast states at the time of our visit.<sup>42</sup>

Seterusnya beliau merakamkan:

On our way home this morning we noticed men bringing sand up from the shore and depositing it in cloth bundles at the end of the street. The Sultan had ordered the fishermen at the Kuala to do this, because he wished to improve the road. Here and there, in other places, the roads showed evidence of having been windened already. The wooden creek-bridges were (as has been stated) good, and there were even two or three small break-and-stone bridges, which was more than we had seen elsewhere on the east coast. Trengganu, in fact, showed more European influence than the other Malay states. A Victoria, a dog-cart and several horses were landed by the Neera on her arrival at Trengganu even during our visit: pneumatic-tyred bicycles were already being used by the Sultan's entourage, and a few rickshaws had just been imported.<sup>43</sup>

Sultan tersebut ialah Zainal Abidin III (1881—1918) yang dianggap oleh Clifford sebagai tidak berkebolehan.

Walau bagaimanapun Laidlaw kurang tertarik dengan Kuala Terengganu dan beliau mengulas:

The town of Trengganu did not seem to me as attractive, or as prosperous, as the Kelantan capital [Kota Bharu]. The houses were more ramshackle, and less well arranged. The streets lacked the shady vegetation that made some of the paths in Kota Bharu so pleasing.<sup>44</sup>

Namun begitu tidak terdapat percanggahan yang besar di antara kedua-dua pemerhatian ini. Huraian Skeat mengenai Kuala Terengganu dari segala seginya adalah lebih terperinci. Apa yang lebih menarik, beberapa tahun kemudiannya Graham pula mempunyai pendapat berikut mengenai Terengganu:

On government there was practically none. The Sultan, having alienated most of his powers and prerogatives to his relatives, passed his life in religious seclusion and was ruler in no more than name. The revenues were devoured by his relatives... There were no written laws, no courts and no police. All manner of crime was rampant, the peasantry was mercilessly downtrodden, but the land was full of holy men and the cries of the miserable were drowned in the noise of ostentatious prayer.<sup>45</sup>

Satu perbandingan di antara laporan Skeat dengan ulasan Graham sungguh berguna kerana ia menggambarkan sekali lagi keperluan bagi pelajar-pelajar

42 W.W. Skeat, "Reminiscences of the Expedition", *JMBRAS*, Vol. XXVI, Pt. 4, 1953, hlm. 122.

43 Ibid., hlm. 123—124.

44 F.F. Laidlaw, "Travels in Kelantan, Trengganu & Upper Perak, A Personal Narrative", *JMBRAS*, Vol. XXVI, Pt. 4, 1953, hlm. 157—158.

45 Lihat W.A. Graham, "Trengganu" in *Encyclopaedia Britannica* (11th Edition) 1910—1911, hlm. 483. Untuk pandangan lanjut mengenai komentar Graham, lihat J. De Vere Allen, op. cit. Allen mendasarkan ulasannya kepada Jurnal W.L. Conlay, Agen British pertama Terengganu.

sejarah supaya berhati-hati menggunakan rekod-rekod semasa. Ini bukanlah bererti Graham sengaja cuba menyelewengkan fakta. Satu hal ialah Graham barangkali tidak begitu faham mengenai Terengganu kerana beliau ialah Penasihat Siam di Kelantan. Tetapi masalah pokok beliau berkemungkinan timbul dari ketidakmampuannya untuk menerima sistem masyarakat perusahaan Eropah pada ketika itu. Walau bagaimanapun perkara ini tidaklah menjadi persoalan utama dalam penulisan ini. Apa yang menjadi tumpuan sekarang ialah suatu penilaian umum ke atas laporan-laporan yang disebutkan sebelum ini.

### Penilaian

Laporan-laporan ini memberi lebih dari satu gambaran grafik mengenai keadaan fizikal Kuala Terengganu untuk waktu lebih kurang dua kurun. Ia menjelaskan tanpa ragu-ragu lagi bahawa pada kurun ke-18 Kuala Terengganu adalah sebagai pusat perdagangan yang telah begitu terkenal di kalangan saudagar-saudagar Eropah yang mempunyai minat ekonomi di Timur Jauh dan ia mempunyai sedikit saingan di rantau antara Lautan Hindi dengan Lautan Pasifik. Barangkali lebih lagi ialah untuk pengkaji masyarakat Melayu, laporan-laporan ini membekalkan bahan yang mustahak untuk pengajian sistem sosiopolitik Melayu tradisional.

Di antara banyak ciri-ciri penting yang diperlihatkan oleh masyarakat peribumi Terengganu yang telah menerima komentar dari pelbagai pelawat, beberapa perkara perlu diberikan perhatian khusus kerana hanya sedikit daripadanya yang diketahui. Salah satu daripada yang paling jelas ialah berhubung dengan sistem ekonomi tradisional, terutama sekali laporan-laporan dari pelawat-pelawat Perancis, bahawa di peringkat awal ekonomi negeri dimonopoli oleh pihak diraja. Oleh itu bagi Leftenan Pottier De l'Horme pemerintah Terengganu disifatkan: "He is his kingdom's only merchant".<sup>46</sup>

Sebenarnya Sultan tidaklah terlibat secara langsung dalam urusniaga perdagangan. Baginda mempunyai kuasa untuk melantik agen-agen bagi mengendalikan semua bentuk pertukaran ekonomi dan ejen-ejen ini biasanya termasuklah orang-orang asing seperti saudagar-saudagar Cina di Kuala Terengganu. Pada hakikatnya prinsip asas sistem ini memerlukan pertukaran ekonomi di antara orang tempatan dengan orang luar, dan ia memerlukan kebenaran pemerintah. Adalah suatu yang menarik untuk menyelidik sejauh mana sistem yang sama terdapat dengan meluas di negeri-negeri Melayu lain, sekurang-kurangnya sehingga ke kurun ke-19. Sistem ini tidak dipersetujui oleh pedagang-pedagang British yang lebih suka melihat perjalanan perdagangan bebas. Soal baik atau buruk sistem ini tidak dibincangkan di sini. Adalah mencukupi kalau dikatakan bahawa sistem ekonomi ini menjadi sebahagian yang tidak boleh dipisahkan dari sistem sosiopolitik besar yang

46 John Dunmore (tr.), op. cit., hlm. 153. Beberapa tahun kemudian Earl membuat pengamatan yang sama. Beliau menyebut, "The Sultan and the pangerans form a sort of commercial company, and monopolize the whole of the foreign trade, the people not being permitted to purchase a single gantong of rice that has not passed through their hands", (*The Eastern Seas*, hlm. 185). Clifford yang tiba pada tahun 1890 mendapati sistem monopoli masih terdapat dengan meluas. ("Expedition etc.", hlm. 74—75).

telah memberi kuasa mutlak kepada pemerintah. Akhir kurun ke-19 menyaksikan keruntuhan perlahan-lahan kuasa ekonomi dan politik, tidak dari segi sosial pihak tersebut. Keruntuhan ini adalah diakibatkan oleh pengenalan secara paksa amalan-amalan luar ke dalam keadaan yang bersifat keislaman tulun di mana kehidupan manusia dan tindak-tanduk mereka dilihat sebagai satu keseluruhan yang padu.

Satu lagi aspek masyarakat tradisional Terengganu perlu diberikan ulasan yang lanjut. Ini berkaitan dengan pentadbiran keadilan. Memandangkan kepada ulasan-ulasan buruk yang dibuat oleh Clifford dan Graham yang mana ini telah mempengaruhi sedikit sebanyak penulisan tentang Terengganu,<sup>47</sup> adalah wajar diberikan perhatian kepada pandangan oleh pelawat-pelawat Perancis yang sebenarnya menyaksikan bagaimana keadilan dijalankan ke atas penjenayah yang didapati bersalah membunuh, bagaimana juga oleh pelawat-pelawat lain ke Kuala Terengganu. Kapten Labe begitu tertarik sehingga beliau memberi pendapat bahawa:

Such a justice shows that the King has a good administration in his state, so that foreigners have no worries there.<sup>48</sup>

Walau bagaimanapun Medhurst merasakan bahawa keadaan tidaklah memuaskan. Beliau menulis:

The administration of justice at Tringano is lax in every respect — if a native caught in the very act of stealing, he is only required to give back the article stolen, and receives a reprimand, which settles the affair, but if a culprit is caught in the fact [sic] a second time he then loses a hand and foot, which is cut off immediately at the joint of the wrist or ankles, and some medicine being applied the wound heals in the space of a fortnight. The relations however very generally make away with the unfortunate individual by poison, rather than lie under the disgraceful imputation of having a thief in the family ... In cases of high delinquency, the culprit is stabbed by order of the rajah, sometimes before his face, and sometimes beneath a tree. But there is no such thing as flogging or imprisonment, or working in chains, all which degrading punishments the high spirit of the Malays would not bear, gladly preferring death in its stead.<sup>49</sup>

Terdapat pendapat ketiga oleh Clifford yang melihat pentadbiran keadilan sebagai punca ketidakadilan:

Men are frequently punished without having had any opportunity of defending themselves, and without any adequate proof of their guilt beyond a bare *ex parte* statement having been placed before the court. The whole system is hopelessly corrupt, the courts merely existing as an engine by means of which revenue can be squeezed from the people and the injustice daily done in the name of the pious Sultan Zenal-A-Bidin of Trengganu is at least as crying as that which was formerly perpetrated by the orders of the frankly irreligious Sultan Ahmad of Pahang.<sup>50</sup>

47 Lihat terutamanya Chan Su-ming, "Kelantan and Trengganu, 1909—1939", *JMBRAS*, Vol. XXXVIII, Pt. 1, 1965.

48 John Dunmore (tr.), op. cit., hlm. 150. Mereka yang lain tidak begitu menyentuh secara langsung di dalam puji-pujian mereka, tetapi pendapat mereka tidak begitu berbeza.

49 W. Medhurst, op. cit., hlm. 39—40.

50 H. Clifford, op. cit., hlm. 82—83.

Seseorang memang boleh membahaskan ketiga-tiga pendapat ini sebagai benar, kerana mereka memang melawat Terengganu pada masa-masa yang berlainan kecuali dalam kes Clifford. Namun begitu terdapat asas-asas yang baik untuk mencabar kebenaran pengamatannya disebabkan kedua-dua ekspedisi Cambridge dan agen British Pertama di Terengganu (W.L. Conlay) tidak menyatakan kewujudkan penyalahgunaan yang serius apabila mereka berada di sana, dan Conlay tentu sekali dalam keadaan yang lebih mampu untuk mengkaji masyarakat Terengganu dari Clifford. Satu lagi gambaran tentang percanggahan yang terdapat dalam laporan-laporan yang terdapat oleh beberapa pelawat ke Terengganu barangkali boleh juga disentuh di sini. Nampaknya kerana terperanjat oleh apa yang dilihatnya di Kuala Terengganu, Medhurst merakamkan:

What most disgusts and offends the eye of a stranger in passing through the town of Tringano, is the multitude of deadly weapons which abound among the people. Every man has a creese, sometimes two, and a sword besides, — with one, two, and frequently three spears on his shoulders — so that it is quite burdensome for each man to carry his arms, and the bulk of the people can do no work, having to carry such a load of destructive instruments about with them wherever they go ... The people being so plentifully armed, quarrels are very frequent among them, and murders not uncommon: immediately a cross word is given the creese is drawn, if the man tries to escape, the spear is thrown after him, and if that misses, another is ready, and frequently a third, to do the work effectually ... The frequency of murders in this place, is indeed alarming — almost every evening one or another falls a victim to the creese, and however numerous or glaring these murders may be, no notice whatever is taken of them by the ruling powers...<sup>51</sup>

Namun begitu Earl yang melawat Terengganu hanya beberapa tahun selepas itu membuat ulasan yang berlainan ke atas tabiat orang Melayu yang membawa senjata:

In their communications with each other, the Malays are always polite, abusive language never being employed amongst them. Every man carries a kris at his side, ready to avenge an insult should it be offered to him; and the certainty of instant recourse to this weapon, no doubt tends in a great measure to prevent the occurrence of any event that might call for its use.<sup>52</sup>

Begitulah keadaan perundangan dan peraturan di Terengganu; terdapat bukti yang cukup untuk menunjukkan keadaan tidaklah 'sekuno' seperti yang ditonjolkan oleh setengah pengarang. Kini bolehlah kita beralih kepada ciri terakhir yang menarik mengenai masyarakat yang terdapat dalam laporan-laporan yang diperkatakan.

Dalam hampir kesemua penulisan yang terdapat mengenai orang-orang Cina di Tanah Melayu, gambaran yang diberikan ialah penghijrahan mereka pada dasarnya tertumpu di pantai barat Semenanjung. Sebagai contoh, banyak sekali telah diperkatakan tentang petempatan orang Cina di Lukut, Sungai Ujong dan Kuala Perak. Adalah tidak jelas kepada pelajar-pelajar sejarah Malaysia bahawa sehingga sekurang-kurangnya tahun 1840-an, pen-

51 W. Medhurst, op. cit., hlm. 38—39.

52 G.W. Earl, op. cit., hlm. 186.

duduk Cina di negeri-negeri pantai timur adalah lebih ramai dari yang terdapat di negeri-negeri perlombongan, iaitu sebelum pembukaan Larut dan Kuala Lumpur. Pelbagai laporan mengenai Terengganu mengandungi maklumat yang amat jelas. Kesemua laporan terawal memperkatakan kewujudan petempatan orang Cina yang besar. Namun begitu tidak terdapat perangkaan yang sebenar, tetapi angka-angka kasar yang diberikan oleh Medhurst adalah berguna:

Digitized by Google

On a review of the voyage, I find that three boxes of books and tracts have been distributed, in five settlements [excluding Kelantan], each of which settlements may contain on an average several hundred Chinese colonists, with about as many thousands at the mines in the interior; altogether the Chinese settlers on the east coast of the Malayan Peninsula cannot fall short of fifteen thousand, and the Malays may be about 100,000.<sup>53</sup>

Tidak terdapat satu cara bagaimana kita menentukan jumlah orang Cina di Kuala Terengganu, tetapi perlu diberikan perhatian bahawa kesemua pelawat mengatakan bahawa petempatan orang Cina di pantai timur terletak di Kuala Terengganu. Sungguhpun begitu Earl, pada 1833 mendapati bahawa ramai daripada orang Cina meninggalkan tempat itu. Beliau mengaitkan keadaan ini kepada "the tyranny of the former Sultan", iaitu Sultan Daud, yang mana penggantinya Sultan Mansur II (1831—1836). Barangkali Earl membesar-besarkan keadaan itu. Adalah lebih tepat kalau dikatakan bahawa ramai daripada orang-orang Cina mungkin berpindah disebabkan, selepas kemangkatan Sultan Abdul Rahman (1826—1831), Terengganu mengalami satu zaman ketidakstabilan politik. Sesungguhnya Sultan Daud merintah lebih kurang enam minggu. Mereka yang utama terlibat dalam persengketaan merebut takhta yang berlaku selepas kemangkatan Sultan Abdul Rahman, ialah Sultan Mansur II dan anak saudaranya Tengku Omar. Akhirnya Tengku Omar berjaya merebut kuasa pada tahun 1839. Walau bagaimanapun tahun-tahun 1830-an sememangnya menandakan berakhirnya pemusatan kependudukan Cina di negeri-negeri pantai timur; selepas itu orang-orang Cina menumpukan perhatian sepenuhnya di kawasan Selat Melaka.

Berdasarkan bahan-bahan yang diperolehi adalah suatu yang mungkin, untuk membicarakan dengan lebih jauh tentang keadaan masyarakat Terengganu pada umumnya dan Kuala Terengganu khasnya, tetapi apa yang diperkatakan sudah mencukupi untuk menunjukkan bagaimana perlunya bagi pelajar-pelajar dan guru-guru sejarah Malaysia membaca lebih daripada buku-buku biasa sebagaimana kebiasaan mereka lakukan. Penyelidikan adalah sebahagian yang tidak boleh diketepikan dalam proses mencari ilmu, dan dalam keadaan di mana penulisan sejarah yang belum mencapai taraf kematangan sepenuhnya, seperti di Malaysia, di mana biasanya memerlukan pembetulan dan pembetulan semula perspektif yang ada. Perspektif yang salah mengenai masa seringkali membawa kepada salah faham tentang masa kini dan kebanyakan pelajar sejarah akan bersetuju bahawa masa kinilah, sesungguhnya yang kita berati pada dasarnya, supaya masa depan dapat dibentuk dengan lebih baik.

<sup>53</sup> W. Medhurst, op. cit., him. 44—45.

## Pondok Di Besut: Satu Tinjauan Tentang Asal Usul Kemunculannya

MAHMUD BIN MAMAT\*

**A**SAL usul kemunculan pondok-pondok di daerah Besut adalah dari Patani, Selatan Negeri Thai. Sebelum munculnya pondok-pondok ini pendidikan agama Islam dijalankan oleh ulama yang berasal dari Patani. Mereka mengajar agama di masjid-masjid ataupun di surau-surau. Ulama ini sentiasa berulang-alik dari Patani ke Besut. Ramai di antara mereka telah menetap di Besut dan terus mengajar di situ. Faktor yang mendorong mereka ini ialah kerana beberapa tekanan telah di kenakan oleh pemerintah Thai terhadap ulama Islam.<sup>1</sup> Oleh kerana Besut merupakan satu petempatan bagi orang-orang yang berasal dari Patani telah memberi peluang kepada ulama meneruskan pengajaran agama mereka di Besut. Boleh dikatakan orang-orang Melayu yang beragama Islam di Besut tidaklah mempunyai ulama yang berkelayakkan untuk mengajar dan membimbing mereka ke arah pendidikan agama. Dengan alasan inilah kita dapat iaitu penduduk Besut memberi perhatian yang baik dalam pendidikan agama Islam.

Di daerah Besut pertanian merupakan pekerjaan yang utama. Petani menanam padi hanyalah sekali setahun. Pekerjaan menanam padi ini memerlukan masa yang sedikit sahaja. Pendek kata dalam masyarakat pertanian ini terdapat banyak masa yang lapang. Maka untuk memenuhi masa lapang inilah kita dapat ramai di antara penduduk mempelajari Quran dan pelajaran agama dari ulama itu. Di sebaliknya pula kita dapat sambutan di kalangan nelayan terhadap pengajaran agama itu tidaklah begitu menggalakkan. Kemungkinan mereka ini begitu sibuk dan teruk menjalankan pekerjaan menangkap ikan. Dari pagi-pagi lagi iaitu lebih kurang pukul empat mereka ke laut mencari rezeki dan pulang apabila senja. Keadaan ini tidak memberi peluang kepada mereka untuk bersama-sama mendapat pendidikan agama.

Ulama ini tidak sahaja menumpukan pengajaran mereka di kalangan rakyat biasa sahaja malah mereka telah menjadi guru agama kepada anak-anak raja Besut. Kadangkala anak-anak raja ini mendapat pendidikan agama

\* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, tahun 1976.

<sup>1</sup> Tekanan-tekanan ini adalah berupa penindasan terhadap pengajaran agama Islam di Patani yang diusahakan oleh alim ulama di sana. Pihak pemerintah Thai telah bertindak menutup sekolah-sekolah vernacular dan agama dan memaksa pelajar-pelajar Islam ke sekolah Buddha. Lihat *Suaru Siswa*, Per-satuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM) Jilid 2, Bil. 2, Disember, 1970, hlm. 7.

secara perseorangan sahaja dengan ulama itu.

Dalam mengkaji sejarah perkembangan pelajaran pondok ini seorang tokoh yang penting dan tidak harus dilupakan ialah Tuan Guru Haji Hassan Al Patani.<sup>2</sup> Beliau berasal dari Patani. Beliau juga semasa berada di Patani menjadi guru kepada Tuan Guru Haji Hussein iaitu seorang tokoh yang telah menjadi pelopor dalam sejarah perkembangan pondok di Besut.<sup>3</sup>

Kedatangan beliau ke Besut telah disambut oleh Raja Besut. Ini kerana Raja Besut ketika itu tidak mempunyai guru agama untuk mengajar anak-anak mengaji Quran. Di samping menjadi guru agama Tuan Guru Haji Hassan ini juga telah menjadi tabib yang ternama di daerah Besut. Beliau juga dikatakan mempunyai banyak ilmu kebatinan. Hakikat inilah Raja Besut ketika itu sangat takut dan menghormati kepadanya. Sebarang nasihat yang disampaikan oleh Tuan Guru Haji Hassan diikuti oleh raja itu.<sup>4</sup> Kedudukan yang demikian telah menyebabkan ramai di antara penduduk di Kampung Palembang, Kampung Raja, Besut mempelajari agama daripadanya.

Pada tahun 1910 beliau telah meninggal dunia dan dikebumikan di perkuburan Islam Kampung Palembang, Kampung Raja, Besut.<sup>5</sup>

## SEJARAH PENGASASAN DAN PERKEMBANGAN PONDOK

### Pondok Tuan Guru Haji Hussein Kampung Lampu

Walaupun Tuan Guru Haji Hassan adalah tokoh agama yang pertama dari Patani datang ke daerah Besut tetapi beliau bukanlah orang yang pertama memperkenalkan sistem pondok di daerah ini. Beliau hanya mengajar di Masjid Raja Kampung Raja dan juga di sekitar Kampung Palembang dalam daerah Besut. Orang yang pertama memperkenalkan sistem pondok ini ialah Tuan Guru Haji Hussein bin Haji Mohammad Amin. Beliau merupakan orang yang pertama kali membuka pondok di Besut iaitu pada tahun 1905. Pondok ini telah berjalan sehingga 1917. Tuan Guru Haji Hussein ini berasal dari Tnat Dang, Yala, Daerah Patani, Selatan Thai.<sup>6</sup> Beliau pernah menjadi murid pada Tuan Guru Haji Hassan selama beberapa tahun sebelum berangkat ke Mekah. Atas nasihat dan ajakan gurunya inilah beliau telah berpindah ke Besut bersama-sama dengan keluarganya iaitu termasuk anak-anaknya Tuan Haji Muhammad, Haji Abdullah, Haji Abdul Kadir dan Haji Awang. Anak-anaknya ini yang memainkan peranan penting dalam perkembangan pondok di daerah Besut. Tuan Guru Haji Hussein seringkali ke Mekah untuk menunaikan Haji di samping mendalami lagi pengajiannya. Setiap kali ke sana beliau sentiasa membawa salah seorang dari anak-anaknya ke Mekah. Namun demikian adalah tidak diketahui siapa guru-gurunya di Mekah.

Sebelum kedatangan Tok Guru, Kampung Lampu merupakan sebuah

2 Adalah mendukacitakan kerana penulis tidak mendapat keterangan yang lanjut berkenaan dengan Tuan Guru Haji Hassan ini. Tentang keluarganya juga tidak diketahui. Beliau ini adalah dianggap sebagai Tuan Guru Yang Keramat. Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Kadir bin Tuan Guru Haji Hussein, Kampung Darau, Jerteh, Terengganu, 24 Mac 1975.

3 Ibid.

4 Haji Abdul Kadir.

5 Ibid.

6 Ibid.

penempatan dan di bawah kelolaan seorang wakil Raja yang bernama Tengku Muda. Tengku Muda memerintah Kampung Lampu dengan arahan yang telah diberi oleh Raja Terengganu. Pada masa itu Kampung Lampu merupakan pusat perdagangan barang-barang tempatan seperti padi, pinang kongsi dan kelapa. Di Kampung Lampu juga didapati penduduk menjalankan kegiatan bertanam padi. Maka tidaklah menghairankan sekiranya ia merupakan suatu penempatan yang ramai. Atas sebab-sebab ini maka Tuan Guru Haji Hussein telah membuat keputusan untuk tinggal di Kampung Lampu.<sup>7</sup> Beliau telah membina rumahnya berhampiran dengan istana Tengku Muda. Kawasan rumahnya itu dikurniakan oleh Tengku Muda. Rumah yang dibinanya itu masih lagi kekal sehingga sekarang. Berhampiran dengan rumahnya beliau telah membina enam buah kolah untuk kemudahan pelajar-pelajarnya.

Kedatangan Tuan Guru ke Kampung Lampu telah menjadikan Kampung itu lebih terkenal di seluruh Besut dan juga hingga ke negeri-negeri lain seperti Kelantan, Pahang, Patani dan daerah-daerah lain di Terengganu. Hal ini berlaku kerana Kampung Lampu merupakan pusat perdagangan yang terbesar di daerah Besut. Pedagang-pedagang yang mengunjungi Kampung Lampu ketika itu terdiri dari mereka yang berasal dari luar daerah Besut. Kepulangan mereka ke kampung-kampung atau tempat masing-masing menolong menyebarkan perkhabaran tentang terdapatnya seorang ulama dari Patani mengajar di Kampung Lampu, Besut. Pada mulanya Tok Guru hanyalah menumpukan pengajarannya kepada penduduk tempatan sahaja di samping menjadi guru Quran kepada anak-anak Tengku Muda. Pada tahun 1905 terdapat ramai pelajar-pelajar yang datang dari Kelantan, Terengganu dan Pahang untuk belajar dengannya. Justeru itu beliau telah menemui Tengku Muda untuk mendapatkan satu kawasan bagi mendirikan pondok-pondok kepada pelajar-pelajar yang datang dari luar.<sup>8</sup> Dengan pertolongan dan sokongan Tengku Muda maka beberapa buah pondok didirikan khusus untuk memberi tempat penginapan bagi pelajar-pelajar yang datang dari luar. Sejak itu berkembanglah Pondok Tuan Guru Haji Hussein Kampung Lampu. Jumlah pondok-pondok yang terdapat pada tahun 1916 lebih kurang empat puluh buah. Bilangan pelajar-pelajar dianggarkan seramai seratus orang.

Tiada berapa lama selepas Tuan Guru Haji Hussein membuka pondok di Kampung Lampu Tengku Muda pun meninggal dunia. Raja Besut yang bersemayam di Kampung Raja telah melantik Tengku Wok sebagai wakilnya untuk menggantikan ayahandanya Tengku Muda. Walaupun Tengku Wok menjadi pemerintah namun hubungan antara baginda dengan Tuan Haji Hussein adalah sama dengan apa yang telah wujud ketika Tengku Muda dahulu. Bahkan Tengku Wok sentiasa berdampingan dengan anak-anak Haji Hussein terutama sekali dengan Tuan Haji Muhammad. Keluarga Haji Hussein sentiasa diajak bermesyuarat jika timbul masalah tentang keagamaan mahupun yang bersabit dengan pentadbiran. Penghormatan yang diberi oleh Raja Lampu itu menyebabkan kedudukan Tuan Haji Hussein dan keluarganya lebih istimewa daripada rakyat yang lain.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Ibid.

Setelah dua tahun Tengku Wok menjadi Raja Lampu timbulah perkelahian dengan Tengku Chik iaitu pemerintah Besut ketika itu.<sup>9</sup> Dalam perkara ini Tuan Guru Haji Hussein tidak menyebelahi mana-mana pihak. Keadaan ini menyebabkan Tengku Chik berani dan sanggup melanggar Kampung Lampu.<sup>10</sup> Sebenarnya Tuan Guru Haji Hussein sentiasa dihormati dan dimuliai oleh Raja Besut itu lebih-lebih lagi Tuan Guru Haji Hassan Keramat telah meninggal dunia. Perhubungan beliau dengan Tengku Wok juga tidak terjejas walaupun Tuan Guru mengambil langkah demikian. Setelah tamat perang Tengku Chik telah melantik Tuan Guru Haji Hussein untuk menjadi orang tengah dalam usaha meminang anak Tengku Wok. Akhirnya kedua-dua raja itu telah berbaik semula.

Sebelum beliau meninggal dunia beliau telah sempat melatih dan mendidik anak-anaknya supaya dapat menggantinya sebagai guru di pondok Kampung Lampu itu. Sebab itu langkah beliau membawa anak-anaknya ke Mekah itu sebagai suatu persediaan untuk menghidupkan perkembangan pondoknya. Pada tahun 1917 ketika pondoknya ke arah kemajuan beliau telah meninggal dunia. Tempatnya itu telah diambil alih oleh anak sulungnya iaitu Tuan Guru Haji Muhammad. Pelajar-pelajar meneruskan juga pengajian mereka dengan Tuan Guru Haji Muhammad. Tidak lama kemudian Tuan Guru Haji Muhammad telah berkahwin dengan seorang gadis Kuala Besut dan beliau telah berpindah ke sana. Pondok Kampung Lampu telah diambil alih oleh adiknya iaitu Tuan Haji Abdullah.

### Pondok Tuan Guru Haji Muhammad Kuala Besut

Pondok ini telah diasaskan oleh Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussein pada tahun 1918.<sup>11</sup> Beliau dilahirkan di Tnat Dang, Yala, Patani, Selatan Thai, pada tahun 1880. Ketika datang ke Besut bersama dengan ayahnya Tuan Guru Haji Hussein beliau masih dalam lingkungan umur belasan tahun. Beliau mendapat pendidikan asas daripada ayahnya sendiri. Oleh kerana beliau merupakan anak yang sulung maka beliaulah yang pertama sekali dibawa ke Mekah. Di Mekah beliau menerima pendidikan agama yang lebih berkesan.

Ketika berada di Mekah beliau berguru dengan Sheikh Daud Al Patani.<sup>12</sup> Antara teman sepengajiannya ialah Tuan Guru Haji Muhammad Yussof (Tok Kenali) dan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir. Kedua-duanya adalah ulama yang terkenal di Kelantan kemudiannya. Persahabatan mereka ini menyebabkan Tuan Guru Haji Muhammad mempunyai cita-cita yang sama dengan mereka, iaitu untuk memperkembangkan pelajaran agama

9 Perkelahian ini adalah disebabkan oleh perbalahan untuk dapat hasil antara kedua belah pihak. Raja Lampu iaitu Tengku Wok enggan menghantar kuitinan beras kampitnya kepada Tengku Chik iaitu Raja Besut. Perbuatan ini menimbulkan kemarahan Raja Besut. Tengku Chik telah melanggar kampung Lampu dengan dibantu oleh orang-orang Terengganu. Manakala pihak Tengku Wok pula mendapat bantuan dari rakyat Kelantan terutama sekali orang-orang Jeram, Pasir Putih, Kelantan. Tengku Wok terpaksa mengaku kalah dan berjanji menyerahkan segala hasilnya pada tahun hadapan. (Wawancara dengan Tengku Selema binti Tengku Wok, Kampung Amir, Besut, 1 April 1975).

10 Ibid., Juga Haji Abdul Kadir.

11 Wawancara dengan Wan Muhammad bin Wan Dagang, Kuala Besut, Terengganu, 26 Mac 1975.

12 Syeikh Daud Al Patani iaitu Guru Tuan Haji Muhammad tidak sama dengan Syeikh Daud ibn Abdillah ibn Idris Patani yang banyak mengarang kitab perundangan Islam di Mekah. Lihat Winstedt, "A History of Classical Malay Literature." *JMBRAS*, Vol. XXXI, Pt. 3, June 1958, him. 126.

apabila beliau kembali ke Tanah Jawi (Tanah Melayu) kelak. Syeikh Daud telah menasihatkannya supaya bekerja sendiri dan jangan makan gaji.<sup>13</sup> Gurunya ini yang banyak memberi perangsang dalam masa Tuan Guru menjadi guru pondok di Kuala Besut. Gurunya itu sentiasa mengunjungi muridnya di Kuala Besut.

Beliau terpaksa kembali ke tanahair pada awal tahun 1917 kerana mendapat berita bahawa ayahnya Tuan Guru Haji Hussein sakit tenat. Beliau telah sempat menemui ayahnya itu sebelum ayahnya meninggal dunia. Kali ini beliau telah diwasiatkan oleh ayahnya supaya mengambil alih pondok Kampung Lampu itu. Beliau hanya sempat mengajar lebih kurang setahun sahaja kerana turut berpindah ke Kuala Besut di kampung isterinya. Pondok Kampung Lampu telah dikelolakan oleh adiknya iaitu Tuan Haji Abdullah.

Kuala Besut ketika itu tidak mempunyai seorang ulama pun yang boleh mengajar agama. Penduduknya terdiri dari kaum nelayan yang banyak menumpukan masa mereka dengan pekerjaan. Apabila mereka selesai membuat pekerjaan mereka suka menghiburkan hati masing-masing. Hal ini banyak berlaku pada anak-anak muda. Keadaan ekonomi mereka lebih buruk jika dibandingkan dengan penanam padi di kawasan lain di daerah Besut. Di Kuala Besut ketika ini sentiasa diadakan permainan-permainan seperti makyung, menora, wayang kulit dan rambung Siam.<sup>14</sup> Pendek kata masyarakat di Kuala Besut ketika itu tidak mengambil berat dalam usaha pendidikan agama. Perkara yang lebih buruk lagi terdapat di pekan Kuala Besut ini ialah rumah pelacuran yang terkenal dengan kawasan Kampung Longger (Kampung Bunga). Keadaan dan suasana yang begini yang telah dihadapi oleh Tuan Guru Haji Muhammad dalam usahanya untuk meneruskan cita-cita pengajaran agama. Walau bagaimanapun beliau telah mendapat kerjasama dari golongan tua di Kuala Besut terutama sekali sokongan kebendaan dan moral untuk mendirikan sebuah masjid di Kuala Besut.

Tuan Guru Haji Muhammad tidak terus mengajar secara pondok di Kuala Besut terlebih dahulu tetapi beliau hanya mengajar di masjid yang baru dibina itu kepada beberapa orang pelajar yang terdiri dari orang-orang tua di Kuala Besut. Keadaan ini telah berubah apabila sebilangan kecil dari pelajar-pelajar pondok Haji Hussein di bawah kelolaan Haji Abdullah telah datang belajar dengan Haji Muhammad. Dari masa ke semasa bilangan pelajar telah bertambah bukan sahaja terdiri dari mereka yang datang dari kawasan lain di daerah Besut malah terdapat juga pelajar-pelajar dari Patani, Kelantan dan Pahang. Kedatangan pelajar-pelajar dari Patani disebabkan oleh tekanan politik yang dikenakan ke atas orang-orang Muslim di Patani.<sup>15</sup> Manakala pelajar-pelajar dari Pahang terpaksa datang belajar ke

13 Wawancara dengan Wan Muhammad bin Wan Dagang, Kuala Besut, Terengganu, Haji Muhammad.

14 Wawancara dengan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif bin Haji Abdul Kadir, Jerteh, Besut, Terengganu, 9 Mac 1975.

15 Haji Wan Abdul Latif. Seorang pelajar memberitahu kepadanya iaitu pelajar itu diwajibkan belajar di sekolah Thai dan mempelajari agama Buddha. Untuk mengelakkan perkara ini pelajar itu telah datang belajar ke Kuala Besut. (Ibid). Kerajaan Thai juga memaksanya orang-orang muda Islam memasuki polis tentera da keadaan ini yang menyebabkan ramai orang-orang muda yang belajar di Kelantan dan Besut. Lihat juga *Suaru Siswa*.

Besut kerana di negeri itu tidak terdapat sebarang pendidikan secara pondok.

Di Pondok Tuan Guru Haji Muhammad terdapat lebih kurang seratus buah pondok dengan bilangan para pelajar lebih kurang dua ratus lima puluh orang.<sup>16</sup> Kemuncak perkembangannya ialah pada tahun 1926 dan 1927.<sup>17</sup> Ketika ini bilangan pelajar-pelajar tempatan terdiri dari keluarga yang ber-niaga secara kecil-kecilan atau mereka yang mempunyai sedikit harta dan dapat menampung perbelanjaan anak-anak mereka.<sup>18</sup>

Bilangan pelajar-pelajar Pondok ini telah merosot dalam tahun-tahun 1930-an kerana ramai daripada pelajar-pelajar itu telah pergi belajar ke Pondok Haji Umar Kampung Raja, Pondok Haji Abas Bukit Puteri dan Podnok Haji Wan Abdul Latif, Jerteh. Pondok-pondok ini diasaskan oleh bekas pelajar-pelajar Haji Muhammad sendiri. Pondok ini muncul sehinggalah apabila Tuan Guru Haji Muhammad meninggal dunia pada tahun 1971 dan jumlah pondok ketika itu hanya lima buah saja.<sup>19</sup> Ini merupakan perkara biasa kerana pada masa itu perkembangan pelajar *vernacular* begitu pesat sekali dan sistem pengajaran pondok tidak lagi penting. Bahkan pendidikan agama juga telah diambil alih oleh beberapa buah sekolah Arab di daerah Besut.

#### Pondok Tuan Guru Haji Umar Kampung Raja, Besut

Pondok ini telah diasaskan oleh Tuan Guru Haji Umar kira-kira pada tahun 1919. Beliau telah dilahirkan kira-kira tahun 1891 di Kampung Sungai, Kampung Raja, Besut, Terengganu.<sup>20</sup> Dalam usia yang sangat muda beliau telah membuka Pondok Kampung Raja dengan mendapat sokongan Raja Besut ketika itu. Ketika umurnya empat belas tahun beliau belajar dengan Haji Hussein Kampung Lampu. Oleh kerana ayahnya seorang yang terkaya pada masa itu di Kampung Sungai beliau dihantar belajar ke Mekah selama dua belas tahun.<sup>21</sup> Gurunya yang bertanggungjawab mengajar beliau di Mekah iaitu Datuk Sembawa (Jawa).<sup>22</sup> Ketika menuntut di Mekah beliau sentiasa dihormati oleh rakan-rakan yang bersama-sama belajar kerana beliau mempunyai personaliti yang baik dan bersopan santun. Beliau tidak suka ber-cakap banyak dan suka menjaga tingkah lakunya.

Apabila Tuan Guru Haji Umar pulang dari Mekah pada tahun 1919 beliau telah menetap di Kampung Palembang iaitu berhampiran dengan Kampung Raja, Besut. Beliau telah mengajar di masjid yang telah dibinanya melalui bantuan orang-orang Kampung Palembang. Di antara pelajar-pelajar ketika itu terdiri dari mereka yang berasal dari Kampung Raja, Kampung Lama, Kampung Sungai dan dari Kampung Palembang sendiri. Kampung-kampung ini berhampiran dengan Kampung Palembang dan pelajar-pelajar

16 Wan Muhammad Dagang.

17 Ibid.

18 Mempunyai harta dimaksudkan dengan keupayaan sesorang keluarga memberi beras bekal dan sedikit wang untuk membeli kitab dan lain-lain keperluan.

19 Wan Muhammad Dagang.

20 Wawancara dengan Hajah Wan Saidah bte Haji Ahmad, Kampung Raja, Besut, Terengganu, 3 April 1975.

21 Wawancara dengan Haji Sulaiman bin Haji Ahmad, Kampung Sungai, Kampung Raja Besut, Terengganu 4 April, 1975.

22 Ibid.

hanya belajar di masjid dan akan pulang ke rumah masing-masing. Ketika Tuan Guru Haji Umar mengajar di Kampung Palembang ini jumlah pondok lebih kurang tujuh puluh buah, dan bilangan pelajar-pelajar seratus lima puluh orang.<sup>23</sup> Di antara pelajar-pelajar itu terdapat juga pelajar-pelajar dari luar negeri terutama sekali dari Kelantan.

Pada tahun 1932 satu kebakaran telah berlaku di Kampung Palembang.<sup>24</sup> Keadaan ini telah menyebabkan Pondok Tuan Guru Haji Umar terpaksa dipindahkan ke kawasan Beris Kampung Raja. Di sini Tuan Guru Haji Umar telah membina sebuah masjid yang baru untuk dijadikan sebagai tempat mengajar. Pondok-pondok juga telah didirikan semula bagi meneruskan pengajaran agama.

Tuan Guru Haji Umar meninggal dunia pada tahun 1941. Kematian Tuan Guru Haji Umar itu menyebabkan ramai di antara pelajar-pelajarnya berpindah ke pondok-pondok lain. Keadaan ini berlaku kerana tidak terdapat pengganti yang akan meneruskan pengajaran agama yang telah diasaskan oleh Allahyarham itu.

#### **Pondok Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad, Bukit Puteri**

Pondok ini telah diasaskan oleh Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad dalam tahun 1935. Beliau telah dilahirkan di Bukit Puteri pada tahun 1909. Tuan Guru Haji Abas telah menerima pendidikan asasnya dengan Tuan Guru Haji Muhammad Kuala Besut, pada tahun 1926. Antara teman sepengajian beliau ketika itu ialah Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif yang telah menjadi pengasas kepada Pondok Jerteh. Semasa pengajiannya ini beliau sentiasa belajar secara kritis, iaitu beliau tidak mudah menerima sesuatu itu, baik dari gurunya ataupun dari kawan-kawannya. Perbuatan itu telah dianggap oleh kawan-kawannya sebagai telah menderhaka kepada gurunya.<sup>25</sup> Beliau sangat cenderung kepada mata pelajaran falsafah.

Untuk mendalami dan melengkapkan diri dalam pendidikan agama Islam beliau telah melanjutkan pelajaran ke Mekah. Ketika berada di Mekah beliau telah berguru kepada Syeikh Said Al Yamani, Syeikh Mokhtar, Syeikh Muhammad Patani, Syeikh Ali Maliki, Pak Da Ismail Patani dan Syeikh Daud Patani. Beliau juga sempat berguru dengan Tuan Haji Abdul Rahman Limbong.<sup>26</sup> Ketika berada di Mekah Tuan Guru Haji Abas banyak membaca majalah-majalah dan akhbar-akhbar seperti *Al Manar*. Akhbar-akhbar

23 Haji Sulaiman Ahmad.

24 Kebakaran ini adalah berpunca dari rumah seorang perempuan yang bernama Minah di mana kawasan dapur rumahnya terbakar. Akibat kebakaran itu merebak sehingga semua pondok-pondok habis terbakar dan termasuk rumah Tuan Guru Haji Umar. Pelajar-pelajar yang datang dari luar daerah Besut menumpang di masjid Raja Kampung Raja. Ada juga orang mengatakan bahawa kebakaran itu dilakukan oleh orang yang dengki terhadap kemajuan Palembang pada masa itu. Hajah Wan Saidah Ahmad.

25 Wawancara dengan Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad, Tok Jiring, Kuala Terengganu, 20 April, 1975. Kawan-kawannya mengatakan bahawa keadaan Tuan Guru Haji Abas yang sentiasa berpindah itu adalah sebagai balasan kepada penderhakaan kepada gurunya. Ini tidak berdasar sama sekali kerana perpindahan yang sering dilakukan oleh Tuan Guru Haji Abas adalah semata-mata untuk mencapai kemajuan dalam bidang pendidikan Islam.

26 Semasa Tuan Haji Abdul Rahman sakit Tuan Guru Haji Abas sentiasa mengunjunginya. Haji Abdul Rahman Limbong dibuang negeri kerana dituduh oleh British cuba membangkitkan huru-hara di Hulu Terengganu pada 1928. (*Ibid*). Lihat juga Mohamad Endut, "1928 — Penderhakaan Di Terengganu", Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970, him. 28.

dan majalah-majalah ini sedikit sebanyak memberi sumbangan terhadap perkembangan fikiran Tuan Guru Haji Abas. Beliau juga dapat mengikuti perkembangan gerakan Wahabi dan *The Young Turk* yang dipimpin oleh Kamal Ataturk.<sup>27</sup> Semua ini merupakan bibit perjuangan Tuan Guru Haji Abas.

Dalam tahun 1932 beliau terpaksa kembali ke tanahair kerana menghantar seorang temannya yang sakit tenat. Sekembalinya beliau telah berkahwin dengan isterinya yang pertama yang juga berasal dari Bukit Puteri, Besut. Nampaknya pengajian beliau tergendala kerana kekurangan perbelanjaan. Hal ini tidak bermakna Tuan Guru Haji Abas telah putus ikhtiar malah beliau telah menemui sendiri Datuk Seri Amar Diraja Terengganu<sup>28</sup> untuk memohon bantuan. Dengan bantuan yang diterima dari Datuk Amar itulah Tuan Guru Haji Abas meneruskan cita-citanya untuk mendapat pendidikan agama dengan sempurna. Kali ini beliau memilih India sebagai tempat pengajiannya. Beliau memasuki Madrasah Jamiah Dabhel-Al Jamael Al Islam, Simlak, Gujerat pada akhir tahun 1932. Di Madrasah ini beliau telah mendapat pelajaran yang mendalam dalam pelajaran falsafah. Dengan bimbingan yang sempurna dari guru-gurunya, di antaranya yang terkenal ketika belajar di India ialah Shabir Ahmad Usman, Abdulrahman Albakri, Badrul Alam, Abdul Aziz, Syeikh Muhammad Idris, Abdul Jabbar Muhammad Yahya dan Ubaidullah.<sup>29</sup> Guru-guru ini terdiri dari bekas-bekas guru besar yang berselisih faham dengan pihak pentadbiran sekolah asal mereka. Pihak pentadbir sekolah lebih mementingkan soal-soal kewangan daripada soal pendidikan pelajar-pelajar mereka. Pengambilan kakitangan sekolah terutama bahagian pentadbiran telah dimonopolikan oleh sanak saudara pentadbir sekolah-sekolah tersebut. Keadaan ini tidak sesuai dengan cita-cita dan semangat guru-guru besar yang melihat pendidikan adalah lebih penting daripada soal-soal kewangan. Keadaan ini telah mendorongkan ramai di antara bekas guru-guru besar itu tertumpu ke Madrasah itu. Pergaulan guru-guru ini adalah sangat erat dengan pelajar-pelajar mereka. Bahkan terdapat juga pelajar-pelajar yang meniru cara-cara dan *style hidup* guru-guru mereka itu.<sup>30</sup>

Beliau telah tamat pengajian di India dengan kejayaan yang cemerlang. Oleh kerana beliau merupakan seorang pelajar yang pintar, beliau telah memenangi hadiah dan berjaya mendapat 100 rial, buku-buku dan serban hijau, iaitu mahkota madrasah itu.<sup>31</sup>

Pada tahun 1934 beliau telah kembali ke tanahair dan tinggal buat

27 Tuan Guru Haji Abas. Suasana semasa beliau belajar ini dapat mendorongkan Tuan Guru Haji Abas dalam masa hidupnya bertindak lebih radikal daripada ulama yang lain.

28 Datuk Amar Diraja ialah Menteri Besar Terengganu yang mengambil berat tentang pendidikan agama di Terengganu.

29 Antara guru-gurunya itu ialah Ubaidullah yang merupakan seorang tokoh politik Islam di India yang sama-sama berjuang dengan Ghandi untuk menuntut kemerdekaan India. Beliau sangat-sangat mempengaruhi jiwa Tuan Guru Haji Abas dalam perkembangan politik sekembalinya dari India. Anak sulung Tuan Guru Haji Abas telah diberi nama Abdullah yang mana hampir-hampir sama dengan nama gurunya itu. (Wawancara Tuan Guru Haji Abas).

30 Tuan Guru Haji Abas lebih suka menyimpan janggut yang tebal kerana gurunya Ubaidullah juga mempunyai janggut yang tebal. (*Ibid*).

31 Apabila beliau pulang ke tanahair dan melawat Gong Kedak iaitu kawasan pertahanan British beliau bertemu dengan tentera Punjab. Tentera-tentera ini memberi *salute* kepada mereka kerana memakai serban hijau itu. (Wawancara Tuan Guru Haji Abas).

sementara waktu di Kuala Besut. Ketika itu juga Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif pengasas Pondok Jerteh telah kembali ke Besut dari Mekah. Kedua-duanya merupakan dua tenaga yang dinamik di dalam perkembangan pendidikan agama di daerah Besut. Mereka telah bersetuju menggabungkan tenaga untuk mendirikan pusat pendidikan agama di Pengkalan Ubi Keling, Kuala Besut. Sementara itu penduduk Bukit Puteri sendiri telah berusaha supaya Tuan Guru Haji Abas dapat mengajar di kampungnya sendiri. Cadangan ini juga telah diterima oleh Tuan Guru Haji Abas. Beliau telah membulatkan fikirannya untuk menyerahkan pentadbiran di Pengkalan Ubi Keling itu kepada Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Beliau akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pusat pendidikan di Bukit Puteri. Selain daripada itu beliau mencadangkan kepada Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif supaya dapat mengajar seminggu di Pengkalan Ubi Keling dan seminggu di Bukit Puteri. Tuan Guru Haji Abas juga terpaksa berbuat demikian. Walaubagaimana sekalipun cadangan ini telah ditolak oleh Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif tidak bersetuju dengan cadangan itu (mendirikan pondok di Pengkalan Ubi Keling) kerana di Pengkalan Ubi Keling, beliau tidak akan mendapat sebarang hasil selain daripada kelapa. Walaupun tanahnya seluas tujuh ekar tetapi kebanyakan kawasannya adalah berpasir.<sup>32</sup> Dengan itu cadangan untuk membuka kawasan Pengkalan Ubi Keling sebagai tempat pengajaran dan pendidikan agama telah gagal.

Dengan kegagalan itu Tuan Guru Haji Abas terpaksa balik mengajar di Bukit Puteri iaitu di masjid yang telah dibina oleh penduduk kampung itu. Tuan Guru Haji Abas berpendapat bahawa masa sudah sampai baginya untuk membuka sebuah pusat pendidikan agama Islam di daerah Besut yang mencontohi sekolah-sekolah swasta di India.<sup>33</sup> Beliau telah melawat ke kampung-kampung, memberi penerangan kepada orang-orang kampung tentang niatnya itu. Nampaknya seruan beliau itu telah mendapat sokongan daripada orang-orang kampung terutama sekali penduduk Bukit Puteri. Mereka telah memberi sokongan untuk membina beberapa pondok bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang jauh untuk menginap.

Pada hari pertama pembukaan pondok itu ramailah pelajar-pelajar yang datang mendaftarkan diri. Ada yang datang dari Kelantan terutama sekali dari daerah Pasir Putih yang merupakan sempadan daerah Besut. Ketika sibuk menerima pelajar-pelajar baru itu beberapa orang anggota polis telah datang dan menangkap Tuan Guru Haji Abas. Beliau ditangkap kerana dituduh cuba menghasut orang Melayu menghalau orang-orang asing terutama sekali orang Cina dari Besut. Penangkapan Tuan Guru Haji Abas menggemparkan penduduk daerah Besut. Walaupun demikian akhirnya beliau dibebaskan.

Setelah dibebaskan dari tuduhan tersebut Tuan Guru Haji Abas telah pulang semula ke Besut dan membuka Pondok di Bukit Puteri. Beliau bersama-sama dengan penduduk di situ telah mengambil inisiatif menebang

<sup>32</sup> Ibid. Juga Wawancara Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.

<sup>33</sup> Ketika beliau belajar di India beliau telah metihat sendiri bagaimana pesatnya perkembangan sekolah swasta di India. Beliau mahu mengikuti langkah yang dijalankan oleh bekas-bekas gurunya yang bekerja sendiri. (Wawancara Tuan Guru Haji Abas).

pokok-pokok kayu untuk membina pondok-pondok. Nampaknya Tuan Guru Haji Abas begitu optimis sekali dengan masa depan pondoknya itu kerana di samping pondok-pondok yang sedia ada beliau telah menambahkan lagi bilangan pondok-pondok itu. Pada hari pertama lebih daripada seratus orang pelajar telah mendaftarkan diri. Mereka ini terdiri dari pelajar-pelajar yang dekat dan juga dari Kelantan. Dari tahun 1937 hingga tahun 1939 pelajar-pelajar telah meningkat kepada lebih daripada enam ratus orang. Kali ini pelajar-pelajar itu terdiri bukan sahaja dari Kelantan dan Terengganu malah terdapat juga pelajar-pelajar dari Pahang, Patani, Kedah, Melaka dan Indonesia.<sup>34</sup> Kedatangan pelajar-pelajar dengan ramainya itu adalah disebabkan oleh kemasyhuran Tuan Guru Haji Abas itu sendiri terutama sekali di kalangan penduduk daerah Besut dan Kelantan (Pasir Putih). Kemasyhuran dan popularnya beliau adalah kerana sifat beliau yang membawa pembaharuan dalam sistem pengajarannya dan juga usaha beliau melawat kampung-kampung di mana saja dijemput untuk memberi syaran agama. Penangkapan beliau oleh pihak yang berkuasa juga telah memarakkan lagi namanya dan sebab ini juga kita dapat ramai pelajar-pelajar belajar Pondok Bukit Puteri.

Perkembangan pelajaran pondok di Bukit Puteri ini telah tergendala kerana Jepun menyerang kawasan pertahanan Inggeris di Gong Kedak, Pasir Putih, Kelantan, iaitu satu kawasan yang bersempadan dengan Bukit Puteri. Peristiwa ini telah berlaku dalam bulan Februari 1941. Pelajar-pelajarnya menyelamatkan diri dan ada juga pulang ke kampung masing-masing. Pelajar-pelajar dari luar negeri terutama yang berasal dari Indonesia terpaksa menumpang di rumah Tuan Guru Haji Abas ataupun di rumah kawan-kawan mereka. Mereka tidak dapat pulang ke tanahair kerana ketika itu perhubungan tersangat sukar. Salah seorang pelajar dari Indonesia, Mustapha Labib telah menumpang di rumah kawannya di Pasir Putih, Kelantan. Akhirnya beliau telah berkawwin dengan salah seorang dari gadis di situ.

Dengan serangan Jepun itu juga maka terhentinya pengajaran pondok di Bukit Puteri di bawah kelolaan Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad. Tuan Guru Haji Abas telah pergi mengajar di Masjid Lorong Gajah Mati, Kota Bharu, Kelantan.<sup>35</sup> Dalam masa pemerintahan Jepun itu. Beliau tidak tinggal tetap di Kota Bharu tetapi sentiasa berulang-alik dari Besut ke Kota Bharu.

### Pondok Haji Wan Abdul Latif, Jerteh

Sebelum kita membincangkan tentang perkembangan pondok ini adalah lebih penting memperkatakan serba sedikit latar belakang Tuan Guru Haji

34 Bagi masyarakat Indonesia terutama sekali di bahagian Sumatera pemergian seseorang itu dari negerinya adalah disifatkan sebagai pergi merantau. Merantau ini kadangkala dianggap sebagai suatu institusi jalan keluar bagi orang-orang muda yang kecewa kurang tanggungjawab dan hak mereka di dalam masyarakat itu. Merantau juga adalah disifatkan sebagai suatu persediaan untuk menuju ke arah kedewasaan dan juga adalah sebagai suatu perkara yang dituntut untuk memenuhi salah satu daripada sembilan "Pillars of the law" bagi mengenali kebesaran dunia. Lantaran inilah kita dapat juga ramai pemuda-pemuda Indonesia yang mengembala mencari ilmu agama. Untuk keterangan selanjut sila'ihat Taufik Abdullah, *Schools and Politics: The Kaum Muda Movement In West Sumatera (1927-1933)*, Cornell University, Ithaca, New York, March, 1971, him. 20.

35 Wawancara Tuan Guru Haji Abas.

Wan Abdul Latif sebagai orang yang bertanggungjawab mengasaskan pondok ini. Beliau telah dilahirkan pada 1905 di Pulau Salim<sup>36</sup> Besut, Terengganu. Beliau mendapat pendidikan asas dari Tuan Guru Haji Umar bin Haji Ahmad, Kampung Raja, Besut, Terengganu. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya dengan Tuan Guru Haji Muhammad di Kuala Besut. Ketika belajar di Kuala Besut beliau telah berkawan rapat dengan Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad. Boleh dikatakan kedua-dua mereka itu sama handal dalam pelajaran, tetapi Tuan Guru Haji Abas sentiasa merupakan sebagai seorang pelajar yang suka kepada perbincangan iaitu tidak mahu menerima sesuatu itu dengan begitu sahaja.<sup>37</sup> Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif lebih cenderung mempelajari Ilmu Fikah manakala Tuan Guru Haji Abas lebih berminat dalam pelajaran Falsafah.

Sebelum beliau berangkat ke Mekah Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif telah menjadi murid Tok Kenali di Kota Bharu.<sup>38</sup> Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif juga telah mendapat didikan dari pembantu-pembantu Tok Kenali seperti Tuan Haji Ali Sungai Pinang, Yaakub Lega dan Che Din, Dungun. Akhirnya beliau telah berangkat ke Mekah untuk mendalamai lagi pelajaran agamanya. Beliau telah belajar di Masjid Al Haram di bawah seorang guru yang terkenal iaitu Tuan Syeikh Said Al Yamani dalam bidang Tauhid dan Fikah. Antara teman-temannya ketika berada di Mekah ialah Tuan Haji Awang Limpong, Tuan Haji Wan Yusuf Macang, Kelantan, Haji Salleh Pedada dan Haji Mukhtar Ahmad dari Kelantan.

Suasana di Mekah ketika itu merupakan medan perbincangan politik di mana idea-idea pembaharuan dalam Islam sering terdengar. Kawan-kawan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif seringkali membincangkan tentang isu-isu politik terutama melalui majalah *Al Manar*. Beliau juga seringkali membaca majalah *Al Manar* tetapi menafikan sama sekali bahawa beliau terpengaruh dengan segala propaganda yang terdapat dalam *Al Manar* itu. Baginya adalah semata-mata ingin mengetahui apa yang terkandung di dalam *Al Manar* yang mana merupakan sebuah majalah yang sangat diperbincangkan oleh para pelajar dewasa itu. Walau bagaimana sekalipun Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif sangat tertarik dengan isi perbincangan yang terkandung di dalam *Al Manar* itu.

Tuan Guru Haji Abdul Latif suka bermain catur pada masa lapangnya. Semasa bermain catur Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif dan Haji Salleh Pedada mendedahkan cita-cita mereka untuk mendirikan pondok apabila kembali ke tanahair nanti.<sup>39</sup>

36 Wawancara Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.

37 Apabila ditanya tentang pandangan setengah pelajar terhadap Tuan Guru Haji Abas yang dikatakan menderha kepada gurunya (Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussein) Tuan Guru Haji Abdul Latif menapik cuma beliau menyatakan iaitu ketika belajar Tuan Guru Haji Abas mengemukakan soalan-soalan yang kadangkala Tok Guru sendiri tidak dapat menjawabnya.

38 Dalam masa mengajar itu Tok Kenali duduk berseloh di atas 'pankin' buluh di bawah pokok celagi (asam jawa) berhampiran Masjid Kota Bharu sekarang ini. Pelajar-pelajarnya memegang sebuah kitab sambil duduk bertingggung. Tok Kenali akan membaca kitab itu dan memberi tafsirannya. Wawancara Tuan guru Haji Wan Abdul Latif.

39 Sambil bermain itu Tuan Haji Salleh Pedada bertanya kepada Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif tentang cita-citanya apabila kembali ke Tanah Jawi kelak (Tanah Jawi ialah panggilan kepada Tanah Melayu) Haji Wan Abdul Latif menyatakan beliau bercita-cita hendak menjadi guru agama bagi menyebarkan syiar Islam. Lantas Haji Salleh mengemukakan cadangan beliau iaitu beliau akan pulang ke tanah Jawi dan membuka pondok. Beliau mahu berdiri di atas kaki sendiri dan tidak mahu makan gaji. Akhirnya kedua-dua mereka telah bersetuju membuka pondok (*Ibid*).

Kembalinya dari Mekah pada tahun 1934 beliau menetap di Kuala Besut kerana berkahwin di sini. Beliau telah diberi peluang oleh bekas gurunya mengajar di Kuala Besut. Oleh kerana beliau tidak menyetujui rancangan Tuan Guru Haji Abas untuk menetap di Pengkalan Ubi Keling kerana hasil yang akan didapati nanti tidak akan dapat menyara keluarganya, maka Tuan Guru Haji Abdul Latif telah mengambil keputusan cuba mengajar di tempat lain. Beliau telah pulang ke kampung asalnya, Kampung Pulau Salim dan mengajar di masjid Pulau Salim. Pelajar-pelajarnya terdiri dari golongan orang dewasa yang ingin mendalamai hal-hal agama.

Pada tahun 1935 Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif telah pergi ke Kampung Pak Kiang, Keluang, Besut, Terengganu. Kunjungan beliau itu adalah semata-mata untuk mengajar agama kepada penduduk di situ yang terkenal dengan kejahilan dalam agama Islam.<sup>40</sup>

Apabila Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif mendapati keadaan penduduk di situ begitu jahil sekali dalam soal keagamaan maka beliau merasa adalah menjadi tanggungjawabnya untuk mengasuh dan mendidik mereka dalam hal-hal agama. Akhirnya beliau telah memutuskan untuk membawa keluarganya pindah ke Kampung Pak Kiang itu. Kedatangan beliau mendapat sambutan baik dari kalangan penduduk di situ dan ini termasuklah beberapa keluarga Siam,<sup>41</sup> yang telah pun tinggal lebih awal dari kedatangan orang-orang Melayu sendiri. Penduduk kampung ini telah bermgotong-royong membina sebuah surau sebagai tempat sembahyang dan mengajar agama. Hanya terdapat seorang sahaja yang tidak senang dengan kedatangan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif itu. Beliau ialah Pak Mud iaitu seorang bomoh yang terkenal di Kampung Pak Kiang. Beliau mengesah penduduk di kampung itu supaya memulakan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif itu. Ini adalah kerana beliau bimbang tentang kedudukan beliau sebagai seorang bomoh akan tergugat.<sup>42</sup> Tindakan dan gesaan beliau tidak menjadi halangan bagi Tuan Guru meneruskan pengajarannya. Penduduk Kampung Pak Kiang sangat tertarik hati dengan cara Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif mengendalikan pengajaran agama. Untuk mencapai kejayaan dalam pengajarannya Tuan Guru mendapat pertolongan dari seorang penghulu yang bernama Taib. Melalui Penghulu Taib inilah penduduk kampung telah menunjukkan sikap yang baik dalam mempelajari agama. Tuan Guru memberitahu Penghulu Taib sekiranya terdapat tentangan dari orang ramai atau orang-orang tertentu jangan mengambil tindakan malah hendaklah menggunakan

40 Apabila seseorang itu dipanggil sebagai orang Pak Kiang seluruh penduduk Besut akan faham bahawa orang tersebut adalah jahil dalam agama Islam. Setiap penduduk Besut begitu sensitif sekiranya dikatakan ianya sebagai orang Pak Kiang. Penduduk kampung ini terdiri dari orang-orang Melayu yang tidak pernah menghadiri sebarang institusi pendidikan sama ada yang bercorak vernacular mahupun yang berbentuk keagamaan (*Ibid*).

41 Keluarga Siam inilah yang telah mengasaskan dan meneroka Kampung Pak Kiang ini. Peneroka yang pertama ialah Merah bin Chedan yang berasal dari daerah Narathiwat, Selatan Thai. Beliau telah tiba ke Kampung tersebut di abad ke-19, kira-kira dalam masa pemerintahan Tengku Chik, Raja Besut. Keluarga Siam yang tinggal di sini mengamalkan kehidupan cara orang Melayu cuma mereka tetap beragama Buddha. Ketika Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif mengajar di kampung ini mereka juga turut serta bahkan memberi bantuan untuk mendirikan surau di kampung itu. Mereka percaya bahawa perbuatan baik dikehendaki oleh Tuhan tanpa mengira agama. (Wawancara dengan Merah bin Chedan, kampung Pak Kiang, Keluang, Besut, Terengganu, pada 12 Mac 1975. Merah atau Pak Rah dapat mengucap dua kalimah syahadat dengan baiknya).

42 Wawancara Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.

cara yang lemah-lembut. Pada tiap-tiap malam Tuan Guru mengadakan jamuan dan ramailah orang-orang kampung yang datang belajar. Sekiranya mereka malu untuk makan Tuan Guru sendiri yang menjemput mereka makan.

Dalam satu peristiwa yang menarik Pak Rah atau Merah bin Chedan telah dapat menegur seorang Melayu yang salah melakukan upacara sembahyang berjemaah. Ketika itu beliau berada di atas 'jemboran' surau dan memerhatikan orang-orang Melayu sembahyang mengikuti Tuan Guru. Salah seorang pengikut mengangkat takbir sedangkan Tuk Guru sedang sujud. Dengan itu Tuan Guru terpaksa memperhentikan pengajarannya dan mengajar semula kepada orang yang berkenaan.<sup>43</sup> Keadaan ini telah jelas bahawa sebenarnya orang-orang Melayu di Kampung Pak Kiang itu terlalu 'jahil' dalam hal-hal agama.

Tok Guru memang mempunyai cadangan untuk membuka pondok di Kampung itu. Setelah berada lebih kurang dua tahun di Kampung Pak Kiang terdapat beberapa orang pelajar yang datang mengunjungi Tuk Guru untuk belajar. Mereka datang dari beberapa kampung yang berhampiran dengan Kampung Pak Kiang itu. Namun demikian cadangan Tuk Guru itu menjadi lemah apabila Penghulu Taib meninggal dunia. Selama ini Tuk Guru banyak bergantung kepada beliau untuk mendapat sokongan dari orang-orang kampung. Melalui adiknya Wan Muhammad, Tuk Guru mendapat tahu bahawa ada orang ingin menjual tanah yang seluas tujuh ekar di Jerteh dengan harga \$40.00. Tuk Guru membuat keputusan untuk membeli tanah tersebut dan ingin berpindah ke Jerteh. Beliau juga mendapat tahu iaitu sebuah sekolah Melayu akan didirikan berhampiran dengan tanah yang beliau akan beli itu. Keadaan ini merupakan satu dorongan baginya untuk berpindah ke Jerteh.<sup>44</sup>

Pada tahun 1937 Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif berpindah ke Jerteh. Walaupun begitu meninggalkan seorang pelajarnya yang dapat mengantikan beliau mengajar hal-hal keagamaan di Kampung Pak Kiang. Walaupun beliau berpindah tetapi Tok Guru sentiasa mengunjungi muridnya itu untuk meninjau perkembangan orang-orang kampung Pak Kiang dalam mempelajari agama. Nampaknya mereka memberi sambutan juga walaupun tidak begitu berkesan seperti masa beliau berada dahulu.

Di Jerteh Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif mendapat sambutan yang memuaskan dari penduduk di situ; bahkan mereka telah bergotong-royong membina sebuah surau yang agak besar berhampiran dengan rumah Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif. Pelajar-pelajar yang pernah mengunjungi beliau ketika berada di Kampung Pak Kiang dulu telah datang belajar semula dengannya di Jerteh.

Oleh kerana ramai pelajar-pelajar yang datang terutama sekali dari sekitar Jerteh maka Tuan Guru telah memberitahu Penghulu Zainal Abidin tentang niatnya hendak membuka pondok dan mengajar agama. Penghulu Zainal Abidin<sup>45</sup> dan beberapa orang kampung yang berasal dari Jerteh telah

43 Ibid.

44 Ibid.

45 Pada mulanya beliau sangat bersetuju dengan pengajaran agama kemudiannya beliau menolak sama sekali tentang wujudnya Nabi Muhammad.

bergotong-royong membina sebuah tempat belajar dan juga beberapa buah pondok untuk pelajar-pelajar. Tuan Guru Haji Abdul Latif terpaksa menggunakan bangunan yang lain dan tidak lagi surauanya untuk mengajar kerana pelajar-pelajar mulai bertambah. Sehingga sebelum tahun 1941 iaitu sebelum kemasukan Jepun, pelajar-pelajar beliau dianggarkan 300 orang kesemuanya. Bilangan pondok adalah lebih kurang 200 buah. Bilangan ini tidaklah dapat menandingi bilangan pelajar-pelajar Pondok Tuan Guru Haji Abas, Bukit Puteri. Apabila Jepun menyerang Tanah Melayu pengajaran pondok di Jerteh turut terhenti. Pelajar-pelajar tempatan telah pulang ke kampung-kampung masing-masing begitu juga pelajar-pelajar dari Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan<sup>46</sup> dan Kelantan. Bantuan-bantuan yang berupa kewangan tidak dapat dikirimkan oleh keluarga mereka.

Dalam masa pendudukan Jepun ini Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif telah mengambil inisiatif bersama-sama dengan Tuan Guru Haji Abas dan beberapa orang guru agama yang lain mengadakan pengajaran agama di surau-surau dan di masjid di seluruh daerah Besut. Ketika ini Tuan Guru Haji Abas masih juga berulang-alik mengajar di Lorong Gajah Mati, Kota Bharu, Kelantan. Oleh kerana beliau ingin menumpukan kepada usaha ini Tuan Guru Haji Abas telah berhenti dari mengajar di Lorong Gajah Mati itu. Perlu diperkatakan juga dalam usaha ini Tuan Guru Haji Muhammad, Kuala Besut tidak menggabungkan diri. Ini adalah kerana beliau hanya ingin menumpukan pengajaran di pondoknya sendiri.<sup>47</sup> Tuan Guru ini melawat segenap kampung dan mengajar perkara-perkara yang berhubung dengan mata pelajaran Fikah dan Tauhid sahaja. Mereka mengajar secara bergilir-gilir. Usaha ini berjalan sehingga tahun 1943 kerana selepas ini ramai pelajar-pelajar yang pernah belajar di pondok-pondok ingin meneruskan semula pengajian mereka di pondok-pondok. Bertambah-tambah lagi keadaan perang pun mulai reda sedikit. Pemerintahan Jepun tidaklah mengenakan sebarang sekatan kepada pengajaran agama di pondok-pondok. Ramai juga dari kalangan bekas-bekas pelajar dari Pondok Tuan Guru Haji Abas Bukit Puteri ingin menyambung semula pengajian mereka.

Melihat kepada perkembangan di ataslah Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif sekali lagi berusaha untuk menubuhkan pusat pengajaran agama yang baru. Beberapa masalah telah timbul sebelum usaha ini dijalankan. Antara masalah-masalahnya termasuklah bagaimana hendak mencari punca kewangan dan masalah tempat hendak mendirikan pondok-pondok itu. Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif<sup>48</sup> telah bermuafakat dengan Penghulu Awang, Alor Lintah, Besut dan imam di situ untuk mencari tempat mengajar. Tambahan pula usaha ini akan memakan perbelanjaan yang banyak. Akhirnya

46 Seorang pelajar dari Negeri Sembilan iaitu Abdul Rahman Ali telah pulang bersama-sama dengan tentera Jepun yang menyerang itu. Wawancara Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.

47 Hanya inilah satu-satunya pondok yang tidak ditutup kerana terdapat pelajar-pelajar yang masih belajar walaupun bilangan mereka sangat kecil. Mereka terdiri dari pelajar-pelajar yang berhampiran dengan Kuala Besut. Ketika perang meletus mereka tidak terus pulang ke kampung. Ini berlainan dengan pelajar-pelajar tempat lain di mana mereka terus pulang apabila meletusnya perang.

48 Tuan Guru Haji Abas tidak termasuk dalam rancangan ini kerana beliau ingin meneruskan pengajarannya melalui cara melawat ke surau-surau. Beliau merupakan seorang pengajar yang berkaliber dan setiap kali kunjungannya ke surau-surau sentiasa didatangi oleh bilangan orang yang ramai (Wawancara Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif).

mereka membuat keputusan untuk memungut derma 10 sen pada tiap-tiap orang dalam sebuah rumah. Dengan cara ini mereka berjaya mengumpulkan wang. Setelah wang dapat dikumpulkan masalah tempat pula timbul. Mengikut cadangan Penghulu Awang tempat yang paling sesuai untuk didirikan pondok-pondok dan tempat belajar ialah di Alor Lintah. Cadangan ini telah diterima. Untuk mendapat semula bekas pelajar-pelajar dari Jerteh dan lain-lain pondok tidaklah merupakan sebagai satu masalah. Apabila terkumpul sahaja bilangan pelajar yang ingin belajar, Penghulu Awang menyatakan bahawa beliau tidak terdaya pula hendak mengadakan tempat belajar. Beliau mengatakan adalah sukar baginya untuk mendapat alat-alat pengajaran dan lain-lain kemudahan di Alor Lintah. Pada masa ini masjid tidak lagi digunakan sebagai tempat belajar malah bangku-bangku digunakan sebagai tempat duduk mereka manakala meja sebagai tempat menulis. Walau bagaimanapun Penghulu Awang sudah pun mendirikan sebuah bangunan yang dibuat dari kayu dan berdindingkan buluh. Bangunan ini terpaksa ditinggalkan begitu sahaja apabila pelajar-pelajar telah berpindah ke Jerteh.

Peringkat pertama dari kalangan pelajar-pelajar itu terdiri dari tujuh puluh orang. Bilangan ini makin bertambah apakala adik Tuan Guru Haji Abas telah dijemput mengajar di situ. Oleh kerana ramai tenaga pengajar yang baru datang membantu Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif menyebabkan ramai dari pelajar-pelajar yang dulunya belajar di Pondok Tuan Guru Haji Abas Bukit Puteri datang belajar di Jerteh. Di kalangan mereka inilah terdapat beberapa orang pelajar Indonesia yang tidak pulang ketika serangan dan pendudukan Jepun dahulu, dan ada juga yang baru datang dalam masa pendudukan Jepun itu.

Pada tahun 1958 Haji Wan Abdul Latif telah membawa usul dalam mesyuarat UMNO supaya Majlis Agama Islam Terengganu mengambil alih pentadbirannya sebagai sebuah sekolah Arab. Cadangan ini telah diterima oleh Majlis Agama Islam Terengganu.

### **Pondok Haji Abdul Latif bin Awang, Alor Keladi**

Pengasas pondok ini ialah Tuan Guru Haji Abdul Latif bin Awang yang dilahirkan pada tahun 1915 di Pulau Berangan, Jerteh, Terengganu. Beliau mendapat didikan dari Tuan Guru Haji Umar, Kampung Raja; dan juga pernah menjadi murid Tuan Guru Haji Abas Bukit Puteri dari tahun 1938 hingga penutupan pondok itu dalam tahun 1941.<sup>49</sup> Oleh kerana tidak dapat meneruskan pengajiannya di Bukit Puteri, beliau kemudiannya berangkat ke Mekah. Beliau mempelajari hal-hal agama di Mekah selama delapan belas tahun.

Ketika berada di Mekah beliau sentiasa bergaul dengan pelajar-pelajar dari luar negeri terutamanya pelajar-pelajar dari Indonesia. Beliau pernah ditahan oleh pihak berkuasa Saudi Arabia kerana terlibat dalam satu perkelahian dengan seorang bangsa Arab.<sup>50</sup> Di kalangan kawan-kawannya beliau terkenal sebagai Haji Abdul Latif Geluk Getah kerana kepandaianya dalam seni silat gayung. Apabila keluarganya tidak dapat mengantarkan

49 Wawancara dengan Ustaz Abdul Latif bin Ahmad, Kampung Alor Keladi, Jerteh, Terengganu, 16 Mac 1975.

50 Ibid.

wang perbelanjaan kepadanya buat beberapa ketika Tuan Guru Haji Abdul Latif menjadi guru silat gayung kepada orang-orang Arab di Mekah.<sup>51</sup>

Guru beliau di Mekah ialah Tuan Guru Ahmad Ijazi Fakkeh, Kampung Jiar, Mekah. Tuan Guru Haji Abdul Latif banyak mempelajari hal-hal Fikah dan ilmu Tauhid tetapi beliau lebih mengkhususkan dirinya dalam bidang bacaan al-Quran. Beliau telah mendapat sijil dari gurunya kerana kepadaiannya dalam bidang tersebut.

Sekembali dari Mekah pada tahun 1949 beliau pulang ke kampungnya, Pulau Berangan. Apabila keluarganya berpindah ke Alor Keladi setelah membeli tanah seluas empat ekar dengan harga \$5.00 seekar, Tuan Guru Haji Abdul Latif turut juga berpindah. Di sini Tuan Guru Haji Abdul Latif disambut baik oleh penduduk dan mereka menjemput beliau mengajar al-Quran di sebuah masjid yang telah pun dibina. Beliau mula-mula mengajar dua orang muridnya<sup>52</sup> dalam ilmu Fikah dan Tauhid. Mereka berdua inilah yang telah merintis keadaan pengajaran agama yang berbentuk pondok di Alor Keladi.

Sejak pembukaan pondok ini sehingga di zaman akhir hayat Tuan Guru Haji Abdul Latif pelajar-pelajarnya hanya terdiri dari mereka yang datang dari seluruh daerah Besut dan juga dari Kelantan. Bilangan pelajar-pelajar ini begitu ramai sekali sehingga dalam tahun 1960 jumlahnya lebih dari empat ratus orang; dan jumlah pondok yang dirikan sebanyak dua ratus lima puluh buah.<sup>53</sup>

Perkembangan pesat Pondok Alor Keladi ini menyebabkan Majlis Agama Islam menghantarkan wakilnya untuk merundingkan supaya pondok ini diambil alih. Usaha Majlis ini tidak berjaya kerana Tuan Guru masih percaya atas kebebasan menjalankan pentadbiran sendiri.<sup>54</sup>

Setelah beliau meninggal dunia dalam tahun 1970 pondok ini telah ditadbirkan oleh Abdul Latif Ahmad iaitu pelajarnya yang sentiasa membantunya dalam masa pengajarannya dahulu.

51 Ibid.

52 Mereka ialah Daud bin Mamat dan Abdullah bin Ismail.

53 Wawancara Ustaz Abdul Latif Ahmad.

54 Faktor yang sebenarnya mungkin kerana perbezaan politik dan juga ada hubungan dengan politik.

# Ulama Dan Siasah: Penglibatan Guru Pondok Dalam Politik Kepartian Di Negeri Terengganu\*

MOHAMAD ABU BAKAR +

**S**EPERTI keadaannya di setengah negeri-negeri lain di Malaysia, para ulama telah turut sama melibatkan diri dalam perkembangan masyarakat dan politik di Terengganu. Ini berlaku semenjak sebelum kedatangan British lagi, iaitu apabila ulama seperti Syeikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis) Sheikhl Ulama Syeikh Abdullah Duyung dan Sayid Abdul Rahman Al-Idrus (Tok Ku Paluh) bertindak sebagai penasihat-penasihat diraja dan mendampingi pihak pemerintah dalam pengurusan pentadbiran.<sup>1</sup> Penyertaan golongan ini adalah lebih ketara di zaman penjajahan apabila ulama seperti Haji Abdul Rahman Limpong dan Sayid Sagap turut mendokong cita-cita pergerakan protes menentang kerajaan yang dikatakan berada di bawah telunjuk British.<sup>2</sup> Hingga kini pun, ulama terus memain peranan penting dalam perkembangan politik negeri Terengganu, terutama sekali dengan melibatkan diri dalam siasah kepartian.

Dalam tulisan yang lebih berupa 'satu tinjauan pengenalan' ini, penulis bercadang untuk mengisahkan sejarah hidup empat orang guru sekolah pondok di Terengganu dan penglibatan mereka dalam politik kepartian di negeri itu. Mereka tersebut ialah Tok Guru Haji Wan Abdul Latif, Tok Guru Haji Abas, Haji Shafie dan Haji Abdul Kadir. Bahan-bahan yang digunakan untuk tujuan penulisan ini pada umumnya terbatas kepada hasil

- \* Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sejarah di Kuala Terengganu, pada 20 Mac 1982.
- + Penulis adalah pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 1. Lihatumpamanya, Khoo Kay Kim, "Trengganu and Kelantan in the 19th Century", *The Southeast Asian Review*, August 1976, hlm. 52 dan 53; Heather Sutherland, "The Taming of the Trengganu Elite," dalam *Southeast Asian Transitions: Approaches Through Social History*. (Edited by R.T. McVey), Yale University Press, New Haven and London, 1978, hlm. 37, 46 dan 47; Shahril Talib Robert, "The Terengganu Ruling Class In the Nineteenth Century", *JMBRAS*, vol. 50, Part 2, 1977, hlm. 38 dan 39; Mohamad bin Abu Bakar, "Sayid Abdul Rahman bin Muhammad Al-Idrus (Tok Ku Paloh")", *Islam Di Melayusia*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 36 dan Mohamad bin Abu Bakar, "Tok Sheikh Duyong", PURBA, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bil. 3, 1984.
- 2. Lihat Heather Sutherland, op.cit., hlm. 73, 76 dan 77 dan Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kebangkitan Terengganu 1928: Satu Perbicaraan Mengenai Beberapa Tokoh dan Peranan Mereka", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 9, 1980, hlm. 59—62.

temuramah yang dilakukan oleh penulis dengan ulama berkenaan, beberapa ahli politik dan tokoh-tokoh tempatan yang lain. Oleh itu satu kajian lebih *detail* yang menggunakan data-data atau sumber-sumber lain, seperti dokumen-dokumen parti, rekod-rekod kerajaan (selain daripada yang telah digunakan dalam tulisan ini) dan laporan-laporan akhbar masih perlu dibuat untuk mendapat gambaran yang lebih komprehensif mengenai tokoh-tokoh ini dan penyertaan mereka dalam perjuangan siasah.

### Pondok Dan Politik

Pengaruh sekolah pondok dan kepopularan guru-guru agama ('tok guru') yang mengajar di institusi-institusi tersebut telah mendapat perhatian khas dari parti-parti politik yang bergerak dan bertanding di beberapa kawasan di Malaysia terutama sekali selepas Merdeka. Di Terengganu, seperti kedudukannya di beberapa negeri yang lain, umpamanya Kedah dan Kelantan, keadaan ini telah melahirkan interaksi yang jelas antara pondok dan politik. Dalam konteks ini personaliti 'tok guru' dan penglibatan mereka menjadi tema utama dalam proses politik.

Dua buah parti politik yang telah terlibat secara agak besar-besaran untuk mendapat sokongan pihak pondok ialah UMNO dan PAS, dan di Terengganu institusi-institusi agama ini telah menjadi perhatian mereka khasnya menjelang dan selepas pilihanraya 1959. Walau bagaimanapun, dua parti lain, iaitu Parti Negara dan Sosialis Front, tidak juga ketinggalan dalam perlumba menabur pengaruh di kalangan sekolah-sekolah pondok di negeri itu. Kesedaran bahawa penyertaan 'tok guru' di sebelah mereka akan mempengaruhi murid-murid pondok dan masyarakat sekeliling untuk melibat serta adalah faktor utama yang menyebabkan parti-parti itu bertindak demikian. Di peringkat kampung dan di kawasan luar bandar, komitmen "rural class ulama"<sup>3</sup> seperti mereka untuk mendukung cita-cita parti merupakan satu kejayaan besar yang seterusnya boleh menentukan kemenangan parti berkenaan dalam pilihanraya. Maklumlah, guru-guru pondok bukan sahaja dilihat sebagai tokoh agama yang utama dan pemimpin sosial yang dihormati, tetapi juga sebagai "pak haji" dan "manusia warak" yang kadangkali dianugerah kekuatan keramat oleh Allah.

Guru-guru pondok yang terkemuka yang telah menjadi tumpuan parti-parti di Terengganu dalam perkembangan politik sebelum dan selepas pilihanraya 1959 ialah Tok Guru Haji Abas,<sup>4</sup> Tok Guru Haji Wan Latif,<sup>5</sup> Haji Kadir,<sup>6</sup> Haji Shafie,<sup>7</sup> Tok Guru Haji Muhamad,<sup>8</sup> Hj. Zainal Abidin,<sup>9</sup>

3. Istilah Roger Kershaw. Lihat Roger Kershaw, "The 'East Coast' in Malayan Politics: Episodes of Resistance And Intergration in Kelantan and Terengganu," *Modern Asian Studies*, Vol. II, Pt. 4, Oktober 1977, hlm. 520.

4. Lihat perbincangan.

5. Lihat perbincangan.

6. Lihat perbincangan.

7. Lihat perbincangan.

8. Tuan Guru Haji Muhamad bin Haji Hussein dilahirkan di Tnat Dang, Yala, Selatan Thailand, pada tahun 1880. Beliau belajar di bawah ayahnya di Besut dan kemudiannya melanjutkan pelajaran agamanya di Mekah. Pondoknya yang terkenal di Kuala Besut telah dibukanya dalam tahun 1918. Lihat Mahmud Mamat, "Sejarah Pendidikan Pondok Dan Peranan Sosiopolitiknya Dalam Masyarakat Di Besut Terengganu Dari Tahun 1900-1965", Latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975/76, hlm. 22-26. Tuan Guru Haji Muhamad adalah seorang "sympathizer" UMNO dan pernah

Haji Abdul Latif<sup>10</sup> Tok Fakeh<sup>11</sup> dan Haji Mat Teresat.<sup>12</sup> Mereka ini mempunyai pengaruh yang tersendiri di kalangan masyarakat sekitar, manakala murid-murid mereka pula adalah terdiri dari anak-anak tempatan dan luar, termasuk mereka yang datang dari luar negeri Terengganu. Keilmuan mereka dalam ilmu-ilmu agama, dan ketokohan mereka sebagai pemimpin-pemimpin sosial telah membuat mereka menjadi personaliti-personaliti yang disanjung tinggi dalam masyarakat. Hakikat inilah yang menjadi pendorong utama kepada parti-parti yang berminat untuk mendapat undi rakyat Melayu Terengganu di daerah-daerah di mana pondok-pondok kelolaan 'tok guru-tok guru' tadi terdapat.

### Pendidikan dan Personaliti Guru Pondok

Antara guru-guru pondok yang tersebut di atas, maka hanya empat orang daripada mereka sahaja yang terlibat secara aktif dalam politik; iaitu mereka bukan sahaja menyertai parti-parti dalam kehidupan berpolitik mereka tetapi juga telah menjadi calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya. Mereka ini ialah Tok Guru Haji Abas, Tok Guru Haji Wan Latif, Haji Kadir dan Haji Shafie.<sup>13</sup> Oleh itu dalam bahagian ini hanya pendidikan dan personaliti mereka sahaja yang ditekankan dalam memahami perkembangan politik di sekitar penglibatan pondok dalam siasah kepartian di negeri Terengganu.

Tok Guru Haji Abas, atau nama penuhnya Haji Abas bin Haji Muhamad, dilahirkan di Kampung Bukit Puteri, Besut, pada tahun 1909. Beliau mendapat pelajaran awalnya dalam bidang keagamaan di pondok Haji Muhamad Kuala Besut, dan ini diikuti pula dengan pendidikan selama lebih kurang lapan tahun di Masjidil Haram, Mekah. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya pula ke India.

---

hadir di ceramah-ceramah yang diberi oleh parti tersebut. Perbincangan dengan Haji Wan Ibrahim bin Nik, Losong, Kuala Terengganu, 29 Ogos 1981.

9. Haji Zainal Abidin bin Aman yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Guru Haji Bidin dilahirkan di Kampung Wau, Jerangau, Dungun, dan meninggal dunia dalam tahun 1977. Beliau mendapat pelajaran agamanya di pondok Haji Lebai Jusoh, Pulau Serai, Dungun, di pondok Haji Mat Shafie, Losong, dan di pondok Tok Kenali, Kelantan. Tok Guru Haji Bidin telah membuka pondok di Dungun dan pernah menjadi penyokong kuat PAS. Risalah "Sejarah Tokoh-tokoh Agama. Sejarah Sekolah-sekolah Menengah Agama. Badan-badan Sukarela Agama. Rajah." (Koleksi Misbah).
10. Hj. Abdul Latif diperanaskan di Puhu Berangan, Jerteh dalam tahun 1915 dan pernah belajar di bawah Tok Guru Haji Abas di pondok Bukit Puteri. Seperti kebanyakan ulama lain, beliau juga telah menuntut di Mekah. Haji Abdul Latif ialah penyokong kuat PAS dan ramai daripada murid-muridnya yang menjadi pengembara parti itu dalam pilihanraya-pilihanraya di Besut. Wawancara dengan Engku Embong bin Abdul Kadir, Kuala Lumpur, 6 Februari 1982. Lihat juga Mahmud Mamat., op.cit., hlm. 45-47.
11. Tok Fakeh Abdullah atau Abdullah bin Ismail dilahirkan pada tahun 1898 di Kampung Dusun Jenagor, Ulu Terengganu dan meninggal dunia dalam tahun 1966. Beliau mendapat pendidikan agama di Patani dan telah membuka Sekolah Pondok di Kampung Dusun dan kemudiannya di Kuala Brang (Madrasah Islamiah, Sungai Petai). Tok Fakeh ialah penyokong kerajaan Persekutuan dan pernah menjadi ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (1950-1962).
12. Haji Mat Teresat yang kini mengajar di pondok Haji Mat Shafie, Losong, mendapat pelajaran awal di Belada, Losong dan Mekah. Beliau pernah didatangi oleh pemimpin PAS dalam tahun lima puluhan yang ingin menjadikan tok guru itu sebagai seorang pemimpin parti. Tetapi permintaan itu ditolaknya.
13. Seorang lagi guru pondok yang muncul menjadi tokoh politik ialah Haji Wan Said bin Haji Mohd Nor. Beliau yang mendapat pendidikan agama di Besut dan di Mekah telah menyertai PAS pada peringkat awalnya, tetapi kemudiannya memasuki UMNO. Walau bagaimanapun, oleh kerana beliau tidak begitu terkenal sebagai tok guru pondok (beliau hanya mengajar sambilan sahaja di pondok bapa mertuanya, di Kuala Besut), pengesahan tentang tokoh politik ini tidak dilakukan dalam kertas kerja ini.

Ketika di Tanah Suci (1923-31), Haji Abas telah menuntut di bawah guru-guru terkenal seperti Syeikh Said Yamani, Syeikh Muhamad Patani, Syeikh Mokhtar Jawa dan Syeikh Ali Maliki<sup>14</sup> dan berpeluang belajar bersama beberapa orang anak Kelantan yang di kemudian harinya menjadi ulama terkenal seperti Syeikh Osman Sering, Haji Tahir Bunut Payung dan Haji Hassan Manggul.<sup>15</sup> Tatkala di Mekah beliau juga sempat mengajar.<sup>16</sup> Tok Guru Haji Abas telah pergi ke India sebanyak beberapa kali, dan di antara tempat-tempat di mana beliau telah menuntut ialah Madrasah Jamiah Dabbel-Simlak dan Darul Ulum Deoband. Pelajaran-pelajaran yang sangat digemarinya ialah ilmu Tafsir dan ilmu Hadis. Beliau telah dianugerah dengan dua buah sijil dan sekeping surat akuan hasil dari pengajiannya di India.

Seperti Tok Guru Haji Abas, Tok Guru Haji Wan Abdul Latif (Haji Wan Abdul Latif bin Wan Kadir) juga berasal dari Besut. Beliau diperanakan di Kampung Pulau Salim pada tahun 1905. Di Peringkat awalnya beliau telah belajar di Kampung Lampu di bawah guru-guru agama tempatan seperti Haji Mohamad Haji Hussein, Haji Abdullah Haji Hussein dan Haji Abdul Kadir Haji Hussein. Apabila Haji Mohamad berpindah ke Kuala Besut untuk membuka sekolah pondoknya, Haji Wan Abdul Latif telah turut serta ke situ dan sempat berguru dengan 'tok guru' tersebut selama empat tahun lagi.<sup>17</sup> Beliau kemudiannya telah belajar pula di Kota Bharu di bawah ulama terkenal di bandar itu seperti Tok Kenali dan Haji Wan Muda. Ketika di Kelantan, Haji Wan Abdul Latif juga telah menuntut di bawah Haji Sa'at Kubang Kangkong di Pasir Mas dan di bawah Haji Ali Pulau Pisang di Tumpat.<sup>18</sup> Setelah pulang ke Besut dan berada di kampung tidak berapa lama beliau seterusnya berlayar ke Mekah dalam tahun 1925 untuk melanjutkan pelajarannya.

Kalaaul Haji Abas berpindah ke India setelah berada selama beberapa tahun di Tanah Suci, Haji Wan Abdul Latif telah terus-menerus selama sepuluh musim haji tinggal di Mekah. Oleh itu, tidak seperti Haji Abas beliau tidak terdedah kepada pergolakan politik anti penjajahan dan tidak berpeluang mengikuti perjuangan Islam yang terdapat di India. Walau bagaimanapun, dari segi pendidikan agama Haji Wan Abdul Latif berkesempatan menimba ilmu yang banyak dari guru-guru seperti Syeikh Said Yamani, Pak Daud Patani, Haji Sulung, Ahmad Magribi, Syaikh Hassan Mas'ad, Syeikh Ali Maliki dan Haji Abdullah Sogora.<sup>19</sup>

Haji Abdul Kadir Haji Mohamad atau lebih dikenali dengan nama Haji Kadir dilahirkan di Padang Midin dalam daerah Kuala Trengganu pada tahun 1914. Di waktu kecilnya beliau telah mendapat pendidikan agamanya di Sungai Derhaka, dan ketika berumur enam belas tahun beliau memasuki

14. Wawancara dengan Haji Abas bin Hj. Muhamad, Tok Jiring, Kuala Terengganu, 25 Ogos 1981.

15. Lihat Haji Yaakub bin Hj. Mohd., "Haji Abas bin Hj. Muhamad (Tokoh Agama dan Politik di Terengganu)". Latihan Ilimiah ini untuk memenuhi syarat bagi memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1977/78, hlm. 6.

16. Lihat Risalah "Sejarah Tokoh-tokoh Agama..."

17. Wawancara dengan Haji Wan Abdul Latif bin Wan Abdul Kadir, Jerteh, Besut: 28 Ogos 1981.

18. Lihat Wan Abdul Majid bin Hj. Wan Abdul Latif, "Haji Wan Abdul Latif bin Abdul Kadir. Tokoh Ulama Daerah Besut," *Warisan, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Terengganu*, Bil. 2, 1980/81, hlm. 56. Lihat juga Risalah "Sejarah Tokoh-tokoh Agama..."

19. Wawancara dengan Haji Wan Abdul Latif bin Wan Kadir.

pondok Haji Mat Shafie yang terkenal di Kampung Losong. Setelah menuntut di situ selama tidak sampai setahun Haji Abdul Kadir kemudiannya telah mengikut ayahandanya yang menjadi Kadi Besar di Negeri Sembilan. Perpindahan ini diikuti pula dengan kepulangannya ke Padang Midin di mana beliau telah belajar dengan Encik Bong yang menjadi guru di pondok kampung tersebut. Beliau seterusnya melanjutkan pelajarannya di Kelantan, iaitu di Masjid Muhammadi, di bawah pimpinan ulama seperti Haji Muhamad Mahir (Mufti), Yaakob Ligor, dan Haji Mohamad Tok Hakim. Ketika di Kelantan beliau juga sempat menuntut dengan Haji Nik Abdullah Haji Musa di Kubang Pasu. Akhirnya, seperti Tok Guru Haji Abas, Haji Abdul Kadir bertolak ke India untuk meneruskan lagi pelajarannya. Pada mulanya beliau mendaftarkan dirinya di Madrasah Al-Aminiah di Kashmir Gate, tetapi setelah setahun berada di situ Haji Abdul Kadir berpindah ke Jamiah Islamiah Deoband. Masa selama lebih kurang sepuluh tahun di benua kecil itu telah dihabiskan oleh beliau untuk mempelajari pelbagai ilmu termasuk mata pelajaran teknikal, dan falsafah, di samping ilmu-ilmu agama, dan melawat tempat-tempat tertentu umpamanya bandar Calcutta.<sup>20</sup>

Haji Shafie bin Haji Sulung diperanakkan di Tebauk, Bukit Datu, dalam daerah Kuala Terengganu pada tahun 1914. Ketika masih kecil beliau telah belajar dengan bapa saudaranya, Haji Omar, di kampung tempat lahirnya. Di samping itu, Haji Shafie juga telah menuntut ilmu-ilmu agama di Pondok Tok Kenali di Kelantan. Dalam tahun 1938, beliau telah dihantar oleh ayahnya untuk belajar di Jamiah Islamiah Deoband dan telah tinggal di India selama lebih kurang lapan tahun. Selain daripada berpeluang bergaul dengan penuntut-penuntut dari Malaysia, seperti Abdul Rahman Telipot, Haji Nik Abdullah Haji Musa dan Haji Abas sendiri, yang kemudiannya menjadi ulama terkenal di tempat masing-masing, Haji Shafie seperti mereka tersebut telah dapat menimba pelbagai jenis ilmu agama dari guru-guru mereka di India.<sup>21</sup>

Kesemua mereka yang disebut di atas, termasuk tok-tok guru lain seperti Haji Zainal Abidin, Haji Abdul Latif, Tok Fakoh dan Haji Mat Teresat, terlibat sama ada dalam pembukaan sekolah pondok atau pengajaran di institusi-institusi itu setelah tamat pendidikan mereka. Ketika masyarakat sedang memandang tinggi terhadap ilmu-ilmu agama, ulama pula diberi penghormatan tinggi dan pengaruh pelajaran sekular masih belum lagi bertapak, usaha mereka telah mendapat perhatian besar. Pondok-pondok menjadi *focal point* kepada mereka yang ingin melihat anak-anak mereka menjadi orang alim dan yang memerlukan pengurusan jenazah dan pengendalian sembahyang dan majlis tahlil. Dalam hubungan inilah guru-guru pondok telah muncul sebagai personaliti yang berpengaruh dalam masyarakat, dan tokoh yang terkenal di luar daerah masing-masing.

Tok Guru Haji Abas yang telah mendapat pelajaran Islam dalam pelbagai bidang, seperti tafsir, feqah dan usuluddin, menguasai bahasa-bahasa Arab dan Urdu di samping Bahasa Malaysia sendiri, dan mempunyai

20. Kesemua bahan-bahan di atas diperolehi dari wawancara dengan Haji Abdul Kadir bin Haji Muhamad, Padang Midin, 25 Ogos 1981.

21. Bahan-bahan di atas didapati dari wawancara dengan Haji Shafie bin Haji Sulung, Durian Guling, Terengganu, 25 Ogos 1981, dan Risalah "Sejarah Tokoh-tokoh Agama..."

kepakaran dalam mazhab-mazhab Hanafi, Maliki, Shafie dan Hanbali mula mengajar di kampungnya setelah kembali ke tanahair. Sambutan yang diberi kepada beliau sebagai seorang alim yang baru pulang amatlah besar sekali. Rumahnya menjadi tumpuan umum, terutama oleh anak-anak muda yang dahagakan ilmu agama. Tok Guru Haji Abas juga menyampaikan pelajaran Islam di surau-surau, madrasah-madrasah dan masjid-masjid. Pada tahun 1936 beliau telah membuka pondok di Bukit Puteri yang diberi nama Jamiah Diniyah, Bukit Puteri. Seterusnya dalam tahun 1940, Tok Guru Haji Abas membuka pula sekolah pondok di Jerteh (Jamiah Diniyah Ittifaqiah). Selain daripada itu, beliau juga telah bekerjasama dengan ulama lain dalam mengadakan sekolah-sekolah pondok di tempat-tempat lain, seperti Madrasah Al Maarif dan Madrasah Nurul Ittifaq di Besut, dan akhir sekali beliau telah mendirikan pondoknya di Tok Jiring dalam tahun 1953.<sup>22</sup>

Kepopularan Tok Guru Haji Abas mula meningkat dengan penambahan jumlah pendengar-pendengar yang mahu menimba ilmu beliau. Dalam masa yang sama beliau telah menjadi tokoh yang kontroversil disebabkan kecaman yang dilemparnya ke atas fahaman-fahaman lama dalam masyarakat, khasnya apabila beliau dengan berani mengkritik amalan *talqin* dan kenduri kematian yang dianggapnya sebagai perbuatan bidaah. Lebih dari itu lagi, beliau juga telah memperkatakan soal-soal yang berkaitan dengan semangat kebangsaan dan hubungan kaum. Penduduk Besut diajak untuk mencintai tanahair dan menentang kaum imigran Cina dan orang Jepun yang telah bertapak sebagai ahli-ahli perniagaan di daerah mereka.<sup>23</sup>

Tok Guru Haji Wan Abdul Latif juga terus memulakan pengajaran agamanya setelah kembali ke tanahair dari Mekah dalam tahun 1931. Tempat pertama yang menjadi pusat kegiatannya ialah di pondok gurunya, Haji Muhammad, di Kuala Besut.<sup>24</sup> Atas permintaan sahabat karibnya, Tok Guru Haji Abas, Tok Guru Haji Wan Abdul Latif kemudiannya berpindah ke Pengkalan Ubi Keling untuk sama-sama mendirikan pondok di sini tetapi tidak diteruskan. Dengan itu beliau pulang ke kampung asalnya Pulau Salim dan mengajar di masjid di sini. Dalam tahun 1935, Tok Guru Haji Wan Abdul Latif berhijrah pula ke Kampung Pak Kiang Keluang, Besut, dengan tujuan untuk berdakwah di kalangan penduduk di situ.<sup>25</sup> Kedatangan beliau telah diterima baik oleh masyarakat tempatan, termasuk oleh beberapa keluarga Siam yang tinggal di kawasan tersebut. Akhirnya, setelah berada di Kampung Pak Kiang Kluang selama lebih kurang dua tahun beliau membuat keputusan untuk menubuh sekolah pondok di kawasan itu; cuma ran-cangan itu terpaksa diketepikan oleh beberapa sebab. Cita-cita beliau untuk mengadakan sekolah pondok walau bagaimanapun tetap tidak padam. Apabila beliau berpeluang membeli sekeping tanah seluas tujuh ekar di Jerteh, maka Haji Wan Abdul Latif bersama keluarganya pun berpindah ke situ dan berjaya mendirikan pondok yang diidamkannya. Dalam tahun 1948, beliau telah membuka sebuah pondok khusus untuk pelajar-pelajar perem-

22. Wawancara dengan Haji Abas bin Muhamad. Lihat juga risalah "Sejarah Tokoh-tokoh Agama..."

23. Wawancara dengan Engku Embong bin Abdul Kadir.

24. Wan Abdul Majid bin Wan Abdul Latif, op.cit., hlm. 57.

25. Ibid.

puan dan ianya diberi nama Madrasah Rokiatulbanat.<sup>26</sup>

Sebagai seorang alim, Tok Guru Haji Wan Abdul Latif begitu sekali dihormati dan sanjungi oleh ahli masyarakat di mana sahaja beliau bertapak. Di Kampung Pak Kiang Kluang, penduduk-penduduk kampung telah menyediakan surau yang telah mereka bina secara gotong-royong untuk dijadikan tempat mengajar. Penghulu kampung tersebut turut sama memberi kerjasama dalam menjayakan rancangan yang dikendalikan oleh beliau. Keadaan yang sama juga terdapat di Jerteh apabila Tok Guru Haji Wan Abdul Latif berpindah ke kawasan itu. Sebuah surau telah didirikan oleh orang ramai berhampiran dengan rumah beliau. Sambutan yang diberi oleh anak-anak muda terhadap pondok Haji Wan Abdul Latif juga begitu menggalakkan. Di antara mereka ialah pelajar-pelajar yang datang dari daerah-daerah lain di negeri Terengganu, dan dari negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, seperti Kelantan, Selangor dan Perak. Haji Abdul Kadir tidak terus mengajar setelah pulang ke tanahair. Beliau telah mengikuti ayahandanya yang berada di Negeri Sembilan. Hanya setelah itu beliau telah kembali ke kampung asalnya dan kemudiannya membuka pondok. Pada akhir tahun 1940-an terdapat lebih kurang 70—80 pelajar yang menuntut di bawah beliau. Di samping itu, Haji Abdul Kadir juga telah mengadakan kelas di surau yang dibuka kepada umum. Beliau mengajar dua kali seminggu, iaitu pada hari Jumaat dan Selasa, kepada orang ramai.<sup>27</sup>

Pondok yang dibuka oleh Haji Abdul Kadir tidak sepopular pondok-pondok yang diusahakan oleh Tok Guru Haji Abas atau Tok Guru Haji Wan Abdul Latif. Namun begitu, sebagai seorang guru yang mengajar di surau, nama Haji Kadir begitu terkenal. Ketika beliau mengadakan kelas-kelas agama, beliau pernah didatangi oleh tokoh-tokoh negeri seperti Menteri Besar Datuk Kamaruddin Idris dan Mufti Negeri, Syed Yusuf Zawawi, yang berminat untuk mengikuti pelajaran yang disampaikan olehnya.<sup>28</sup>

Haji Shafie kembali ke Terengganu ketika Pemerintahan Tentera British (BMA) masih berjalan, dan beliau telah terus melibatkan diri dalam kegiatan mengajar agama Islam. Tempat pertama yang menjadi tumpuannya ialah Jerteh di mana beliau telah tinggal selama lima tahun sebagai guru pondok di situ.<sup>29</sup> Dalam tahun 1953 Haji Shafie telah dijemput pulang ke Kampung Padang Midin untuk mengajar di sana pula. Permintaan itu ditunainya, dan selama setahun beliau telah berganding bahu dengan Haji Abdul Kadir mengajar di pondok kawannya itu. Dalam tahun 1954 Haji Shafie telah membuka pondoknya sendiri di Durian Guling.<sup>30</sup>

Berbanding dengan pondok-pondok Haji Abas atau Haji Wan Abdul Latif atau Haji Shafie (Losong), pondok Haji Shafie di Durian Guling tidaklah begitu terkenal. Walau bagaimanapun, di sekitar kawasannya, pondok beliau menjadi tumpuan ramai juga, dan dengan pembukaannya, sebahagian daripada murid-murid yang pernah belajar di pondok Haji

26. Ibid.

27. Wawancara dengan Haji Abdul Kadir bin Muhamad.

28. Wawancara dengan Haji Shafie bin Haji Sulung.

29. Ibid.

30. Ibid.

Abdul Kadir telah turut serta menuntut di tempat baru itu.<sup>31</sup>

### Penglibatan Dalam Politik

Kecuali Haji Kadir yang tidak menerima pengaruh politik dari luar ketika belajar, ketiga-tiga ulama lain yang tersebut di atas telah mendampingi perkembangan politik semenjak dari zaman persekolahan agama lagi. Minat mereka dalam bidang ini telah mendapat *impetus* baru apabila mereka pulang ke tanahair dan mengikuti pergolakan di peringkat daerah dan nasional.

Dari semenjak beliau berada di Mekah lagi, Tok Guru Haji Abas telah memperlihatkan minatnya terhadap perkembangan politik semasa. Beliau kuat membaca majalah-majalah yang memperkatakan masalah ummah, termasuklah *Al-Manar* yang menjadi kegemaran ramai pelajar-pelajar dari Malaysia dan Indonesia. Pada masa yang sama beliau juga telah mengikuti pergerakan fundamentalis Wahabi dan perjuangan *The Young Turks* di Turki.<sup>32</sup>

Di India pula, Tok Guru Haji Abas, di samping mengikuti ilmu-ilmu Hadis dan Tafsir yang sangat digemarinya, telah juga terpengaruh oleh perjuangan Islam yang dipelopori oleh Syeikh Waliullah dan pergolakan politik antipenjajahan di bawah tajaan Liga Islam. Ketika di Besut, dan sebelum menyertai mana-mana parti, beliau telah muncul pula sebagai watak politik yang berjiwa radikal menerusi komitmen beliau terhadap nasib orang Melayu yang tinggal di daerah itu. Sebagai mualigh beliau telah membangkitkan isu-isu politik dan mengkritik kehadiran peniaga-peniaga Cina dan Jepun. Menerusi pembacaan tafsir Al-Quran dan Al-Hadis, Tok Guru Haji Abas telah berjaya membangkitkan semangat kebangsaan rakyat tempatan dan menyebabkan mereka memboikot kedai-kedai kepunyaan bangsa lain itu.<sup>33</sup>

Kesan dari pendakwahan dan kempen politik yang dilancarkan oleh Tok Guru Haji Abas yang kadangkala dilakukannya menerusi khutbah-khutbah Jumaat begitu dirasa sekali oleh masyarakat sekeliling. Mereka yang terpengaruh oleh kempen antikedai Cina dan anti-Jepun telah menampal poster-poster anti-Cina dan anti-Jepun. Poster-poster tersebut termasuklah yang berbunyi 'Tolong Pekedai Melayu', 'Pulau Kedai Cina dan Jepun' dan 'Halau Bangsa Asing'.<sup>34</sup> Akibat dari tekanan seperti ini setengah kedai Cina dan Jepun terpaksa ditutup kerana ketiadaan pelanggan atau pembeli, manakala kedai-kedai Melayu telah memperolehi kemajuan. Hubungan kaum khasnya antara orang Melayu dan orang Cina, telah menjadi tegang. Penentangan yang ditunjukkan oleh Tok Guru Haji Abas terhadap penjajah dan kegiatan beliau umumnya telah menyebabkan masyarakat menggelar beliau 'Gandhi Besut'.<sup>35</sup> Aktiviti Tok Guru Haji Abas akhirnya menyebabkan penduduk Cina bertindak menghantar petition kepada kerajaan dan ekoran dari itu, dan hasutan-hasutan lain, tokoh tersebut telah ditangkap sebagai 'tahanan politik'. Perlu juga dijelaskan di sini bahawa beliau juga adalah antara ahli masyarakat Besut yang terulung menyertai Kesatuan Melayu

31. Lihat Mahmud Mamat, op.cit., hlm. 29.

32. Ibid.

33. Lihat perbincangan selanjutnya di bawah.

34. Haji Yaakub bin Haji Mohd., op.cit., hlm. 14.

35. Ibid., hlm. 13.

Muda (KMM) dan telah bergerak cergas di dalamnya sebelum pertubuhan itu diharamkan oleh Pemerintah Jepun dalam tahun 1942.<sup>36</sup>

Tok Guru Haji Wan Abdul Latif pula mula terpikat kepada persoalan politik ketika beliau masih berada di Mekah. Keadaan masyarakat disekitar Masjidil Haram yang dipengaruhi oleh 'pembaharuan dalam Islam' (gerakan Islah) membuat beliau berminat terhadap masalah politik yang dihadapi oleh umat Islam. Majalah *Al-Manar* menjadi kegemarannya. Di Besut, berikutan dari penubuhan cawangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Tok Guru Haji Wan Abdul Latif telah ikut serta dalam pergerakannya.<sup>37</sup> Ketika kempen anti-Malayan Union sedang memuncak, beliau terlibat pula dalam perarakan menentang British. Dan atas jemputan PKMM cawangan Besut Tok Guru Haji Wan Abdul Latif telah menghadiri kongres Gunung Semanggol dalam tahun 1948 yang antara lain telah berjaya menubuh sebuah parti Islam, Hizbul Muslimin.<sup>38</sup> Pada tahun itu juga, hasil dari lawatan Ustaz Abu Bakar Al Baqir, pemimpin Hizbul Muslimin, beliau dilantik sebagai ketua pertubuhan itu.<sup>39</sup>

Tatkala di India, Haji Shafie juga berkesempatan mengikuti perkembangan politik di benua kecil itu. Beliau begitu terdedah kepada pengaruh gurunya, Maulana Hussein Ahmad, yang menjadi ketua Dewan Ulama Al-Hind, dan terpaut kepada perjuangan penganut Islam yang ingin menuhubkan negara Pakistan.<sup>40</sup> Keadaan ini telah melahirkan sikap benci di dalam dadanya terhadap penjajah British dan perasaan cinta di hatinya kepada Islam. Di Besut, Haji Shafie telah terheret pula ke dalam perjuangan Hisbul Muslimin pimpinan Ustaz Abu Bakar Al-Baqir. Beliau telah dilantik menjadi setiausaha bahagian untuk pertubuhan itu.<sup>41</sup>

a) **Penyertaan Dalam Parti.** Kehadiran UMNO, PAS dan Parti Negara di arena politik tanahair dan perjuangan ke arah kemerdekaan yang ditaja oleh pergerakan-pergerakan itu telah menyebab guru-guru pondok yang tersebut di atas semakin terlibat dalam perkembangan siasah. Parti politik yang disertai oleh Tok Guru Haji Abas ialah Parti Negara yang dipimpin oleh Datuk Onn bin Jaafar, dan ini berlaku setelah beliau berpindah ke Tok Jiring, Kuala Terengganu dan diminta berbuat demikian oleh seorang pemimpin tempatan, Wan Daud. Parti tersebut yang berusaha untuk menjadikan Terengganu sebagai tapak perjuangannya<sup>42</sup> memerlukan pengaruh tokoh itu untuk kepentingan politiknya. Tok Guru Haji Abas pula tanpa banyak bicara telah menceburkan diri dalam perjuangan pertubuhan itu sekalipun kepentingan Islam tidak begitu ketara ditekankan olehnya.<sup>43</sup> Cita-cita beliau ialah membuat kebijakan menerusi *platform* parti itu.<sup>44</sup> Slogan "Malaya untuk

36. Mahmud Mamat, op.cit., hlm. 100-102.

37. Ibid., hlm. 106.

38. Wawancara dengan Hj. Wan Abdul Latif bin Abdul Kadir. Untuk mendapat keterangan lanjut mengenai persidangan itu lihat Nabir bin Haji Abdullah, *Muahad II, Ihyu Asy'arif Gunung Semanggol 1934-1959*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, hlm. 159-181.

39. Mahmud Mamat, op.cit., hlm. 107.

40. Wawancara dengan Hj. Shafie bin Hj. Sulong.

41. Ibid.

42. M. Kamlin, History, 'Politics And Electioneering. The Case of Terengganu', Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1977, hlm. 19.

43. Wawancara dengan Hj. Mutalib bin Salleh, Pasir Panjang, Kuala Terengganu, 27 Februari 1982.

44. Wawancara dengan Dato' Haji Salleh bin Awang, Kampung Serada, 28 Februari 1982.

Melayu" yang dicanangkan oleh Parti Negara kepada penduduk Terengganu yang terdiri lebih daripada 90% orang-orang Melayu dan ucapan Dato' Onn yang banyak mengandungi kritikan terhadap konsep perpaduan yang dijuangkan oleh Perikatan telah mempengaruhi jiwa Tok Guru Haji Abas.<sup>45</sup> Tok Guru Haji Wan Abdul Latif pula memasuki Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) apabila parti itu ditubuhkan di Besut dalam tahun 1954 dan akibat dari itu pondok beliau menjadi tumpuan ahli dan penyokong parti tersebut.

Parti politik yang pertama disertai oleh Haji Abdul Kadir ialah PAS — sebuah parti yang bercita-cita "menjalankan pemerintahan berdasar Islam dan pemerintahan yang akan dijalankan itu akan penuhnya dengan kebijaksanaan, keadilan dan kemajuan...."<sup>46</sup> PAS yang baru memasuki gelanggang politik tanahair dan memerlukan pengaruh tokoh-tokoh tempatan di Terengganu telah menumpukan perhatian khas kepada ulama di negeri itu.<sup>47</sup> Tok-tok Guru pondok turut menjadi tumpuannya, dan antara yang dapat dipikatnya ialah Haji Abdul Kadir yang sebelumnya pernah mengikuti ceramah-ceramah yang diberi oleh pemimpin-pemimpin nasional PAS.<sup>48</sup> Beliau memasuki PAS atas anjuran Ustaz Ahmad Azam yang terpikat kepada pengaruh Tok guru itu dalam masyarakat.<sup>49</sup> Haji Shafie juga telah dibawa menyertai PAS disekitar masa yang sama.<sup>50</sup> Pendek kata, setelah lebih kurang setahun bertapak, dan hasil daripada kegigihan pemimpin-pemimpin parti itu mengadakan "recruitment drive" di kalangan rakyat Terengganu, PAS telah berjaya mendapat hampir 3,000 ahli menjelang akhir 1957.

Umumnya guru-guru pondok yang menerjunca diri dalam politik kepartian tidak mengetahui dengan mendalam falsafah perjuangan pertubuhan yang mereka anggota atau tidak banyak menghiraukan sangat cita-cita politik di sebalik pergerakan itu. Penglibatan mereka bukanlah sangat timbul dari semangat politik yang terkobar-kobar di dalam hati masing-masing, tetapi lebih merupakan akibat dari permintaan atau desakan pemimpin-pemimpin parti yang memerlukan kerjasama atau komitmen mereka. Dengan cara ini mereka sedikit demi sedikit telah terheret ke dalam kancan politik yang penuh dengan liku-liku yang sukar mereka ikuti dan terikat kepada keadaan yang kadang-kadang membawa kejatuhan imej mereka sendiri.

b) **Pilihanraya.** Sebagai perkembangan lojikal dari penyertaan mereka dalam politik kepartian ialah kemasukan mereka dalam pilihanraya sebagai calon-calon mewakili parti masing-masing. Dalam pilihanraya negeri yang diadakan pada tahun 1954, Tok Guru Haji Abas telah bertanding di kawasan Kuala Terengganu Utara sebagai calon Parti Negara menentang Perikatan yang diwakili oleh Ibrahim Fikri. Beliau telah tewas; undi yang diterimanya hanyalah sebanyak 1,536, sedangkan lawannya mendapat 7,553.<sup>51</sup> Dalam

45. Wawancara dengan Hj. Abas bin Muhamad.

46. Manifesto PAS Dalam Pilihanraya Dewan Rakyat 1959.

47. Wawancara dengan Hj. Mat Reresat, Losong, Kuala Terengganu, 27 Ogos 1981.

48. Wawancara dengan Ahmad Azam bin Napiah, Shah Alam, Selangor, 14 Januari 1982.

49. Wawancara dengan Hj. Abdul Kadir Hj. Mohd.

50. Wawancara dengan Hj. Shafie bin Haji Sulong.

51. Wawancara dengan Hj. Abas bin Hj. Mohd. Lihat juga Adnan bin Mohd. Nor, "Perjuangan Dato'

tahun 1959, hasil dari anjuran pemimpin-pemimpin PAS seperti Daud Samad dan Ustaz Ahmad Azam, Tok Guru Haji Abas telah menyertai pula parti itu dan sekali lagi telah bertanding menentang Ibrahim Fikri. Sekali lagi beliau telah menerima kekalahan.<sup>52</sup> Walau bagaimanapun, setelah PAS berjaya menguasai Terengganu dalam pilihanraya 1959 dan dapat membentuk kerajaan pada 29 Jun tahun itu, Tok Guru Haji Abas telah dilantik sebagai Senator; dalam tahun 1962 beliau telah keluar dari PAS dan memasuki UMNO pula.

Sungguhpun Tok Guru Haji Wan Abdul Latif telah menganggotai UMNO begitu lama, beliau telah menolak cadangan-cadangan supaya bertanding dalam pilihanraya-pilihanraya 1954, 1955 dan 1959. Hanya dalam tahun 1964 sahaja, "setelah dipujuk oleh Datuk Ibrahim Fikri,"<sup>53</sup> Wan Latif telah tampil sebagai calon Perikatan menentang calon PAS, Lukman Hj. Abdul Kadir, yang pernah menjadi murid beliau. Tok Guru Haji Wan Abdul Latif bin Wan Abdul Kadir telah mengalami kekalahan dalam pertandingan bagi kawasan Ulu Besut itu; beliau hanya mendapat 1,891 undi, sementara lawannya memperolehi 2,205 undi.<sup>54</sup> Besut sebagai kubu PAS dan merupakan daerah yang terletak berhampiran dengan Kelantan tidak dapat dikuasai oleh guru pondok sekalipun beliau dianggap begitu berpengaruh di dalam masyarakat tempatan. Tentang pilihanraya-pilihanraya sebelumnya, Tok Guru Haji Wan Abdul Latif walaupun bagaimanapun telah juga memain peranan penting dalam menjayakan parti itu dalam pertandingannya dengan parti-parti lain. Beliau telah berkempen di kampung-kampung dalam Besut.

Sebagai anggota PAS, Haji Abdul Kadir telah bertanding atas tiket parti itu di kawasan Terengganu Tengah menentang calon-calon Perikatan dan Parti Negara. Beliau yang telah mendapat lebih dari 1,600 undi telah berjaya menewaskan lawan-lawannya, Datuk Perwira (Perikatan) dan Mohamad bin Cheak (Parti Negara).<sup>55</sup> Haji Shafie juga telah bertanding dalam tahun yang sama sebagai calon PAS, iaitu di kawasan Binjai. Seperti Haji Abdul Kadir, beliau juga telah dapat mengalahkan calon-calon lawannya, iaitu Ismail Haji Kassim (Perikatan) dan Ali bin Hj. Abdullah (Parti Negara).<sup>56</sup> Dalam pilihanraya 1964, Haji Shafie telah bertanding lagi, pada kali ini di kawasan Kemaman Utara, tetapi beliau telah dapat dikalahkan oleh calon Perikatan.<sup>57</sup> Guru pondok tersebut hanya memperolehi 534 undi berbanding dengan calon Perikatan (Che' Wan Abdul Ghani bin Zainal) yang mendapat 2,215 undi.<sup>58</sup>

Ibrahim Fikri Dalam Arena Politik Di Negeri Terengganu," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 86.

52. Dalam pertandingan merentah kawasan Kuala Nerus itu, Tok Guru Haji Abas mendapat 1,655 undi sementara Ibrahim Fikri mendapat 1,954 undi.

53. Wawancara dengan Hj. Wan Ibrahim bin Nik. Wawancara dengan Hj. Wan Abdul Latif bin Abdul Kadir.

54. *Penyata Pilihanraya-pilihanraya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-dewan Negeri, tahun 1964 bagi negeri-negeri Tanah Melayu*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 84.

55. Datuk Perwira mendapat 678 undi, manakala Mohamad bin Cheak mendapat 1,077 undi.

56. Ismail Hj. Kassim mendapat 1,247 undi, sementara Ali bin Haji Abdullah mendapat 629 undi.

57. Wawancara dengan Haji Shafie bin Hj. Sulong.

58. *Penyata Pilihanraya-pilihanraya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-dewan Negeri tahun 1964 bagi Negeri-negeri Tanah Melayu*, hlm. 88.

c) **Pandangan Politik dan Reaksi Masyarakat.** Oleh kerana guru-guru pondok yang terlibat dalam politik kepartian ini tidak begitu mengetahui selok-belok perjuangan parti masing-masing, maka mereka umumnya tidak mempunyai pandangan yang *sophisticated* tentang manifesto atau ideologi pertubuhan yang mereka anggotai dan mempunyai persepsi yang *simple* mengenai politik umumnya. Apatah lagi penyertaan mereka lebih merupakan akibat dari permintaan atau pujaan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin parti dan bukan hasil dari kesedaran mendalam tentang keperluan berpolitik dari mereka.

Tok Guru Haji Abas umpamanya melibatkan diri dalam Parti Negara kerana tertarik kepada isu-isu yang dibawa oleh Datuk Onn tanpa menyelidiki isi kandungan perjuangan pertubuhan tersebut. Dan apabila beliau telah dipilih sebagai ahli, beliau telah menggunakan parti itu sebagai *platform* untuk menyebarkan Islam tanpa menghiraukan atau tanpa menyedari bahawa Parti Negara tidak begitu kuat menekankan tentang cita-cita Islam. Kemasukanya ke dalam PAS kemudiannya adalah didorong oleh perasaan bahawa parti itu adalah sebuah parti yang sedang memperjuang Islam, manakala kemasukanya ke dalam UMNO adalah disebabkan oleh kepercayaan bahawa parti itu juga berjuang untuk rakyat beragama Islam di samping kekecewaannya terhadap kerajaan PAS. Selain dari itu, beliau juga, sebagai pihak yang menyebelahi Ahmad Azam dalam "Perebutan" jawatan Menteri Besar, telah merasa hampa apabila pandangannya ditolak dalam krisis itu.<sup>59</sup>

Sementara Tok Guru Haji Wan Abdul Latif pula merasa perlu memasuki UMNO untuk menolong kerajaan. Bagi beliau, persoalan utama ialah menolong rakyat dan mengisi kemerdekaaan.<sup>60</sup> Sepanjang penyertaan beliau dalam UMNO, Haji Wan Abdul Latif merupakan seorang ahli parti yang setia, dan mengikut seorang pemerhati beliau "mati cacang dalam UMNO" dan "godan mati dalam UMNO".<sup>61</sup> Mengenai pelaksanaan Islam, beliau merasa ianya perlu dijalankan secara "slow-slow", kerana "Nabi pun menjalankan dakwah secara demikian".<sup>62</sup> PAS mengikut Tok Guru Haji Wan Abdul Latif "hendak munah masyarakat saja."<sup>63</sup>

Haji Abdul Kadir pula tidak begitu terikat kepada kepentingan parti dan beliau tidak mengadakan kempen pilihanraya secara serius. Orang-orang UMNO dianggapnya sebagai 'adik-beradik' dan di tengah-tengah kesibukan pilihanraya beliau telah menghabiskan masa di pejabat UMNO 'membaca suratkhabar'.<sup>64</sup> Bagi beliau masyarakat tertarik kepada PAS kerana 'kemolekan Islam', manakala beliau pula dalam kempennya tidak banyak mencemuh anggota parti lawan. Ini disebabkan oleh "pengalaman tasawuf saya",<sup>65</sup> yang mengajar beliau supaya tidak menghina pihak lain. Haji Abdul Kadir juga merasa kecewa dengan pemerintahan PAS:<sup>66</sup> bagi beliau parti itu telah tidak menunaikan janjinya untuk melaksanakan hukum-hukum

59. Wawancara dengan Ahmad Azam bin Napiah.

60. Wawancara dengan Engku Embong bin Abdul Kadir.

61. Ibid.

62. Wawancara dengan Hj. Wan Abdul Latif bin Abdul Kadir.

63. Ibid.

64. Wawancara dengan Hj. Abdul Kadir bin Hj. Mohd.

65. Ibid.

66. Wawancara dengan Dato' Hj. Mohd. Salleh bin Awang.

Islam dan pihak pentadbiran pula telah tidak memberi kerjasama kepada kerajaan yang dipimpin oleh partinya.<sup>67</sup> Selain daripada itu beliau merasa hampa melihat sikap pucuk pimpinan parti yang tidak melantik ulama sebagai ahli-ahli majlis kerja kerajaan (EXCO).<sup>68</sup> Tidak hairanlah apabila beliau dibawa ke Kuala Lumpur bersama beberapa pemimpin-pemimpin PAS dan Parti Negara oleh tokoh-tokoh UMNO dan dijanjikan dengan "pembangunan" untuk negeri Terengganu sekiranya Perikatan berkuasa beliau dengan senang hati keluar dari partinya dan memasuki UMNO.<sup>69</sup> Setelah berada di sebelah pihak Perikatan, Haji Abdul Kadir seterusnya telah membuat penegasan bahawa "UMNO juga boleh buat apa yang dijanjikan oleh PAS."<sup>70</sup>

Barangkali hanya Haji Shafie sahaja yang mempunyai pandangan politik yang jelas sekalipun ianya masih boleh dianggap "straight forward". Beliau merasakan bahawa perjuangan Islamnya dapat disalurkan menerusi PAS, dan berpendapat bahawa parti-parti lawan tidak mahu melihat Islam terlaksana. Apabila krisis dalam PAS meletus berikutan dari perebutan jawatan Menteri Besar, Haji Shafie tidak melibatkan diri dalam pertelingkahan itu.<sup>71</sup>

Masyarakat pada keseluruhannya begitu tertarik kepada penglibatan guru-guru pondok dalam politik kepartian, sekalipun ada pihak yang mempunyai pandangan negatif terhadap penyertaan itu. Akibat dari penyertaan Tok Guru Haji Abas dalam PAS, pengaruh parti itu semakin berkembang di Besut.<sup>72</sup> Kemenangan Tok Guru Haji Abdul Kadir dan Haji Shafie pula boleh dikatakan kuat ditentukan oleh ketokohan mereka sebagai ulama pondok yang mempunyai murid dan pengikut yang ramai, di samping pengaruh PAS yang mula bertapak kuat di Terengganu dalam tahun 1959. Dan apabila beliau keluar dari PAS dan memasuki UMNO, Haji Kadir merasakan bahawa penyokong-penyokongnya merestui perbuatannya kerana 'kalaualah benda baik takkanlah Tok Guru keluar (dari PAS).'<sup>73</sup> Kekalahan Tok Guru Haji Abas di tangan Ibrahim Fikri bukanlah bermakna beliau mempunyai pengaruh yang sedikit. Sebenarnya apa yang berlaku ialah tokoh UMNO itu<sup>74</sup> lebih berjaya memikat hati rakyat dengan hujah-hujah politiknya di samping mempunyai pengetahuan agama dan bahasa Arab. Dalam dialog-dialog antara beliau dan Tok Guru Haji Abas ternyata bahawa Ibrahim

- 
67. Wawancara dengan Haji Abdul Kadir bin Haji Mohd.
  68. Wawancara dengan Hj. Abdul Kadir bin Hj. Mohd. Ahli-ahli Exco Kerajaan PAS terdiri dari Ustaz Ahmad Azam bin Napiyah, Abu Bakar bin Muhamad Salleh, Ismail Hj. Yusoff, Omar Shukri bin Embong, Omar bin Abdullah Rahman dan Mohd. Sanari Yusuf.
  69. Wawancara dengan Hj. Abdul Kadir bin Hj. Mohd. bersama Hj. Wan Said bin Haji Mohd. Noor, Hj. Abdul Kadir telah keluar dari PAS pada 22 Oktober 1961 dan menyertai UMNO pada 30 Oktober 1961.
  70. Wawancara dengan Hj. Abdul Mutalib bin Salleh.
  71. Wawancara dengan Hj. Shafie bin Hj. Sulong.
  72. Wawancara dengan Ahmad Azam bin Napiyah.
  73. Wawancara dengan Hj. Abdul Kadir bin Haji Mohd.
  74. Perbincangan lanjut mengenai ketokohan Datuk Ibrahim Fikri boleh didapati dari Mohd. Fadzil Hj. Hashim, "Peranan Ibrahim Fikri Dalam Pembangunan Negeri Terengganu 1961-1967," Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1980; Abdul Wahab bin Hashim, "Kepimpinan Dan Politik UMNO di Kuala Nerus. Satu Analisa Sosiopolitik Dalam Konteks Kepimpinan Politik Terengganu", Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi-Sosiologi, Universiti Malaya, 1974, dan Adnan bin Mohd. Noor, op.cit.

Fikri lebih berjaya menunjukkan kepintarannya;<sup>75</sup> malah beliau juga adalah orang yang bertanggungjawab membawa Tok Guru Haji Abas keluar dari PAS dan menjadikan Tok Guru itu pegawai penerangan UMNO manakala UMNO pula merupakan sebuah parti yang begitu popular ketika itu, khasnya disebabkan oleh perjuangan kemerdekaannya.<sup>76</sup> Dan dengan kepemergiaannya kepada UMNO, pengaruh PAS di Besut telah sedikit sebanyak terjejas. Tok Guru Haji Wan Abdul Latif pula tewas disebabkan pengaruh PAS yang telah menjalar luas di Besut, dan personaliti lawannya yang juga seorang kelulusan pondok, sungguhpun pengaruh peribadinya tetap kuat.

Konflik di kalangan tokoh-tokoh politik dan pegawai-pegawai kerajaan yang menganggotai parti-parti yang berlainan tidaklah begitu teruk, dan ini kadangkala memudahkan wujudnya kerjasama di antara mereka ketika kempen pilihanraya berjalan. Ulama UMNO dan ulama PAS masih menunjukkan toleransi yang jelas terhadap satu sama lain, dan soal "caci-mencaci" antara mereka tidak begitu timbul.<sup>77</sup> Pegawai-pegawai pejabat agama, kecuali beberapa orang yang begitu taksub kepada kepentingan parti masing-masing, umumnya memperlihatkan sikap tolak ansur terhadap parti-parti lawan yang berkempen. Tok Guru Haji Wan Abdul Latif umpamanya sanggup memberi kemudahan kepada orang-orang PAS menjalankan kempen mereka; walau bagaimanapun, mengikut guru pondok itu terdapat juga murid-muridnya "yang kuat PAS" yang tidak menegurnya".<sup>78</sup> Manakala Haji Abdul Kadir seperti yang telah dinyatakan di atas masih terus bergaul dengan orang-orang UMNO tanpa silu-sili. Sekolah-sekolah pondok yang menjadi sarang PAS tidaklah menerima tekanan hebat dari pegawai-pegawai pejabat agama yang menyokong Perikatan.<sup>79</sup>

Sungguhpun penglibatan guru-guru pondok dalam politik kepartian diberi sambutan besar oleh masyarakat umumnya, kebolehan mereka sebagai ahli politik dan kemampuan mereka selaku pemikir sosial dipertikaikan oleh setengah pihak. Mereka dituduh tidak mempunyai "fahaman politik yang mendalam".<sup>80</sup> Sebahagian daripada masyarakat berpendapat bahawa mereka tidak seharusnya "mencemarkan" diri dengan penyertaan dalam politik. Sebagai ulama yang dimuliakan oleh umum mereka seharusnya berada di "atas" politik (*above politics*) supaya mereka tidak menjadi objek caci-caci orang jahil. Bagi setengah penyokong UMNO, kemasukkan guru pondok dalam PAS adalah disebabkan oleh nama 'Islam' yang dipakai oleh parti itu, dan tidak lebih dari itu. Ada juga yang berpandangan bahawa kemenangan guru-guru pondok sebagai calon-calon PAS dalam pilihanraya 1959 adalah ditentukan oleh pengaruh parti itu dan bukan oleh kepopularan mereka kerana ketika itu, "letak tokol kayu pun boleh menang."<sup>81</sup> Pada

75. Wawancara dengan Hj. Mutalib bin Salleh dan wawancara dengan Dato' Hj. Salleh bin Awang.
76. Dalam pertandingan satu lawan satu merebut 15 kerusi Majlis Mesyuarat Negeri, calon-calon Perikatan telah menewaskan kesemua calon-calon Parti Negara. Dalam pilihanraya persekutuan yang diadakan pada 27 Julai 1955, Parti Negara juga telah mengalami kekalahan di ketiga-tiga kawasan (Terengganu Utara, Terengganu Selatan dan Terengganu Tengah) yang dimasukinya.
77. Wawancara dengan Dr. Hj. Abas bin Alias, Petaling Jaya, 1 Februari 1982.
78. Wawancara dengan Haji Wan Abdul Latif bin Abdul Kadir.
79. Wawancara dengan Ahmad Azam bin Napiah.
80. Wawancara dengan Ahmad Haji Omar, Kuala Ibai, Kuala Terengganu, 25 Februari 1982 dan wawancara dengan Dato' Purba (Haji Wan Abdul Rahman bin Long), Kuala Terengganu, 27 Februari 1982.
82. Wawancara dengan Engku Embong bin Abdul Kadir, PAS telah memenangi sebanyak 13 kerusi Dewan

kaca mata setengah penyokong PAS pula, kemasukkan guru pondok dalam UMNO adalah berpunca dari kegagalan mereka memahami prinsip Islam dengan sebenar, atau disebabkan tarikan kebendaan yang dijanjikan oleh Perikatan.

### **Penutup**

Penyertaan guru-guru pondok dalam politik kepartian kini telah pun menjadi satu sejarah. Dan sejarah ini mungkin tidak akan berulang lagi memandangkan hampir kesemua institusi pondok telah diambil alih oleh pemerintah. Pondok Tok Guru Haji Abas di Tok Jiring diambil alih oleh kerajaan negeri dalam tahun 1962, dan ia kemudian diambil alih pula oleh pihak Kementerian Pelajaran dalam tahun 1976.<sup>83</sup> Pondok Tok Guru Haji Wan Abdul Latif di Besut juga menerima nasib yang serupa, dan institusi tersebut kini diberi nama Sekolah Menengah Agama Ittifakiah (Jerteh).<sup>84</sup> Pondok kepunyaan Haji Abdul Kadir sudah lama tidak wujud, manakala pondok Haji Shafie telah diambil alih oleh kerajaan negeri dalam tahun 1968 dan dijadikan Sekolah Menengah Agama Durian Guling.<sup>85</sup>

Negeri Terengganu mungkin tidak lagi akan mempunyai ahli-ahli politik yang terdiri dari guru-guru pondok memandangkan berkurangannya institusi-institusi itu dalam masyarakat, tetapi ia akan terus mempunyai ulama yang berpolitik. Bahawa "politik itu kotor", sebagaimana yang sering didengar, mungkin tidak akan menghalang tokoh-tokoh agama yang merasa perlu melibatkan diri dengan tujuan "menyucikan" politik itu. Apatah lagi setengah daripada mereka berpendapat bahawa penyertaan dalam politik adalah salah satu cara bagi mereka memenuhi syarat sebagai "warisan ambia".

---

Undangan Negeri, manakala Perikatan hanya mendapat 7 kerusi dan Parti Negara pula memperolehi 4 kerusi sahaja.

83. Risalah "Sejarah Tokoh-tokoh Agama..."

84. Ibid.

85. Ibid.

## Sejarah Umum Mukim Bandi, 1930-an

ISMAIL BIN JUSOH\*

**B**ANDI tahun 1930-an dan sebelumnya, adalah merupakan satu mukim terdiri daripada kawasan-kawasan Bandi dan Tebak.<sup>1</sup> Di dalam kawasan Tebak terdiri kampung-kampung utama, Kampung Tebak, Pelantoh, Kuala Taylor dan Padang Kubu (banyak kampung-kampung lain lagi). Di dalam kawasan Bandi kampung-kampung utama ialah Ayer Puteh, Tasik Chenih (Chenir), Tanjong Belit, Ban Ho, Paya Rotan, Kampung Jawa, Parit Ah Sin dan Peradong. Kawasan Kampung Jawa dan Chenih adalah kawasan yang mempunyai kepentingan ekonomi terutama dalam sektor pertanian dan pelombongan sejak awal-awal 1930-an hingga awal 1940-an di daerah Kemaman khasnya. Kepentingan lain ialah dalam pengeluaran hasil-hasil hutan. Mukim Bandi terletak di bawah pentadbiran daerah Kemaman yang berpusat di Chukai (Kemaman).

Mukim Bandi paling nyata maju pada jangka waktu tersebut (walaupun tidak berkembang) di kawasan Hulu Kemaman.<sup>2</sup> Petempatan utama adalah di sepanjang Sungai Kemaman, Sungai Cherul dan Sungai Tebak. Sebelum 1940 perhubungan melalui sungai sangatlah penting kerana hanya terdapat sebatang jalan tanah merah yang dibina pada tahun 1918 dan siap pada tahun 1935 menghubungi Ayer Puteh — Chukai sejauh kira-kira 20 batu. Jalan ini kurang penting dalam pengangkutan barang tahun 1930-an. Kuala Simpang menjadi penting kerana ia merupakan tempat pertemuan di antara Sungai Cherul dengan sungai yang lebih besar, Sungai Kemaman. Sungai Cherul adalah jalan utama ke Bandi, di mana wujudnya kampung-kampung Melayu di sepanjang jalan tersebut. Kampung-kampung tersebut adalah berasaskan pertanian muncul kira-kira sebelum tahun 1900.

Masalah perhubungan sungai ialah terdapatnya setengah-tengah bahagian tersangat cetek di musim kemarau, ini menghalang pengangkutan. Masalah penempatan pula, kerana terlalu banyak anak sungai dan kawasan rendah, banjir melanda setiap tahun. Walau bagaimanapun banjir memberi

\* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

1 Menjelang tahun 1938 Bandi dan Tebak telah dipisahkan menjadi mukim-mukim yang berasingan bagi kemudahan pentadbiran ekonomi. Tebak kini adalah menjadi mukim terbesar di Hulu Kemaman.

2 Jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan utama lain kawasan pantai Kuala Kemaman bergantung pada hasil penangkapan ikan.

kepentingan dan kemudahan; misalnya di musim banjir kayu-kayu balak dari hulu dihanyutkan melalui sungai ke Kuala Kemaman (Chukai).

Berbagai bangsa terlibat dalam semua kegiatan ekonomi, di samping orang Melayu tempatan dan orang Melayu luar, ada juga penyertaan aktif dari orang-orang Cina, Eropah, India dan Jepun dalam sektor ekonomi pelombongan dan perniagaan. Tapi peranan bumiputera dalam semua sektor ekonomi adalah juga besar ertiinya dalam kemajuan Bandi. Orang-orang Jepun terlibat dalam pengeluaran bijih besi di Kuala Tayor.<sup>3</sup> Ramai juga orang-orang Melayu terlibat sebagai pemandu dalam mencari galian di anak-anak sungai di kawasan pedalaman terpencil di Hulu Kemaman. Hubungan Bandi menjadi rapat dengan pentadbiran Kuala Terengganu dan Yang Dipertuan Terengganu kerana pernah dikatakan pentadbiran negeri sentiasa menunggu kutipan hasil dari kawasan Mukim Bandi. Perhubungan luar yang lain biasanya berlaku di antara saudagar Cina Singapura dengan penduduk-penduduk kawasan ini kerana kepentingan bersama ekonomi.

Tumpuan kepada pertanian padi secara luas adalah kurang. Padi sawah hampir tiada langsung kerana tidak popular dan kurang paya yang sesuai. Sehingga tahun 1950-an keadaan demikian tidak banyak berubah. Cara pertanian tradisional amat sukar hendak diubah kerana kekurangan pengetahuan. Daya pengeluaran bagi sektor pertanian (padi) adalah rendah terpaksa bergantung kepada kemasukan beras dari luar. Tahun 1930-an selain daripada padi huma (tugalan), cara tenggala biasa digunakan dengan menggunakan tenaga kerbau dan lembu biasanya di kawasan padang atau Tanjong Sungai. Bagi kegunaan satu kampung, pengeluaran setempat adalah memadai tetapi bagi penggunaan keseluruhan mukim Bandi yang penduduknya tahun 1930-an ramai bekerja di sektor lain terutamanya melombong timah adalah suatu yang tidak dapat diatasi.

Kajian yang dibuat bagi kawasan sungai Tebak dan Bandi tahun 1958<sup>4</sup> menunjukkan secara kasar purata tinggi kawasan itu antara 250' — 300' dari aras muka laut. Di bawah tingkat itu tidak sesuai untuk pertanian. Anak sungai yang banyak membentuk jaluran tanah sempit mengalir ke kawasan ini, kebanyakannya tanah rendah dilitupi oleh granite satu unsur utama timah, di mana mengalirnya alur-alur ke dalam Sungai Tebak dan Sungai Cherul Banjaran bukit menganjur daripada Tebak ke Ayer Puteh terutama dari jenis *Quartzite* dan *Shale* adalah juga kawasan bukit-bukau. Tebing-tebing besar (*large bank*) dari batu mendak (rata) merupakan petempatan utama. Kajian itu adalah kurang tepat kerana mengkaji kekurangan-kekurangan dalam bentuk muka bumi. Kurangnya pengetahuan dalam pertanian juga adalah membawa kemerosotan hasil pertanian. Sebahagian besar kawasan Bandi waktu ini dilitupi oleh hutan muda, kecuali di sepanjang Sungai Kemaman merupakan kawasan pertanian campur. Ini membuktikan Bandi telah didiami sebelum tahun 1930 lagi.

Tanaman utama getah dan padi. Tanaman kedua ditanam sama ada di kebun atau di pinggir rumah orang Melayu, penghasilan adalah kegunaan persendirian atau oleh penduduk setempat.

<sup>3</sup> Perlombongan melalui cara terdedah, dimulakan pada pertengahan 1930-an dan berakhir pada awal 1940-an.

<sup>4</sup> W.P. Panton, *Reconnaissance Soil Survey Of Trengganu*, Ministry of Agric. of Malaya, 1958.

Bagi kawasan yang banyak aliran sungai banjir tahunan menjadi masalah utama. Hujan bermula dari bulan Oktober memanjang ke Februari menyebabkan banjir berlaku, memusnahkan tanaman padi yang belum selesai dituai, kehidupan yang *simple* menyebabkan pindah ke kawasan jauh dari sungai adalah sukar hendak dilakukan. Dalam ternakan pula kerbau dan lembu adalah terpenting, dan purata dua atau tiga ekor bagi tiap keluarga. Kebanyakan ternakan ini dibawa dari Hulu Terengganu dan Besut. Sistem pawahan diamalkan dalam ternakan di mana terdapat binatang ternakan (kerbau dan lembu) diserahkan dengan syarat tertentu kepada orang tertentu (biasa mereka tidak mempunyai ternakan) untuk dipelihara.

Sebelum perang ditaksirkan penduduk tetap mukim Bandi berjumlah lebih daripada 7 ribu orang. Pusat Bandi (kawasan perlombongan) mempunyai penduduk lebih daripada 3 ribu orang. Jumlah yang paling ramai orang Melayu, kemudian Cina, sedikit Eropah dan India. Ban Ho terletak di pinggir Sungai Cherul di mana penduduknya ramai terdiri daripada Melayu dan Cina adalah pangkalan perahu galah Kusi dan motor sangkut dari Kajang atau Kuala Kemaman (Chukai). Pangkalan ini menjadi tempat pemunggahan barang untuk dibawa ke kawasan perlombongan lain seperti Sungai Ayam dan Peradong. Kampung Jawa merupakan perkampungan Melayu dan pusat pertanian padi utama di kawasan perlombongan Bandi. Ia paling ramai orang Melayu terlibat dalam kegiatan melombong. Dua syarikat terkenal yang wujud awal 1930-an hingga perang dunia kedua ialah *Tin Dredging Company* dari Australia ia adalah syarikat Kapal Korek (lebih terkenal di kalangan penduduk Bandi dengan nama Kapal Gali). Syarikat kedua Syarikat Freda, menjalankan lombong secara Dedah. Akhir 1930-an terdapat sebuah lombong Cina yang maju bernama *Teck Long Mining Company*, terletak di antara Chenir dan Ban Ho.

Di Kampung Jawa terdapat kumpulan orang Melayu yang berasal dari Sumatera dan telah berada di kawasan Bandi sebelum Perang Dunia Pertama lagi.<sup>5</sup> Kampung Tanjong Belit, ramai orang Melayu juga adalah di kawasan pertanian padi dan dusun. Manakala Kampung Paya Rotan lebih ramai penduduk bekerja di lombong. Parit Ah Sin agak ramai orang Cina, menjalankan kerja melampam dan mendulang. Chenih merupakan kawasan kediaman yang luas, didiami oleh Melayu, Cina dan Eropah; sama pentingnya dari segi ekonomi dengan Ban Ho dan Kampung Jawa. Bagi perhubungan kampung-kampung di atas terdapat satu rangkaian perhubungan 'keretapi tunda'.<sup>6</sup> Keretapi ini membawa penumpang-penumpang dan barang-barang serta kayu-kayu kegunaan lombong dari hutan. Landasannya, sepanjang kira-kira 10 batu dibina oleh *Australia Trading Draging Company*. Pengangkutan jenis ini tidak ada di kawasan-kawasan lain dalam daerah Kemaman. Pekerjanya pula, kebanyakannya orang Melayu.

Sebagai gambaran umum, lebih kurang awal 1930-an Kemaman ditadbir oleh Wakil Raja yang bernama Datuk Lela Diraja. Sebelum ini terdapat

5 Terdapat juga kumpulan orang-orang Bugis dan Banjar, kebanyakannya orang-orang mendatang ini tinggal di Kampung Pasir Gajah, yang dibuka oleh Teuku Hj. Mahmud dari Jambi. Pasir Gajah dibuka kerana usaha menanam getah.

6 Dimaksudkan kepada *light rui/wuy* biasa dibina di kawasan perlombongan oleh syarikat tertentu bagi kemudahan pekerja.

dua orang Wakil Raja yang berkuasa penuh bagi mentadbir daerah Kemaman, mereka ialah Tengku Hitam dan Encik Burok (gelaran). Kawasan Bandi dianggap oleh Yang Dipertuan Terengganu sebagai kawasan yang patut diberi perhatian. Bandi diberi konsesi kepada Tengku Nong (seorang kerabat diraja). Penghulu Mukim bertanggungjawab kepada Wakil Raja tersebut. Kemudian keadaan berubah pada 1930-an, Penghulu Mukim bertanggungjawab kepada *Collector* Pegawai British yang tinggal di Chukai.<sup>7</sup> Pada akhir 1936 penghulu menjadi jawatan yang bergaji.

Sebenarnya jawatan *Collector* (*Collector of Land Revenue*) hanya wujud di dua daerah dalam negeri Terengganu, iaitu di daerah Besut dan Kemaman. Mereka ini kadang-kadang dipanggil Pesuruhjaya Daerah, bertanggungjawab kepada Penasihat British di Kuala Terengganu dan biasanya mengenai pentadbiran ekonomi dan hasil negeri. *Collector* juga adalah Penolong Penasihat British, bertanggungjawab dalam semua perkara dalam pentadbiran daerah. Jawatan penting yang lain dalam daerah Kemaman ialah *Majistrate* (Hakim). Jawatan ini mula-mula dipegang oleh Pegawai British dan kemudiannya diberi peluang kepada orang Melayu. Jawatan yang lain ialah Ketua Polis Daerah. M.C.H. Sheppard (Haji Mubin Sheppard) adalah pegawai British yang paling lama memegang jawatan *Collector* di daerah Kemaman.

Sejak awal 1930-an muncul jawatan Pegawai Daerah. Peringkat awal ini merupakan pentadbiran daerah yang dijalankan oleh wakil-wakil raja yang dilantik dan diberi kuasa penuh oleh Sultan dalam menjatuhkan hukuman. Kemudiannya dalam jawatan ini terdapat juga mereka daripada golongan orang biasa yang diperkenankan oleh Sultan atas nasihat Pegawai British (biasanya *Collector*). Di antara akhir 1920-an hingga 1948 terdapat lebih kurang 8 orang Wakil Raja yang berkhidmat di daerah Kemaman.

- 1) Datuk Lela Diraja (diberi kuasa oleh Sultan terutama dalam menjatuhkan hukuman bunuh).
- 2) Datuk Jaya Perkasa
- 3) Encik Yusof
- 4) Tengku Kerma
- 5) Tengku Wangsa
- 6) Tengku Lela Segara (Tengku Sulong)
- 7) Tengku Wira Jaya
- 8) Datuk Encik Khalid (orang Johor)

Dalam pentadbiran Mukim, terdapat seorang Penghulu Mukim dan ramai Penghulu Kampung (lebih terkenal dengan nama Ketua Kampung gelaran yang awal ialah Ketua Kawan).<sup>8</sup> Tun Ali dan Tun Abu Bakar adalah Penghulu-penghulu yang terkenal (mereka adalah adik-beradik), mempunyai hubungan rapat dengan pentadbir Kerajaan dan paling dipercayai oleh British. Tun Ali memegang jawatan Penghulu Mukim Bandi antara

<sup>7</sup> Pada 1920 hingga 1938 diperintah oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin.

<sup>8</sup> Menurut Tun Jusoh, "Ketua Kawan" wujud sebelum tahun 1900, misalnya 'Ketua Kawan' Kampung Gagak adalah terkenal. Seseorang akan juga mendapat gelaran ini apabila berjaya membuka kampung baru.

1924—1935, dan ia tinggal di Tebak. Apabila Bandi dan Tebak dipisahkan, Penghulu Senik bin Muhamad menjadi Penghulu Mukim Bandi 1936—1948 dan Tun Abu Bakar hanya menjadi Penghulu Mukim Tebak. Dapat dikatakan itu adalah satu pemisahan yang longgar (1936) kerana kedua kawasan Tebak dan Bandi saling berkait di antara satu sama lain terutama dalam kegiatan ekonomi dan perhubungan penduduk.

Oleh kerana Penghulu Tun Ali begitu dipercayai oleh Pentadbir Kemaman, terutama Penasihat British beliau dianugerahkan gelaran oleh Sultan 'Orang Kaya Kemaman'. Begitu juga oleh kerana banyak jasanya, British mahu melantik beliau menjadi Penghulu Besar bagi daerah Kemaman, dan dengan itu ia mestilah berpindah dari Tebak ke Chukai (Pusat Pentadbiran daerah Kemaman). Walaupun demikian beliau hanya mahu menerima jawatan tersebut dengan syarat ia tidak berpindah ke Chukai. Permintaannya tidak diterima, dan beliau menolak jawatan tersebut. Keengganannya berpindah kerana tidak mahu berjauhan dengan anak buahnya. Dengan itu tempatnya digantikan oleh Encik Wahab. Tugas Penghulu Mukim adalah banyak; ia mesti bertanggungjawab kepada dua orang kerani yang dilantik oleh *Collector* untuk menguruskan soal-soal tanah.

Ternyata pada pertengahan 1930-an kuasa *Collector* begitu luas dalam pentadbiran ekonomi. Misalnya ia berhak mengeluarkan lesen lombong dan menariknya balik. *Collector* juga bertanggungjawab kepada pentadbiran di Kuala Terengganu. Jika berlaku kemalangan di kawasan lombong siasatan akan dijalankan oleh *Collector*. Nyatalah kuasa yang ada pada Pegawai Daerah yang dahulunya dilantik oleh Sultan bertambah kurang dalam soal ekonomi daerah. Tugas-tugas pengadilan di mahkamah dijalankan oleh Hakim yang dilantik oleh Penasihat British. Di antara mereka yang berkhidmat di daerah Kemaman antara 1930—1940 ialah Tuan Cole dan J.L. Humphreys dan kemudiannya Encik Nik dan Tengku Long. Sultan sekurang-kurangnya setahun sekali akan melawat mukim ini.

Sebelum tahun 1914 orang Inggeris dan Cina sudah terdapat di Mukim Bandi. Tahun 1890-an orang Cina sudah pun didapati tinggal di bandar Chukai.<sup>9</sup> Kegiatan orang Cina ialah bermiaga, sebagai orang tengah dalam pengeluaran barang hutan seperti damar, sumbu badak, rotan, kayu candan dan gaharu. Hasil-hasil hutan ini dibeli daripada orang Melayu dan dijual kepada saudagar Singapura. Lebih kurang tahun 1900, datang seorang tauke dari Singapura bernama Kang Chang. Tauke itu bersama anak dan cucunya Tan Lee Guan membawa kuli-kuli Cina yang dibeli dari Singapura berjumlah antara 15—20 orang ke Bandi. Kemudiannya membuka lombong Sungai Ayam.

Pekerjaan awal orang Cina di Bandi adalah kerja-kerja melampam (mencari timah di anak-anak sungai dengan menggunakan cangkul). Di samping itu terdapat juga beberapa orang Melayu turut serta dalam pekerjaan ini. Namun demikian jumlah pendapatan dalam cara ini adalah terhad. Seorang pekerja hanya mendapat antara satu hingga empat kati sehari, gaji yang diberi antara 35 sen hingga 50 sen sehari. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa sudah terdapat satu atau dua keluarga Cina di Bandi pada akhir 1890-an. Lui Voon

<sup>9</sup> Wawancara Tun Jusoh. Keterangan berdasarkan catatan beliau.

Hoon<sup>10</sup> adalah pelombong terkenal di pertengahan 1930-an lebih terkenal dengan nama kerani Ah Hong), perah bekerja sebagai kerani Inggeris dalam syarikat lombong di Chenir dan Ban Ho menjadi tauke lombong terkaya dan kemudiannya menubuhkan Teck Long Mining Company setelah mengambil alih sebuah lombong yang dipunyai oleh orang Inggeris. Usahanya ini adalah secara kolong (lombong dedah). Orang Eropah yang paling awal datang ke Bandi dan beliau terlibat dalam usaha mencari galian bijih ialah Joseph Philip.<sup>11</sup> Setakat ini tidak ada bukti-bukti kedatangan orang India bersama atau seawal dengan kedatangan orang Cina dan Eropah.

Di samping orang Cina dan Eropah terdapat juga orang Melayu mencari kawasan bijih di anak-anak sungai. Di antara mereka ialah Tok Haji Kudong (Tebak) dan Haji Wan Muhamad. Kedua-dua tokoh ini sangat giat melampan dan mencari bijih di anak-anak sungai. Kemudiannya menemui bijih timah di Kajang dan pada awal 1930-an mereka berkongsi dengan seorang Inggeris dari Singapura menubuhkan Kajang Mining Company.

Tauke Ah Hong sangat dikenali oleh masyarakat Cina di Bandi. Beliau ialah pengasas sekolah Cina di sini. Dikatakan ia juga pernah mengiringi Sultan Terengganu ke England. Seorang lagi pelombong Cina terkenal ialah Datuk Pati pengurus Lombong Chenderong. Jumlah tepat orang Cina pada 1930-an tidak diketahui tetapi pada awal 1930-an hingga 1935 dijangka hampir satu ribu orang dan jumlah ini tidak termasuk kawasan Tebak.

Di antara kegiatan perlombongan yang diusahakan ialah cara dedah (palong belum lagi begitu popular) dan dikendalikan oleh Freda Company Inggeris. Selain daripada ini terdapat juga penggunaan Kapal Gali yang dijalankan oleh Australia Tin Dredging Company. Di Chenir misalnya terdapat beberapa buah kapal gali yang mempunyai landasan besi dan kayu. Hampir satu ribu orang terlibat dalam kedua cara melombong ini. Dalam kapal gali sistem 'shift' digunakan. Bagi satu *shift* mengandungi 40 hingga 50 pekerja yang bekerja untuk jangka waktu lapan jam, biasanya bermula 3 pagi hingga 7 petang dalam satu hari terdapat 3 *shift*. Tidak kurang dari dua ratus orang Cina bekerja di kapal gali dan mereka kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Khek dan Kunfu yang didatangkan dari Singapura, Ipoh dan Kuala Lumpur. Wujudnya sektor pelombongan ini melahirkan masyarakat majmuk, keadaan ini tidak berlaku pada sebelum 1930-an bagi seluruh daerah Kemaman. Sungguhpun sektor ini baru bagi masyarakat Melayu yang berasaskan kepada pertanian, kerana pendapatan yang demikian lumayan terdapat pertukaran pekerjaan dari bidang pertanian ke perlombongan.

Pada awalnya hanya terdapat beberapa orang India yang dibawa oleh orang Inggeris; dua orang India sebagai 'kepala' di dalam kapal gali dan seorang sikh sebagai jaga. Pekerja Cina bukan semuanya pekerja bebas, terdapat buruh kontrak yang didatangkan dari Singapura. Penduduk-penduduk Tanjung Belit dan Pasir Gagak adalah bergantung kepada kegiatan pertanian sara diri, tanaman padi bukit (tugalan) adalah satu keperluan tahunan. Selain dari itu mereka juga bergantung kepada hasil pengeluaran hutan dan hasil ini dijual kepada orang tengah di Chukai atau dijual terus kepada orang

10 Beliau mati ditembak pada tahun 1938. Kuburnya di Bandi.

11 Mati pada tahun 1911, kuburnya terletak di Bandi.

Cina yang datang dari Singapura. Perhubungan dan pengetahuan mengenai Singapura bukanlah suatu yang asing lagi. Dalam urusan perdagangan luar pembesar daerah dan negeri serta orang-orang Cina memain peranan utama. Dalam perhubungan pula, perjalanan antara Kuala Simpang ke pangkalan Bang Ho (kalau dalam keadaan air yang elok) memakan masa lapan hingga sepuluh jam. Dengan ini bermakna perhubungan antara Bandi dengan Kuala Kemaman memakan masa yang lama.

Menyentuh bidang perniagaan di Bandi, didapati sebaris kedai 30 pintu di Chenir<sup>12</sup> kebanyakannya dipunyai oleh orang-orang Cina selebihnya kepunyaan India dan Melayu. Kedai-kedai itu dapat membekalkan keperluan kepada penduduk tempatan. Keadaan seperti ini belum lagi terdapat di kawasan lain di Hulu Kemaman. Antara kedai Melayu yang terdapat di situ ialah kepunyaan Che Ismail dan Che Yam. Terdapat sebuah lagi kedai Melayu di Ban Ho dan sebuah India menjual nasi. Hingga 1940 didapati ramai orang Melayu dari luar datang ke kawasan Chenir kerana beberapa lombong baru dibuka. Dapat dibuat kesimpulan lapangan perniagaan telah disertai oleh orang-orang Melayu. Lahirnya lapangan perniagaan juga menyebabkan adanya rangkaian perhubungan keretapi tunda (*light railway*) yang sejauh lebih daripada 7 batu itu melalui pusat-pusat Kampung Peradung, Kampung Jawa, Ban Ho hingga ke Kampung Jerat.

Sungai telah disebut sebagai perhubungan dan pengangkutan yang utama, ia memberi faedah kepada kampung-kampung di sepanjang Sungai Cherul; Kampung Pasir Merah, Pasir Gagak, Lubuk Batu dan Badir. Kampung-kampung tersebut berasaskan kepada pertanian. Kenderaan utama digunakan ialah perahu galah kusi yang panjang kira-kira 100 hingga 120 kaki, boleh memuat muatan seberat kira-kira 120 pikul. Perahu besar yang datang dari Senggora dan juga yang diguna oleh orang Minangkabau memasuki Sungai Kemaman ke Bandi. Perahu bergalah ini memuat muatan, di antaranya batu bata, garam dan beras. Perjalanan dengan perahu bergalah dari Kuala Kemaman ke Bandi memakan masa dua hari dua malam (kalau keadaan air yang elok dengan menggunakan tenaga 3 orang). Perhubungan darat yang biasa digunakan bagi membawa kerbau dan lembu dari Kuala Terengganu atau Hulu Terengganu ialah melalui Hulu Paka, Padang Kubu ke Bandi dan perhubungan darat ke negeri Pahang melalui Jabor, Paching hingga ke Sungai Lembing.

Pada akhir 1930-an didapati pertambahan penduduk, orang India misalnya (majoriti adalah India Islam) meningkat antara 40 hingga 50 orang, hingga menjelang 1940 orang India bertambah menjadi kira-kira 200 orang. Mereka bekerja dalam semua lapangan pekerjaan, misalnya di dalam Injin Tumbok.<sup>13</sup> Setelah kapal gali diperkenalkan, kerja-kerja melampam dan mendulang menjadi kerja yang dijalani secara persendirian. Bijih yang didapati biasanya dihancurkan dengan menggunakan lesung kaki yang dibuat sendiri. Kegiatan mencari timah di anak-anak sungai oleh orang perseorangan merupakan kegiatan haram. Candu begitu laris dijual kepada pelombongan-pelombongan, dan mendatangkan masalah sosial kepada pelombongan-pelombongan.

12 Wawancara Teo Lim Hock.

13 Melihat sendiri kesan-kesan bangunan tersebut.

Kawasan Bandi adalah konsasi yang diberi oleh Yang Dipertuan Terengganu Sultan Sulaiman kepada Datuk Tengku Nong. Kawasan itu pula diberi kepada syarikat asing untuk dikerjakan. Syarikat bebas membawa masuk sesiapa sahaja sebagai pekerja. Didapati sistem 'Coolie Agreement' adalah satu cara mendapat khidmat buruh yang paling ekonomikal. Sistem ini lebih bersifat kerja paksa di mana buruh-buruh terpaksa mengikut undang-undang yang dibuat oleh syarikat tersebut. Mereka ini diberi gaji 35 sen sehari untuk jangka masa bekerja selama lapan jam sehari. Menurut Teo Lim Hock, satu kejadian di mana seorang kuli telah cuba lari daripada kerja dan kemudian ia dapat ditangkap, diikat di bawah tiang bendera di hadapan pejabat syarikat. Kemudiannya ia dipukul sebanyak 24 kali dengan rotan sebagai hukuman ke atas kesalahan yang dilakukan. Namun demikian sekiranya melakukan jenayah, syarikat akan menyerah perkara itu kepada pihak berkuasa negeri. Sebenarnya pengurus mempunyai kuasa atas orang-orangnya tetapi hubungannya dengan pihak berkuasa tempatan harus dikekalkan.

Kemudahan perubatan disediakan oleh syarikat secara memadai sahaja. Sebagai bukti pekerja dibahagian injin tumbuk mendapat kemudahan ini. Kemudahan lain hampir tiada langsung melainkan tempat tinggal buruh (kongsi). Kebanyakan yang tinggal di kongsi ialah pekerja Cina dan India dan sedikit Melayu. Setiap kawasan lombong yang diusahakan oleh orang Cina akan wujud organasasi 'kongsi'. Kebanyakan orang Melayu tinggal berasingan di rumah yang dibina sendiri, biasanya di kawasan Melayu. Soal mahu tinggal bersama dengan lain-lain bangsa kurang berlaku. Pengasingan begini merupakan suatu perkara yang terpaksa dilakukan. Ada juga orang Melayu yang mendiami di tempat kediaman yang dibina oleh syarikat bersama lain-lain bangsa, tetapi mereka adalah buruh-buruh syarikat dan bukan orang tempatan. Berdasanya tiap-tiap sebuah rumah kongsi mengandungi kira-kira 20 orang pekerja, dengan seorang kerani bagi menguruskannya, kadang-kadang bertanggungjawab kepada tuan pengurus.

Pendapatan setengah-setengah pekerjaan adalah lumayan umpamanya gaji seorang *wingsman* di atas kapal gali antara 90 dengan 120 ringgit sebulan. Pertimbangan gaji diukur daripada segi kecekapan bekerja. Awal 1930-an perlombongan secara kolong dan kapal gali adalah baru bagi orang-orang Melayu di sini. Pada mulanya mereka diberi tugas dalam kerja-kerja yang ringan sahaja. Orang perempuan ramai juga terlibat dalam kerja mendulang di anak-anak sungai. Tempat utama mereka mendulang ialah di parit Ah Shin. Pada pertengahan tahun 1930-an antara 50 hingga 60 orang pekerja terlibat dalam lapangan ini. Purata pendapatan seorang lebih kurang 2 kati sehari, pendapatan ini dijual kepada syarikat. Pengeluaran secara kolong (dedah) untuk tempoh sebulan lebih kurang 800 guni, tiap-tiap satu guni beratnya 75 kati.

Dapat dikatakan kepentingan hasil dalam sektor perlombongan dan penyertaan orang luar (Saudagar Singapura) dalam sektor pertanian dan orang tengah dalam pengeluaran barang-barang hutan tidak menjelas secara menyeluruh ekonomi tradisional orang Melayu tempatan kerana hubungan tidak berlaku seluruhnya di peringkat bawah. Hubungan hanya dibuat an-

tara tauke Cina dengan kerabat diraja di Kuala Terengganu atau antara pentadbir British dengan wakil-wakil raja. Hubungan antara Penghulu dengan tauke Cina jarang berlaku kalau tidak ada kepentingan tertentu.

Pada zaman kemelesetan (1930-an) akibat dari kejatuhan harga getah, penglibatan orang Melayu dalam sektor perlombongan adalah menggalakan. Di Bandi buruh Melayu dibayar gaji di antara 50—70 sen sehari. Walaupun demikian pada umumnya pada 1930-an di keseluruhan mukim Bandi termasuk Tebak orang Melayu yang terlibat dalam makan gaji masih kecil bilangannya jika dibandingkan dengan yang bekerja sendiri dalam lapangan pertanian. Dibandingkan dengan harga purata barang-barang keperluan masih tidak sampai ke tingkat harga yang paling susah bagi penduduk-penduduk untuk membelynanya. Bagi buruh-buruh tempatan pula harga barang-barang di kawasan lombong tidaklah terlalu mahal, beras antara lima hingga enam ringgit satu guni,<sup>14</sup> garam lapan puluh sen hingga satu ringgit dua puluh lima satu guni, gula 3 sen sekati, harga beras purata antara 26 hingga 36 sen segantang. Harga ini sentiasa dikawal oleh pegawai daripada Pejabat Buruh Negeri. Rokok yang popular ialah Cap Basikal, harganya lima sen sebungkus, Rokok Tin (satu tin 50 batang) 20 sen satu tin, batik Kelantan atau Terengganu (sarung) antara 80—\$1.00 sehelai. Hingga 1930-an rial timah Terengganu masih lagi digunakan sebagai perantaraan pertukaran di dalam negeri, tetapi bagi pertukaran luar menggunakan wang yang digunakan oleh Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Selain daripada pertanian mengeluarkan hasil hutan adalah kegiatan yang dijalankan oleh orang Melayu. Kegiatan ini dijalankan hingga ke akhir 1930-an. Pengeluar adalah berhubung rapat dengan orang tengah tempatan sama ada orang Melayu atau Cina di bandar Chukai. Mereka ini berhubung rapat dengan saudagar-saudagar Singapura. Cukai dalam pengeluaran ini dikenakan sepuluh persen (dibayar kepada *collector of land revenue*). Kadang-kadang hasil ini terpaksa dijual kepada wakil Yang Dipertuan. Di antara hasil-hasil hutan ialah berbagai jenis rotan, getah hutan, damar danbagai jenis kayu. Rotan layar, rotan batu, rotan riau, rotan tawar, rotan lilin dijual kepada orang tengah antara 25—40 sen seratus urat, rotan sega (lebih halus) adalah paling mahal dan harganya lebih dari pada 40 sen satu ratus. Kebanyakannya dibawa ke Singapura. Getah taban, kadang-kadang dikenali sebagai 'getah baik' adalah sejenis pokok yang banyak tumbuh di hutan Bandi dan Tebak. Cara mengambil getah ini ialah dengan menebang pokok itu dan ditadah getahnya. Getah jelutong juga diusahakan oleh orang Melayu, tetapi kemudiannya terdapat lebih kurang 10—20 orang Cina turut serta. Bagi mendapatkan getah ini pisau torean digunakan, kemudiannya dikumpulkan di dalam tin. Getah jelutong biasanya dijual dalam bentuk tongkol. Tiap-tiap tongkol beratnya di antara 2—7 kati.

Pengeluaran hasil padi tidaklah boleh dikatakan sebagai tanaman wang kerana cara digunakan untuk menanamnya adalah cara tradisional dengan menggunakan teknologi yang *simple*. Di samping itu, pengeluarannya (padi) adalah sedikit kalau dibandingkan dengan pengeluaran hasil padi di kawasan Hulu Terengganu, Kuala Terengganu atau daerah Besut. Pada zaman meleset

14 Wawancara Senik bin Muhamad.

harga getah jatuh, cadangan dibuat bagi menanam pokok pinang di kampung-kampung Pasir Merah, Lubok Putat dan Badir.<sup>15</sup> Harga pinang pada 1935 adalah 20 ringgit sepikul, dan kebanyakannya dibawa ke India. Sama ada projek ini berjaya sepenuhnya atau tidak, tidak dapat dipastikan kerana kenaikan harga getah selepas itu.

Getah adalah sumber tanaman wang di Bandi. Getah pertama kali ditanam di kawasan Hulu Kemaman iaitu di satu kawasan yang letaknya beberapa batu di antara Ayer Puteh dengan Chenderung pada awal tahun 1930-an. Benih getah dibawa oleh tauke Lui Voon Par dari Singapura (juga salah seorang pelombong terkenal di sini). Pertengahan 1930-an, keluasan kebun kecil Melayu melebihi jumlah yang dimiliki oleh orang-orang Cina. Getah yang ditanam adalah getah 'para'. Didapati lebih kurang 50 orang antara tahun-tahun 1935 — 1940 memiliki kebun seluas tiga hingga lima ekar seorang. Namun demikian Tun Abu Bakar mempunyai jumlah paling luas iaitu 25 ekar di Ayer Puteh. Di samping itu terdapat juga beberapa orang Cina yang memiliki kebun getah seluas antara 3—5 ekar. Majoriti pekebun kecil pada masa itu mengeluar getah keping yang tidak diasap. Terdahulu daripada itu zaman kejatuhan harga getah sistem 'getah berkopon' diperkenalkan, kawasan ini turut juga terlibat oleh sekatan pengeluaran itu, di mana penghulu bertanggungjawab kepada *collector* dalam menjalankan dasar ini. Waktu kenaikan harga getah minat untuk menanam bertambah di kalangan orang-orang Melayu, tetapi jumlahnya tidak besar.

Dalam bidang pendidikan pula terdapat sekolah, biasanya diasaskan oleh Ketua Kampung. Tujuan asas sekolah itu adalah untuk memberi pelajaran asas membaca, menulis dan mengira terbuka kepada murid-murid dan tidak kira umur. Pendidikan agama, membaca Quran suatu yang dianggap penting diajar oleh imam atau bilal di surau atau di rumah.

Sehingga tahun 1930-an Sekolah Melayu belum lagi didirikan di pusat Bandi (Kampung Chenir dan Ban Ho). Walaupun begitu Sekolah Melayu sudah ada di Ayer Puteh, Tebak dan Kuala Tayor. Sekolah Cina di kawasan perlombongan Bandi, didirikan pada pertengahan 1930-an oleh pelombong terkenal Lui Voon Hoon (terkenal dengan panggilan kerani Ah Hong). Di sekolah Cina ini terdapat tiga orang guru yang didatangkan dari Singapura. Pelajaran asas diberi seperti membaca, menulis 'Kuo Yu' dan juga ajaran-ajaran Kuomintang. Pada mulanya sekolah itu menampung kira-kira 30—40 orang murid.

Di Ayer Puteh Sekolah Melayu pertama ditubuhkan oleh Penghulu Senik bin Mohd pada 1936 dengan murid-murid seramai 40 orang dan dua orang guru. Guru-guru ialah Encik Awang bin Osman dan Encik Sulong bin Zainal. Gaji guru dibayar oleh ibu bapa tiap-tiap murid sebanyak seringgit sebulan dan beras diberi percuma untuk kegunaan sebulan. Sekolah ini akhirnya berkembang menjadi Sekolah Rakyat. Sekolah di Tebak pula (tiga batu dari Ayer Puteh) mempunyai 15 orang murid dan gurunya Hashim bin Hj. Husin. Manakala di Kuala Tayor pula 20 orang murid dan gurunya Encik Ismail. Sekolah di Kuala Tayor dan Tebak bertahan selama lebih kurang 6 bulan sahaja kerana kurang sambutan. Sebenarnya pada 1928, sekolah telah pun di-

15 Wawancara Penghulu Seberang Tayor Hilir, Habib Abdul Aziz.

dirikan dengan daya usaha Tun Ali. Gaji guru juga dibayar oleh ibu bapa dengan beras ditanggung; gurunya Encik Abdullah (orang Johor). Kelas diadakan siang dan malam tapi hanya dibuka selama enam bulan sahaja kemudiannya ditutup.

Bandi dapat dikatakan telah maju pada 1930-an berbanding dengan kawasan pedalaman lain di daerah Kemaman, dan juga lebih maju dari kawasan pantai. Namun demikian kemajuan itu tidak berkembang kerana perang tahun 1940-an dan darurat 1948. Masyarakat desa adalah tidak tertutup kerana pengetahuan tentang Singapura dan Siam tidak asing bagi penduduk kawasan ini. Juga didapati orang Melayu turut terlibat di dalam sektor perlombongan. Walaupun demikian sektor perlombongan tidak dapat mengubah sistem pertanian tradisi yang ada.

# Terengganu 1940–1945: Satu Kajian Mengenai Kemunculan Golongan Kiri Melayu

ABDUL AZIZ BIN SATAR KHAN\*

**D**ALAM usaha untuk mendapat suatu gambaran yang jelas tentang asal-usul pergerakan kiri Melayu Terengganu, adalah penting ianya dihubungkan dengan kebangkitan nasionalisme Melayu umum. Ini adalah kerana kemunculan golongan kiri Melayu Terengganu merupakan lanjutan daripada perkembangan golongan kiri Melayu peringkat nasional. Dan gerakan golongan kiri Melayu pula mempunyai hubungan erat dengan perkembangan nasionalisme kaum Melayu.

## Golongan Reformis Keagamaan

Adalah benar terdapat beberapa aspek kemajuan lanjutan daripada wujudnya pentadbiran British di Tanah Melayu.<sup>1</sup> Kenyataan ini tidak dapat dinasikan. Tetapi sejauh manakah kaum Melayu terlibat sama di dalam arus perkembangan ini, sangat diragukan. Yang jelas ialah bahawa kaum Melayu ternyata ketinggalan di belakang kaum-kaum lain di dalam beberapa bidang kehidupan.<sup>2</sup>

Pemerihalan terhadap kesan kemajuan Tanah Melayu dalam masa pemerintahan British telah dibuat oleh K.A.M. Arief; antara lain beliau menegaskan:

The haphazard nature of the development process under the colonial rule gave rise to what might be called lopsided economic development...It was unfortunate that the export induced development, especially the creation of infra structure, was largely confined to the export sector. While development begot further development in

- \* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, tahun 1976.
- 1. Untuk keterangan perkembangan yang dicapai selepas pentadbiran British bertapak di negeri-negeri Melayu lihat, Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896–1909*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1964. Emily Sanka, *The Protected Malay States 1874–1875*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968, dan F.A. Swettenham, *British Malaya*, London, 1907.
- 2. Khoo Kay Kim, "Tahun 1920-an Dalam Sejarah Malaysia," *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Jilid IX, 1970/71, hlm. 7.

the export sector, the rest of the economy remained all about the subsistence level: a situation which is sometimes epitomized as economic dualism....

Persoalan kemunduran kaum Melayu telah diperkatakan oleh banyak pihak, sama ada dari orang Melayu sendiri ataupun dari pihak lain. Pada 4 Oktober 1894, satu artikel oleh seorang penulis bukan Melayu, bertajuk "Mengapa Melayu Layu?" telah disiarkan oleh akhbar *Bintang Timur*, Singapura.<sup>4</sup> Tetapi artikel ini lebih merupakan satu penghinaan, daripada pengesyoran yang membina. Pegawai-pegawai Inggeris dan juga akhbar, *The Malay Mail*, telah turut serta membicarakan persoalan kemunduran orang-Melayu.<sup>5</sup>

Awal abad ke-20, persoalan kemunduran kaum Melayu telah mendapat perhatian yang wajar di kalangan pelajar Melayu yang mendapat didikan di Timur Tengah. Golongan pelajar ini telah dipengaruhi oleh aliran pemikiran baru Islam — gerakan Wahabi yang dipelopori oleh Sheikh Mohammed Abdur dan golongan *Al Manar*.<sup>6</sup>

Antara tokoh-tokoh reformis keagamaan yang terkemuka, ialah Mohd Tahir bin Jalaludin,<sup>7</sup> Sayid Sheikh Ahmad Al Hadi,<sup>8</sup> Haji Abas bin Mohd Taha<sup>9</sup> dan Sheikh Mohd Salim Al Kalali.<sup>10</sup> Pada tahun 1906, pemuka reformis telah berjaya menerbitkan akhbar *Al Iman*<sup>11</sup> dengan tujuan:

...mengingatkan mana yang larai dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan kepada

3. K.A.M. Arief, "Economic Development of Malaysia: Pattern and Perspective", *The Development Economics*, Vol. XI, No. 4, Tokyo, Dis. 1973, hlm. 372.
4. "Mengapa Melayu Layu?", *Kritik*, Mei/Jun, 1976, hlm. 4—6 dan 42.
5. Khoo Kay Kim, "Tahun 1920-an Dalam Sejarah Melayu," op.cit., hlm. 8.
6. Radin Soenarno, "Malay Nationalism, 1900—1945," *JSEAH*, Vol. I, No. 1, Mac 1960, hlm. 7. Sheikh Mohammed Abdur adalah seorang tokoh agama Islam Mesir yang terkenal. Pernah menjadi Mufti Mesir di antara tahun 1899—1905. Golongan *Al Manar* ialah golongan penulis yang menyumbangkan karyanya di dalam majalah *Al Manar*, yang mulai diterbit pada tahun 1898. *Al Manar* diasaskan oleh Rashid Rida, murid Mohammed Abdur. Lihat W.R. Roff, *Nationalism Melayu*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 76.
7. Mohd Tahir Jalaludin adalah tokoh reformis yang paling tinggi sekali dari segi pelajaran. Beliau pernah belajar di Mekah dan Kaherah. Di Kaherah, ia pernah belajar di Masjid Al Azhar (Universiti Al Azhar), bermula pada tahun 1893. Dalam masa yang sama, ia pernah menulis untuk majalah *Al Manar*. Sekembalinya dari Timur Tengah dalam tahun 1899, beliau telah menjadi guru agama di beberapa tempat di Melayu, Riau Lingga dan Sumatera, sebelum menetap di Singapura. Lihat W.R. Roff, op.cit., hlm. 75—78 dan Hamdan Hassan, "Sheikh Tahir Jalaludin Pelopor Pembaharuan Pemikiran Islam Di Malaysia," *Dewan Bahasa* Jilid XVIII, Bil. 9, Sept. 1973, hlm. 405—418.
8. Yang kedua terkemuka di antara tokoh reformis ini ialah Syed Sheikh Ahmad Al Hadi. Beliau lahir pada tahun 1867 di Kampung Ulu Melaka. Pernah belajar di Melaka, Terengganu, Riau dan Timur Tengah. Bagi keterangan lanjut tentang diri Syed Sheikh lihat: Mrs. S.H. Tan "The Life and Times of Sayyid Shaykh Al Hadi," Latihan Ilmiah B.A. Universiti Malaya, Singapore, 1961; Nik Ahmad bin Haji Nik Hassan "The Malay Vernacular Press," Latihan Ilmiah Universiti Malaya, Singapore, 1958, hlm. 10; Drs. Li Chuan Siu, *Iktisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru, 1830—1945*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 62—64 dan W.R. Roff, op.cit., hlm. 78—80.
9. Haji Abas Mohd Taha dilahirkan pada 1885 di Tanjung Pagar Singapura. Sekembalinya dari Mekah, beliau pernah menjadi kadi Tanjung Pagar. Untuk keterangan lanjut lihat W.R. Roff, op.cit., hlm. 80 dan Nik Ahmad bin Haji Nik Hassan, op.cit., hlm. 12.
10. Sheikh Mohd Salim Al Kalali ialah seorang Aceh berketurunan Hadramaut. Beliau adalah di antara tokoh yang banyak memberi sumbangan material kepada penerbitan *Al Iman*. Lihat W.R. Roff, op.cit., hlm. 80—81.
11. *Al Iman* telah mula diterbitkan pada 23 Julai 1906. Tetapi ianya tamat riwayat selepas 3½ tahun. Tapi perjuangannya masih diteruskan oleh *Narache*. Lihat Nik Ahmad bin Haji Nik Hassan, op.cit., hlm. 10 dan Mrs. S.H. Tan, op.cit., hlm. 8.

Bagi pemuka reformis, kemunduran kaum Melayu dan umat Islam amnya, adalah kerana mengabaikan ajaran Islam sejati. Justeru golongan ini, lantang sekali menyeru kaum Melayu supaya kembali kepada ajaran yang terkandung di dalam al-Quran dan Hadis. Segala amalan kuno dan kurafat, mendapat kecaman dalam penyebaran ide-ide mereka.<sup>13</sup> Golongan ini telah memberi perangsan kepada kaum Melayu supaya mempelajari pelajaran sekular seperti Hisab (Matematik), Geografi, Sejarah dan bahasa-bahasa asing, di samping pelajaran agama. Selanjutnya, langkah yang lebih praktik telah diambil. Pada tahun 1908, tokoh-tokoh reformis telah berjaya membuka *Madrasah Al Iqbal Al Islamiyah*, dengan tujuan yang telah dinyatakan.<sup>14</sup> Anjuran supaya pelajar-pelajar Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negeri pernah juga dibuat. Berdasarkan kepada usaha-usaha yang dibuat oleh tokoh-tokoh reformis melalui *Al Iman*, tidaklah keterlaluan jika W.R. Roff menyatakan *Al Iman* sebagai:

...berbeza dari penerbitan-penerbitan lain terdahulunya bukan sahaja dalam perawakkannya yang intelektual dan kesungguhan tujuannya tetapi juga dalam per-cubaannya menyemaikan satu falsafah tindakan yang berpaut dengannya bagi satu masyarakat yang berhadapan dengan keperluan adanya perubahan sosial dan ekonomi yang cepat.

Namun demikian W.R. Roff berpendapat bahawa *Al Iman* tidak mempunyai matlamat politik untuk mencabar kewibawaan penjajahan British di Tanah Melayu. Tidak ada kecaman yang dilemparkan kepada pemerintahan.<sup>15</sup> Bagi Radin Soenarno, perjuangan reformis ini dianggap tahap keagamaan, dalam perkembangan nasionalisme Melayu, yang tamat di dalam tahun 1926.<sup>16</sup> Kedua-dua pendapat di atas mempunyai kelemahan masing. Mengikut kajian yang telah dibuat kemudiannya, jelas sekali bahawa *Al Iman* ada mempunyai perjuangan politik.<sup>17</sup> Di samping itu, perjuangan reformis tidak terhapus dengan tiba-tiba. Malah faham perjuangan reformis, masih berterusan.<sup>18</sup> Apa sebenar berlaku ialah, fahaman mereka telah mendapat tantangan hebat dari kalangan tokoh agama yang berfahaman tua. Golongan reformis dilabelkan sebagai Kaum Muda dan dituduh menyeleweng dari ajaran Islam. Oleh kerana kedudukan ulama tua lebih teguh di Tanah Melayu, maka perjuangan kaum muda ini tidak mendapat kejayaan. Tapi masih diteruskan walaupun dengan sambutan yang terbatas.<sup>19</sup>

12. *Al Iman*, Jilid 1, hlm. 8, dipetik daripada Abdul Aziz bin Mat Ton, "Al Iman Sepintas Lalu," *Jurnal Sejarah*, Jilid XI, 1972/73, hlm. 29.
13. Khoo Kay Kim, "Semenanjung Tanah Melayu: Suatu Kajian Politik 1900—1941", dalam Zainal Abidin Abdul Wahid, (ed), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, DBP, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 97.
14. Mrs. S.H. Tan op. cit., hlm. 12. Sekolah ini walau bagaimanapun terpaksa ditutup pada tahun 1909, akibat kurang sambutan.
15. W.R. Roff, op.cit., hlm. 74.
16. W.R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, monograf Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, 1967, hlm. 18.
17. Radin Soenarno, op.cit., hlm. 8.
18. Lihat Aziz Mat Ton, op.cit.
19. Lihat Hashim Mat Noor dan Redzuan A. Kadir, "Ulasan Buku Beberapa Asal Usul Nasionalisme Melayu", *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Jilid IX, 1970/71, hlm. 108—115.
20. Hamdan Hassan, op.cit.

## Golongan nasionalis Moderate

Dalam masa kebimbangan kaum Melayu terhadap dominasi kaum lain disuarakan dengan lebih nyaring dalam tahun 1920-an, usaha untuk menubuhkan persatuan telah dimulakan oleh segolongan cerdik pandai Melayu di Singapura. Dipelopori oleh Eunos Abdullah, pertubuhan semi politik Melayu yang pertama, Kesatuan Melayu Singapura telah ditubuhkan pada 14 Mei, 1926. Tujuan penubuhan kesatuan ini adalah untuk menguatkan suara tuntutan Eunos Abdullah di dalam Majlis Mesyuarat Municipal Singapura dan Majlis Undangan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Encik Eunos adalah ahli kepada kedua-dua Majlis tersebut untuk mewakili kepentingan kaum Melayu.<sup>21</sup>

Sebagaimana pendapat Khoo Kay Kim, walaupun Kesatuan Melayu Singapura (KMS) memberi kesan langsung kepada gerakan politik di Semenanjung, tetapi ianya tentu sekali menyedarkan orang-orang Melayu.<sup>22</sup> Keadaan, bertambah nyata di dalam tahun 1930-an. Kaum Melayu semakin sensitif terhadap isu-isu politik.<sup>23</sup> Mereka merasa bimbang terhadap kedudukan mereka. Pihak berkuasa telah didesak supaya menjalankan dasar pro-Melayu.<sup>24</sup> Antara tokoh yang terkemuka menyuarakan hasrat ini adalah sebahagian besarnya datang dari golongan yang berkhidmat sebagai pegawai kerajaan. Mereka, kebanyakannya berpendidikan Inggeris dan dari golongan bangsawan. Yang paling terkemuka antara pemuka golongan ini termasuklah Sir Raja Chulan, Datuk Abdullah, Tengku Musa'eddin dan Datuk Abdullah bin Haji Dahan. Keempat-empat tokoh yang disebut, pernah menjadi ahli Majlis Undangan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Mereka kesemuannya, berasal dari kalangan keluarga bangsawan.<sup>25</sup>

Di samping tokoh yang menduduki Majlis Mesyuarat, masalah kaum Melayu telah juga disuarakan melalui akhbar-akhbar seperti *Warta Melayu*, *Lembaga*, dan *Majlis*.<sup>26</sup> Walau bagaimanapun usaha-usaha ini tidak disalurkan melalui sebarang pertubuhan politik. Tetapi, pada tahun 1935, keputusan untuk menubuhkan Persatuan Melayu Selangor (PMS) telah diluluskan, dalam satu perjumpaan yang dianjurkan oleh penaja-penajanya.<sup>27</sup> Dan di antara tahun 1937 hingga 1939, persatuan atau kesatuan Melayu telah berkembang dengan cepatnya di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu.<sup>28</sup>

Secara umum Persatuan-persatuan Melayu, adalah didukungi oleh golongan intelek berpendidikan Inggeris. Pucuk pimpinannya, dimonopoli oleh golongan bangsawan atau aristokrat. Cara perjuangannya dapat dilihat dari sifat Persatuan Melayu Selangor yang dikatakan:

21. Lihat W.R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, hlm. 21 Lihat juga Mrs. Li Chuan Siu, op.cit., hlm. 68.
22. Khoo Kay Kim, "Tahun 1920-an Dalam Sejarah Malaysia," hlm. 10.
23. David McIntyre, "Political History 1896–1941", dalam Wang Gung Wu, (ed) *Malaysia A Survey*, Pall Mall Press, London, 1964, hlm. 146.
24. Lihat Ishak Haji Mohammad, "Kenangan Hidup Pak Sako", *Mingguan Malaysia*, 9 Mei 1976.
25. W.R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 254.
26. W.R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, hlm. 33.
27. Mohammad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung* Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961, hlm. 1–2.
28. Radin Soenarno, op.cit., hlm. 17.

...bergerak dalam lapangan politik tetapi pergerakan itu adalah terhad kepada membuat rayuan-rayuan kepada pihak kerajaan bukanlah secara desak-mendesak bida-membidas terhadap kerajaan...pendeknya politik Persatuan Melayu Selangor pada masa itu sangat sempit dan terhad....<sup>29</sup>

Dari segi tujuan dan cara perjuangan kesatuan-kesatuan Melayu, ianya bersifat moderate; tidak anti penjajahan dan jauh sekali untuk mencapai kemerdekaan tanahair.<sup>30</sup> Bahkan golongan ini senantiasa sedia berkerjasama dengan pentadbir Inggeris Tanah Melayu dan Sultan-sultan. Dengan lain perkataan golongan yang mendudukungi kesatuan-kesatuan Melayu, menganut fahaman politik aliran kanan.<sup>31</sup>

### Golongan Kiri Melayu

Dalam masa berbagai-bagi bentuk persatuan dan kesatuan Melayu berkembang di seluruh negara, terdapat satu pertubuhan politik yang menyimpang dari segi aliran dengan organisasi-organisasi lain. Pertubuhan ini ialah Kesatuan Melayu Muda (KMM), yang tertubuh pada tahun 1937. Ianya merupakan organisasi politik Melayu pertama menganut fahaman aliran kiri. Berbeza dengan pertubuhan lain, KMM berjuang "...atas dasar menuntut hak hidup bagi seluruh rakyat yang tertindas supaya mendapat kemerdekaan."<sup>32</sup> Dari segi perjuangan, KMM mengambil jalan "non cooperation"<sup>33</sup> bagi menentang penjajahan British Tanah Melayu dengan Indonesia dalam entiti politik Melayu Raya.<sup>34</sup>

Kemunculan KMM sebagai organisasi politik kiri adalah lanjutan dari pada perkembangan yang berlaku di dalam dan luar negeri. Bibit permulaan gerakan kiri Melayu, dapat dikesan sejak tahun 1920-an. Pada tahun 1922, Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim (SITC)<sup>35</sup> telah dibuka dengan tujuan melatih guru-guru sekolah Melayu. Sebahagian besar yang menjadi penuntut SITC, adalah terdiri daripada anak orang kebanyakan, yang datang dari merata-rata tempat Tanah Melayu.

Semasa di SITC, sebahagian daripada penuntut telah dipengaruhi oleh perkembangan politik yang berlaku pada masa itu. Melalui akhbar dan bahan bacaan yang terdapat, mereka dapat mengikuti apa yang berlaku di Indonesia. Selanjutnya, sebahagian daripada mereka ini begitu terpengaruh oleh gerakan politik Indonesia. Pengaruh Indonesia terhadap gerakan politik Tanah Melayu, tambah berkesan selepas 1926. Bahkan seawal tahun, 1924, Alimin, salah seorang pemimpin revolusi Indonesia pernah singgah di Singapura, dalam perjalanan ke Canton. Selepas pemberontakan Komunis Indonesia tahun 1926, ramai pemimpin mereka malarikan diri untuk berlindung di Tanah Melayu. Antara tokoh-tokoh ini termasuk Tan Malaka, Djamaluddin Tamin, Budiman, Sutan Djeneain, Mohd Ariff dan Subakat.<sup>36</sup>

29. Mohammad Yunus Hamidi, op.cit., hlm. 2.

30. Untuk melihat tujuan-tujuan kesatuan-kesatuan Melayu, lihat Radin Soenarno, op.cit., hlm. 18.

31. Drs. Li Chuan Siu, op.cit., hlm. 75.

32. Ibrahim Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka*, Jakarta, 1957, hlm. 21.

33. Ibid., hlm. 26.

34. Radin Soenarno, op.cit., hlm. 21.

35. Untuk keterangan lanjut tentang SITC lihat Awang Had Salleh op.cit., *passim*.

36. Ibrahim Yaacob, op.cit., hlm. 20.

Ketika berada di Singapura Tan Malaka telah menerbitkan "Massa Actie".<sup>37</sup>

Walaupun tokoh Parti Komunis Indonesia cuba mengembangkan komunisme di kalangan orang Melayu Semenanjung tetapi usaha mereka tidak berjaya.<sup>38</sup> Namun demikian, secara tidak langsung ianya dapat juga menarik minat setengah intelek Melayu terhadap gerakan politik yang radikal di Indonesia. Keadaan ini bertambah jelas, apabila beberapa orang pelajar SITC menjadi anggota Parti Nasional Indonesia,<sup>39</sup> yang dipimpin oleh Soekarno. Antara mereka ini termasuklah Ibrahim Yaacob, Hassan Abdul Manan, Abdul Karim Rashid dan Isa Mahmud.<sup>40</sup>

Apa yang jelas, menjelang tahun 1930-an, sudah muncul satu golongan Melayu yang condong kepada fahaman kiri, bertentangan dengan nasionalis moderate.<sup>41</sup> Dan apabila "kaum burdjuis-feodalis yang memandang dari segi kepentingan kaum raja dan kaum terpelajar"<sup>42</sup> menubuhkan persatuan-persatuan mereka, maka golongan nasionalis Melayu yang radikal cuba mengorak langkah menubuhkan persatuan yang tersendiri. Di dalam konteks inilah Ibrahim Haji Yaacob dan bekas teman seperjuaanannya di SITC bersama dengan beberapa pihak lain, telah menubuhkan KMM, yang menjadi pusat gerakan kiri Melayu pertama. Ibrahim Yaacob telah dilantik menjadi Presiden; dengan Abdul Karim Rashid sebagai Setiausaha dan Hassan Manan sebagai Bendahari. Antara tokoh-tokoh lain yang terkemuka mendukung KMM, ialah Mustafa Husin, Ahmad Boestaman, Ishak Haji Mohammad, Onan Haji Siraj dan Sultan Djenain. Mustafa Hussain adalah seorang guru di Sekolah Teknik Kuala Lumpur. Dan Ishak Haji Mohammad dan Ahmad Boestaman adalah penulis-wartawan yang progresif.<sup>43</sup>

### Golongan Kiri Melayu Terengganu dan Daerah Besut khasnya, 1940—1945

Umumnya sejarawan berpendapat KMM gagal untuk mewujudkan satu gerakan massa. Keahlian dikatakan tidak melebihi beberapa ratus orang sahaja dan terbatas disekitar Kuala Lumpur. Hakikat ini ada kebenaran, jika diambil kegiatannya sebelum pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dalam masa sebelum Perang Dunia ke-II, KMM banyak menumpukan kepada kegiatan sulit.<sup>44</sup>

Namun demikian, hasil daripada penjelajahan Ibrahim Yaacob, Presiden KMM, ke tiap-tiap negeri Tanah Melayu, di antara 1940 hingga 1941,<sup>45</sup>

37. George Kahin, *Nationalism and Revolution in Indonesia*, Cornell University Press, London, 1966, hlm. 82.

38. Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 29. Kenyataan ini telah diakui sendiri oleh Tan Malaka.

39. Parti Nasional Indonesia telah ditubuhkan pada tahun 1927.

40. Ibrahim Yaacob, op.cit., hlm. 24.

41. Radin Soenarno, op.cit., hlm. 20.

42. Ibrahim Yaacob, op.cit., hlm. 21.

43. Ibid., hlm. 24. Ibrahim Yaacob berasal dari Temerloh, Pahang. Dilahirkan pada tahun 1911 dan menuntut di SITC, di antara 1929 hingga 1931. Sebelum bergiat dalam KMN, pernah menjadi guru dan pengajar di Seko-Polis, Kuala Lumpur. Untuk keterangan lanjut tentang riwayat hidup tokoh KMN lihat W.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 287—294.

44. W.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 297.

45. Ibrahim Yaacob, *Melihat Tanah Air*, Percetakan Timur, Kuantan, 1975, hlm. 11.

parti ini telah berjaya diperkembangkan ke Terengganu. Kejayaan, Ibrahim Yaacob, adalah lanjutan daripada pertemuannya dengan segolongan pemuda Terengganu. Perjumpaan ini telah diadakan di Grand Hotel Terengganu, Kuala Terengganu. Dalam perjumpaan tersebut, Ibrahim Yaacob telah menerangkan dasar-dasar perjuangan KMM. Perbincangan yang diadakan telah mendapat sambutan para-para hadirin. Tetapi tidak semua yang turut serta, memberi sokongan bulat kepada penerangan yang dibuat oleh Presiden KMM itu. Ada di antara yang hadir telah membahas dasar-dasar KMM dan menyatakan bantahan yang tegas. Bangkangan ini berpunca, daripada penerangan Ibrahim Yaacob, berkait dengan dasar agama KMM. Mengikut beliau, KMM berpegang atas prinsip kebebasan dalam soal agama. Tetapi bagi setengah pihak yang hadir, dasar tersebut tidak boleh diterima dalam konteks agama Islam. Dipelopori oleh Haji Salleh bin Haji Awang dan Ustaz Mahmud, golongan ini telah memberi hujah, bahawa sekali seseorang menganuti Islam, maka ianya tidak boleh menukar agama dengan bebas. Jika ia berbuat demikian, maka orang Islam mesti menentang. Selanjutnya, Haji Salleh bin Haji Awang dan penyokongnya, tidak menyertai KMM, apabila ianya tertubuh di Terengganu.<sup>46</sup>

Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada pemuda Terengganu yang menghadiri perjumpaan dengan Ibrahim Yaacob, telah tertarik dengan dasar-dasar KMM. Dan mereka ini kemudiannya telah menubuhkan KMM, bagi mewakili negeri Terengganu. Antara pelopor KMM Terengganu termasuk Ibrahim Fikri, Wan Daud Ahmad, Muda Jalil, Muda Kassim, Ibrahim Sulaiman, Zakaria Arshad dan Muda Rahim. Yang dilantik menjadi Presiden KMM Terengganu ialah Wan Daud Ahmad, dengan Ibrahim fikri selaku Setiausaha.<sup>47</sup>

Ketika menyertai KMM, Wan Daud Ahmad, bekerja sebagai kerani di pejabat Setiausaha Kerajaan. Jawatan kerani ini, mulai dipegang oleh beliau sejak tahun 1933. Wan Daud Ahmad dilahirkan pada tahun 1915. Beliau adalah bekas pelajar sekolah Inggeris Sultan Suleiman dan juga Sekolah Arab, Sultan Zainal Abidin.<sup>48</sup>

Yang kedua penting di antara pelopor KMM Terengganu ialah Ibrahim Mohammed (Fikri). Semasa melibatkan diri dalam KMM, Ibrahim masih dalam lingkungan umur 26 tahun. Beliau adalah bekas pelajar Madrasah Sultan Zainal Abidin, Ibrahim Fikri adalah seorang pelajar yang aktif dalam kegiatan-kegiatan. Ia pernah memimpin suratkhabar dan majalah terbitan pelajar Madrasah Sultan Zainal Abidin. Dalam masa yang sama Ibrahim pernah juga menulis dalam akhbar-akhbar kebangsaan. Kerana minatnya di dalam politik, beliau telah berhenti daripada belajar, untuk menyertai KMM.<sup>49</sup>

Ekoran daripada penubuhan KMM peringkat negeri Terengganu, beberapa orang pemuda Besut, mulai terpengaruh oleh perjuangan politik

46. Dipadankan daripada temuramah dengan Haji Salleh bin Haji Awang (Misbaha), pada 15.5.76, di Kg. Serada, Kuala Terengganu. Untuk keterangan berkenaan beliau lihat Kadiz Che Mat, op.cit.

47. Temuramah dengan Datuk Wan Daud Ahmad, di Kuala Terengganu, pada 16.5.76.

48. Ibid.

49. Dipadankan dari *Utusan Melayu*, 8 Nov. 1961, *The Straits Times*, 29 Okt. 1954. Lihat juga *Utusan Melayu*, 20 Julai 1955, di mana ada menyebut Ibrahim. Fikri juga pernah mendapat pelajaran Inggeris.

kip. Mereka, kemudiannya telah menjadi anggota KMM. Oleh kerana, beberapa orang di antara mereka, telah menjadi tokoh-tokoh politik tempatan yang penting kemudiannya, penerangan rengkas berkenaan peribadi mereka amat penting. Yang terkemuka antara tokoh-tokoh Besut yang menjadi anggota KMM, ialah Mohammed Senari Yunus, Sheikh Ali bin Mohammed dan Ibrahim bin Ismail.

Mohammed Senari adalah seorang pemuda Kuala Besut yang berasal dari keluarga nelayan. Ianya dilahirkan dalam tahun 1917, di Pekan Kuala Besut. Beliau mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Kuala Besut sebelum belajar di Pondok Tok Ayah (Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussein). Ketika menyertai KMM, Mohammed Senari, sedang menjalankan perniagaan kedai runcit.<sup>50</sup>

Sebagaimana Mohammed Senari, Ibrahim Ismail juga berasal dari keluarga nelayan Kuala Besut. Tetapi beliau dibesar dan menetap di Pekan Jerteh. Ibrahim adalah seorang tukang gunting, semasa menceburkan dalam KMM. Dan iaitu, adalah bekas murid sekolah Melayu Jerteh.<sup>51</sup>

Berbeza dengan dua tokoh yang telah disebutkan, Sheikh Ali, tidak berasal dari keluarga nelayan Kuala Besut. Ianya dilahirkan dalam tahun 1923, di Kampung Raja. Beliau mendapat pelajaran di Sekolah Melayu Kampung Raja dan Pondok Haji Omar, juga di Kampung Raja. Di antara tahun 1937 hingga 1938, Sheikh Ali menjadi wakil menjual akhbar *Warta Malaya*. Dalam masa KMM berkembang ke Terengganu, tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang tetap.<sup>52</sup>

Walaupun pemuda-pemuda Besut telah ada yang menjadi anggota KMM tetapi, sebagai sebuah organisasi peringkat daerah, ianya tidak tertubuh. Bahkan, antara yang menjadi ahli, ada yang tidak memahami dasar KMM yang sebenar. Hakikat ini, diakui sendiri oleh Sheikh Ali. Mengikut beliau, penyertaannya dalam KMM, adalah akibat pengesyoran tokoh-tokoh lain.<sup>53</sup> Namun demikian, tidak semua anggota KMM Besut, bersikap demikian. Dari keterangan Mohammed Senari, jelas menunjukkan beliau sedar akan cita-cita KMM untuk mencapai kemerdekaan melalui percantuman dengan Indonesia. Dasar demikianlah yang mendorongkannya menyertai KMM.<sup>54</sup>

Penyertaan pemuda-pemuda Besut dalam KMM, sama ada kerana sedar akan perjuangannya atau tidak, tidak boleh dipisahkan dengan peranan yang dimainkan oleh beberapa orang guru Melayu lulusan SITC. Hingga tahun 1940, terdapat tiga orang guru Melayu lulusan SITC di Besut. Mereka ialah Wan Abu Bakar bin Chik, Wan Abdul Manan Ahmad dan Mohd Zain Hassan. Wan Abu Bakar bin Chik pernah menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Kuala Besut pada tahun 1928. Wan Abdul Manan pernah menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Kampung Penarik dan Mohd Zain Hassan pula, pernah menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Kampung Amir. Dalam hubungan dengan perkembangan KMM di Besut, Wan Abu Bakar Chik adalah yang paling terkemuka. Apabila KMM telah berjaya ditegakkan di

50. Temuramah dengan Mohammed Senari Yunus, di Kuala Besut, pada 2.3.75.

51. Ibid., juga Temuramah dengan Abdul Rahman Mohammed (sahabat Ibrahim Ismail) pada 11.5.76.

52. Temuramah dengan Sheikh Ali bin Mohammed, di Kampung Raja, pada 20 April 1975.

53. Ibid.

54. Temuramah dengan Mohammed Senari.

Terengganu, mereka ini telah cuba memberi penerangan kepada pemuda-pemuda Besut, supaya ikut serta menjadi ahli KMM. Dan hasil daripada kegiatan demikian, maka terhadapnya segolongan pemuda Besut menjadi anggota KMM, sejak tahun 1940.<sup>55</sup>

Sejak KMM bertapak dalam dalam negeri Terengganu hingga ke masa permulanya zaman pendudukan Jepun, ia tidak memperlihatkan sebarang bentuk kegiatan aktif. Majoriti penduduk tidak memberi sambutan yang wajar. Sebabnya, mungkin dasar KMM terlalu ke hadapan berbanding dengan pemikiran penduduk. Atau kerana, keseluruhan penduduk Terengganu masih belum sensitif kepada isu-isu politik. Lebih-lebih lagi, dari segi penyertaan, ia tidak mendapat sokongan dari golongan atasan dan pegawai-pegawai tinggi dalam kerajaan. KMM juga tidak mendapat sambutan di kalangan tokoh-tokoh agama. Dengan lain perkataan, pemimpin tradisi tidak menyertai KMM. Dan dapat juga dirumuskan bahawa KMM Terengganu, hanya dianggotai oleh segolongan pemuda yang berjiwa radikal, bekas pelajar Sekolah Melayu. Sekolah Arab atau Pondok yang kebanyakannya tidak mempunyai kerja tetap atau bekerja sebagai peniaga-peniaga kecil atau pegawai-pegawai rendah di jabatan kerajaan.<sup>56</sup>

Bagi daerah Besut khususnya, kita dapat bahawa kegiatan-kegiatan atau isu-isu anjuran tokoh agama lebih menarik perhatian ramai serta mendapat sambutan. Hakikat demikian terbukti dengan berlaku perkembangan kempen anti orang-orang Cina yang dipelopori oleh Haji Abas bin Mohammed (Tok Guru Haji Abas).<sup>57</sup> Haji Abas sekembalinya dari India dalam akhir tahun 1930-an, telah mengadakan syarahan dan ceramah-ceramah di merata masjid, surau dan kampung dalam daerah Besut. Beliau dalam syarahannya, telah membangkit semangat kaum Melayu supaya memulaukan kedai-kedai Cina. Akibat daripada kempen beliau, beberapa buah kedai kopitiamnya di kaum Cina Kuala Besut, Jerteh dan Kampung Raja telah hampir mati. Memandangkan betapa bahayanya kempen Tok Guru Haji Abas, ia kemudiannya di tangkap dan di tahan oleh pihak berkuasa buat beberapa lama.<sup>58</sup>

Daripada keterangan tersebut, menunjukkan bahawa, sekalipun golongan kiri Melayu Terengganu sudah muncul dengan tertubuhnya KMM, tetapi ia belum lagi dapat menyumbangkan tenaga dalam gerakan politik secara berkesan. Suaranya boleh dikatakan terhenti terus apabila pemimpin pusatnya telah ditahan di bawah Undang-undang Darurat yang diisytiharkan dalam bulan Disember 1941.<sup>59</sup> Sungguhpun demikian, peranan KMM pada pe-

- 
55. Lihat "Sejarah Sekolah-sekolah Besut, 1918—1973", hlm. 99. Juga Temuramah dengan Mohammed Senari dan Sheikh Ali.
56. Presiden, KMN Terengganu hanya seorang kerani biasa. Setiausaha ialah seorang peniaga kecil sahaja.
57. Haji Abas bin Mohammed adalah seorang tokoh agama Besut yang terkemuka sejak belum Perang Dunia ke-II. Beliau telah mendapat pelajaran agama di Pondok Haji Muhammad (Tok Ayah) Kuala Besut, sebelum melanjutkan pelajarannya di Mekah (selama tujuh tahun) dan India. Sekembalinya ke Tanah Melayu, ianya telah cergas mengadakan syarahan agama di seluruh Besut, sebelum membuka Pondoknya di Bukit Puteri. Temuramah dengan Haji Mohammed di Tok Jering, Kuala Terengganu, pada 25.4.76. Juga daripada temuramah dengan Abu Bakar Mohammed (abang Haji Abas) di Bukit Puteri, Besut, pada 30.3.76.
58. Perihal peristiwa Haji Abas ini dipadankan dari (*Ibid.*) dan disahkan oleh Mohammed Senari Yunus.
59. Untuk keterangan tentang tokoh KMN yang ditangkap lihat Ibrahim Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka*. hlm. 26.

ringkat ini tidak dapat diperkecilkan sangat. Kegiatan KMM sebelum pendudukan Jepun, sebagaimana W.R. Roff:

...menghabiskan masanya...sebagai parti kecil dan separuh politik...tidak dipercayai atau ditakuti oleh sebahagian besar orang-orang Melayu...kerana radikal...(namun) ia bertindak sebagai tempat latihan yang berharga bagi orang-orang nasionalis yang bersaham diri yang kemudian aktif dalam masa pendudukan Jepun dan setelah perang....

Dengan bermulanya zaman pendudukan Jepun<sup>61</sup> di Tanah Melayu, keadaan politik Terengganu mengalami beberapa aspek perkembangan. Pemimpin-pemimpin KMM yang di tahan oleh pihak British dibebaskan. Justeru KMM kembali aktif.<sup>62</sup> Kesan demikian tidak terkecuali keatas KMM Terengganu. Dengan lain-lain perkataan KMM dihidupkan kembali. Dengan pimpinan Ibrahim Fikri, yang menggantikan Wan Daud, KMM Terengganu telah menempuh satu tempoh yang cergas. Ahli KMM telah meningkat kepada lebih daripada 3,000 anggota.<sup>63</sup> Bahkan Alwee Jantan menegaskan bahawa kegiatan politik secara aktif di Terengganu hanya bermula dengan pendudukan Jepun.

Kejayaan KMM Terengganu mengembangkan pengaruhnya pada ketika ini adalah sebahagian besarnya, adalah disebabkan wujudnya hubungan yang baik antara KMM dengan pihak Jepun. Fakta ini dapat dibuktikan daripada beberapa peristiwa. Dalam kebanyakan kegiatan dan perayaan anjuran pihak Jepun, KMM telah turut memainkan peranan penting. Tokoh-tokoh KMM biasa diberi tempat yang istimewa dalam mana-mana upacara. Ketika Jepun merayakan ulang tahun hari jadi Maharaja Jepun pada 28 April 1942, KMM Terengganu telah bersama-sama dengan pihak Jepun dalam upacara tersebut. Untuk memeriahkan lagi perayaan ini, KMM telah menganjurkan temasya perlawanan bola sepak dan perlumbaan perahu.<sup>64</sup> Penyertaan KMM dalam berbagai-bagai kegiatan, memang dialu-alukan oleh pihak Jepun. Betapa tingginya penghormatan yang diberikan oleh pihak Jepun kepada tokoh KMM Terengganu, dapat disaksikan dalam satu majlis yang berlangsung di Padang Maziah, Kuala Terengganu, pada 13 Disember 1942. Ibrahim Fikri selaku bekas pemimpin KMM (Malay Seinan Kaicho) telah turut sama membuat ucapan dalam majlis itu. Ucapan Ibrahim Fikri menduduki aturcara ketiga, selepas Shukotakhu S. Arai dan Mufti, memberi ucapan masing-masing.<sup>65</sup>

Anggota KMM Besut juga turut bertambah cergas dalam masa pendudukan Jepun, tetapi tidaklah setanding dengan apa yang berlaku di Kuala Terengganu. Melalui hubungan dengan pemimpin negeri, anggota KMM Besut, bertambah sedar dan bersemangat terhadap cita-cita politik kiri ketika

60. W.R. Roff, *Nationalism in Malaya*, hlm. 323.

61. Jepun telah mula menyerang Tanah Melayu pada 8 Dis. 1941. Pada 15 Feb. 1942, seluruh Tanah Melayu termasuk Singapura jatuh ke dalam tangan Jepun. Tentang perihal Pendudukan Jepun di Tanah Melayu lihat T.H. Silcock & Ungku Abdul Aziz, "Nationalism in Malaya," dalam W.L. Holland (ed), *Asian Nationalism and the West*, New York, 1953, hlm. 269—345, dan Zainal Abidin Abdul Wahid, "Pendudukan Jepun dan Semangat Kebangsaan," dalam Zainal Abidin Abdul Wahid (ed) op.cit., hlm. 112—117.

62. Radin Soenarno, op.cit., hlm 23.

63. Alwee Jantan, op.cit., hlm. 31.

64. Ibid.

65. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, *Istiadat Ulang Tahun Hari Jadi Seri Maharaja Besar Jepun pada 24.4.1942* (Simpanan Misbaha)

66. Pejabat Someoba (Setiausaha Kerajaan) Kuala Terengganu, *Program Perjumpaan yang diadakan pada pukul 3.00 Petang di Padang Maziah, Kuala Terengganu, 13.12.42*, (Simpanan Misbaha)

itu. Bilangan anggotanya juga turut berkembang sebagaimana berlaku diseluruh negeri amnya. Atas kesedaran kebangsaan, beberapa tokoh KMM Besut, telah membuat ikhtiar untuk mengelakkan kaum Melayu Besut menjadi mangsa tindakan kekejaman Jepun. Satu daripada usaha Mohammed Senari, seorang anggota KMM, ialah kejayaan beliau menghindarkan Jepun dari mengambil kaum Melayu Besut sebagai buruh untuk membina jalan keretapi Siam-Burma. Dengan jasa baik Afendi Doren, selaku O.C.P.D. Besut, Mohammed Senari berjaya membuat satu tolak ansur dengan pihak Jepun. Mohammed Senari telah berjanji kepada pihak Jepun, jika kaum Melayu Kuala Besut tidak diambil menjadi buruh keretapi Siam-Burma, beliau sanggup mengumpulkan satu Barisan Buruh Sukarela untuk membuat bot dan membaiki lapangan terbang Gong Kedak, Pasir Puteh. Tawaran tokoh KMM itu diterima oleh pihak Jepun dan kaum Melayu Kuala Besut terlepas daripada menjadi buruh kepada pembinaan keretapi tersebut.<sup>67</sup>

Akhirnya pihak Jepun mulai mencurigai akan kegiatan KMM. KMM memang berpura-pura dalam kerjasama dengan Jepun. Jika pihak Jepun bertujuan untuk memperalatkan KMM bagi cita-citanya, begitu juga bagi pihak KMM. Pokok perjuangan masih tetap tidak berganjak iaitu untuk mencapai kemerdekaan dan menentang segala rupa penjajahan. Justeru itu, pada bulan Jun 1942, KMM telah dibubarkan. Disebalik tindakan pembubarannya, pemimpin-pemimpin mereka tidak ditahan atau dipenjarakan. Malah, pihak Jepun telah menuahkan Giyu Gun atau Pembela Tanah Air (PETA) dengan kerjasama pemimpin KMM. Ibrahim Yaacob, Presiden KMM dilantik menduduki pangkat Lestenan Kolonel.<sup>68</sup>

Pembubarannya KMM telah memberi tamparan hebat kepada perkembangan golongan kiri Melayu Terengganu. Ramai bekas anggota KMM Terengganu tidak menyertai PETA, walaupun organisasi ini masih di bawah pimpinan bekas tokoh KMM. Yang dilantik memimpin PETA, bahagian negeri Terengganu ialah Ibrahim Fikri. Antara tokoh KMM Terengganu yang tidak melibatkan diri dalam PETA, ialah Wan Daud bin Ahmad, bekas Yang Dipertua KMM Terengganu yang pertama. Namun demikian alasan Wan Daud tidak menjadi anggota PETA bukanlah kerana tidak lagi berminat dalam gerakan politik kiri. Ketika itu beliau sibuk menjalankan perniagaan beras antara Siam dengan Terengganu. Bagi daerah Besut, kesemua Anggota KMM yang ada tidak menyertai PETA.<sup>69</sup>

Sungguhpun PETA diwujudkan oleh pihak Jepun untuk kepentingannya, maka demikian juga bagi pihak KMM. Penyertaan anggota KMM dalam PETA adalah sebagai alat untuk mencapai perjuangan mereka. Justeru itu berbagai rancangan sulit dijalankan oleh tokoh-tokoh KMM yang terdapat di dalam PETA. Perkembangan demikian, sekalipun kecil usahanya, ada juga dibuat oleh bekas tokoh KMM Terengganu. Ibrahim Fikri telah berkerjasama dengan beberapa tokoh lain menjalankan kegiatan membangkit semangat menentang penjajah. Beliau pada ketika ini mendapat sokongan daripada Salleh Haji Awang yang bekerja sebagai Pegawai Maklumat Jepun. Salleh Haji Awang, dengan berselindung di sebalik jawatannya, dapat mengadakan syarahan dan ceramah di merata-rata surau dan masjid. Usaha

67. Temuramah dengan Mohammed Senari Yunus, Temuramah Abdul Rahman Mohammed.

68. Radin Soenarno, op.cit., hlm. 23. Bagi KMN kerjasama dengan Jepun adalah sebagai alat untuk melindungi gerakan bawah tanahnya. Ianya telah membuat hubungan sulit dengan Parti Komunis Malaya (PKM) dan Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA). Kegiatan masih diteruskan oleh PETA.

69. Temuramah dengan Wan Daud bin Ahmad dan Haji Salleh bin Haji Awang.

demikian dibuat hingga ke daerah Besut. Usaha sulit untuk menghubungi Force 136 juga telah dibuat oleh Ibrahim Fikri. Kegiatan ini telah cuba dilaksanakan melalui Wan Daud bin Ahmad yang berulang-alik antara Terengganu dengan Siam. Dan ketika berada di Bangkok, Wan Ahmad telah menghubungi pihak Force 136 di sana. Walau bagaimanapun gambaran kegiatan bekas tokoh KMM Terengganu pada masa ini tidak jelas dan terbatas.<sup>70</sup>

Keadaan tersebut bertambah benar jika dilihat perkembangan menjelang tamatnya Perang Dunia ke-II. Tokoh-tokoh kiri Melayu telah sedar bahawa Jepun mengalami kekalahan. Oleh itu, mereka telah membuat rancangan untuk mengambil kesempatan dengan kekerasan jika peluang yang baik timbul. Atas tujuan demikian, Dr. Burhanudin,<sup>71</sup> telah mengarahkan Ishak Haji Mohammad supaya ke pantai Timur, termasuk Terengganu. Tujuannya ialah untuk menemui bekas penyokong KMM memberi semangat supaya bersiap sedia.<sup>72</sup>

Malangnya tujuan rancangan ini tiada berhasil. Di Terengganu sebagaimana kata Ishak Haji Mohammad:

...saya dapati pemuda-pemuda di sana pun sudah tidak bersemangat lagi...Ibrahim Fikri dan...Wan Daud Ahmad pada masa itu bermiaga beras...Salleh 'Sketch' atau Misbah lebih berani dari pemuda-pemuda yang lain, tetapi oleh kerana dia tinggi dan mudah dikenali orang, maka tidaklah boleh saya ajak dia masuk dalam satu gerakan bawah tanah untuk menentang British apabila Jepun kalah perang....<sup>73</sup>

Sekalipun rancangan bekas tokoh KMM tidak berjaya, tetapi ianya tidak bermakna bahawa ia langsung tidak mendapat sambutan daripada penyokongnya. Apabila Jepun telah menyerah kalah pada bulan Ogos 1945, beberapa bekas tokoh KMM dan penyokongnya di Besut telah melerikan sebilangan alat senjata seperti bom tangan dan beberapa laras senapang. Alat senjata tersebut telah disimpan di Bukit Kluang dan Pulau Ru. Yang mempelopori kegiatan ini ialah Mohammed Senari dari Kuala Besut. Perkembangan ini menunjukkan juga bahawa walaupun seruan bekas tokoh KMM pusat tidak berjaya dengan sepenuhnya, tetapi dalam keadaan yang terbatas, ada juga sambutan di kalangan golongan kiri Melayu Besut.<sup>74</sup>

Kegagalan rancangan bekas tokoh KMM adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh Jepun menyerah kalah secara mengejut. Kerana sebelum peristiwa ini berlaku, dengan kerjasama pihak Jepun, bekas pemimpin KMM dan PETA, telah membentuk Kekuatan Rakyat Istimewa (KRIS) pada 10 Ogos 1945. Tujuan KRIS ialah untuk mengatur langkah bagi mengisyihar kemerdekaan bersama dengan Indonesia. Rancangan ini telah juga mendapat persetujuan daripada pemimpin Indonesia. Tetapi semuanya rancangan KRIS

70. Ibid.

71. Pada ketika ini Dr. Burhanuddin bertugas sebagai Penasihat dalam Pusat Pentadbiran Tentera Jepun bagi Malaya dan Sumatera. Beliau dilahirkan di Changkat Tualang, Perak, pada 1911. Lihat Salihah Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin Al-Hullaimi: The Ideals of a Malay Nationalist," *Malaysia in History*, Vol. XVII, No. 1, Jun 1974, hlm. 1-7.

72. Lihat Ishak Haji Muhammad, *Mingguan Malaysia*, 8.8.76.

73. Ibid.

74. Temuramah dengan Mohammed Senari Yunus dan disahkan oleh Mohammad bin Ali dalam satu temuramah, di Kuala Besut, pada 20.5.76.

gagal akibat tindakan Jepun menyerah kalah secara mengejut dan Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan tanpa memasuki Tanah Melayu. Ibrahim Yaacob telah mlarikan diri ke Jakarta.<sup>75</sup>

Di antara bulan Ogos hingga September, Tanah Melayu di perintah oleh MPAJA atau Bintang Tiga, yang dikuasai oleh PKM.<sup>76</sup> Di Terengganu, dalam masa tempoh ini, segala kegiatan bekas tokoh KMM dan PETA turut terhenti. Seorang tokoh KMM Terengganu, Abdul Hamid Haji Muhammad telah dibunuh oleh askar Bintang Tiga. Abdul Hamid ialah saudara Ishak Haji Muhammad. Beliau pernah menjadi Penolong Pegawai Daerah di Kuala Brang<sup>77</sup> dalam masa pendudukan Jepun.

Zaman pemerintahan Bintang Tiga tidak lama. Pada bulan September Tentera Berikat telah mendarat di Singapura. Selanjutnya, pasukan Force 136, diketuai oleh Leftenan Kolonel D. Headly telah tiba di Terengganu. Dengan wujudnya pentadbiran "British Military Administration", semua bekas tokoh KMM, PETA dan KRIS yang masih ada di Tanah Melayu dan Singapura, telah ditahan.<sup>78</sup> Perkembangan ini berlaku juga ke atas bekas pemimpin KMM dan PETA. Antara mereka yang ditahan, termasuklah Ibrahim Fikri, Wan Daud Ahmad, Muda Cassim, Latif Haji Fakih dan Mat Haji Osman. Bahkan tokoh-tokoh yang berkerjasama dengan pihak Jepun dan bekas tokoh KMM juga turut ditahan. Tokoh ini ialah Salleh bin Haji Awang. Di sebaliknya, tidak seorang pun penyokong KMM Besut yang ditahan.

Penahanan kebanyakan tokoh di atas tidak berjalan lama. Kebanyakan daripada mereka telah dibebaskan dengan segera. Di sebaliknya Ibrahim Fikri, Salleh bin Haji Awang dan Wan Daud Ahmad telah ditahan oleh pihak British, hingga ke bulan April 1946. Selepas mereka ini bebas, Wan Daud tidak dibenarkan bekerja dengan kerajaan kembali. Tapi Haji Salleh diterima balik dalam perkhidmatan kerajaan negeri.<sup>79</sup>

- 
75. Yoichi Itagaki, "Some Aspect of the Japanese Policy for Malaya under the occupation, with special reference to Nationalism," dalam K.G. Tregonning (ed), "Papers on Malayan History," *JSEAH*, Singapore 1962, him. 363—264. Lihat juga Radin Soenarno op.cit., him. 28—29.
  76. Untuk keterangan bagaimana MPAJA memujuk PETA supaya dibubarkan lihat Drs. Li Chaun Siu, op.cit., him. 82—86 dan Radin Soenarno op.cit., him. 26.
  77. Ishak Haji Muhammad, *Mingguan Malaysie*, 8.8.76.
  78. Untuk keterangan tentang token KMM, PETA dan KRIS yang ditahan oleh BMA, lihat, Ibrahim Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka*, him. 36.
  79. Temuramah dengan Salleh bin Haji Awang, dan Datuk Wan Daud Ahmad.

# H.C. Mohammad Abdul Rahman Dan Penglibatannya Dalam Penerbitan Buku-buku Sastera

TUAN SHARIF BIN TUAN PETERA\*

**H**C. Muhammad Abdul Rahman yang dilahirkan di Rusila, Marang, Terengganu, pada 1907, bukanlah seorang peminat buku yang sungguh-sungguh. Beliau ialah seorang ahli perniagaan mewarisi bakat ayahnya, Abdul Rahman Haji Yusof. Karernya sebagai ahli perniagaan bermula selepas beliau menamatkan pelajaran formalnya di Sekolah Melayu Marang sekitar tahun 1920-an.

Beliau menolong ayahnya yang ketika itu menjadi saudagar pemborong barang-barang keperluan harian terbesar di sekitar Marang. Bahan-bahan keperluan itu diperolehi terus dari Singapura. Apakala Kuala Marang tidak lagi disinggahi kapal, dan ayah beliau mulai uzur, H.C. Muhammad mula mendapat ilmu membuat makjun yang khasiatnya menurut daftar kegunaannya untuk menambah tenaga.

Oleh sebab beliau sahaja yang mengusahakan makjun secara besar-besaran dengan iklan yang begitu kuat, maka dengan sendirinya permintaan daripada masyarakat bertambah. Tambahan pula makjun usaha beliau itu mempunyai berbagai nama yang sungguh istimewa.<sup>1</sup>

Mulai tahun 1950, selepas kematian Encik Abdul Rahman, H.C. Muhammad mengendalikan sepenuhnya urusniaga itu atas nama beliau sendiri sehingga beliau meninggal dunia pada 25 Jun 1977.

## Sebab-sebab Penglibatan Beliau

Hampir keseluruhan penerbit-penerbit buku di Malaysia pada awalnya mereka mengendalikan toko buku sendiri. Penyertaan mereka lebih senang kerana konteks dengan berbagai penjual dan orang ramai sangat luas. Tetapi H.C. Muhammad salah seorang mereka yang tidak terlibat dalam

\* Penulis adalah kelulusan Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, tahun 1977.

1 Misalnya, "Kamar Ajaib," "Permaisuri," "Gajah Menta," "Kahar Asli," "Radin Mas Ayu" dan "Tupai Jantan."

perniagaan buku.

Sejak perniagaan makjunnnya popular, H.C. Muhammad telah membeli sebuah van. Beliau sendiri menjelajah dari Perlis hingga Singapura. Hampir setiap kedai buku di merata daerah yang beliau kunjungi ditawarkan menjadi wakil penjual makjun. Di setiap negeri pula beliau melantik sebuah atau dua buah toko buku sebagai pembahagi. Dalam perjalanan kedua beliau datang memungut wang dan membahagikan makjun yang baru.

Pada masa itu, dalam tahun-tahun 1950-an, novel-novel ringan untuk bacaan muda-mudi berpendidikan Melayu amat kurang di pasaran. Tuan-tuan punya toko buku seringkali bertanya khabar akan kemungkinan H.C. Muhammad menerbitkan novel atau lebih dikenali dengan cerita 'roman masyarakat'.

H.C. Muhammad mula tertarik kepada penerbitan buku-buku Melayu semasa semangat nasionalisme semakin kuat dan suara-suara untuk meningkatkan taraf Bahasa Melayu mula terdengar semasa pilihanraya Persekutuan 1955. Beliau mula menyedari akan kemungkinan buku-buku Melayu mendapat pasaran yang baik sebaik sahaja bahasa Melayu didaulatkan semula.

Keazaman itu terbukti apabila beliau mengatakan dalam kata pengantar novel pertamanya *Dipeluk Rindu* karya Belia Malaya (Harun Hassan) begini:

Pihak kami telah lama benar berazam hendak mengeluarkan buku-buku selepas sahaja pilihanraya Federal (1955). Telah turun ilham perasaan itu dengan semangat yang kuat berpegang pada kata bidalan Melayu, jika ingin bahagia, mahulah berusaha....<sup>2</sup>

Pernyataan ini menjelaskan filsafatnya sebagai seorang ahli perniagaan cukup jelas. Filsafat itulah yang membuka gelanggang bagi beliau terus ke hadapan.

Terbitan sulung itu telah diperkuatkan lagi dengan jaminan beberapa orang pengedar buku yang terkenal. Novel sulungnya itu telah mendapat tempahan untuk pengedaran daripada Toko Hashim, Arab Street Singapura sebanyak 1,000 naskhah, Toko Abdul Hamid, Batu Road, Kuala Lumpur 1,000 naskhah dan Timor Setor, Pulau Pinang sebanyak 500 naskhah.<sup>3</sup>

Novel *Dipeluk Rindu* itu dicetak sebanyak 5,000 naskhah oleh Al-Ahmadiah Press, Singapura, yang akhirnya menjadi pencetak tunggal semua buku-buku keluarannya sehingga sekarang.

Dengan jaminan sebanyak 2,500 naskhah oleh tiga buah toko pengedar tadi, H.C. Muhammad hanya mengedarkan separuh lagi kepada wakil-wakil penjual makjunnnya. Ketika percubaan pertama itu, beliau masih ragu-ragu sama ada akan terus jadi penerbit atau sebaliknya. Katanya:

Jika dapat sambutan dari para pembaca dapatlah diikhtiar terus-menerus dari sebulan ke sebulan sebagaimana maju dan jayanya berjenis ubat keluaran kami...<sup>4</sup>

Novel keluaran pertama H.C. Muhammad ini amat laris kerana dalam masa dua bulan sahaja ia habis di pasaran. Saya berpendapat *Dipeluk*

<sup>2</sup> "Pengantar", *Dipeluk Rindu*, Jan. 1956.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

*Rindu* telah memenuhi syarat 'The Commercial Side of Literature'. Saya katakan demikian kerana novel ini membawa pokok persoalan mengenai golongan pemuda iaitu masalah cinta. Di samping itu harganya agak berpatutan dan perkataannya tidak terlalu panjang. Akhirnya penyelesaiannya berbentuk 'happy ending'.

Lagipun minat pembaca juga tertarik kepada judul novel itu. Ini ditambah dengan gambar kulitnya. Kebanyakan novel-novel yang diminati seringkali menggunakan judul nama wanita yang manis bunyinya. Di barat misalnya terdapat judul seperti *Pamela*, *Clarissa*, *Evelina*, dan *Belinda*. Dalam pemilihan judul novel Melayu, kecenderungan itu juga telah berlaku. Contohnya seperti novel *Salina* oleh A. Samad Said, *Amelia* oleh Abu Talib dan *Kartini* oleh Abdul Aziz Afskar.

*Dipeluk Rindu* termuat dalam 92 halaman, mengandungi kira-kira 19,000 perkataan. Walaupun panjangnya itu tidak mencapai 50,000 hingga 120,000 sebagaimana novel-novel 'best-seller' di Barat, tetapi kadar panjangnya itu cukup sesuai untuk masa itu bagi sebuah novel Melayu.

Ada beberapa faktor mengapa *Dipeluk Rindu* terlalu cepat habis. Saya berpendapat ada lima sebab utama yang mendorong muda-mudi Melayu membelinya.

Pertama, tajuk novel itu sendiri amat romantis bunyinya. Ia menyentuh perasaan belia-belia yang sedang bercinta ketika itu dan ingin tahu apakah pengarangnya mengarang cerita itu mengenai mereka. Kedua, novel ringan seperti itu sangat kurang di pasaran. Ketiga, gambar kulit amat menarik. Ianya merupakan suatu adegan dari filem Inggeris yang kisahnya berlaku di Tanah Arab. Gambar itu menunjukkan dua kekasih sedang berdakap untuk melakukan babak cium. Keempat, pengarang novel itu sendiri sudah dikenali umum melalui drama-drama, cerita pendek yang disiarkan melalui Radio Singapura. Akhirnya, novel itu bertulis jawi dan harganya sederhana, iaitu \$1.20 senaskah.

*Dipeluk Rindu* menceritakan kedatangan Shahrom, anak hartawan Sarkom ke rumah Sudanto. Sudanto ialah sahabat lama Sarkom. Sudanto mempunyai seorang anak gadis bernama Maryati yang baru sahaja putus kasih dengan seorang pemuda bernama Amin. Kerana merajuk, Amin masuk askar. Shahrom sangat tertarik pada Maryati. Dengan niat yang jujur ia meminta kebenaran Sudanto untuk dijadikan isterinya. Mereka kahwin. Shahrom membawa Maryati ke Kuala Lumpur dan tinggal di sebuah hotel.

Secara kebetulan, Amin terserempak Maryati dan keduanya bertemu. Ketika Shahrom pulang, keduanya dalam keadaan berpegangan tangan. Shahrom menghalau Amin. Sejak itu Maryati tidak lagi tenteram. Selepas pulang dari menonton yang menceritakan keburukan wanita, Maryati secara sembunyi keluar dari bilik dan menuju kota Singapura. Dari Singapura Maryati ke Johor Bahru dan mendapat kerja di sebuah hotel di Johor Bahru.

Setelah puas Shahrom mencari Maryati, akhirnya ia memutuskan untuk kahwin lain. Kali ini ia memilih seorang gadis Kota Bahru bernama Nik Zainab. Nik Zainab dibawa ke Singapura dan Johor Bahru. Di Johor Bahru, Shahrom ke rumah Doktor Othman bagi membincangkan pembukaan sebuah cawangan perniagaannya di bandar itu.

Ketika berjalan di bandar tersebut Shahrom terserempak dengan bekas isterinya itu. Ini berlaku semasa Shahrom menyelamatkan seorang budak lelaki dari dilanggar kereta. Rupanya budak lelaki itu adalah Riwayat, anaknya sendiri. Maryati melihat kejadian itu di seberang jalan. Shahrom dan Maryati kemudiannya berbaik semula.

Shahrom meninggal dunia ketika berkelah bersama Riwayat. Tinggallah Maryati dan Nik Zainab sebagai janda. Tetapi bila Maryati pulang ke kampung, Amin sudah menunggu. Amin benar-benar cinta pada janda itu dan berhasrat mahu menjadikan isterinya.

Novel *Dipeluk Rindu* ini diterima oleh H.C. Muhammad pada tahun 1955 dan mula diterbitkan awal tahun 1956. Pengarangnya, Belia Malaya dikenali beberapa lama oleh penerbit ini kerana kedua orang tua mereka ber-sahabat baik. Oleh itu skrip novel ini tidaklah diganggu oleh suntungan.

Hasil sambutan masyarakat terhadap buku pertama itu menarik perhatian penulis lain. Kemudiannya beliau menerima skrip kedua yang membicarkan soal-soal perhubungan sex yang ditulis oleh Pena Melarat. Pasaran buku kedua ini telah mengatasi buku pertama. Dengan itu beliau dapat masa depan sebagai penerbit semakin baik. Buku kedua itu berjudul *Bertandang Ke Pintu Syurga*. Dalam kata pengantar buku keempatnya yang berjudul *Rayuan Dari Jiwa* karya Remaja Malaya, H.C. Muhammad mencatatkan:

Mulanya perkeluaran buku kami dengan memakai lesen (L) percubaan sahaja .... Kami menerima syor-syor dari segenap wakil supaya dicepatkan. Jadi tidak dapat pihak penerbit menolaknya — dengan beransur-ansur mara ke depan.<sup>5</sup>

Tetapi pada awal tahun 1957, H.C. Muhammad telah menghadapi masalah kewangan. Beliau menghadapi masalah ini di Johor Bahru. Berita ini diketahui oleh Ishak Haji Muhammad dan beliau telah mengarang sebuah novel berjudul *Budak Beca* untuk diterbitkan oleh H.C. Muhammad. Ishak tidak mengambil wang pendahuluan untuk buku tersebut. *Budak Beca* semata-mata sebagai pertolongan beliau untuk memulihkan semula perniagaan H.C. Muhammad.<sup>6</sup>

H.C. Muhammad mengaku akan pertolongan Ishak ketika diwawancara oleh wartawan Utusan Zaman. Katanya:

Sekurang-kurangnya saya merasa terhutang budi kepada pengarang Ishak Haji Muhammad kerana buku *Budak Beca* telah menyelamatkan perniagaan saya yang ketika itu sedang merosot.<sup>7</sup>

Dalam kata pengantar novel *Norita dan Kucing Hitam* 1966, H.C. Muhammad lebih berterus terang akan pertolongan yang diberikan oleh novelis *Budak Beca* ini. Katanya:

Saya terhutang banyak budi kepada Bong Ishak. Di kala saya mendapat kemalangan dan perniagaan saya hampir runtuh maka beliau telah memberikan naskhah *Budak Beca*. Saya terbitkan buku itu dan mengakulah saya bahawa hasil daripada buku itu

5 'Pengantar,' *Rayuan Dari Jiwa*, 1956.

6 Keterangan oleh Ishak (Dr.) Haji Muhammad ketika ditemui di Pejabat Utusan Melayu pada 13.6.1977. *Utusan Zaman*, 21 Mac 1971.

banyak menolong saya menegakkan semula perniagaan saya yang telah menerima kemalangan itu.<sup>8</sup>

H.C. Muhammad berjaya menghadapi rintangan itu. Beliau lebih merapatkan diri kepada pembaca dengan meminta pendapat mereka tentang corak cerita yang mereka suka. Permintaan ini jelas terdapat dalam kata pengantar novel *Cinta Lara Bulan Mengambang* karya Kelana Jaya, 1960.

Dalam penerbitan ke-32, iaitu novel *Dendam Hati Muda* karya Pena Melarat, H.C. Muhammad mulai merasakan faedah daripada penerbitan beliau. Katanya:

Dengan berkat kerjasama dari pembaca-pembaca budiman, maka penerbitan kami dari sebulan ke sebulan terus melangkah ke hadapan, berusaha dengan bersungguh-sungguh mencari buku-buku dari segala corak, pengetahuan, novel, pelajaran, seks.<sup>9</sup>

Hasil ketekunan seperti yang disuarakan itulah membawa kejayaan kepada beliau menempuh segala gelombang suka duka sebagai penerbit. Beliau sedar akan kesulitannya sebagai penerbit kecil kerana perlawanan menjadi penerbit semakin mencabar selepas tahun 1960. Tentang jumlah penerbitannya, H.C. Muhammad mencatatkan seperti berikut:

Saya telah menerbitka lebih seratus buah karangan daripada penulis-penulis muda dalam negeri ini. Bukan semuanya buku-buku itu mendatangkan keuntungan besar kepada saya. Hanya dengan usaha, tekun dan sabar saya telah dapat terlepas daripada kerugian.<sup>10</sup>

Hasil kegigihan itu, sebanyak 121 judul buku telah diterbitkan yang meliputi perkara-perkara tentang sastera, keagamaan, masakan, pengetahuan seks, pengetahuan umum, buku nyanyi dan komik.

Buku terawal ialah novel *Dipeluk Rindu* karya Belia Malaya, 1956 dan buku terakhir, iaitu sebelum beliau meninggal, ialah buku bercorak agama berjudul *Jalan Pelepasan* oleh Abdul Rashid Long dan sebuah buku pengetahuan seks berjudul *Rahsia Terlalu Bahagia* oleh Siti Normin Ahmad. Daripada tajuk itu beberapa buah telah diulang cetak sehingga jumlah penerbitan menjadi 178 semuanya. Di jadual I menunjukkan senarai jumlah buku menurut jenisnya.

Data dalam jadual I menunjukkan novel judul yang terbanyak. Kegairahan beliau yang lebih lanjut dapat dilihat pada data berikut, iaitu dari tahun 1956 hingga 1977 (Sila lihat Jadual 2).

Satu hal yang penting daripada data ini ialah ia menjelaskan bahawa H.C. Muhammad tidak mahu kalah di sekitar tahun 1965 hingga 1967, iaitu tahun-tahun kebanjiran novel Melayu di pasaran. Dari kajian yang dibuat pada tahun 1966, jumlah novel yang teredar ialah 48 buah sementara tahun 1967 meningkat kepada 62 judul. Meskipun pada tahun-tahun 1969 hingga tujuh puluhan ini beliau tidak lagi menumpukan kepada penerbitan novel sebagaimana kesungguhan yang ditunjukkan sebelum itu, namun beliau tidak

<sup>8</sup> 'Kata Pengantar', *Norita dan Kuching Hitam*, 1966.

<sup>9</sup> 'Pengantar' novel *NORITA*, karya Ishak Haji Muhammad, 1966.

<sup>10</sup> 'Pengantar' novel *Dendam Hati Muda*.

**Jadual I**  
**Jumlah Penerbitan H.C. Muhammad**

<b>Jenis</b>	<b>Jum. Judul</b>	<b>Jum. Ulang</b>
Sastera	59	76
Pengetahuan Seks	12	40
Pengetahuan Umum	10	15
Keagamaan	5	7
Masakan	12	17
Nyanyi	22	22
Komik	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>121</b>	<b>178</b>

**Jadual II**  
**Penerbitan Novel 1956—1977**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Novel</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Novel</b>
1956	3	1967	13
1957	3	1968	4
1958	3	1969	—
1959	6	1970	—
1960	5	1971	—
1961	3	1972	1
1962	9	1973	1
1963	2	1974	—
1964	4	1975	—
1965	7	1976	1
1966	10	1977	—
<b>Jumlah</b>			<b>76</b>

mengundurkan diri dari lapangan itu langsung. Beliau adalah penerbit yang sentiasa menunggu ketika atau suasana yang sesuai supaya setiap buku yang diterbitkan akan mendapat pasaran yang baik, tetapi tidaklah terlalu mengharapkan akan menjadi 'the great best sellers'.

Ini terbukti apabila beliau menumpukan lebih banyak kepada penerbitan buku-buku lagu pada tahun 1960 dan 1961. Dari 22 buah buku nyanyi, 13 buah diterbitkan dalam masa dua tahun itu. Penerbitan itu dilakukan sesuai dengan masa kemunculan kumpulan gitar rancak dan penyanyi pop Melayu.

Sebagai penerbit perseorangan, yang serba kurang dari segi pengurusan yang teratur dan kemas, tentulah beliau seringkali menghadapi kesulitan seperti yang terlahir dalam kata pengantar *NORITA*:

Dunia penerbit juga, khasnya penerbit-penerbit kecil seperti saya, juga sempit dan rumit. Perlawanan dalam dunia sempit ini yang sebenarnya, hebat.<sup>11</sup>

### Hubungan H.C. Muhammad dengan Pengarang

Bahagian ini cuba memperlihatkan hubungan di antara penerbit dengan pengarang. Perhubungan sangatlah perlu kerana mereka mempunyai kepentingan masing-masing. Sesungguhnya tanpa pengarang atau pencipta maka tidak adalah penerbit, begitulah sebaliknya jika tidak ada penerbit, tidak akan dapat melihat karya yang dihasilkan oleh pengarang. Seorang pengkaji dari Eropah, W.B. Maxwell pernah berkata,

Authors leave publishers for many reasons, just as wives leave husbands.<sup>12</sup>

Sekalipun demikian eratnya, hala yang dituju oleh keduanya amat jauh. Pengarang selalunya mementingkan karyanya dan mempertahankan ciptaan-nya itu sebagai yang terbaik dan sempurna kerana mendakwa karya itu di-kerjakan dengan sungguh-sungguh. Oleh itu upah atau bayaran yang wajar patutlah diberi. Sebaliknya, penerbit mempunyai masalah tersendiri dan hanya sebilangan kecil sahaja pengarang memahami permasalahan penerbit. Sebabnya yang utama ialah penerbit akan lebih memandang kepada soal-soal 'commercial'.

Dalam konteks ini, penerbit yang baru muncul perlu ada 'personal relationship' dengan pengarang yang sudah dikenali umum. H.C. Muhammad adalah penerbit yang termasuk dalam golongan ini. H.C. Muhammad mengenali Belia Malaya misalnya lebih daripada seorang kawan biasa. Sebagai penulis bebas, Belia Malaya banyak menghasilkan karya yang berbagai jenis dan corak. H.C. Muhammad juga mengenali Ishak Haji Muhammad selama beberapa tahun ketika pengarang itu tinggal di Terengganu dan menetap di Kemaman sebagai seorang peguam.<sup>13</sup> Di samping itu, semasa beliau menjelajah dari Utara Tanah Melayu hingga ke Singapura, sempat juga beliau mengenali beberapa orang pengarang. Pengarang-pengarang ibu kota dikenalinya ketika beliau membuka sebuah cawangan kedainya di Jalan Hale, Kampung Bharu antara tahun 1968 hingga 1973.

Sebagai hasil dari sifatnya yang demikian, H.C. Muhammad menerima manuskrip beberapa buah buku awalnya daripada pengarang yang

11 Kata pengantar *Norita*.

12 Michael Joseph, *The Commercial Side of Literature*, London, (tanpa tahun), hlm. 72.

13 Abdul Latif Abu Bakar, 'Ishak Hj. Muhammad Penulis, Ahli Politik Sehingga 1948.' Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah Universiti Malaya 1974/75, hlm. 17.

dikenalnya, Belia Malaya. Buku terbitan keduanya berjudul *Bertandang Ke Pintu Syurga*, sebuah buku pengetahuan seks karangan Pena Melarat itu adalah hasil kenalan H.C. Muhammad juga.

Sepanjang penerbitan beliau antara tahun 1956 hingga 1977, Belia Malaya adalah pengarang yang mendapat tempat istimewa dari penerbit ini. Sebanyak 18 buah judul buku karya pengarang ini telah diterbitkan oleh H.C. Muhammad. Tempat kedua banyaknya ialah Masmera sebanyak 9 judul, Remaja Malaya 6 judul dan Ishak Haji Muhammad 4 judul.

Selepas pengarang-pengarang muda mengetahui akan arah tujuan yang dihajati oleh H.C. Muhammad melalui beberapa pengantar novel dan buku awalnya, beliau tidak perlu lagi mencari pengarang. Skrip yang berbagai jenis sampai kepada beliau. Tentang banyaknya naskhah yang sampai dinyatakan dengan jelas dalam pengantar novel *Kembang Murni Penjual Sabun* karya Belia Malaya, 1959 yang berbunyi:

Semenjak akhir-akhir ini naskhah yang sampai telah bertambah, satu dicap, sepuluh yang datang —

Dan bukti banyaknya skrip dalam simpanan terlihat apabila beliau menerangkan dalam kata pengantar novel *Masyarakat Dan Jururawat* karya Remaja Malaya 1966:

Cerita ini telah lama dalam simpanan penerbit. Hendak dicetak dari satu masa ke satu masa kerana naskhah-naskhah terdahulu masih banyak.

Yang agak jelas, naskhah-naskhah yang diterima itu terlalu nipis dan sukar untuk dikelaskan dalam bentuk novel. Namun begitu, H.C. Muhammad memasukkan cerita-cerita yang diterimanya itu ke dalam novel yang lain. Tujuannya untuk menebalkan novel terbitannya itu. Judul novel itu tetap pada judul skrip yang paling tebal. Contohnya novel *Rumah Urut* karya Masmera. Cerita *Rumah Urut* sebenarnya mengandungi 38 halaman, dianggarkan mempunyai jumlah kata-kata sebanyak 5,500. Sebagai tambahan diselitkan sebuah lagi cerita Masmera berjudul *Khalwat*. Begitu juga terdapat pada novel *Lorong Yang Anih* karya Jaafar Husny. Cerita *Lorong Yang Anih* setebal 80 halaman. Tambahannya dicampurkan dua cerita lain, masing-masing berjudul *Hidup Bergelombang Noda* karya Belia Bungsu setebal 10 halaman dan cerita *Menuju Nikmat Hidup* karya A.R. Kadir setebal 15 halaman. *Menuju Nikmat Hidup* ini lebih merupakan esei nasihat daripada cerita.

Adanya perlaksanaan seperti itu, terdapatlah keghairahan penulis-penulis muda mencuba bakat mereka. Beliau lebih melihatnya dari aspek 'perniagaan' sebab,

this aspect of the commercial side of literature will probably surprise the new author — if it is not actually bewildering — but it can have no practical interest for him.<sup>14</sup>

### Penerimaan Karya dan Prosesnya

Seorang penyelidik barat, Michael Joseph, melaporkan bahawa beberapa

14 Michael Joseph, *op. cit.*, hlm. 20.

penerbit akan memberitahu jenis-jenis buku yang akan mereka terbitkan. Di antara mereka, ada yang mahukan buku perdagangan sahaja, yang menghendaki sains sahaja, inginkan buku cerita (fiction) dan setengahnya mahukan segala-gala yang difikirkan baik. Ada setengah penerbit menjawab bahawa mereka mahukan buku yang baik. Pada umumnya mereka kurang mahu menerbitkan puisi, kerana mereka sangat sukar mendapatkan pembeli.<sup>15</sup>

Penerbit-penerbit besar di seluruh dunia mempunyai jawatankuasa khas untuk meneliti dan menimbang semua skrip yang diterima. Di Malaysia, amalan seperti itu dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Cara ini termasuklah menimbang skrip novel dan lain-lain karya kreatif yang dihantar oleh penulis.

Tetapi bagi penerbit persendirian, hal-hal seumpama itu tidaklah dilakukan. Malah sebahagian besar tidak mempunyai pengkhususan dalam satu-satu bidang. Mereka hanya akan melihat apakah skrip yang diterima itu boleh menguntungkan atau tidak. Jika tidak menguntungkan, sekalipun nilai buku itu tinggi, kemungkinan besar tidak diterbitkan. Perhitungan jangka panjang hanya ada pada penerbit-penerbit yang mempunyai modal yang besar.

H.C. Muhammad melihat dari sudut jangka pendek. Oleh itu ada sedikit kelainan daripada setengah-setengah penerbit. Beliau menerima banyak skrip, berkali ganda daripada jumlah yang diterbitkan. Setengah skrip itu datang dari penulis yang sudah terkenal seperti Belia Malaya, Ishak Haji Muhammad dan Masmera, dan setengahnya datang dari pelajar-pelajar.

Skrip-skrip itu dibaca sendiri oleh H.C. Muhammad atau pembantu yang dilantik khusus untuk menilai sama ada karya itu mempunyai kesan baik untuk pasaran atau sebaliknya. Unsur-unsur yang dititikberatkan oleh H.C. Muhammad ialah cerita yang berkaitan dengan orang muda. Plot cerita perlu ada unsur-unsur ketegangan.

Sesudah hal-hal ini ditimbangkan, baharulah beliau memutuskan sama ada mahu menerbitkan atau tidak. Jika mahu diterbitkan, H.C. Muhammad akan menawarkan skrip itu untuk beliau terus. Beliau tidak mengamalkan pembayaran royalti. Alasan yang diberikan ialah cara royalti ini amat rumit dan memakan masa. Jika pengarang karya itu tidak mahu, skrip itu akan dikembalikan kepada pengarangnya. Prof. Ismail Hussein pernah membuat kajian akan masalah ini dan mendapati,

untuk sebuah novel setebal 100 halaman dibayar dari \$50 hingga \$250.00.<sup>16</sup>

H.C. Muhammad membeli skrip novel itu atau sebarang jenis buku yang dihantar dan bersetuju diterbitkan ialah antara \$100.00 hingga \$400. Novel *Dipeluk Rindu* misalnya dibeli dengan harga \$300.00, *Menyerah* \$400.00 dan *Mencari Syurga* \$300.00.

Bagaimanapun karya Ishak Haji Muhammad berbeza dari yang lain. Tiap karyanya dibayar permulaan sebanyak \$800.00 dan kemudian dibayar

15 Ibid., hlm. 227—254.

16 Ismail Hussein, Prof; "Usia Kesusastraan Pengarang-pengarang Melayu Baru", *Dewan Bahasa*, Mei, 1959, hlm. 208.

royalti pula sepuluh persen. Novel *NORITA* dibelinya dengan harga \$1,600.00 dan royalti pula. Dalam kata pengantar novel itu, H.C. Muhammad menganggap bayaran kepada novel tersebut terlalu tinggi dan beliau merasa bimbang akan mengalami kerugian. Dalam konteks ini, H.C. Muhammad dianggap sebagai mempunyai bicara yang baik. Ishak Haji Muhammad (Dr.) dan Harun Hassan (Belia Malaya) mensifatkan penerbit ini sebagai senang 'kira bicara dan tidak banyak cerewet'. Bagaimanapun karya kedua-dua pengarang ini tidak pernah ditolak penerbitannya. Malah ada buku atau novel Belia Malaya telah diberi pendahuluan sebelum skripnya tiba kepada penerbit. Ini berdasarkan keyakinan penerbit atas sambutan pembaca kepada karya pengarang itu.

H.C. Muhammad mempunyai sifat yang tegas. Beliau tidak akan terbitkan novel jika dianggapnya tidak menguntungkan atau tidak akan mendapat pasaran. Ada pengarang, terutama penulis muda, yang menghantarkan skrip kepada H.C. Muhammad supaya diterbitkan. Pengarang itu dalam suratnya mengatakan terus-terang yang dia tidak mahu menerima apa-apa bayaran. Yang penting bagi dia supaya skrip yang dihantar itu diterbitkan. Tindakan seperti ini semata-mata untuk mendapatkan kepuasan apabila namanya tercatat dalam arena penulisan. Publisiti mencari nama ini amat kuat dalam dunia penulis muda, malah sampai peringkat sekarang.

Selepas memutuskan akan dicetak, H.C. Muhammad memikirkan judulnya. Apakah judul yang dipilih oleh pengarang itu sesuai atau tidak. Beliau lebih berminat kepada judul yang menarik dan sedap dibaca. Judul novel sesungguhnya dapat memberi kesan awal kepada pembeli, apalagi jika judul itu mempunyai pengertian yang berbagai-bagai sehingga merangsangkan ingin tahu masyarakat.

Dalam hubungan ini kita lihat judul-judul novel pilihan H.C. Muhammad amat menarik. Antaranya ialah *Godaan Wanita*, *Cinta Lara*, *Dibulan Mengambang*, *Menyerah*, *Budak Beca*, *Hidup Berdua Mati Bersama*, *Dendam Hati Muda*, *Rumah Urut*, *Puteri Manis Dari Desa* dan *Norita*.

H.C. Muhammad memilih hanya seorang sahaja pelukis untuk melukis kulit (cover). Kecuali novel *Dipeluk Rindu* yang dipetik dari babak sebuah filem Inggeris 'Ali Baba' yang lain semuanya dilukis oleh Nas Achnas. Hampir semua kulit novel itu memperlihatkan gambar wanita. Jika gambar wanita seorang, keadaannya separuh bogel dan jika berdua dengan lelaki, gambar itu berkedudukan semacam berdakapan.

Lukisan kulit ini ada setengahnya tidak menggambarkan isi yang sebenar atau permasalahan sebagaimana isi novel itu. Lukisan yang agak ghairah itu semata-mata berfungsi untuk menarik perhatian pembaca. Gambar itu sendiri bersifat 'commercial'.

Akibat judul buku dan gambar kulit, menyebabkan setengah pengkaji kesusteraan di Malaysia terbawa-bawa dengan sikap memberi label sebagai novel seks tanpa meneliti secara terperinci sama ada isinya mencerminkan kelucuan atau sebaliknya. Sehingga hari ini kita sama sekali masih gelap apakah dakwaan seperti itu benar-benar wujud dalam karya terbitan H.C. Muhammad.

H.C. Muhammad pada permulaan sebagai penerbit telah memilih tulisan

jawi dan dijual dengan harga yang sederhana mahalnya iaitu \$1.20 senaskah. Kemudian apabila beliau menukar kepada cetakan rumi selepas pertengahan tahun 1960-an, beliau tidak dapat lagi mengekalkan harga tersebut. Novel berjudul *Nekad* karya Harun Hassan, setebal 202 halaman, dijual dengan harga \$3.40, sementara novel *Norita* karya Ishak Haji Muhammad, setebal 212 halaman itu berharga \$4.00. Kedua-dua novel tersebut dicetak dalam pertengahan tahun 1960-an. Masa tersebut telah bermula percetakan novel di atas kertas yang bermutu baik. Ini mengakibatkan dengan sendirinya kos percetakan telah meningkat.

H.C. Muhammad mempunyai cita-cita untuk memperbesarkan perusahaan penerbitannya. Seboleh-bolehnya beliau mahu mengadakan percetakan sendiri, iaitu tidak sangat bergantung kepada percetakan luar yang dilakukan sejak beliau mula memasuki lapangan penerbitan tahun 1955. Sekalipun beliau diberi kepercayaan penuh oleh percetakan Al-Ahmadiyah Press yang mencetak hampir 95 peratus buku-buku terbitannya, namun cita-cita itu tetap ada. Cita-cita itu terlihat dalam pengantar novel *Perempuan Dan Takdir*, cetakan tahun 1963:

Adalah menjadi cita-cita kami untuk membesarkan lagi penerbitan kami itu memandang akan pesatnya perkembangan Bahasa Kebangsaan sekarang. Kami percaya harapan kami akan menjadi kenyataan secepat mungkin kiranya ada kerjasama yang erat dari pembaca dan penulis budiman.

Sesungguhnya dari beberapa kata pengantar buku-buku terbitan beliau, ternyata H.C. Muhammad seorang perendah diri dan berterus terang dalam pernyataan data buku-buku yang dijualnya di samping rasa dukacita dan sukacita beliau itu terlahir dalam pengantar novel-novel yang diterbitkan. Bagaimanapun harus kita sedari bahawa tiap-tiap buku yang diulang cetak tidak lagi terikat dengan pengarang kecuali Ishak Haji Muhammad.

# Sejarah Perkembangan Pendidikan Moden Di Kampung Manir 1939 – 1965

MOHAMAD BIN ISMAIL\*

## Pengenalan

KAMPUNG Manir ialah sebuah perkampungan yang subur terletak di tepi sebelah barat Sungai Terengganu lebih kurang 5½ batu ke barat bandar Kuala Terengganu.<sup>1</sup> Jalan raya Terengganu-Kelantan yang telah siap dibina pada tahun 1965 merentasi di tengah-tengah perut kampung dan telah menjadi alat perhubungan utama selain daripada sungai ke bandar Kuala Terengganu.

Sebelum pembinaan jalan raya, Kampung Manir terletak di satu kawasan yang strategik di mana ia telah dapat mengawal jalan perhubungan sungai yang penting di sepanjang Sungai Terengganu, di samping mempunyai daerah daratnya yang subur. Oleh kerana kedudukannya yang istimewa Kampung Manir telah dijadikan pusat pentadbiran bagi Mukim Manir di bawah seorang penghulu.<sup>2</sup> Selain daripada itu Kampung Manir juga telah dipilih sebagai pusat pentadbiran Majlis Mesyuarat Tempatan Kuala Terengganu Barat sejak dari awal tahun 1960-an lagi. Sebelum terbinanya jalan raya Pekan Manir telah lama menjadi pusat tumpuan utama orang ramai terutama dari kawasan sepanjang Sungai Terengganu dan daerah daratnya untuk memasarkan hasil pertanian dan perusahaan mereka.<sup>3</sup>


Kampung Manir sebagai sebuah pusat perniagaan dan pentadbiran bagi Mukim Manir telah berjaya melahirkan penduduk-penduduk yang '*business-oriented*'. Kebanyakan daripada penduduknya yang tinggal di kawasan pekan

\* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

1 Untuk mengetahui kedudukan geografi Kampung Manir dengan lebih jelas, sila lihat peta Mukim Manir.

2 Sebelum campur tangan British di Terengganu pada 1909, Mukim Manir ialah sebuah Jajahan Kecil di bawah pentadbiran seorang Orang Besar Sultan bergelar Tengku Panglima. Apabila jawatan Orang Besar-besar Jajahan dimansuhkan, beliau telah dijadikan Penghulu pertama bagi Mukim Manir.

3 Pekan Manir amat masyhur dengan barang-barang anyaman yang diperbuat dari iada buluh seperti bakul, badan, ayakan, tapisan dan sangkar burung. Barang-barang ini telah mendapat pasaran yang luas hingga ke Kedah dan Johor.



Ikhwan daripada Penghulu Mukim Manir.

*Peta Mukim Manir*

telah melibatkan diri mereka dalam usaha perniagaan, sementara mereka yang tinggal di daerah daratnya menumpukan usaha dalam bidang pertanian dan pekebun kecil.

Menurut banci penduduk 1972, Mukim Manir yang terdiri daripada 27 buah kampung mempunyai jumlah penduduk seramai 16,160 orang dan daripada jumlah tersebut Kampung Manir sahaja mempunyai 3,600 orang penduduk,<sup>4</sup> di mana lebih kurang 98% terdiri daripada orang Melayu dan 2% orang Cina.

Latar belakang, suasana dan kegiatan masyarakat Kampung Manir yang demikian telah menyebabkan timbulnya kesedaran yang lebih awal di setengah kalangan penduduk kampung tentang betapa perlunya pendidikan moden kepada anak-anak mereka. Oleh itu apabila Sekolah Melayu (Kebangsaan) Paloh dibina pada tahun 1928<sup>5</sup> beberapa orang ibu bapa dari Kampung Manir telah mula menghantar anak-anak mereka belajar di sana.

### Pendidikan awal di Manir sebelum 1939

Sebelum 1939, masih ramai penduduk Kampung Manir yang kurang sedar tentang betapa pentingnya pendidikan moden kepada anak-anak mereka. Ini disebabkan oleh masalah perhubungan yang sukar dan terhad dengan bandar Kuala Terengganu. Tambahan pula di Kuala Terengganu sendiri sekolah Melayu yang pertama hanya dibuka pada tahun 1912<sup>6</sup> dan sehingga tahun 1938 cuma terdapat 12 buah sekolah yang telah dibina di daerah Kuala Terengganu, termasuk sebuah sekolah Cina (Chung Hwa Wei Sin) dan sebuah sekolah Inggeris (Sekolah Inggeris Kerajaan) yang masing-masing dibuka pada tahun 1915 dan 1920.<sup>7</sup>

Kebanyakan penduduk Kampung Manir ketika itu adalah 'jahil' tentang faedah pendidikan moden kepada anak-anak mereka. Namun begitu mereka amat berat kepada pendidikan agama. Hampir setiap kanak-kanak yang berumur dari 6 hingga 9 tahun telah dihantar ke kelas-kelas 'Pengajian Quran' yang dikelolakan oleh beberapa orang 'Tok Guru' di rumah masing-masing. Di antara Tok-tok Guru yang terkenal ketika itu ialah Tuan Guru Hj. Idris Sungai Luar, Tuan Guru Pak Mat Tok Besar, Tuan Guru Mohd Zain Sekati dan Tuan Guru Sayid Umar (Tuan Nek).<sup>8</sup>

Di kelas-kelas Pengajian Quran tersebut kanak-kanak diajar membaca Jawi, Quran, Ilmu Tajuwid dan pelajaran-pelajaran asas agama seperti Ilmu Tauhid dan Fekah. Tidak ada sebarang yuran yang dikenakan oleh Tok-tok Guru kepada murid-murid mereka, tetapi mereka diberi imbuhan oleh ibu bapa murid-murid dari zakat dan fitrah. Walaupun demikian kedudukan dan taraf Tok-tok Guru bergantung kepada harta persendirian.<sup>9</sup> Di samping itu kanak-kanak tersebut adalah tertakluk terus di bawah perintah

4 Fail Penghulu Mukim Manir.

5 *Sejarah Sekolah-sekolah Terengganu*, Pejabat Pelajaran Negeri Terengganu, hlm. 59.

6 Sekolah Melayu yang pertama dibuka di daerah Kuala Terengganu ialah Sekolah Melayu Kampung Keling, diikuti oleh Sekolah Melayu Bukit Jambul pada 1921 dan Sekolah Melayu Paya Bunga pada 1922.

7 Sekolah Inggeris Kerajaan telah ditukar namanya kepada Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman pada tahun 1925.

8 Nama-nama Tuan Guru di atas telah diberi oleh Sayid Ahmad bin Mustapha.

9 *Sejarah Sekolah-sekolah Terengganu*, Pejabat Pelajaran Negeri Terengganu, hlm. 13.

Tok Guru masing-masing dalam mana tenaga mereka telah digunakan untuk membantu kerja harian Tok Guru seperti mengangkat air, mencari dan membelah kayu api, menjemur dan menumbuk padi dan kerja-kerja ringan yang lain.

Kelas Pengajian Quran tersebut biasanya memakan masa dari 2 hingga 5 tahun mengikut pencapaian dan kecerdasan murid-murid yang mengikutinya. Setelah tamat mengaji beberapa orang ibu bapa yang berada pula akan menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran agama ke sekolah-sekolah pondok yang dikendalikan oleh Tok-tok Guru terkenal, baik di dalam maupun luar negeri. Di antara sekolah pondok yang menjadi tumpuan ketika itu ialah sekolah pondok yang dikendalikan oleh Tuan Guru Tuan Sulong di Paloh<sup>10</sup> dan Pondok Tuan Guru Hj. Abbas di Bukit Puteri, Jertih.

Sikap dan pandangan ibu bapa terhadap pelajaran agama amat tinggi ketika itu sehingga apabila seorang teruna ingin meminang seorang gadis perkara yang pertama ditanya oleh penjaga gadis itu ialah sama ada teruna itu telah tamat pengajian Quran atau belum. Sekiranya belum pinangannya akan ditolak.

Mulai tahun 1930-an barulah sistem pendidikan moden meresap di kalangan sebilangan kecil kanak-kanak Kampung Manir iaitu setelah pembinaan Sekolah Melayu Paloh pada tahun 1928. Walaupun Paloh cuma terletak lebih kurang 2 batu dari Kampung Manir, tetapi oleh kerana terpaksa menyeberangi sungai dan melalui jalan-jalan kampung yang sempit tidak ramai ibu bapa yang sanggup menghantar anak-anak mereka ke sana. Di samping itu tidak ada usaha langsung untuk menghantar anak-anak mereka belajar ke Kuala Terengganu. Faktor lain yang tidak kurang pentingnya ialah kerana bangkangan yang kuat dari Tok-tok Guru supaya jangan menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah 'orang-orang kafir'.

Sehingga terbinanya Sekolah Melayu Manir pada tahun 1939<sup>11</sup> hanya terdapat 15 orang sahaja kanak-kanak dari Kampung Manir yang sempat belajar di Sekolah Melayu Paloh. Sungguhpun begitu satu kepujian haruslah diberi kepada segelintir ibu bapa kanak-kanak tersebut yang telah menjadi perintis pertama memperkenalkan anak-anak mereka kepada sistem pendidikan moden.

Di antara bekas-bekas penuntut Kampung Manir yang telah belajar di Sekolah Melayu Paloh ialah:

- |                           |   |
|---------------------------|---|
| 1. En. Ismail bin Abbas — | Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu (1959—1964). Sekarang seorang pemborong dan ahli perniagaan yang berjaya. |
| 2. Syed Ahmad Mustapha —  | Bekas polis dan sekarang menjadi peniaga.   |

10 Tuan Guru Tuan Sulong ialah cucu kepada Tuan Syed Paloh (Tokku Paloh) yang pernah menjadi guru kepada Sayid Sheikh Al Hadi dan beberapa orang pahlawan Pahang di akhir abad ke-19.

11 Sekolah Melayu Manir merupakan sekolah yang ke-13 dibina di daerah Kuala Terengganu. (Untuk mengetahui daftar penubuhan sekolah-sekolah di daerah Kuala Terengganu sila lihat *Sejarah Sekolah-sekolah Terengganu*; Jabatan Pelajaran Terengganu, hlm. 59—62).

3. En. Hashim Yusof — Ahli perniagaan.
4. Phua Seng Yu — Ahli perniagaan.
5. Teo Huat Soo — Ahli perniagaan.

Di samping Sekolah Melayu Paloh ada juga ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas kampung yang dikelolakan secara sambilan oleh dua orang 'guru' di rumah masing-masing, iaitu Encik Mohd Teh bin Ibrahim, Penghulu Muda Mukim Manir dan Encik Long (Orang Melaka) yang telah menetap di Kampung Manir dan bertugas sebagai Wakil Penjual Candu Kerajaan.<sup>12</sup>

### **Perkembangan Persekolahan Melayu (1939—1965)**

Oleh kerana kesedaran yang bertambah kepada perlunya pendidikan persekolahan kepada kanak-kanak dan kesukaran perhubungan untuk menghantar kanak-kanak ke Sekolah Paloh, maka melalui inisiatif Penghulu Mukim Manir, Tengku Muda bin Ngah<sup>13</sup> sebuah sekolah Melayu dibina di Kampung Manir pada awal tahun 1939 di atas sebidang tanah yang dipinjamkan oleh Penghulu. Sekolah tersebut siap pada awal November dan telah dibuka dengan rasminya oleh Tengku Lela Segara, pegawai Pemunggut Hasil Tanah Terengganu pada 22 November, 1939.<sup>14</sup>

Bangunan Sekolah Melayu Manir pada asalnya daripada kayu, bertiang tinggi, berukuran 60 x 22 kaki persegi, beratapkan nipah dan berpintukan bidai sahaja. Semasa penubuhannya ia hanya berjaya mendaftarkan seramai 40 orang murid perintis di bawah kelolaan seorang guru, Encik Mohamad bin Ismail. Hasil daripada kesedaran ibu bapa yang bertambah dan kerjasama yang erat di antara guru-guru, Penghulu dan orang ramai, maka bilangan murid sekolah Manir terus bertambah dari setahun ke setahun. Pendudukan Jepun tidak memberi kesan yang nyata kepada perkembangan pendidikan persekolahan yang baru bermula itu. Malah lebih ramai murid-murid mendaftarkan nama mereka ke sekolah tersebut. Peningkatan jumlah murid ini adalah disebabkan adanya perpindahan penduduk dari bandar ke Kampung Manir.

Pada peringkat awalnya hanya murid-murid lelaki sahaja yang diterima belajar di Sekolah Melayu Manir dan pelajaran yang diberikan hanya ke peringkat darjah V sahaja. Mata-mata pelajaran yang diajar ketika itu ialah Bacaan dan Tulisan (Jawi dan Rumi) Karangan, Ilmu Kira-kira, Ilmu Alam, Sejarah Melayu, Kesihatan, Lukisan, Senaman, Menganyam dan Berkebun yang meliputi jangka masa dari pukul 8.00 hingga 12.00 tengah hari.<sup>15</sup> Murid-murid yang kandas dipeperiksaan akhir tahun dalam mana-mana darjah terpaksa mengulangi semula pelajarannya di darjah yang sama pada tahun berikutnya. Umur tidak menjadi masalah utama dalam pendaftaran murid-murid ke sekolah. Oleh itu adalah tidak menghairankan jika terdapat murid-murid yang berumur di antara 7 hingga ke-13 tahun belajar dalam satu darjah. "Dalam sekolah rendah Melayu pada tahun 1955 ada 45%

12 Wawancara dengan Sayid Ahmad bin Mustapha.

13 Beliau ialah menantu kepada Penghulu Mukim Manir yang pertama Tengku Long (Tengku Panglima).

14 Buku Rekod Sekolah Kebangsaan Manir-1939, him. 1.

15 Awang Had Salleh, *Pelajaran Dan Perguruan Melayu Di Malaya Zaman British*, him. 18.

daripada murid-murid itu telah lebih umurnya untuk belajar dalam darjah masing-masing dan ada 11% yang lebih umurnya untuk belajar dalam sekolah-sekolah".<sup>16</sup> Hanya setelah pengesongan 'Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956' 'barulah masalah kelebihan umur diatasi secara beransur-ansur dan sehingga 1960 tiada lagi murid-murid yang lebih umur belajar di sekolah-sekolah rendah.

Perkembangan pesat pendidikan persekolahan di Manir telah membawa kepada tertubuhnya satu kelas yang berasingan untuk murid-murid perempuan pada awal tahun 1947 bertempat di bekas tapak bangunan Sekolah Arab Manir. Kesukaran untuk mendapatkan seorang guru perempuan menyebabkan kedua-dua buah sekolah ini telah dicantumkan di bawah satu pentadbiran pada 4 Ogos 1952.<sup>17</sup> Dengan pencantuman tersebut jumlah murid telah meningkat kepada 228 orang. Di atas Inisiatif Guru Besar Sekolah Melayu Manir ketika itu, Encik Othman bin Hj. Ali<sup>18</sup> dengan dibantu oleh Penghulu baru Mukim Manir, Tengku Chik bin Tengku Panglima dan Pegawai Balai Polis Manir, Encik Ismail bin Mohd Amin, mereka telah berusaha memberi penerangan kepada para ibu bapa dari semua kampung yang berhampiran supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Hasil daripada kerjasama tiga jurusan itu maka bilangan murid darjah satu pada tahun 1953 telah meningkat 243 orang. Jumlah murid ini lebih ramai daripada jumlah seluruh murid-murid dalam darjah-darjah lain. Pertambahan murid darjah satu ini menyebabkan jumlah murid pada tahun itu (1953) seramai 471 orang.<sup>19</sup>

Di antara kampung-kampung yang berhampiran yang telah menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Manir ketika itu ialah Kampung Sekati, Telok Pasu, Telok Menara, Belukar Sagu, Tebakang, Beladau Kolam, Banggol Tuan Muda, Tualang, Kebur Ayer dan Kubur Besar.<sup>20</sup> Akibat kemasukan murid yang sebegini ramai pada 1953, kelas sebelah petang mulai dibuka dan sebuah bangsal besar berukuran 80 x 20 kaki persegi bersekelai dengan bangku dibina secara gotong-royong untuk mengatasi masalah penempatan murid-murid tersebut. Sehingga tahun 1965, (apabila siapnya Jambatan Sultan Nasiruddin Shah yang merentangi Sungai Terengganu, menghubungi Kampung Pulau Rusa dengan Manir) jumlah murid Sekolah Manir tidak boleh menandingi tahun 1953. Jambatan tersebut telah memberi kemudahan kepada murid-murid di seberang sungai yang sepatutnya belajar di Sekolah Kebangsaan Pulau Rusa dan Paloh datang belajar ke Manir. Kurangnya jumlah murid selepas tahun 1953 adalah disebabkan kemunculan Sekolah Rakyat di Kampung-kampung sekitar seperti Sekolah Rakyat Beladau Kolam (1944), Telok Pasu (1951), dan Kubor Besar (1953). Sekolah-sekolah ini pula mencapai perkembangan yang pesat dan kemudiannya telah diambil alih oleh Kerajaan sebagai Sekolah Kebangsaan. Sebelum

16 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, hlm. 20.

17 Buku Rekod Sekolah Kebangsaan Manir, 1952.

18 Beliau sekarang bertugas sebagai Penolong Pengelola Bahagian Pembangunan di Jabatan Pelajaran Terengganu.

19 Buku Rekod Daftar Kemasukan Murid-Murid Sekolah Kebangsaan Manir, 1953.

20 Untuk meninjau kedudukan kampung-kampung yang berhampiran yang telah menghantar anak-anak mereka belajar ke Sekolah Melayu Manir, sila lihat peta Mukim Manir.

daripada pengambilalihan oleh Kerajaan sekolah-sekolah tersebut cuma dapat mengadakan kelas-kelas hingga ke peringkat darjah IV sahaja dan murid-murid dari sana terpaksa menyambungkan pelajaran mereka hingga ke peringkat darjah VI di Manir. Menjelang tahun 1965 murid-murid bertambah ramai di Sekolah Manir kerana adanya Jambatan Sultan Ismail Nasiruddin Shah menyebabkan murid-murid yang tinggal di seberang sungai (sebelum ini belajar di sekolah Pulau Rusa dan Paloh) belajar di Manir.

Untuk menampung keramaian murid-murid dan memberi kemudahan-kemudahan yang lebih lengkap lagi kepada sistem pendidikan kebangsaan sesuai dengan pengesyoran yang dibuat oleh 'Penyata Razak' maka bangunan sekolah lama telah diubahsuai, dan pada tahun 1960 sebuah bangunan baru telah didirikan dan ditambah lagi dengan sebuah bangunan batu dua tingkat pada tahun 1970.<sup>21</sup>

### Pendidikan Agama dan Arab di Manir (1939—1965)

Sebelum daripada bermulanya pendidikan persekolahan lagi, penduduk-penduduk Kampung Manir memang telah memberatkan pendidikan agama kepada anak-anak mereka. Selain daripada diantar mengaji di kelas-kelas Quran, setengah penuntut diantar belajar ke Sekolah-sekolah Pondok di Paloh, Durian Guling, Jerteh dan Bunut Payong, Kelantan. Dengan tertubuhnya Sekolah Melayu Manir pada 1939, kelas-kelas agama mula diadakan di sebelah petang. Murid-murid yang belajar di waktu pagi akan datang semula di sebelah petangnya untuk belajar agama. Guru-guru yang mengajar pada peringkat awalnya terdiri daripada 'Guru-guru Pelawat Kanipung' yang telah ditauliahkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Terengganu. Kelas-kelas agama petang berjalan berasingan daripada kelas pagi sehingga tahun 1961. Pada tahun ini (1961) kelas-kelas tersebut dimansuhkan setelah Kementerian Pelajaran dengan persetujuan Kerajaan Negeri menjadikan pelajaran agama Islam sebagai salah satu mata pelajaran bersesuaian dengan pengsyoran 'Penyata Rahman Talib — 1960'.<sup>22</sup>

Pada tahun 1941, hasil daripada inisiatif Penghulu Tengku Muda dan beberapa orang penduduk Kampung Manir sebuah Sekolah Arab telah berjaya didirikan di Manir di satu kawasan tanah yang telah dipinjamkan oleh Penghulu berhampiran dengan masjid. Sekolah ini dikenali dengan nama Nahdatul Ihtifaq dan terdiri daripada dua buah bangunan kayu hasil daripada derma orang ramai. Sebuah daripadanya telah digunakan untuk menempatkan guru-guru, sementara sebuah lagi digunakan sebagai bangunan sekolah. Sejak dari penubuhannya hingga kepadanya penutupannya pada tahun 1946 terdapat 5 orang guru yang telah mengajar di sana. Di antaranya ialah Tuan Guru Hj. Abdullah bin Abbas sekarang bertugas sebagai Pegawai Jabatan Penerangan Kuala Terengganu dan Ustaz Yusof bin Manan, sekarang ber-

<sup>21</sup> Bangunan tersebut telah dibuka dengan rasminya oleh YB. Dato Hussein Onn, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada bulan April 1974. Beliau juga telah meluluskan satu peruntuk tambahan untuk memberi kemudahan-kemudahan yang lebih lengkap lagi berjumlah lebih daripada \$90,000. Pada tahun 1975 jumlah murid Sekolah Kebangsaan Manir telah meningkat ke 741 orang dengan 23 orang tenaga pengajar dan 5 orang kakitangan Sekolah. *Buku Rekod Daftar Kemasukan Murid-murid Sekolah Kebangsaan Manir, 1975* dan *Buku Rekod Sekolah Kebangsaan Manir, 1974*.

<sup>22</sup> *Penyata Jawatankuasa Dasar Pelajaran — 1960*, Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 55—57.

tugas sebagai Kadi Kuala Terengganu.

Sepanjang penubuhannya terdapat hampir 100 orang murid yang belajar di sana. Murid-murid tersebut bukan sahaja datang dari Kampung Manir dan kampung-kampung sekitarnya, malah dari beberapa kampung yang berjauhan. Sekolah Arab Manir terpaksa ditutup pada tahun 1946 kerana ketidakmampuan orang-orang kampung untuk membiayai masalah pentadbiran dan gaji guru-gurunya; dan pengasasnya pula Penghulu Tengku Muda bin Ngah ditimpa penyakit, dan tidak dapat mengendalikan urusan sekolah itu lagi. Kegagalan Kerajaan Negeri yang baharu sahaja pulih daripada kesan-kesan pendudukan Jepun untuk mengambil alih sekolah tersebut telah menyebabkan berakhirnya sebuah institusi penting pendidikan di Manir ketika itu.

Sejak daripada tahun 1950-an hingga ke tahun 1965 ramai kanak-kanak yang telah lulus daripada Sekolah Kebangsaan Manir telah dihantar oleh ibu bapa mereka melanjutkan pelajaran ke sekolah Arab Khairiah dan Zainal Abidin di Kuala Terengganu. Dalam tahun-tahun tersebut didapati mereka yang melanjutkan pelajaran ke Sekolah Arab adalah lebih ramai daripada mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Sekolah-sekolah Menengah (aliran Inggeris dan Melayu).

#### **Kejayaan Murid-murid Dalam Bidang Pelajaran (1939—1965)**

Sejak dari terbinanya Sekolah Melayu Manir hingga ke tahun 1955, ramai daripada murid-murid tua sekolah tersebut telah pun berjaya di dalam kehidupan mereka. Di antaranya ada yang telah berkhidmat di dalam perkhidmatan guru, tentera, polis, pegawai-pegawai rendah Kerajaan dan ahli-ahli perniagaan. Pada ketika itu tidak ada peluang langsung bagi murid-murid dari Sekolah Melayu untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Sekolah Menengah Kerajaan kecuali melalui Kelas Khas Melayu (*Special Malay Class*) dalam mana beberapa orang penuntut yang terbaik dari Sekolah-sekolah Melayu dari darjah III dan IV telah dipilih untuk memasuki peperiksaan ke Kelas Khas Melayu. Murid-murid yang berjaya telah dihantar oleh kerajaan untuk melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Rendah Inggeris Sultan Sulaiman di Kuala Terengganu. Di sana mereka diberikan pelajaran Inggeris yang intensif selama dua tahun dan di tahun ketiga mereka ditempatkan di darjah VI bersama-sama dengan murid-murid dari aliran Inggeris dan terpaksa pula mengambil peperiksaan yang sama untuk memasuki ke Sekolah Menengah Inggeris.

Walaupun tidak ada peluang untuk memasuki Sekolah Menengah tetapi sehingga ke tahun 1955 terdapat seramai 25 orang bekas penuntut Sekolah Melayu Manir yang telah berjaya berkhidmat sebagai guru Sekolah Rendah, dan sehingga kini kebanyakannya daripada mereka telah pun mempunyai kelulusan akademik hingga ke peringkat Sijil Pelajaran Persekutuan. Di antara mereka yang berjaya menjadi guru hasil daripada persekolahan Melayu ialah;

1. Sayid Abdullah bin  
Tuan Baru —
2. Tengku Muhamad  
bin Nik —

3. Hassan bin Abbas	—	
4. Sayid Shafie bin Tuan Baru	—	Meletakkan jawatan pada tahun 1964 kerana menceburkan diri dalam politik. Sekarang menjadi ahli perniagaan.
5. Abdullah bin Awang	—	
6. Ahmad bin Muda	—	
7. Wan Yahaya bin Long	—	
8. Hj. Ismail bin Yusof	—	Meletakkan jawatan pada tahun 1964 dan pada tahun 1974 menjadi Ahli Dewan Undangan Terengganu bagi Kawasan Manir.
9. Ismail bin Abdullah	—	
10. Dato' Abdul Rahman bin Long	—	Pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Terengganu bagi Kawasan Langkap (1964—74) dan pernah menjadi Yang Dipertua Dewan sehingga dikalahkan dalam Pilihanraya Kebangsaan 1974.
11. Zaharah bt. Yatim	—	
12. Mustapha bin Said	—	Pada tahun 1974 menjadi Guru Besar Sekolah Kebangsaan Manir.

Mulai tahun 1953 hingga ke tahun 1962<sup>23</sup> terdapat 34 orang murid-murid Sekolah Kebangsaan Manir yang telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke Kelas Khas Melayu di Sekolah Rendah Inggeris Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu. Hampir semua mereka telah berjaya di dalam pengajiannya dan sekarang bertugas di berbagai-bagai Jabatan Kerajaan, Firma ataupun membuka perusahaan sendiri. Di antara mereka yang telah berjaya ialah:

1. Sayid Hashim bin Long	—	Pada tahun 1974 bertugas sebagai tentera dengan pangkat Lt. Colonel dan menjadi <i>Attache</i> Tentera Ke Kedutaan Malaysia di London.
2. Tengku Husein bin Chik	—	Pada tahun 1974 (1975) bertugas sebagai Juruteknik Kanan di Jabatan Kerja Raya, Kuala Terengganu.
3. Ahmad bin Abdul Rahman	—	Seorang pemborong dan ahli perniagaan yang berjaya di Kuantan, Pahang.
4. Ahmad @ Halim bin Yusof	—	Guru Sekolah.
5. Muda bin Said	—	Penyelia Kilang.
6. Mohamad bin Ismail	—	Guru Sekolah. Pada tahun 1974 melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya.
7. Syarifah Mariam Sayid Mohd.	—	Guru Sekolah.

<sup>23</sup> Tahun 1962 merupakan tahun terakhir peperiksaan untuk memasuki ke Kelas Khas Melayu diadakan.

- |                            |   |  |
|----------------------------|---|--|
| 8. Mohd Alias bin Salleh   | — | Pada tahun 1974 bertugas sebagai Juru Ukur Bahan di Kota Bharu, Kelantan. Lulusan Leads Polytechnic, United Kingdom. |
| 9. Mohamad bin Gading      | — | Juru Ukur Bahan di Ipoh, Perak. Lulusan Bristol Polytechnic, United Kingdom.   |
| 10. Abdullah bin Embong    | — | Pada tahun 1974 bertugas sebagai Pengarah Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Lulusan Universiti Malaya. |
| 11. Razali bin Mohamad     | — | Guru Lulusan Universiti Malaya.  |
| 12. Hashim bin Mohamad     | — | Guru Lulusan Universiti Malaya.  |
| 13. Mohd. Ghani bin Salleh | — | Pembantu Teknik. Sekarang kemudian melanjutkan pelajarannya di Universiti Shefford, United Kingdom.                  |
| 14. Naemah bt. Yusof       | — | <i>Staff Nurse</i> di Besut, Terengganu.   |
| 15. Fatimah @ Muni bt. Ali | — | <i>Staff Nurse</i> di Pahang.  |

Pada akhir tahun 1955 peperiksaan pertama untuk memilih murid-murid yang baik dari Sekolah-sekolah Melayu bagi melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Inggeris telah diadakan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Ia bertujuan untuk membolehkan lebih ramai anak-anak Melayu dari luar bandar mendapatkan pengajian menengah dan seterusnya ke peringkat Universiti. Langkah ini bersesuaian dengan pengesyoran 'Penyata Barnes 1950' yang menyatakan "murid-murid yang baik dan layak bolehlah melanjutkan pelajarannya dalam Bahasa Inggeris".<sup>24</sup> Pelancarannya juga adalah hasil daripada kemenangan muktamad Parti Perikatan dalam Pilihanraya Kebangsaan yang pertama pada tahun 1955. Sebuah Kerajaan dibentuk selepas kejayaan pilihanraya ini (1955) dengan Dato' Abdul Razak bin Hussein sebagai Menteri Pelajarannya yang pertama.

Sekolah Melayu Manir telah menghantarkan 9 orang calon untuk mengambil peperiksaan di atas dan telah berjaya mencatatkan sejarah bila kesemua calon-calonnya berjaya di dalam peperiksaan tersebut dengan mengatasi seluruh sekolah-sekolah lain dari negeri Terengganu. Penuntut-penuntut yang berjaya kemudiannya telah dihantar belajar ke Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh. Kejayaan 9 orang murid perintis melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah pada tahun 1956 itu telah diikuti oleh murid-murid lain pada tahun-tahun berikutnya. Ramai murid-murid yang telah berhenti sekolah telah mula bersekolah kembali, dan semakin kurang bilangan murid-murid yang kecinciran. Sekarang telah ada dorongan untuk belajar. Ibu bapa yang menghantar anak-anaknya ke sekolah tidak lagi berharap anak-anak mereka untuk tahu menulis, membaca dan mengira sahaja; dan apabila tamat kelak selebih-lebihnya mereka akan menjadi Guru

24 Musa bin Daia, *Sejarah Perkembangan Pendidikan & Persekolahan*, hlm. 214.

Sekolah Rendah, Polis, Askar dan Pegawai-pegawai Rendah Kerajaan, malah mereka telah nampak akan peluang yang luas terbentang di hadapan anak-anak mereka. Mulai tahun itu tidak ada lagi ibu bapa yang cuba menyekat anak-anak mereka daripada dipilih untuk melanjutkan pelajaran ke mana-mana Sekolah Menengah anjuran Kerajaan.<sup>25</sup>

Sungguhpun peluang bagi murid-murid dari Sekolah Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah mulai terbuka pada tahun 1956 tetapi hanya murid-murid yang terbaik sahaja yang berjaya melanjutkan pelajaran; sementara sebilangan besar yang lain tercicir di belakang. Peluang yang luas bagi murid-murid Sekolah Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah hanya terbuka pada tahun 1965 setelah Kementerian Pelajaran Malaysia menghapuskan sistem peperiksaan untuk memasuki Sekolah Menengah.

Sejak tahun 1956 hingga ke tahun 1964 seramai 40 orang murid-murid daripada Sekolah Kebangsaan Manir berjaya melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah baik di dalam mahupun di luar negeri. Pada tahun 1965, tahun pertama sistem peperiksaan memasuki Sekolah Menengah dihapuskan, seramai 29 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Manir telah melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah,<sup>26</sup> iaitu lebih kurang 5 kali ganda daripada kemasukan hitung panjang tahun-tahun sebelumnya. Kebanyakan daripada mereka yang melanjutkan pelajaran pada tahun-tahun tersebut telah pun berjaya di dalam pengajian, dan sekarang bertugas di berbagai-bagai Jabatan Kerajaan, Firma ataupun membuka perusahaan sendiri. Di antara mereka yang berjaya ialah:-

1. Ab. Wahab bin Mohamad
  2. Saidi bin Mohamad
  3. Abdullah bin Ismail
  4. Sayid Habib bin Sayid Ahmad
  5. Ab. Razak bin Muda
  6. Mohamad bin Embong
  7. Taha bin Yusof
  8. Awang bin Idris
  9. Mohd. Taib bin Ab. Rahman
  10. Mohamad @ Jaafar bin Draman
- Guru lepasan Universiti Malaya.
- Guru lepasan Universiti Malaya.
- Pada tahun 1974 bertugas sebagai Pengarah Pemasaran Kumpulan Pertanian Malaysia, sebuah anak syarikat Bank Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur. Lulusan Maktab Pertanian Serdang.
- Pegawai
- Pegawai RISDA.
- Guru Sekolah.
- Guru Sekolah.
- Guru Sekolah.
- Guru Sekolah. Pada tahun 1974 melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya.
- Guru Sekolah.

25 Pada tahun 1952 seorang murid dari Sekolah Melayu Manir telah berjaya terpilih untuk melanjutkan pelajarannya ke Malay College Kuala Kangsar, tetapi kerana sikap fanatik bapanya terhadap agama belieu tidak dibenarkan meneruskan pelajarannya. Wawancara dengan bekas penuntut yang terlibat, Encik Abdul Rahman bin Endut.

26 Buku Rekod Daftar Kemasukan Murid Sekolah Kebangsaan Manir, 1959.

- 11. Wan Nanan bin Ismail
  - 12. Tuan Sifat bt Tuan Baru
  - 13. Ismail bin Abdullah
  - 14. Hafsa bt Ali
  - 15. Fatimah bt Mohamad
  - 16. Tengku Jamaliah bt Chik
  - 17. Aminah bt Muda
  - 18. Azizah bt Majid
  - 19. Yusof bin Abu Bakar
  - 20. Mohd Latif bin Muda
  - 21. Ali bin Jusoh
  - 22. Osman bin Mohd Zain
  - 23. Sayid Abu Bakar bin Ahmad
  
  - 24. Kamaruddin bin Ali
  
  - 25. Kamaruddin bin Jaafar
- Kerani.
  - Guru Sekolah.
  - Guru Sekolah.
  - Guru Sekolah.
  - Jururawat.
  - Guru lepasan Universiti Malaya.
  - Guru Sekolah.
  - Pada tahun 1974 bertugas sebagai Pegawai Pemasaran Maju Ikan, Kuala Lumpur. Lepasan Universiti Malaya.
  - Pembantu Pertanian, Kuala Terengganu. Lepasan Maktab Pertanian Serdang.
  - Pada tahun 1974 melanjutkan pelajaran di Universiti Pertanian Malaysia.

Sejak daripada pertengahan tahun 1950-an hingga ke tahun 1964, ramai murid dari Sekolah Kebangsaan Manir yang tidak berjaya melanjutkan pelajarannya ke Kelas Khas Melayu dan Sekolah Menengah telah menyambungkan pelajarannya ke Sekolah Arab Zainal Abidin, Khairiah dan Tok Jiring. Bilangan mereka adalah lebih ramai daripada yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Inggeris dan Kebangsaan. Di antara bekas-bekas penuntut Sekolah Kebangsaan Manir yang telah melanjutkan pelajaran ke Sekolah Arab Zainal Abidin dan telah berjaya ialah:-

- 1. Ab. Rahman bin Mohamad
  - 2. Mohd. Nor bin Mohamad
  - 3. Ali bin Abu Bakar
  - 4. Ali bin Abbas
  - 5. Yusuf bin Abu Bakar
  - 6. Muda Mohamad
  - 7. Ismail bin Ali
  
  - 8. Harun bin Musa
  - 9. Harun bin Abdullah
  - 10. Wan Wahab bin Othman
- Pesuruhjaya Agama Negeri Terengganu. Lulusan Universiti Azahar, Mesir.
  - Guru Sekolah Arab. Lulusan Universiti Azahar, Mesir.
  - Guru Agama.
  - Guru Agama.
  - Guru Agama.
  - Guru Agama.
  - Guru Sekolah Arab. Sekarang sedang melanjutkan pelajarannya di Universiti Kebangsaan Malaysia.
  - Kerani.
  - Pegawai KEMAS.
  - Pegawai KEMAS.

- |                                 |   |
|---------------------------------|---|
| 11. Mokhtar @ Nik bin Abu Bakar | — Guru Agama.   |
| 12. Sayid Mohamad bin Alwi      | — Pembantu Makmal.  |
| 13. Abdullah bin Mohamad        | — Pada tahun 1974 melanjutkan pelajarannya di Universiti Kebangsaan Malaysia. |
| 14. Mohd. Amin bin Ali          | — Pada tahun 1974 melanjutkan pelajarannya di Universiti Kebangsaan Malaysia. |
| 15. Muzah bt Abu Bakar          | — Guru Sekolah.   |
| 16. Sainah bt Abbas             | — Guru Agama.   |
| 17. Mazni bt Jaafar             | — Pada tahun 1974 melanjutkan pelajarannya di Universiti Kebangsaan Malaysia. |
| 18. Khadijah bt Mohamad         | — Pada tahun 1974 melanjutkan pelajarannya di Universiti Kebangsaan Malaysia. |
| 19. Hasnah bt Hashim            | — Kerani.   |

Di samping mereka yang telah berjaya melanjutkan pelajarannya ke Kelas-kelas Khas Melayu, Sekolah-sekolah Menengah dan Arab, ramai juga bekas penuntut Sekolah Kebangsaan Manir yang telah melanjutkan pelajaran ke Sekolah Grammar, sebuah Sekolah Menengah Inggeris Swasta di Kuala Terengganu. Walaupun begitu tidak ramai daripada mereka yang mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Perkembangan Pelajaran Dewasa juga tidak ketinggalan bagi penduduk-penduduk Kampung Manir yang masih buta huruf. Usaha pertama ke arahnya telah dijalankan oleh Guru Besar Sekolah Kebangsaan Manir, Encik Mohamad bin Din (1954—1958). Beliau telah membuka sebuah kelas malam di Sekolah Manir bagi ibu bapa yang buta huruf. Apabila beliau ditukarkan usahanya telah diambil alih oleh Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar dengan menghantarkan Guru-guru Sekolah Dewasa untuk membimbing mereka yang masih buta huruf.

### **Penutup**

Dengan penghapusan Sistem Peperiksaan Masuk Ke sekolah Menengah mulai tahun 1965, lebih ramai murid dari Sekolah Kebangsaan Manir yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Sekolah-sekolah Menengah dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi baik di dalam maupun di luar negari. Mengikut Guru Besar Sekolah Kebangsaan Manir sekarang (1974), Encik Mustapha bin Said tiap-tiap tahun cuma lebih kurang 10% sahaja murid-murid yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah kerana kemiskinan, dan keciran di peringkat Sekolah Rendah tidak ada langsung.<sup>27</sup>

Di antara penuntut-penuntut Sekolah Manir yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Pusat-pusat Pengajian Tinggi selepas tahun 1965 ialah:-

1. Ab. Wahab bin Musa — Universiti Malaya.

<sup>27</sup> Wawancara dengan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Manir, Encik Mustapha bin Said.

- |                         |                                   |
|-------------------------|-----------------------------------|
| 2. Hashim bin Embong    | — Universiti Malaya.              |
| 3. Mohd. Nawi bin Latif | — Universiti Malaya.              |
| 4. Hashim bin Embong    | — Universiti Teknologi Malaysia.  |
| 5. Yusof bin Salleh     | — United Kingdom.                 |
| 6. Abdul Rahman bin Ali | — Universiti Kebangsaan Malaysia. |
| 7. Mazlan bin Yong      | — United Kingdom.                 |

Sejak dari tahun 1964<sup>28</sup> hingga kini (1974), Sekolah Kebangsaan Manir telah berjaya menghantar lebih daripada 30 orang ke Pusat-pusat Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negari. Ini menunjukkan satu kejayaan cemerlang pernah dicapai dalam bidang pelajaran oleh sebuah kampung luar bandar di Pantai Timur.

Sehingga tahun 1974 Kampung Manir belum lagi mempunyai sebuah Sekolah Menengah walaupun usaha-usaha untuk mendapatkannya telah dijalankan sejak pertengahan 1960-an lagi. Sekolah Menengah yang terdekat terletak lebih kurang 6 batu dari Kampung Manir. Perkembangan pendidikan moden di Manir mungkin akan lebih pesat, maju dan bermakna lagi sekiranya sebuah sekolah menengah yang lengkap dapat dibina di Mukim Manir.

---

<sup>28</sup> Tahun 1964 merupakan tahun pertama seorang penuntut dari Kampung Manir berjaya melanjutkan pelajarannya ke Universiti.

# Perkembangan Sekolah Swasta Di Kuala Terengganu

MOHD. NAZIR BIN ZAINAL\*

## Pengenalan

**K**AJIAN ini dihadkan kepada tiga buah sekolah swasta yang diasaskan di Kuala Terengganu iaitu:

- i) Sekolah Grammar (*The Grammar School*),
- ii) Institut Berakan,
- iii) Institut Ikhwan.

Di samping tiga buah sekolah pendidikan yang termasuk dalam kajian ini, terdapat sebuah lagi sekolah pendidikan swasta yang sama-sama memainkan peranan bagi perkembangan pelajaran swasta di daerah Kuala Terengganu iaitu Maktab Adabi Kuala Terengganu yang ditubuhkan dalam tahun 1973.<sup>1</sup> Maktab Adabi tidak dimasukkan di dalam kajian ini kerana ia adalah cawangan Maktab Kadir Adabi, yang ditubuhkan pada akhir tahun 1969 di Kota Bharu, Kelantan.<sup>2</sup>

Perkembangan sekolah swasta berlaku dengan pesat sekali di Kuala Terengganu pada akhir tahun 1970-an, terutama dengan kembalinya beberapa orang siswazah dari universiti tempatan dan universiti seberang laut yang sedar dan ingin memajukan bidang pelajaran.<sup>3</sup>

## Tujuan Ditubuhkan Sekolah-sekolah Swasta

Bagi kebanyakan sekolah-sekolah swasta di negara ini, tujuan utama penubuhannya ialah hendak menampung murid-murid yang kurang bernasib

- \* Penulis adalah kehulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1982.
- 1. Tentang tarikh pembukaan Maktab Adabi Terengganu terdapat dalam tulisan Rafie Mohamed dalam "Perkembangan Sekolah Swasta di Kelantan" dalam buku *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 246.
- 2. Maktab Adabi Terengganu tetap memainkan peranan penting dalam pendidikan swasta di Kuala Terengganu bersama-sama dengan sekolah-sekolah swasta lain.
- 3. Mereka ini lebih berminat membuka sekolah swasta dari 'makan gaji kerajaan kerana kesedaran untuk berbaik kepada golongan yang tidak berasas baik (yang gagal dalam peperiksaan).

baik sama ada yang gagal dalam peperiksaan atau dengan sebab-sebab tertentu tidak dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah kerajaan. Jadi secara umumnya penubuhan sekolah swasta mempunyai persamaan dari segi tujuan utama. Dan keistimewaan bagi ketiga-tiga buah sekolah swasta ini ialah dapat menampung murid-murid Melayu yang ketinggalan jika dibandingkan dengan bangsa lain di Malaysia ini.

Sekolah Grammar (Sebelum perang Dunia Kedua dikenali dengan nama *The Crown Grammar School*) ditubuhkan pada tahun 1932.<sup>4</sup> Ketua Pegawai Pelajaran Terengganu, Saw Chee Leng dalam kata aluannya melalui majalah SEGAR ada mangatakan "Sekolah ini, sebagai sebuah sekolah persendirian, bahasa pengantar Inggeris yang tunggal dan terkenal di seluruh negeri ini...."<sup>5</sup> Jadi Sekolah Grammar merupakan satu-satunya sekolah persendirian yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pada peringkat awal penubuhannya. Di samping itu, ia juga merupakan "...sebuah sekolah persendirian yang tertua sekali di negeri Terengganu."<sup>6</sup>

### Latar Belakang Penubuhan Sekolah Grammar

Pengaruh pentadbiran British di Terengganu telah membuka jalan kepada pelajaran bahasa Inggeris di Terengganu, khususnya di Kuala Terengganu sejak tahun 1920-an lagi. Sebuah sekolah Inggeris kerajaan telah pun dibuka pada tahun 1926 di sebuah bangsal di perkarian Istana Maziah dengan tiga orang guru.<sup>7</sup> Lepasan sekolah ini tidak mencukupi menampung keperluan kerajaan bagi mengisi jawatan-jawatan rendah dan teknikal. Untuk menampung jawatan-jawatan pertengahan kerajaan Terengganu menghantar sebilangan kecil pelajar lelaki ke King Edward VII School, Taiping.

Di samping itu perdagangan laut dan perhubungan dengan Singapura memainkan peranan besar dalam perkembangan pelajaran Inggeris (Swasta) di Terengganu. Di masa inilah muncul seorang muda dari India dengan kelulusan B.A. (Hons) Madras membuka sebuah sekolah (Inggeris) swasta pada tahun 1932. Beliau ialah Mr. P.C. Isaacs. Dalam usaha pengasasannya, beliau telah dibantu oleh dua orang guru penolong. Menurut kenyataan Mr. P.C. Isaacs, beliau membuka sekolah ini dengan tujuh orang murid sahaja.<sup>8</sup> Pada mulanya sekolah ini bertempat di sebuah bangunan sederhana di Jalan Kampung Daik.<sup>9</sup> Encik Zahid Safian pernah berkunjung ke sekolah tersebut pada waktu ini (1930-an) dan beliau mendapati 'suasana meriah dan gembira' sambil murid-murid mengikuti pelajaran Inggeris. Bilangan murid-murid kemudian meningkat dan dianggarkan berjumlah 80 hingga 90 orang pada akhir tahun 1930-an. Kebanyakan murid-murid adalah dari bangsa Melayu dan Cina. Yuran bulanan sekolah pada ketika itu ialah

4. Nama asal Sekolah Grammar ialah "*The Crown Grammar School*" tapi selepas perang dunia kedua, ditukar kepada *Grammar School* @ Sekolah Grammar.
5. Dari majalah *SEGAR*, majalah tahunan Sekolah Grammar tahun 1968, melalui ruangan 'Kata-kata Aluan' Ketua Pegawai Pelajaran Terengganu, Saw Chee Leng.
6. Ibid.
7. Jumlah murid dan tahun berdasarkan kepada ingatan Zahid Safian melalui temuramah dengannya pada 14 Mei 1981.
8. P.C. Isaacs pernah memberi tahu pada Zahid Safian tentang bilangan muridnya semasa Sekolah Grammar mula dibuka.
9. Sekolah Grammar sentiasa dipindahkan untuk mendapatkan tapaknya yang lebih sesuai.

seringgit lima puluh sen seorang. Dikatakan sumber kewangan yang diperolehi hanya cukup untuk membayar gaji guru-guru dan sewa rumah.

Kemudiannya *The Crown Grammar School* mendapat perhatian Pejabat Pelajaran dan Setiausaha Kerajaan dari masa ke semasa terutama dalam tahun-tahun 1931 hingga 1941 iaitu sebelum Perang Dunia Kedua meletus.

Apabila Jepun melanggar Tanah Melayu pada tahun 1941 dan seterusnya pentadbiran British berakhir buat sementara waktu, (Zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu) *The Crown Grammar School* terpaksa ditutup buat sementara waktu. Pada waktu ini Mr. P.C. Isaacs telah menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menampung perbelanjaan keluarganya. Jelasnya di zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu *The Crown Grammar School* ditutup sama sekali.

Bila Jepun berundur dari Tanah Melayu, P.C. Isaacs telah berusaha semula membuka sekolahnya. Setelah mendapat kebenaran dari pentadbiran B.M.A. (British Malaya Administration), maka pada Oktober 1945lah semula *The Crown Grammar School* dulu dan kini dikenali dengan nama baru *The Grammar School*. Ia lebih dikenali dengan nama Sekolah Grammar. Di masa ini Mr. P.C. Isaacs telah menjemput Encik Zahid Safian sebagai guru penolongnya.

### Sekolah Grammar Selepas Tahun-tahun 1945—1970

Selepas perang Sekolah Grammar telah dipindahkan ke sebuah rumah kediaman biasa yang sederhana besarnya, di Jalan Banggol Kuala Terengganu. Bilangan muridnya telah meningkat kepada 150 orang. Pertambahan bilangan murid adalah akibat daripada pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Di zaman ini ramai murid-murid yang tersekat peluang meneruskan pelajarannya kerana pendudukan tentera Jepun.

Mr. P.C. Isaacs masih meneruskan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar. Kurikulum pelajaran adalah sama seperti mana yang terdapat di sekolah-sekolah kerajaan iaitu:

- i) *English-Reading* dan *Writing*,
- ii) *Mathematics*,
- iii) *History*,
- iv) *Geography*,
- v) *Art*.

Mata pelajaran di atas diadakan pada waktu pagi, kecuali mata pelajaran *English-Reading* dan *Writing* diadakan pada waktu petang dan hanya dikhaskan kepada murid-murid yang telah lewat umur. Bilangan tenaga pengajar pada masa ini telah meningkat 4 orang, yang ditugaskan mengajar pagi dan petang. Pihak Sekolah Grammar juga telah menaikkan yuran bulanan murid-murid kepada \$5.00 seorang.

Dalam bulan Mei, 1947, Mr. P.C. Isaacs telah berjaya menyewa bekas bangunan Pejabat Kebajikan Masyarakat di Padang Wakaf. Pada tahun 1948, Pesuruhjaya Tanah dan Galian Terengganu telah menawarkan sebidang tanah di Lereng Bukit Kecil, di Lorong Lanjut.<sup>10</sup> Bila B.M.A. tamat, pihak

10. Hingga kini tapak Sekolah Grammar masih kekal di sini.

berkuasa telah melelong bangunan yang diduduki oleh Sekolah Grammar di Padang Wakaf, tetapi Mr. P.C. Isaacs telah berjaya menyambut lelong itu, dan manakala Sekolah Grammar dipindahkan ke tapak barunya di Lorong Lanjut, bangunan kayu yang dibeli dari B.M.A. itu pun dipindahkan ke tapak barunya.

Menjelang tahun 1956, bilangan murid yang menuntut di Sekolah Grammar semakin meningkat. Mereka ini bukan saja datang dari negeri Terengganu malah juga dari negeri-negeri lain.<sup>11</sup> Pihak pantadbir terpaksa mendirikan bangunan tambahan untuk menampung bilangan murid-murid yang ramai itu. Untuk tujuan itu pihak guru-guru dan kakitangan sekolah telah mengadakan satu pesta ria bagi mengutip derma untuk mendirikan bangunan tambahan. Dalam hal ini Sekolah Grammar telah mendapat kerjasama dari Radio Malaya yang telah menghantar empat orang artis bagi membantu menjayakan pertunjukkan tersebut. Artis-artis itu terdiri daripada Jamaluddin Hj. Alias, Kamaruddin Ahmad, Asiah Tuah dan Mastura Ashaari.

Terdapat dua faktor yang menyebabkan kemasukan beramai-ramai pelajar ke Sekolah Grammar. Pertama ialah keciciran, iaitu murid-murid darjah enam sekolah kerajaan yang gagal masuk ke tingkatan satu sekolah kerajaan. Kedua ialah kejayaan Sekolah Grammar dalam ujian *Lower Certificate of Education* (LCE) dalam tahun 1957 di mana Sekolah Grammar telah mendapat kejayaan yang besar bila mana 25 orang muridnya dari 26 orang yang mengambil peperiksaan tersebut telah lulus. Berikutan dengan kejayaan itu, Mr. P.C. Isaacs telah menulis surat kepada kerajaan meminta bantuan bangunan. Kerajaan Terengganu bersetuju memberi satu bangunan yang mengandungi tiga bilik darjah berhadapan dengan bangunan besar untuk digunakan oleh Sekolah Grammar selagi sekolah ini wujud.

Sekolah Grammar terus berkembang di tahun-tahun berikutnya. Perkembangan ini dapat dilihat dari segi semakin bertambahnya bilangan kelas dan jumlah murid-muridnya.

**Jadual I**  
**Bilangan kelas, murid laki-laki dan**  
**perempuan di Sekolah Grammar**  
**dalam tahun 1968**

Tingkatan	Bil. Kelas	Jum. Murid Per.	Jum. Murid Lelaki	Jum. Semua
I	1	5	31	36
II	1	9	32	41
III	4	68	104	172
IV	1	10	23	33
V	1	19	21	40
	8	111	211	322

*Sumber: SEGAR, 1968 — Majalah Tahunan Sekolah Grammar.*

11. Murid-murid dari luar Terengganu yang menuntut di sini biasanya kerana mengikut keluarga mereka yang bertugas di sini.

Berdasarkan jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa Sekolah Grammar telah mengalami perkembangan dari segi jumlah murid dan bilangan kelas. Jumlah murid yang seramai 322 orang itu menunjukkan bahawa Sekolah Grammar telah mendapat sambutan yang manggalakkan dari masyarakat. Bertambahnya bilangan murid ini mungkin juga kerana nama baik sekolah ini segi kejayaannya dalam peperiksaan.<sup>12</sup>

Menurut Saw Chee Leng, "Sekolah ini...telah banyak membuat jasa dan perkhidmatan kepada masyarakat di kawasan ini dalam lapangan pelajaran. Dengan adanya sekolah ini ramai murid-murid telah mendapat peluang mengambil peperiksaan L.C.E. dan *School Certificate*.<sup>13</sup>

Dari segi pentadbiran, kuasa mutlak adalah di tangan pengasasnya iaitu Mr. P.C. Isaacs. Untuk melicinkan pentadbiran sekolah, beliau telah membentuk Badan Pengawas. Berikut ialah nama jawatan dan mereka yang memegang jawatan dalam Badan Pengasas Sekolah Grammar di tahun 1968.<sup>14</sup>

Pengetua .....	Mr. P.C. Isaacs
Penasihat .....	Mr. Harry Isaacs
Penolong Penasihat.....	Wan Mohd bin Ngah
Kapten Sekolah.....	Amran bin Hassan
Ketua Pengawas (Lelaki).....	Osman bin Ali
Ketua Pengawas (Per.).....	Fatimah Noraidah bin Ali
Penolong Ketua Pengawas (Lelaki).....	Mohd bin Omar
Penolong Ketua Pengawas (Per.).....	Foo Yee Eng
Setiausaha .....	S. Chandra Mohandas

Di samping itu Mr. P.C. Isaacs juga dibantu oleh guru penolong, dan tidak ketinggalan juga kerjasama yang diberi oleh para guru yang mengajar di situ.

Jadi sehingga tahun-tahun 1960-an Sekolah Grammar tetap memainkan peranan yang penting dalam memberikan pendidikan kepada para pelajarinya, dan seterusnya membuka ruang kepada kejayaan murid-murid Sekolah Grammar. Hal ini jelas seperti yang dinyatakan oleh Mr. P.C. Isaacs selaku Pengetua Sekolah Grammar dalam cenderamata SEGAR:

The number of successful averaged candidates that passed through the threshold of this Institution is many and can be seen in clerical administrative, legal and defence services. These successful ones are the pillars of the school.

### Kegiatan Sukan dan Extra-Mural Activities di Sekolah Grammar

SELAIN dari lapangan pelajaran, murid-murid Sekolah Grammar juga mengambil bahagian yang cergas dalam lapangan sukan. Setiausaha sukan Sekolah Grammar (1968), Wan Mohd bin Ngah melaporkan:

- 
12. Sesingga 1960-an, Sekolah Grammar memonopoli bidang pendidikan swasta di Kuala Terengganu.
  13. Dari majalah *SEGAR*.
  14. Ibid.
  15. Ibid.

Although we do not have a field of our own to train on, we managed to hold a grand meet. This is mainly due to the enthusiasm of the pupils. A number of old records were broken by some of our athletes who had previously participated in the state A.A.A. and the Combined School Sports.

Di antara tokoh-tokoh sukan Sekolah Grammar ialah Kamaruzaman Yusuf dan Kah Boon Lee. Mengenai mereka dicatatkan:

At the Malaysian Schools Athletic Championships held in Alor Star this year, our athlete, Kamaruzaman Yusuf represented the state at the meet. Kah Boon Lee represented the state in badminton at the Malaysian Schools Open Championship held in Ipoh.

Sementara itu dalam perlawanan bola sepak antara sekolah-sekolah di Terengganu murid-murid sekolah ini juga mengambil bahagian. Wan Mohd melaporkan kegiatan bola sepak seperti berikut:

The School Ist XI comprising of the upper secondary pupils took part in a number of friendly matches with local teams and they were usually victorious. At the Combined School Soccer Tournament, at Dungun, our school team managed to enter into the semi-final.

Kejayaan ini, walaupun tidak seberapa, namun bagi murid-murid sekolah ini, ia merupakan kejayaan yang memberi makna memandangkan mereka tidak mempunyai kemudahan berlatih, khususnya kerana ketiadaan padang permainan di sekolah mereka.

Sekolah Grammar juga pernah memenangi acara sepak takraw. Menurut Setiausaha sukannya, "The school team won this years championship held at Besut. They beat the other secondary school to win the challenged cup."<sup>19</sup>

Dalam lapangan 'extra-mural activities', seperti Pasukan Pengakap, Palang Merah dari sekolah ini telah pernah memberi perkhidmatan mereka yang baik apabila dikehendaki. Pengerusi Pasukan Palang Merah, Raja Kamrin bin Raja Harun menyatakan, "We have served at several public functions ceremonies, attended courses and excursions."<sup>20</sup> Persatuan Palang Merah sekolah ini telah mengambil ramai pelajar-pelajarnya untuk memasuki Persatuan Palang Merah Negeri, dan seramai 70 orang peserta sekolah ini telah menyertainya kemudian.

Dalam pertengahan tahun 1964, sekolah ini telah menubuhkan Pasukan St. John Ambulance Brigade ke-4.<sup>21</sup> Di masa ini pemimpinnya ialah Div. Supt. Nordin bin Wahab dengan keahlian seramai 60 orang.<sup>22</sup> Pada tahun 1966 jawatan tersebut telah diambil alih oleh Div. Officer Mohd Akib Ismail. Pasukan ini telah berjaya memberikan perkhidmatannya yang tersendiri. Laporan Setiausaha St. John Ambulance dalam majalah SEGAR:

- 
16. Ibid.
  17. Ibid.
  18. Ibid.
  19. Ibid.
  20. Ibid.
  21. Ibid.
  22. Ibid.

...the aim of this association among others are to render service to the whole human race, irrespective of colour, creed, race and religion, who are in the constant need of direction in difficulties like fainting, giddiness, drunkenness and the like.<sup>23</sup>

Pada tahun 1950 Sekolah Grammar telah menubuhkan Pasukan Pengakap kumpulan 12 dan merupakan satu-satunya Pasukan Pengakap yang tertua di negeri Terengganu.<sup>24</sup> Pada tahun 1966, buat pertama kalinya telah diadakan Minggu Kerja Pengakap. Pada 28.2.1958, tiga orang penolong pemimpin Pasukan Pengakap Kumpulan 12 telah menerima sijil dari Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Ibrahim Fikri. Mereka terdiri daripada:

- i) Alias Mohd Nor
- ii) Mohd bin Omar
- iii) Suhaimi bin Awang

Dalam tahun 1968 seramai 21 orang *Senior Scout* telah menerima Sijil Kelas Pertama.<sup>25</sup> Pada 5 Ogos 1968, lima orang *Senior Scout* dari kumpulan ini telah mengadakan lawatan ke Dungun, Kemaman dan Kuantan dengan menaiki basikal dan diketuai oleh Penolong Pemimpin pasukan ini, Mohd bin Omar. Beliau telah dibantu oleh Murad bin Long.<sup>26</sup> Selama tiga malam mereka berada di *Sea-Scout Centre* Teluk Cempedak.

Kalau diperhatikan disini, murid-murid Sekolah Grammar selain dari tekun dan berusaha dalam menghadapi pelajaran, mereka juga membuktikan kebolehan dan bergerak cergas dalam lapangan sukan dan *extra-mural activities*.

Selain dari pertubuhan badan-badan di atas, Sekolah Grammar juga telah menubuhkan Badan Kebudayaan Melayu (BKM) pada tahun 1963. Dalam majalah *Segar* di bawah tajuk 'Corat-coret Badan Kebudayaan Melayu' ada menerangkan bahawa tujuan penubuhannya ialah "... berjuang untuk meninggikan kesenian Melayu, di samping mengasuh bakat-bakat seni yang sedia ada di dalam sanubari penuntut-penuntut Melayu di sekolah ini."<sup>27</sup>

Melalui BKM ia telah memberi peluang yang luas dan kesempatan yang baik bagi mereka untuk meninggikan lagi taraf dan mutu hasil-hasil sastera, dan persuratan. Badan ini telah mementaskan beberapa buah drama pentas seperti 'Dang Wati', 'Seri Teratai', 'Sri Mawar', dan 'Sri Lembayong'. Semua pementasan ini dijаяkan oleh murid-murid sekolah ini di dewan sekolah mereka; kecuali drama 'Sri Lembayong' yang dipentaskan di Padang Maziah kerana menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Terengganu. Di samping itu beberapa kegiatan lain juga telah dilanjurkan oleh BKM. Antaranya ialah mengadakan 'Malam Puspa Irama' pada 12 Disember 1964 di Dewan Badminton Kuala Terengganu kerana memungut derma untuk Tabung Negara. Pihak Badan ini telah menderma kepada Tabung Negara sebanyak \$548.10 yang disampaikan oleh Menteri Besar Terengganu. Pada 8 Oktober 1965, 'Taman Selera' diadakan untuk memungut derma 'Yayasan Tengku

23. Ibid.

24. Ibid.

25. Ibid.

26. Ibid.

27. Ibid.

Abdul Rahman'. Badan ini telah menderma sebanyak \$306.65.

Pada 16 Februari 1967, Badan ini mengadakan satu pertunjukan tablo nyanyian dan tarian di Hotel *Hoover* kerana mengambil sempena penutup Minggu Perpaduan. Di samping itu, Badan ini juga banyak mengadakan peraduan syaran, berbalas pantun dan berbahas di kalangan murid-murid Melayu dan bukan Melayu. Ahli-ahli Badan ini juga menyertai peraduan-peraduan bahas yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah menengah Kuala Terengganu. Juga memberi sumbangan dalam acara tarian dalam Majlis-majlis Diraja amnya dan masyarakat Terengganu khasnya. Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa BKM ini satu daripada pertubuhan murid-murid yang cergas di sekolah ini.

Sehingga lewat tahun 1960-an murid-murid Sekolah Grammar bukan saja telah bergerak cergas dalam bidang sukan dan lapangan *extra-mural activities*, malahan juga menunjukkan prestasi yang baik dalam lapangan pelajaran. Mengenai perkara ini dijelaskan oleh Datuk Ibrahim Fikri seperti berikut:

Hingga hari ini Sekolah Grammar telah berjalan dengan baik, dan kemajuan yang dicapai oleh penuntut-penuntut sekolah ini dalam lapangan pelajaran adalah memuaskan.<sup>28</sup>

### Sekolah Grammar Di Tahun-tahun 1970—1981<sup>29</sup>

Dalam tahun-tahun ini khususnya di akhir-akhir tahun 1970-an, Sekolah Grammar telah mulai mendapat persaingan dari beberapa buah sekolah swasta yang baru muncul. Antara sekolah-sekolah swasta tersebut ialah Maktab Adabi, Institut Berakan, Institut Ikhwan dan Yayasan Islam. Kesemua sekolah-sekolah ini bertempat di Kuala Terengganu.

### Pentadbiran Di Sekolah Grammar

Dari segi pentadbiran kuasa mutlak tetap di tangan pengasasnya iaitu Mr. P.C. Isaacs. Mulai tahun 1974, jawatan pengetua kemudian diambil alih oleh Mr. Harry Isaacs.<sup>30</sup> Jawatan tersebut terus dipegang olehnya hingga kini. Pengetua tetap menjadi jawatan yang paling tinggi. Beliau dibantu oleh beberapa orang yang dilantik seperti Guru Penolong. Di samping itu, bagi mengawasi hal pelajaran dan sekolah, adalah menjadi tugas pengetua, guru dan murid-murid melalui badan berdisiplin dan pertubuhan di luar bilik darjah seperti Badan Pengawas.

### Sumber Kewangan Sekolah Grammar

Dalam mentadbirkan sekolah-sekolah swasta, kewangan merupakan faktor yang amat penting. Salah satu sumber kewangan yang penting ialah melalui yuran murid-murid.<sup>31</sup> Bayaran pendaftaran bagi semua tingkatan

28. Ibid.

29. Penulis gagal mendapatkan data-data secara terperinci tentang i) bilangan guru, kelulusan dan gaji, ii) bilangan murid laki-laki dan perempuan, iii) keputusan peperiksaan.

30. Beliau berkelulusan B.Sc. (London) dan menjadi pengetua bila ayahnya P.C Isaacs meninggal dunia tahun 1974.

31. Yuran yang ditetapkan ini ialah yuran murid 1981.

ialah \$19.00.<sup>32</sup> Selain daripada itu mereka dikenakan bayaran bulanan, dan jumlah seperti jadual.

**Jadual II**  
**Yuran Bulanan Murid Sekolah Grammar**

Tingkatan	Yuran Bulanan (\$)
VI atas dan bawah	30.00
V	20.00
IV	17.00
III	15.00

Sumber-sumber kewangan lain di antaranya ialah dengan mengadakan pertunjukan pentas, persembahan kebudayaan, tayangan gambar, dan pesta ria. Jadi inisiatif yang diambil oleh pihak pentadbir, guru-guru dengan kerjasama murid-murid sekolah penting untuk menambahkan sumber kewangan. Walau bagaimanapun yuran murid-murid adalah satu-satunya sumber kewangan yang tetap.

**Jadual III**  
**Bilangan Kelas Sekolah Grammar 1981**

Tingkatan	Bilangan Kelas
VI atas	1
VI bawah	1
V	7
IV	2
III	5
	16

Jumlah purata murid-murid tiap-tiap kelas ialah 40 orang.

### **Masalah Yang Dihadapi**

Masalah yang paling besar ialah kekurangan guru-guru berijazah.<sup>33</sup> Mereka ini diperlukan untuk mengajar di kelas menengah atas. Di samping itu guru-guru berijazah amat diperlukan di sekolah swasta terutama untuk mendapatkan keyakinan penuntut dan orang ramai tentang kemampuan sekolah tersebut. Berlakunya kekurangan guru-guru berijazah kerana niat mereka mengajar di sini hanya sebagai 'kerja sementara.' Perkara ini berlaku

32. Bagi semua tingkatan.

33. Masalah ini amat sukar diatasi. Pihak sekolah terpaksa menanggung beban dan kesan. Dan ia menjadi masalah umum bagi kebanyakan sekolah-sekolah swasta.

setiap tahun. Ini sudah tentu akan menjelaskan pelajaran murid-murid di samping itu sukar pula untuk mendapatkan guru pengganti dengan cepat. Jadi yang menerima akibat buruk ialah murid-murid.

Bagi pengambilan guru-guru lulusan SPM dan STP, masalahnya tidaklah begitu rumit sebab ramai orang yang berkelulusan demikian dan sanggup pula mengajar di sekolah-sekolah swasta. Masalah yang timbul di peringkat ini cuma untuk mendapatkan kesanggupan guru itu berkhidmat dengan jangka masa yang ditetapkan.

Kewangan juga merupakan masalah besar. Ini kerana ramai murid yang gagal menjelaskan yuran dalam masa yang ditetapkan. Seterusnya ini akan menimbulkan masalah pentadbiran.<sup>34</sup> Dan seperti yang berlaku di sekolah-sekolah swasta yang lain, ada juga murid-murid yang meninggalkan sekolah kerana tidak mampu membayar yuran.<sup>35</sup> Berlakunya perkara ini kerana sebilangan besar murid-murid datang dari keluarga miskin dan dari luar bandar. Mereka ini juga terpaksa membeli buku-buku teks dan peralatan sekolah yang lain. Di samping itu mereka terpaksa menghadapi kos hidup yang lebih tinggi di bandar berbanding dengan di desa. Seorang murid yang menuntut di tingkatan III di sekolah ini terpaksa menyewa bilik dengan lapan orang kawan yang lain kerana gagal mendapatkan rumah.<sup>36</sup>

Sekolah Grammar mempunyai sebuah perpustakaan sendiri dengan bilangan buku rujukan dan buku bacaan yang agak memuaskan. Murid-murid sekolah ini menggunakan padang yang berhampiran dengan sekolah mereka. Ini kerana Sekolah Grammar tidak mempunyai padang permainan sendiri.

Kebanyakan murid adalah lemah. Untuk mengatasi masalah ini kelas-kelas tambahan diadakan pada hari Sabtu, juga diadakan pada tiap-tiap petang bila peperiksaan hampir tiba, khususnya kepada penuntut tingkatan III, V dan VI atas. Kelas tambahan adalah kelas untuk memberi nota dan mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan masalah pelajaran.

### **Institut Berakan: Penubuhan dan Pentadbiran**

Institut Berakan ditubuhkan oleh sekumpulan siswazah tempatan pada tahun 1977 atas kesedaran mereka untuk meningkatkan mutu pelajaran dan pendidikan negara. Mereka terdiri dari Abu Bakar Chik, (UKM-B.A. Hons & Dip. Ed.), Abu Bakar Abdullah (B.A. Hons. UKM), Rashid Umar (Kolej Islam Malaya), Safinah Yusuf (ITM) dan juga Raja Endun Abdul Rahman (ITM).

Institut Berakan terletak di alamat 340, Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu. Bangunan Institut Berakan (berbentuk rumah) disewa, yang kemudian diubahsuai dengan kelas setelah mendapat kelulusan Pejabat Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Pengasasan Institut Berakan, berdasarkan perkongsian (partnership).

Adalah juga menjadi tujuan penubuhan Institut Berakan untuk memben-

34. Masalah pentadbiran ialah berkaitan pembayaran gaji kakitangan sekolah akibat dari masalah mendapat duit yuran.

35. Mereka juga terpaksa meninggalkan sekolah kerana sebab-sebab lain seperti kemiskinan, masalah pengangkutan, sukar mendapat sewa rumah yang murah dan lain-lain.

36. Temuramah dengan seorang penuntut, Tengku Mad bin Tengku Lah, pada 13 Mei 1981.

tuk dan meahirkan pelajar yang benar-benar berilmu, beriman dan beramal.<sup>37</sup> Di samping itu kewujudan Institut Berakan menambahkan satu lagi sekolah swasta di Kuala Terengganu dan seterusnya dapat menampung pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik, yang gagal masuk ke sekolah kerajaan kerana sebab-sebab tertentu.

Pentadbiran di Institut Berakan dijalankan secara perkongsian. Di bawah badan ini diwujudkan jawatan-jawatan yang tertentu yang secara hierarki; paling atas ialah jawatan Pengarah, kemudian diikuti dengan jawatan Pengetua, Pendaftar, Pegawai Kewangan, Bendahari, Pegawai Harta Benda, Penolong Pendaftar dan Setiausaha Jawatankuasa Akademik. Setiausaha Jawatankuasa Akademik terdiri daripada Jawatankuasa Disiplin, Jawatankuasa Pembangunan, Majlis Pelajar, Pengawas dan Unit Surau. Juga ditubuhkan Unit Penerangan, Unit Kebajikan, Unit Perpustakaan dan Galakan Bacaan, Unit Perkhidmatan Awam dan Pusat Perkhidmatan Pelajar.

Jadi tugas Badan Pentadbiran ialah sebagai penggerak kepada perkembangan Institut Berakan.

#### Sumber Kewangan Institut Berakan

Institut Berakan mendapatkan sumber kewangan semata-mata dari yuran yang dikenakan ke atas pelajar-pelajarnya. Jumlah yuran yang dikenakan dapat diperhatikan dalam Jadual IV.

**Jadual IV**  
**Yuran Bulanan Institut Berakan 1981**

Tingkatan	Yuran Bulanan (\$)
VI atas dan bawah	30.00
V	20.00
IV	17.00
III	12.00

Selain dari yuran bulanan yang dikenakan ke atas murid-murid, pihak Institut Berakan juga mengenakan yuran pendaftaran sebanyak \$5.00 seorang dan \$10.00 sebagai bayaran yuran tahunan.<sup>38</sup>

#### Bilangan Murid Kelas dan Guru di Institut Berakan

Semasa Institut Berakan mula ditubuhkan, bilangan murid-muridnya ialah seramai 350 orang. Pada tahun 1978, jumlah murid-muridnya meningkat ke angka 500 orang, dan di tahun 1979, jumlah muridnya terus bertambah kepada 700 orang. Pertambahan ini adalah kerana dasar pendidikan-

37. Kata-kata ini menjadi slogan bagi Institut Berakan.

38. Yuran pendaftaran dan yuran tahunan yang dikenakan pada semua tingkatan adalah sama.

nya yang seimbang di antara bidang akademik dengan pendidikan akhlak Islamiah.”

### Jadual V Bilangan Kelas Institut Berakan

Tingkatan	Bilangan Kelas
VI atas	2
VI bawah	2
V	9
IV	1
III	2

Jumlah purata murid-murid untuk setiap kelas ialah 40 orang.

Jumlah guru pada awal penubuhannya ialah 17 orang. Selepas tahun 1978, jumlah gurunya meningkat kepada 23 orang selaras dengan bertambahnya bilangan murid-murid.

Institut Berakan menyediakan tiga aliran iaitu:

- i) Sijil Rendah Pelajaran (Aliran Arab dan Sastera).
- ii) Sijil Pelajaran Malaysia (Aliran Arab, Sastera dan Sains).
- iii) Sijil Tinggi Persekolahan (Aliran Arab dan Sastera).

### Sambutan Masyarakat Terhadap Institut Berakan

Sambutan masyarakat pada sekolah ini pada umumnya amat baik. Masyarakat meminati Institut Berakan kerana dasar pendidikannya yang seimbang di antara bidang akademik dengan pendidikan akhlak. Institut Berakan misalnya mengadakan kelas fardu ain dengan percuma dari masa ke semasa di bawah bimbingan guru agama yang dedikasi. Di samping mempunyai identiti yang tersendiri itu, sambutan masyarakat yang baik ke atas Institut Berakan juga disebabkan oleh beberapa faktor lain. Faktor yang pertama ialah golongan pengasas Institut Berakan bukan sahaja dari orang yang berijazah semata-mata malah mereka mempunyai azam yang kukuh untuk menyebarkan pendidikan yang serius. Faktor yang kedua ialah Institut Berakan amat menitikberatkan hubungan baiknya dengan masyarakat. Faktor yang ketiga ialah pelajar-pelajar dari Institut Berakan telah dapat menunjukkan teladan berdasarkan akhlak Islam. Faktor keempat ialah kejayaan Institut Berakan di dalam peperiksaan. Sambutan masyarakat yang menggalakkan terhadap Institut Berakan jelas dapat dilihat dari pertambahan bilangan pelajarnya. Untuk mengatasi masalah ramainya pelajar memohon mendapatkan tempat, Institut Berakan membuat pemilihan berdasarkan kriteria-kriteria tertentu.

39. Pihak pentadbirnya terpaksa memilih calon-calon yang ingin belajar di sini dengan cara temuduga. Ini kerana permintaan amat ramai sedangkan tempat terhad.

### **Kejayaan Dalam Peperiksaan<sup>40</sup>**

Institut Berakan telah mencapai kejayaan yang cemerlang, khususnya dalam keputusan SPM aliran sains tahun 1980 dengan mendapat peratus kelulusan 86.4%.

Pangkat I..... 3 orang

Pangkat II..... 64 orang.

Pelajar terbaik:

Lelaki:  
Alias bin Mohd — aliran Sains.  
Aziz bin Muda — aliran Sastera.  
Ismail bin Embong — aliran Arab.

Perempuan:  
Zaharah binti Ngah — aliran Sains.

Ramlah binti Abdul Rahmah — aliran  
Sastera.

Zaipah binti Omar — aliran Arab.

Institut Berakan juga telah mencapai keputusan yang baik di tahun-tahun yang sebelumnya iaitu:

SPM, 1978: 83.6% lulus

SPM, 1979: 92.1% lulus

### **Masalah Yang Dihadapi dan Cara Mengatasinya**

Seperti juga sekolah-sekolah swasta lain, Institut Berakan juga menghadapi masalah dalam perkembangannya. Masalah utama yang dihadapi ialah kesukaran untuk mendapatkan guru-guru yang benar-benar ingin bertugas dan memahami kehendaki Institut Berakan. Sebagai sebuah sekolah swasta yang mengambil berat terhadap pendidikan akhlak Islamiah, Institut Berakan amat memerlukan guru yang mampu menyampaikan pelajaran dan akhlak Islam. Juga Institut Berakan mengahadapi masalah guru berijazah yang ingin bekerja tetap. Wujudnya masalah ini kerana gaji mereka tidak dapat dibayar seperti skim gaji kerajaan, sedangkan mereka lepasan universiti dan seboleh-bolehnya ingin mendapat bayaran yang memuaskan.

Institut Berakan juga menghadapi masalah kewangan. Ini kerana sumber kewangan Institut ini hanya bergantung semata-mata pada yuran murid. Setengah pelajar Institut ini adalah dari golongan miskin, hingga menyebabkan 35% daripada murid-muridnya selalu sulit untuk membayar yuran.<sup>41</sup> Jadi pihak Institut Berakan terpaksa memberi tempoh tangguhan kepada murid-murid yang tidak dapat menjelaskan yuran kerana terlalu miskin dengan cara melepaskan yuran terhadap murid tersebut.

Masalah seterusnya yang dihadapi oleh Institut ini ialah kelemahan murid-murid. Masalah ini termasuklah: kecerdasan yang rendah, masalah keluarga, kekecewaan, kemiskinan dan penyakit. Juga Institut ini kekurangan bahan bacaan di perpustakaan kerana kekurangan wang, tambahan pula penuntutan-

40. Berdasarkan kertas 'iklan' yang dikeluarkan oleh Instituti Berakan untuk pengambilan murid tahun 1981.

41. Kenyataan ini diakui oleh pengetuanya sendiri semasa ditemuramah pada 15 Mei 1981.

penuntut di Institut ini adalah dari beberapa aliran yang memerlukan bahan-bahan bacaan yang berbagai.

Institut Berakan tidak mempunyai padang permainan. Pihak Pengetua Institut ini menganggap ketiadaan padang permainan sebagai bukan satu masalah. Menurutnya, Institut ini tidak menumpukan kepada 'extra-mural activities' sebab ada cara lain untuk diselesaikan sendiri oleh murid itu. Menurut Abu Bakar Chik,<sup>42</sup> pergerakan harian para pelajar menyebabkan mereka boleh melakukan latihan sendiri. Apa yang penting bagi Institut Berakan, ialah bagaimana ia membuat 'extra-mural activities'. Dalam hal ini, institut ini telah menubuhkan dua bahagian:

i) Bersifat akademik.

ii) Bersifat non-akademik.

Yang bersifat akademik seperti pembentukan 'study-group' dan kelas khas untuk bimbingan akhlak dan pelajaran. Juga diadakan 'discussion group' sebagai cara untuk seorang murid membuat penilaian terhadap dirinya. Kegiatan non-akademik pula ialah perkhidmatan kepada masyarakat, kerja-kerja luar, perkelahan, kerja-kerja kebajikan dan yang bersangkutan dengannya. Dalam usaha menguruskan persekolahan Institut ini menghadapi masalah khususnya soal tempat dan bangunan. Bangunan yang ada sekarang merupakan bangunan berbentuk rumah biasa yang disesuaikan menjadi pejabat dan kelas.

Pihak Institut Berakan cuba menyelesaikan masalah-masalah tadi dengan mengambil beberapa daya usaha. Untuk mendapatkan guru yang bekerja tetap dan yang berijazah, pihak Institut ini memberi biasiswa kepada pelajar yang dapat melanjutkan pelajaran tinggi mereka di universiti-universiti tempatan untuk berkhidmat dengan Institut ini nanti. Bagi murid-murid yang miskin, Institut ini melepaskan bayaran yuran. Bagi menghadapi pelajar yang lemah, mereka diberi motivasi, termasuk memanggil guru-guru luar untuk membantu murid-murid ini.<sup>43</sup> Murid-murid yang sakit diberi tempat di asrama, dijaga dan diberi perhatian. Murid-murid yang terlalu emosional, diletakkan di asrama, diberi kefahaman bahawa masa yang akan menyelesaikan masalah mereka. Jadi ia tidak perlu terlibat dengan masalah dan seharusnya menumpu perhatian kepada pelajaran mereka. Masalah kekurangan bahan-bahan bacaan di perpustakaan, pihak Institut Berakan mengharapkan derma dari guru dan pelajar, selain dari peruntukan sekolah. Masalah-masalah lain diselesaikan berdasarkan kemampuan yang ada.

Untuk memastikan yang Institut ini terus memegang rekod kejayaannya, Institut ini mengadakan kelas seminar, ceramah dan seminar pelajaran SRP, SPM dan STP dari masa ke semasa di bawah bimbingan guru-guru yang berpengalaman dalam memeriksa kertas soalan. Di samping itu, kelas-kelas tambahan secara percuma diadakan terutama kelas-kelas Bahasa Arab, Syariah, dan Usuluddin. Dalam usaha meninggikan lagi mutu pelajaran di Institut ini, pihak Institut Berakan berusaha untuk mendapatkan sokongan pensyarah-pensyarah dari Universiti Islam Madinah, Universiti of Petroleum

42. Kenyataan yang dibuat berdasar temuramah penulis dengannya pada 15 Mei 1981.

43. Pihak sekolah ada menjemput pensyarah-pensyarah dari universiti-universiti tempatan untuk memberi ceramah dan membantu murid-murid dibidang pelajaran.

(Arab Saudi), dan Universiti Cairo (Mesir).

### **Institut Ikhwan**

Penubuhan Institut Ikhwan sebagai sebuah sekolah swasta dilakukan oleh orang yang tidak terlibat secara langsung dalam arena pendidikan di sekolah tersebut. Jadi Institut ini adalah satu perniagaan baginya (Lembaga Pengarah). Penubuhan Institut ini dilakukan oleh satu jawatankuasa yang terdiri dari lima belas orang guru dari sekolah kerajaan. Institut Ikhwan memulakan penggal pertamanya pada Januari 1979.

Tujuan penubuhannya (sama dengan sekolah-sekolah swasta lain) iaitu untuk dapat melanjutkan pelajaran ke universiti. Semua perjalanan pentadbiran Institut ini adalah di bawah Lembaga Pengarah. Beberapa jawatan diwujudkan seperti Setiausaha, Pengetua dan Biro Kewangan. Badan-badan ini akan menjalankan pentadbiran melalui arahan Lembaga Pengarah.

### **Sumber Kewangan**

Dari segi kewangan, Institut Ikhwan semata-mata mendapatkan sumber kewangan bagi pentadbiran Institut ini melalui yuran yang dikenakan ke atas murid-muridnya.

### **Jadual VI Yuran Bulanan Institut Ikhwan 1981**

<b>Tingkatan</b>	<b>Yuran Bulanan (\$)</b>
V	17.00
IV	15.00
III	14.00

Selain dari yuran bulanan, Institut Ikhwan juga mengenakan bayaran yuran pendaftaran untuk setiap murid yang ingin belajar di Institut ini iaitu berjumlah \$10.00 seorang.

### **Bilangan Murid, Kelas dan Guru**

Jumlah murid di Institut Ikhwan semakin berkurangan dari setahun ke setahun. Pada tahun 1979, jumlah muridnya ialah 250 orang. Jumlah ini semakin berkurangan iaitu 200 orang pada tahun 1980. Seterusnya bilangan murid semakin merosot ke angka 150 orang pada tahun 1981.

Oleh itu berkurangnya jumlah murid di Institut ini, bilangan kelas juga berkurangan tahun demi tahun. Pada tahun 1979, jumlah semua kelas di Institut ini ialah 7 kelas dengan 4 kelas tingkatan III, 2 kelas tingkatan V dan 1 kelas tingkatan VI. Ekoran dari kemerosotan dalam bilangan murid dan kelas, maka jumlah guru juga turut merosot. Pada tahun 1979, terdapat sembilan orang guru, pada tahun 1980 jumlah guru ialah tujuh orang dan seterusnya pada tahun 1981, jumlah guru di Institut ini ialah enam orang sahaja.

## Kemerosotan Institut Ikhwan

Kemerosotan yang dialami oleh Institut Ikhwan adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama ialah kerana Institut ini terletak di luar bandar, iaitu di Batu 9, Jalan Kelantan. Lokasinya tidak menarik minat para penuntut untuk belajar di situ.

Kedua ialah kesukaran untuk mendapatkan tempat kediaman bagi pelajarannya. Ketiga ialah adanya masalah pengangkutan. Sedangkan keadaan yang lebih baik terdapat di sekolah-sekolah swasta di pusat bandar. Faktor keempat ialah adanya persaingan dari sekolah swasta lain khususnya dengan ter-tubuhnya Yayasan Islam.<sup>44</sup>

## Kejayaan Dari Segi Peperiksaan

Walaupun Institut Ikhwan bertambah merosot dari segi bilangan murid, guru dan kelas namun Institut ini dapat berbangga dengan kejayaan dalam peperiksaan yang semakin meningkat dari tahun ke setahun:

**Jadual VII**  
**Pencapaian Dalam Peperiksaan**

Tahun	Kelulusan
1981	85
1980	75
1979	50

## Sambutan Masyarakat Terhadap Pendidikan Swasta Di Kuala Terengganu

Bagi sekolah swasta di seluruh negara amnya dan di Terengganu khasnya, sambutan masyarakat amat menggalakkan. Perkara ini dapat dibuktikan dengan bertambahnya kemasukan para pelajar ke sekolah-sekolah swasta tahun demi tahun. Sejak kebelakangan ini, khususnya di tahun-tahun 1970-an, masyarakat Terengganu, khasnya mereka yang tinggal di luar bandar, telah sedar tentang perihal pentingnya pelajaran. Mereka sedar bahawa kegagalan anak-anak mereka di sekolah kerajaan bukanlah bermakna tamatnya pelajaran anak-anak mereka hanya setakat itu sahaja. Sebaliknya mereka berusaha untuk mendapatkan wang sama ada dengan menjual sedikit sebanyak harta yang ada atau membuat pinjaman dari orang yang berada dan menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta yang terdapat dalam negeri.<sup>45</sup>

Sekolah Grammar merupakan satu-satunya sekolah swasta dari aliran Inggeris pada awalnya. Sambutan masyarakat dari segi penghantaran anak-

44. Yayasan Islam merupakan sebuah swasta yang ditubuhkan pada tahun 1979 dan mengenakan yuran yang lebih murah berbanding dengan sekolah-sekolah swasta lain.
45. Institut Ikhwan tidak dapat memberi keputusan peperiksaan secara lengkap kerana tiada dalam simpanan.
46. Mereka membuat pilihan ke atas sesebuah sekolah berdasarkan sekolah yang mendapat keputusan peperiksaan yang baik dan mempunyai nama baik dari segi disiplin yang ketat.

anak mereka amatlah dingin pada peringkat awalnya. Perkara ini bukanlah satu hal yang menghairankan, kerana hal yang demikian juga berlaku di sekolah-sekolah di negeri lain. Masyarakat masih menaruh curiga untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris, kerana mereka percaya di Sekolah Inggeris, anak-anak mereka nanti akan diajar agama Kristian dan akhlak yang berlawanan dengan akhlak orang Melayu.<sup>47</sup> Malahan sumbutan dingin masyarakat itu bukan setakat kepada sekolah-sekolah swasta sahaja bahkan terhadap sekolah-sekolah kerajaan juga. Para ibu bapa sebelum menghantar anak-anak mereka ke sesebuah sekolah swasta, mereka akan terlebih dahulu menyiasat sama ada dengan cara pergi sendiri melihat atau bertanyakan kepada orang-orang yang tahu tentang sesebuah sekolah, terutama sekolah aliran Inggeris. Setelah dipastikan tidak ada apa-apa yang berlawanan dengan akhlak Islam, barulah mereka akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut.

Namun secara umumnya, murid-murid sekolah pada umumnya terdiri dari murid laki-laki. Misalnya di Sekolah Grammar, jumlah semua penuntut pada tahun 1968 ialah 322 orang. Dari jumlah tersebut, seramai 211 orang daripadanya ialah murid laki-laki. Manakala yang selebihnya iaitu 111 orang ialah penuntut perempuan. Berdasarkan perbandingan bilangan penuntut di antara dua jantina itu dapat dikira dengan nisbah 2:1. Manakala sebelum tahun 1957, bilangan penuntut perempuan boleh dikatakan tidak ada langsung di Sekolah Grammar. Perkara ini berlaku kerana anak-anak gadis Melayu tidak digalakkan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat menengah. Situasi ini berlaku khususnya sebelum merdeka.<sup>48</sup>

Pada pandangan umum masyarakat di masa itu, gadis-gadis difikirkan perlu diberikan pelajaran hanya setakat sekolah rendah sahaja iaitu sebagai pendidikan asas untuk tahu membaca dan menulis. Apa yang lebih penting bagi anak-anak perempuan mereka ialah perlunya diberi pendidikan agama, seterusnya duduk di rumah sambil belajar memasak sebelum menantikan dilamar orang. Namun sikap tidak perlu memberi pelajaran tinggi kepada anak-anak perempuan telah mulai berubah bila masyarakat mulai sedar tentang perihal pentingnya pelajaran diberikan kepada anak-anak mereka tanpa mengira perbezaan jantina. Oleh kerana hanya sebuah sahaja sekolah swasta di Kuala Terengganu,<sup>49</sup> maka tumpuan para pelajar yang dan seterusnya ingin menyambung pelajaran mereka hanya di Sekolah Grammar. Pada tahun 1973, apabila Maktab Adabi yang berpusat di Kota Bharu membuka cawangannya di Kuala Terengganu, maka tumpuan para pelajar kepada sekolah swasta mula berpecah dua iaitu Sekolah Grammar dan Maktab Adabi. Jelasnya kini Sekolah Grammar bukan lagi monopolii pendidikan swasta di Kuala Terengganu.<sup>50</sup>

Institut Berakan dan Institut Ikhwan pula lahir di zaman manusia

- 
47. Di zaman sebelum merdeka, umumnya masyarakat Melayu tidak menggalakkan anak-anak ke sekolah Inggeris kerana mereka beranggapan anak-anak mereka akan diresapkan pengetahuan agama kristian.
  48. Anak-anak gadis hanya sesuai duduk di dapur sementara menunggu ia dilamar.
  49. Sehingga awal 1970-an, Sekolah Grammar merupakan sekolah swasta yang tunggal di Kuala Terengganu.
  50. Akhir 1970-an muncul beberapa buah sekolah swasta di Kuala Terengganu seperti Maktab Adabi, Institut Ikhwan, Institut Berakan, dan Yayasan Islam.

berlumba-lumba mengejar kejayaan. Dalam hal ini pelajaran amat penting untuk menuju ke arah itu. Justeru itu pertumbuhan kedua-dua sekolah tersebut amat tepat sekali dan kena pada masanya. Kerana itu amat wajar bagi kedua-dua sekolah itu mendapat sambutan yang baik dari masyarakat Terengganu. Tambahan pula kedua-dua sekolah itu dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat. Sambutan masyarakat juga bergantung kepada sejauhmana kejayaan sebuah sekolah swasta itu di peringkat SRP, SPM dan STP. Telah menjadi kebiasaan yang masyarakat akan memilih sekolah swasta yang paling tinggi kejayaannya (diukur dari segi peperiksaan) dan seterusnya memilih sekolah-sekolah tersebut sebagai tempat anak-anak mereka belajar. Dalam membuat pemilihan ini masyarakat akan membandingkan di antara satu sekolah swasta dengan sekolah swasta yang lain. Setakat ini, keputusan di ketiga-tiga buah sekolah itu bolehlah dikatakan memuaskan juga. Ini mungkin disebabkan kesungguhan guru-guru di setiap sekolah tersebut khususnya mereka cuba untuk mendapatkan peratus lulus yang tinggi bagi menempatkan sekolah mereka di mercu kejayaan. Seterusnya ini akan dapat menarik perhatian ibu bapa, supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta.<sup>52</sup>

Satu perkara penting yang perlu dijaga oleh para pentadbir di sekolah-sekolah swasta ialah berhubung dengan soal moral atau sosial, khususnya dalam hubungan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan yang selalunya longgar di sekolah-sekolah swasta. Perkara ini perlu diberi perhatian agar nama baik sekolah-sekolah tersebut tidak akan tercemar yang mungkin semuanya itu akan menjasakan sanjungan masyarakat. Namun perkara ini belum lagi sampai ke peringkat yang membimbangkan bagi sekolah swasta di Kuala Terengganu.

Seperti juga di sekolah-sekolah swasta lain di Malaysia, sekolah-sekolah swasta di Kuala Terengganu juga memperolehi kerjasama yang memuaskan dari Jabatan Pelajaran Negeri, sama ada dari segi menyediakan Sukatan Pelajaran, buku-buku teks atau hal-hal lain yang berhubung dengan pelajaran. Juga kegiatan sukan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Terengganu (Kerajaan) bukan saja melibatkan sekolah-sekolah kerajaan bahkan sekolah-sekolah swasta telah memberikan sumbangan yang sama untuk meninggikan mutu sukan dalam negeri. Aktiviti lain seperti ceramah dan bahas juga diadakan di sekolah swasta dan sekolah kerajaan untuk mengeratkan lagi hubungan.<sup>53</sup>

## Penutup

Selaras dengan bertambahnya keperluan pendidikan pada generasi Malaysia kini, maka pertumbuhan dan perkembangan sekolah-sekolah swasta khususnya di Terengganu adalah merupakan perkembangan yang amat baik. Justeru itu sememangnya tidak dapat dinafikan, sekolah-sekolah swasta telah

51. Umumnya sekolah-sekolah swasta di Kuala Terengganu diasaskan oleh golongan sisiwazah dan intelek, dan merupakan golongan yang dipandang mulia oleh masyarakat.
52. Pemilihan sesuatu sekolah juga dilakukan oleh ibu bapa dan murid itu sendiri dengan cara bertanya khabar dari orang-orang yang mengetahui.
53. Hubungan antara sekolah swasta dengan sekolah kerajaan menjadi erat kerana adanya kerjasama dari Jabatan Pelajaran Negeri, sama ada dari segi menyediakan sukatan pelajaran, buku teks dan lain-lain hal berhubungan dengan pelajaran.

memainkan peranan yang tersendiri dalam perkembangan pelajaran di negeri Terengganu. Bersama-sama dengan sekolah swasta yang ada di daerah lain di Terengganu, mereka juga dapat meninggikan mutu pelajaran pada keseluruhannya, di samping itu dapat menyedarkan masyarakat peri pentingnya diberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Kegagalan di sekolah kerajaan tidak seharusnya bermakna tamatnya pengajian anak-anak sampai ke peringkat itu sahaja. Sebaliknya mereka harus berpegang kepada 'pendidikan seumur hidup'.<sup>54</sup> Pendidikan sepatutnya diteruskan lagi melalui memasuki sekolah-sekolah swasta yang ada dan sedia memberi perkhidmatan yang diperlukan (pelajaran). Anggapan para ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta untuk memperolehi sijil semata-mata, dan seterusnya untuk 'makan gaji' akan beransur-ansur terhapus dan digantikan dengan niat agar anak mereka perlu dilengkapi dengan pelajaran untuk menghadapi zaman akan datang.

Pihak kerajaan sepatutnya memainkan peranannya dalam membantu sekolah-sekolah swasta. Selain dari menyediakan Sukatan Pelajaran dan memberi buku-buku teks secara terhad, kerajaan sepatutnya memberikan lebih banyak kerjasama kepada sekolah-sekolah swasta. Misalnya dengan cara memberi subsidi dalam bentuk kewangan kepada pihak pentadbir sekolah. Dengan ini adalah diharapkan jumlah yuran yang dikenakan ke atas murid-murid tidaklah begitu membebankan, khususnya kepada murid-murid miskin.

Di samping itu kerajaan seharusnya menambahkan lagi bantuan buku-buku teks kepada pelajar-pelajar sekolah swasta. Beberapa masalah yang dihadapi oleh sekolah swasta dan tidak dapat diatasi oleh para pentadbirnya, akan dapat diselesaikan kiranya kerajaan menambahkan lagi kerjasama mereka kepada sekolah swasta. Perlunya mereka dibantu kerana sekolah swasta juga dapat memainkan peranan (bersama-sama dengan sekolah-sekolah kerajaan). Semua laporan jawatankuasa-jawatankuasa pelajaran yang terdahulu (Barnes, Fenn Wu dan Razak) mengatakan bahawa pendidikan adalah suatu institusi yang penting yang mestи digembangkan oleh negara ini bagi mewujudkan perpaduan menerusi warganegara yang bersatu padu, walaupun mereka dari kaum yang berlainan. Jadi matlamat ini juga dapat dicapai menerusi pendidikan swasta.

Peranan yang dapat dimainkan oleh sekolah swasta ialah dalam mengurangkan masalah terutama dari keluarga miskin yang datang dari luar bandar. Bagi mencapai matlamat inilah sekolah swasta ini cuba mengurangkan yuran dan memberi kemudahan yang lain kepada murid-murid di masa akan datang.<sup>55</sup> Dengan demikian peluang belajar menerusi pendidikan sekolah swasta tidaklah hanya tertumpu kepada kelayakan akademik dan murid yang mampu sahaja.<sup>56</sup>

- 
54. Konsep pendidikan seumur hidup iaitu setiap individu itu harus berkeadaan dapat meneruskan pelajarannya sepanjang hidupnya.
  55. Jumlah yuran yang dikenakan ke atas murid-murid dikebanyakan sekolah swasta adalah 'tinggi' bagi pelajar-pelajar miskin. Di samping itu mereka terpaksa juga menyediakan duit untuk rumah sewa, keperluan pelajaran dan perbelanjaan harian mereka.
  56. Semua pengetua di Sekolah Grammar, Institut Berakan dan Institut Ikhwan telah berusaha ke arah itu.
  57. Pengambilan murid-murid adalah berdasarkan keputusan peperiksaan yang lepas.

# Masyarakat Nelayan Kuala Kemaman 1950-an – 1973: Suatu Tinjauan Ringkas Tentang Perubahan Sosioekonomi

IZMAN ISMAIL\*

## Tujuan kajian

**M**ENANGKAP ikan adalah satu daripada dua pekerjaan tradisional, di samping pertanian, yang melibatkan jumlah penduduk yang ramai di Semenanjung Malaysia. Dianggarkan dua pertiga<sup>1</sup> dari orang-orang terlibat dalam penangkapan ikan (nelayan) terdiri dari orang-orang Melayu; dan tidaklah hairan banyak daripada mereka tinggal di tepi-tepi pantai, terutama di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Mungkin salah satu faktor mereka tinggal di tepi pantai dan sungai adalah untuk kemudahan, dalam erti kata tidak usah berjalan jauh untuk menaiki bot-bot mereka apabila ke laut dan juga apabila pulang ke rumah. Kadang-kadang mereka ke laut pada pukul dua atau tiga pagi, kadang-kadang petang dan pulang pada keesokannya. Jadi ketidaktentuan masa pergi dan pulang ini telah mempengaruhi nelayan-nelayan untuk tinggal berhampiran dengan pantai.<sup>2</sup>

## Lokasi kajian

Kuala Kemaman letaknya kira-kira lima batu dari Cukai (bandar bagi daerah Kemaman — sekarang bandar ini lebih dikenali dengan panggilan Kemaman saja). Pengeluaran kawasan itu yang penting di samping ikan basah dan kering ialah belacan, keropok kering dan budu.


Keadaan tanah di sini seperti umum terdapat di sepanjang Pantai Timur Semenanjung Malaysia, adalah dari jenis beris<sup>3</sup> iaitu tanah berpasir

\* Penulis adalah kelulusan Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973.

1 Misal dalam tahun 1962 nelayan-nelayan Melayu merupakan 65.9%, Cina 33.2% & India 0.5%. Petikan dari Lim Lin Lean. "Racial Income Differentials in W. Malaysia," *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol. VII, No. 1, Jun 1970, hlm. 7.

2 Tentang nelayan telah pun ada ditulis sebelum ini, di antaranya R. Firth, *The Malay Fisherman*, Routledge & Kegan Paul Ltd., London, 1968, dan Ungku Aziz (Prof.), "Kebuluran Yang Tak Ketara di Kuala Kemaman". *Mastika*, Mei. 1972.

3 Untuk penerangan lanjut lihat Ooi Jin Bee, *Land, People & Economy in Malaya*, Longman Green & Co., London, 1963.



*Kedudukan Kuala Kemaman.*

kekuningan yang terdiri daripada 80% selika. Jadi tanah di sini tidaklah sesuai sekali untuk bercucuk tanam, malah pokok yang kelihatan tumbuh ialah pokok-pokok kelapa dan ru — itu pun sudah banyak ditebang orang untuk melapangkan tanah bagi mendirikan rumah-rumah. Oleh kerana keadaan yang demikianlah dan dipengaruhi pula dengan faktor "kemahiran" tentang laut yang didapati dari orang tua-tua serta pengalaman sendiri, kerja yang sesuai ialah menangkap ikan. Ini terbukti bila Firth mengatakan:

...the skills of the fishermen transmissible and handed on and from an early age a young builds up an investment in the special kinds of knowledge of wind and weather, currents and the habits of fish which he may be reluctant to abandon and which is useless to him in another employment. With this background many young men are attracted to fishing and the sea as a way of life.

Dari segi sejarah penduduk pula, mengikut cerita orang-orang tua di situ penduduk Kuala Kemaman adalah berasal dari sebuah pulau yang berdekatan iaitu Pulau Sekeping. Tetapi akibat seringnya berlaku banjir mereka telah berpindah ke sana. Pada awalnya hanya empat lima keluarga saja tetapi kemudian mereka ramai-ramai berpindah. Menurut "Laporan dan Perangkaan Tahunan 1972", keluaran Pejabat Perikanan Negeri Terengganu, bagi tahun 1972 terdapat seramai 10,836 orang nelayan di seluruh Terengganu; 1,863 orang darinya ialah di Kemaman dan dari jumlah ini pula seramai 581 orang datang dari Kuala Kemaman (lihat lampiran satu).

### Perubahan sosial

Perubahan ditarifkan sebagai peralihan dari satu keadaan lama kepada keadaan yang baharu, biasanya dengan membawa kebaikan, kadangkala ada juga keburukan.

Dalam bidang sosial penduduk-penduduk di Kuala Kemaman telah banyak mengalami perubahan, biarpun setengah-setengah perubahan itu berjalan dengan perlahan jika dibandingkan dengan tahun 1950-an dahulu. Ini disebabkan penduduk-penduduk Kuala Kemaman mempunyai konteks yang luas akibat daripada hubungan infrastruktur yang lebih cekap yang menyambunginya dengan bandar Cukai yang berfungsi sebagai pusat perubahan (*centre of change*). Orang-orang Kuala Kemaman datang memasarkan hasil-hasil mereka seperti keropok keping dan ikan kering ke Cukai dan di samping membawa balik barang-barang keperluan yang tidak terdapat di sana. Mereka juga secara sedar ataupun tidak, telah membawa balik ide-ide baru yang mereka dengar atau lihat semasa di bandar. Malahan ide-ide baru bukan setakat didapati melalui percampuran mereka dengan orang-orang bandar sahaja, tetapi juga melalui alat-alat komunikasi terutamanya dari radio dan suratkhabar yang mereka dapat. Pendek kata Kuala Kemaman sekarang tidaklah terasing lagi; apa saja peristiwa yang berlaku baik di dalam dan di luar negeri akan sama-sama mereka ketahui (dengan orang-orang bandar) pada waktu yang sama. Jadi dengan keadaan yang sudah berubah ini, sikap mereka untuk menentang unsur-unsur

4 R. Firth, *op. cit.*, him. 347.

perubahan agak berkurangan daripada tahun 1950-an dahulu.

Dalam tahun 1950-an kebanyakannya nelayan menggunakan perahu layar dan kayuh untuk ke laut dan pukat-pukat yang digunakan pula dibuat daripada benang. Cara tradisional ini sememangnya memakan tenaga dan masa yang banyak, tetapi mendapat hasil yang kecil. Dengan perahu layar dan pukat yang mudah putus pula, mereka hanya dapat pergi 4—10 batu dari pantai. Tapi sejak tahun-tahun kebelakangan ini mereka telah menukar cara tradisional ini kepada cara moden: perahu-perahu layar telah diganti dengan bot-bot berjentera dan pukat-pukat benang digantikan dengan pukat-pukat nylon. Memang pada awalnya ada juga bantahan dari golongan tua kerana menyangka bunyi enjin jentera akan menyebabkan ikan lari dan adalah tidak perlu meninggalkan cara lama yang sudah turun-temurun pergi ke laut dengan menggunakan perahu layar. Namun demikian setelah dibuktikan cara baru ini lebih baik dan dapat menangkap berkali-kali ganda ikan daripada penggunaan cara lama, bantahan-bantahan ini mulai reda. Kecenderungan sekarang di kalangan kaum nelayan di Kuala Kemaman ialah untuk menggunakan jentera-jentera yang lebih besar kuasa kudanya. Misalnya dari 30 orang nelayan yang ditemuramah, 9 orang menggunakan jentera 4—8 kuasa kuda; 10 orang menggunakan 10—16 kuasa kuda; 8 orang menggunakan 22—24 kuasa kuda dan 3 orang masih menggunakan perahu layar.<sup>5</sup> Malah dari laporan tahunan Pejabat Perikanan dalam tahun 1972 sudah ada nelayan yang menggunakan jentera yang mempunyai kuasa kuda antara 100—120.

Penggunaan bot-bot yang berkuasa kuda besar ini diikuti pula dengan penggunaan pukat-pukat yang lebih tahan dan kukuh iaitu yang sesuai digunakan di laut dalam. Oleh kerana pukat jenis baru ini dibuat dari nylon, ia tidak payah lagi dijemur seperti dahulu (sebab pukat benang yang basah jika tidak dijemur akan rosak). Oleh itu dewasa ini jarang sekali kita dapat melihat nelayan beramai-ramai berjalan memikul pukat untuk dijemur. Tetapi dari satu segi pukat nylon merupakan *blessing in disguise* sebab mereka tidak perlu menjemur pukat lagi dan biasanya memikul pukat yang besar dan basah itu bukanlah satu kerja yang ringan. Nampaknya di kalangan nelayan di Kuala Kemaman sekarang tiga jenis pukat nylon yang popular ialah pukat cerut/jerut, pukat sudu dan pukat dalam.

Dengan penggunaan pukat moden dan bot-bot berjentera, sudah tentu penangkapan ikan kian bertambah berbanding dengan tahun-tahun lalu, terutama tahun 1950-an di mana cara tradisi digunakan.

Profesor Ungku Aziz yang pernah membuat kajian singkat di Kuala Kemaman dalam tahun 1950-an menulis, "... rumah mereka yang buruk robak-rabit dengan atapnya pecah berketai-ketai. Warna dunia mereka kesemuanya kelabu...."<sup>6</sup> Kalau-lah keadaan rumah mereka demikian rupa dalam tahun 1950-an, gambaran rumah mereka sekarang merupakan satu kemajuan daripada keadaan lalu. Semua rumah nelayan sekarang dibuat daripada kayu dan untuk atapnya digunakan berbagai bahan. Ada yang menggunakan zing, bata (*tiles*) atau zing bercampur atap nipah ataupun masih beratap nipah

5 Untuk jumlah bot berdasarkan kuasa kuda bagi tahun 1972, sila lihat Lampiran 2.

6 Ungku Aziz, "Kebuluran Yang Tak Ketara Di Kuala Kemaman", *Mastika*, Mei 1972, hlm. 13.

lagi. Tetapi daripada pengamatan penulis, kebanyakannya daripada rumah itu beratap zing bercampur nipah. Cuma beberapa orang sahaja yang mampu mempunyai rumah yang keseluruhannya beratap batu atau abestos; dan mereka ini hanya terdiri daripada golongan 'jeragan' dan 'juruselam', kerana berbanding dengan 'awak-awak' (panggilan nelayan biasa) golongan inilah yang mendapat pendapatan yang lebih sedikit. Sebaliknya kebanyakannya rumah-rumah 'awak' beratap nipah bercampur zing (selalunya zing itu diletak pada bumbung hadapan rumah, mungkin untuk tujuan *prestige*) ataupun jika ia terlalu miskin hanya memadai dengan atap nipah saja. Namun begitu diskripsi seperti yang diberi oleh Ungku Aziz tidak lagi kelihatan dengan jelas di Kuala Kemaman.

Untuk kelengkapan dalam rumah, daripada 30 orang yang ditemui, lebih dari separuh mempunyai radio transistor, almari, kerusi meja kayu. Apa yang mahu penulis peringkatkan di sini bukannya harga almari atau kerusi meja itu tapi adanya kelengkapan itu di rumah-rumah mereka yang mungkin tidak terdapat pada mereka dalam tahun 1950-an. Hanya seorang saja iaitu isteri kepada 'jeragan', mempunyai mesin jahit dan tidak seorang pun daripada nelayan-nelayan itu yang pada pengamatan penulis, mempunyai peti televisyen. Mungkin kedua ameniti ini terlalu mahal untuk kemampuan mereka. Kalau tahun 1950-an dahulu pada waktu malam mereka hanya menggunakan "pelita ayam"<sup>7</sup> tetapi sekarang ramai di antara mereka yang menggunakan lampu-lampu gasolin (minyak tanah) dan yang lebih mampu menggunakan elektrik. Bagi penggunaan elektrik pembayaran tidak dibuat mengikut meter tapi berdasarkan kepada *watt bulb* yang dipakai; kalau seorang itu memakai 100 *watt* bayarannya \$6.50 tiap-tiap bulan dan untuk 65 *watt* bayarannya \$4.80 sebulan. Jadi dunia mereka sekarang tidak lagi sekelabu seperti yang dilihat oleh Ungku Aziz dalam tahun 1950-an dahulu.

"Di sini juga kita bertemu dengan budak-budak kecil yang perutnya buncit, bukan berisi makanan, akan tetapi penuh dengan dua tiga bangsa (jenis) cacing."<sup>8</sup> Satu implikasi dari kenyataan ini membayangkan kepada kita yang penduduk-penduduk di Kuala Kemaman tidak sangat mementingkan kesihatan diri mereka. Pendek kata mereka tidak menerima perubatan moden. Mungkin pada ketika itu keadaan ini benar tetapi ini bukan hanya di Kuala Kemaman saja; malah keadaan yang sama terdapat di lain-lain kawasan yang agak terpencil dari pusat-pusat bandar. Tambah pula dalam tahun-tahun pra-merdeka perubatan moden hanya terdapat di bandar-bandar sahaja. Namun begitu keadaan sekarang menunjukkan hal yang agak berlainan. Walaupun masih terdapat mereka yang berubat secara kampung (iaitu melalui bomoh/pawang) tetapi yang nyata kecenderungan sekarang ialah ke arah penerimaan perubatan moden. Kebanyakan daripada mereka mengakui keutamaan diberi kepada doktor tetapi sekiranya doktor tidak dapat menyembuh, mereka akan berikhtiar secara bomoh. Ini kerana menurut mereka ada penyakit-penyakit seperti demam campak, sakit urat, medu, terkena perbuatan orang, yang tidak dapat diubati doktor tetapi sebaliknya boleh diubati dengan daun-daun, akar-akar kayu dan jampi-jampi bomoh

7 Pelita yang menggunakan minyak tanah.

8 Ungku Aziz, op. cit., hlm. 12.

sahaja. Daripada 30 orang, 4 orang yang menaruh keyakinan kepada para doktor dan cuma seorang saja yang yakin terhadap bomoh (lihat rajah di bawah). Ini membuktikan kepercayaan terhadap perubatan moden telah mulai meresap di kalangan mereka; cuma kadar penerimaan itu agak lambat. Hal ini dapat diterangkan bahawa memang menjadi sifat manusia, sesuatu yang baru itu susah di terima secara radikal, terutama dalam masyarakat yang sudah lama tebal dengan unsur-unsur tradisi sebagaimana yang terdapat dalam masyarakat kampung.

#### Jadual I

Keyakinan kepada doktor dan bomoh tapi keutamaan diberi kepada doktor	25 orang
Keyakinan kepada doktor saja	4 orang
Keyakinan kepada bomoh saja	1 orang
Jumlah	30 orang

Sumber: Soal selidik 1972.

Berkait rapat dengan hal di atas ialah tentang kepercayaan mereka terhadap kuasa-kuasa ghaib, hikmat (*superstition*) dan lain-lain kuasa luar biasa. Kalau dahulunya mereka mengadakan upacara-upacara seperti memuja pantai dan bersemah untuk memuja kuasa-kuasa tertentu supaya mereka mendapat hasil penangkapan yang banyak, tetapi kini upacara itu telah berubah corak. Pada tahun 1972, upacara main pantai telah diadakan di Kuala Kemaman selama tiga hari dan tiga malam berturut-turut tetapi itu adalah bertujuan untuk hiburan. Malah terdapat di kalangan mereka yang tidak bersetuju diadakan upacara itu kerana mereka mendakwa upacara begitu membazirkan bukan saja tenaga tetapi juga wang (Nampaknya nilai ekonomi mulai dihargakan oleh setengah-tengah orang. Ini akan dibicara di bawah perubahan ekonomi). Tetapi sebaiknya jika diamati dengan teliti permainan pantai berfungsi semacam satu *escapism* untuk nelayan-nelayan yang memerlukan hiburan setelah sehari atau berhari-hari di lautan. Hiburan itu pun bukan terdapat setiap hari tetapi hanya sekali dalam setahun. Perubahan corak upacara kepada hiburan ini membuktikan adanya proses perubahan pandangan sosial dewasa ini.

Satu lagi perubahan sosial yang jelas di kalangan nelayan di Kuala Kemaman ialah penekanan yang agak berat diberikan kepada pelajaran anak-anak mereka. Mereka sedar melalui pelajaran, anak-anak mereka boleh mengalami kehidupan yang lebih baik daripada diri mereka. Ini mereka perhatikan daripada anak-anak teman mereka yang lulus Sijil Rendah Pelajaran atau Sijil Pelajaran Malaysia yang mendapat kerja di pejabat-pejabat seperti menjadi budak pejabat atau kerani atau lain-lain jawatan yang setaraf

dengan kelulusan mereka. Lagi satu bukti masyarakat Kuala Kemaman memberi penilaian yang tinggi kepada pelajaran ialah penggunaan 'Encik' dalam perbualan kepada mereka yang berpelajaran (walaupun umur orang itu lebih muda daripada mereka).<sup>9</sup> Sekarang terdapat dua buah sekolah rendah di Kuala Kemaman, Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Kemaman dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Dari segi bilangan muridnya, Sekolah Rendah Kebangsaan itu lebih besar, sebab Kuala Kemaman itu merupakan sebuah kampung Melayu dan cuma terdapat beberapa keluarga Cina saja. Dan untuk melanjutkan pelajaran menengah mereka boleh memasuki Sekolah Menengah Sultan Ismail (aliran Inggeris), Sekolah Menengah Kebangsaan (aliran Melayu) atau Sekolah Menengah Al-Falah (aliran Arab), di Cukai. Di antara 30 orang nelayan yang ditemuramah itu, terdapat sebilangan tertentu kanak-kanak dari beberapa keluarga yang tercicir. Di antara alasan yang mereka kemukakan ialah pertama, kekurangan belanja; kedua, anak-anak itu sendiri tidak mahu bersekolah lagi dan ketiga, anak-anak itu bodoh. Memang kekurangan belanja untuk menyekolahkan anak-anak mereka menjadi satu realiti yang penting dalam masyarakat nelayan, sebab pendapatan purata \$60—\$80 sebulan tidaklah mencukupi (kebiasaan di kalangan 'awak-awak'). Biarpun begitu apa yang hendak ditunjukkan ialah pernilaian yang tinggi diberikan oleh nelayan kepada pelajaran jelas terbukti dengan penyerahan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah; kalau tidak sampai ke sekolah menengah pun, cukup setakat darjah enam saja asalkan mereka jangan "menjadi tungkul kayu, nampak alif disangkakan batang nyiur."<sup>10</sup>

Kalau dikatakan seseorang itu nelayan, gambaran yang selalu terdampar di depan mata ialah mereka yang berpakaian compang-camping dan bertampung-tampung pula. Memang gambaran begitu lazim tetapi dalam tahun-tahun pra-merdeka. Sekarang keadaan pakaian mereka adalah agak baik sedikit. Walaupun tidak dapat dinafikan yang pakaian mereka terutama di kalangan kebanyakan kaum nelayan itu dibuat dari kain yang bermutu rendah (dan sudah tentu harganya pun berpadanan) tetapi tampal-menampal tidak terdapat lagi. Satu hal yang jelas daripada beberapa pertanyaan yang dikemukakan, mereka tidak gemar kepada pakaian yang berfesyen atau *groovy*; yang mereka suka adalah pakaian "biasa", iaitu bagi kaum perempuan berbaju kurung atau lain-lain fesyen yang *simple* sesuai dengan kehidupan di kampung; dan bagi lelaki pula baju baisa dan sarung kalau duduk di rumah tapi memakai seluar bila hendak berjalan-jalan. Dalam lain-lain perkataan pakaian mereka itu adalah yang baisa terdapat di kampung-kampung Melayu amnya.

Biasanya seorang nelayan itu mempunyai keluarga yang besar dan ini memang menjadi ciri yang biasa di kalangan mereka kerana anak yang ramai itu dianggap sebagai *asset* untuk menolong mereka dalam pekerjaan. Keadaan yang begini terdapat bukan saja dalam tahun-tahun pra-merdeka tetapi juga kini. Sungguhpun demikian masyarakat nelayan Kuala Kemaman telah didekahkan kepada Rancangan Keluarga. Apabila ditanya tahukah apa yang

<sup>9</sup> Seperti yang berlaku kepada penulis semasa membuat temuramah.

<sup>10</sup> Ibarat yang dipetik semasa wawancara yang membawa erti "buta huruf."

dimaksudkan dengan perancang keluarga? Kesemuanya menjawab tahu tetapi tidak seorang pun daripada 30 orang yang ditemui itu mempraktikannya. Jadi biarpun buat masa ini mereka tidak mengamalkan perancang keluarga, mungkin kerana sebab-sebab tertentu,<sup>11</sup> apa yang nyata ialah istilah perancang keluarga tidaklah asing.

Perubahan sosial yang berlaku itu tidak semuanya positif kerana di antaranya mendatangkan kesan yang negatif (iaitu yang membawa keburukan). Kemasukan ekonomi kewangan (*money economy*) yang meluas umpamanya, telah membawa beberapa padah yang buruk. Kalau sejak beberapa generasi dahulu dan hingga akhir tahun 1950-an penggunaan wang tidak begitu meluas sebarang kerja yang mereka tidak bertenaga untuk melakukan seorang diri, akan dilakukan secara beramai-ramai oleh penduduk-penduduk kampung melalui institusi gotong-royong. Tetapi sekarang dalam mana wang menjadi simbol kekuatan dan kekayaan, sesuatu yang dikerjakan itu mesti ada pembalasannya; kalau tidak banyak, berpadanan dengan kerja yang dibuat. Akibatnya institusi gotong-royong yang diwarisi dan dijadikan tradisi di kalangan orang Melayu sejak zaman-berzaman hampir lenyap.

Kalau dahulu sebelum merebaknya sistem ekonomi moden ini, keadaan sosial mereka agak *homogeneous*. Dalam lain-lain perkataan mereka mempunyai kedudukan sosial yang sama, peluang hidup (*life chances*) yang sama dan dengan itu memperolehi peluang-peluang untuk mendapat sesuatu itu pun sama juga. Tetapi penggunaan wang yang meluas telah merubahkan keadaan seragam ini kepada keadaan sosial yang berstrata. Orang yang banyak wang selalunya menduduki status yang tinggi daripada mereka yang miskin. Di kalangan masyarakat nelayan Kuala Kemaman kelihatan dua golongan yang berbeza, yang secara kebetulan *coincide* dengan jawatan yang dipegang oleh mereka. Pertama ialah golongan 'jeragan-juruselam' dan kedua, golongan 'awak-awak'. Golongan 'jeragan-juruselam' merupakan mereka yang kaya dalam masyarakat nelayan sebab mereka mempunyai wang, sama ada disimpan atau dipinjam untuk menanam modal dalam perusahaan perikanan. Jadi tidaklah hairan kalau mereka memaparkan gaya hidup yang lebih mewah dan materialistik daripada golongan 'awak'. Dalam urusan pekerjaan dan hari-hari mereka tidak dipanggil dengan nama biasa seperti yang lazim digunakan kepada 'awak-awak', tetapi digunakan *title* 'jeragan' atau 'juruselam' dan diikuti dengan nama mereka. Menurut satu pendapat kemunculan mereka "disebabkan terlalu ramai kaum nelayan yang tidak dapat mengadakan kelengkapan sendiri dan kedudukan mereka sekarang ini (golongan jeragan-juruselam) menjadi bertambah kemas oleh kerana harga barang-barang harian semakin naik."<sup>12</sup> Sebaliknya golongan 'awak' adalah golongan yang terhimpit dan termiskin. Mungkin kerana itu 'awak-awak' sentiasa berada dalam keadaan berhutang dan gejala berhutang ini merupakan satu perubahan sosial yang bercorak negatif yang dibawakan oleh penggunaan wang yang meluas tadi. Keadaan begini memudahkan lagi

11 Antara sebab yang diberikan ialah mahu anak seberapa banyak yang dapat dan anak itu adalah pemberian daripada Yang Maha Berkasra.

12 A. Rahman Omar, "Nelayan Pantai Timur", *Dewan Masyarakat*, Jilid 8, Bil. 9, September 1970, hlm. 17.

mereka dieksplotasi oleh golongan yang mempunyai *vested interest* untuk mencari keuntungan yang besar dengan lebih cepat.

Oleh itu dapat disaksikan bukan semua perubahan sosial itu membawa *amenities* kepada masyarakat nelayan. Namun begitu tidak dapat disangkalkan juga perubahan sosial ini lebih banyak membawa *amenities* daripada kecelakaan terhadap nelayan.

### Perubahan ekonomi

Dengan meluasnya sistem ekonomi kewangan, nelayan-nelayan di Kuala Kemaman turut dipengaruhi. Kalau dahulunya nilai ekonomi tidak dipentingkan sangat dan ini terbukti dengan meluasnya kerja-kerja gotong-royong sesama mereka, tetapi sekarang sikap begini sudah berubah. Perubahan sikap dapat dilihat daripada pandangan setengah-tengah daripada mereka bersabit dengan temasya main pantai. Walaupun dari satu segi temasya itu ada kebaikannya dalam erti kata ia merupakan satu saluran *escapism* bagi nelayan untuk melupakan kesangsaran hidup mereka (sekurang-kurangnya buat sementara waktu), namun ada pendapat-pendapat yang menyuarakan temasya itu adalah membazirkan saja terutama dari segi kewangan. Golongan ini berpendapat adalah lebih baik jika mereka yang sudah mempunyai wang yang sedikit itu, menyimpan untuk kemudian hari atau menggunakannya untuk perbelanjaan sekolah anak-anak daripada membeli barang-barang dengan tiada tentu arah. Tetapi dari tinjauan yang dibuat, *big spenders* pada malam temasya itu bukanlah orang-orang di situ tetapi adalah dari kawasan yang berhampiran terutama orang-orang dari bandar Kemaman yang turut datang menyaksikan aneka pertunjukan dan aneka jualan di situ. Namun begitu munculnya sikap progresif di kalangan mereka amat bersesuaian sekali dengan kehendak zaman sebagai yang ternyata dalam Rancangan Malaysia Kedua: "... memaju dan menggunakan dengan lebih banyak lagi punca-punca keluaran perikanan di Malaysia dan meninggikan pendapatan nelayan."<sup>13</sup>

Mungkin satu lagi gejala perubahan ekonomi akibat kemasukan ekonomi kewangan ialah timbulnya sikap ingin menyimpan wang sama ada di rumah sendiri ataupun di institusi-institusi kewangan. Tetapi daripada penemuan penulis dengan mereka, nyata *trend* ini masih lagi berada di peringkat permulaan. Daripada 30 orang nelayan, cuma tiga orang saja yang menyimpan wang dalam simpanan pejabat pos dan dua daripadanya terdiri daripada golongan 'jeragan-juruselam' dan seorang daripada golongan 'awak'. Di antara dua puluh tujuh orang yang baki itu, terdapat 2 orang yang menyimpan di rumah (kedua dari golongan 'awak') sementara yang lain mengakui mereka tidak ada menyimpan wang langsung kerana menurut mereka, wang yang mereka dapatkan itu hanya cukup untuk "buat makan le" atau "buat hambat-hambat makan."<sup>14</sup> Yang penting di sini ialah perubahan yang berlaku di kalangan mereka untuk menyimpan wang dan mulai menyimpan dengan institusi kewangan. Tindakan ini boleh jadi dipengaruhi oleh nilai kewangan mereka sebab mereka sedar kalau wang itu hanya disimpan di rumah, mereka tidak mendapat sebarang faedah; sebaliknya mereka akan

13 Rancangan Malaysia Kedua 1971—1975, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 160.

14 Maknanya cukup untuk hidup saja.

mendapat faedah sebanyak 4½% setahun kalau menyimpan wang dalam simpanan pos, di samping terjamin daripada kecurian, kebakaran dan penurunan nilai wang (*devaluation*).

Bersabit dengan perkara di atas ada tuduhan yang mengatakan masyarakat nelayan itu miskin kerana mempunyai sikap yang tidak ekonomikal: mereka tidak mahu menyimpan wang atau mereka suka membazirkan wang dalam majlis-majlis seperti upacara perkahwinan yang mahal. Mungkin kritik begini dibuat secara melulu saja atau merupakan *arm-chair critic*. Kalauolah pendapatan mereka kecil dan terpaksa pula menanggung anak yang ramai, di mana ada duit lebih untuk disimpan? Tuduhan begini adalah satu *over-generalisation* sebab nyata dari contoh di Kuala Kemaman masyarakat nelayan kini sudah pun tahu membuka kira-kira simpanan di pejabat pos. Dan untuk mengukuhkan bukti ini, Firth dalam buku edisi keduaunya (iaitu setelah ia kembali semula ke Malaysia dalam tahun 1963) memberi komen seperti berikut:

In the comment on this one can say that these Malay fishermen do display a great deal of prudent calculation. They have a passionate interest in small margins in bar-gaining and in their domestic affairs they watch keenly their expences.<sup>15</sup>

Kerana pentingnya wang dalam kehidupan sekarang, telah menjadi satu kebiasaan di kalangan isteri-isteri nelayan di Kuala Kemaman untuk turut menambahkan pendapatan suami mereka. Tidak dinafikan bahawa pada tahun-tahun pra-merdeka ada juga isteri-isteri yang menolong menambahkan pendapatan suami mereka, tapi nampaknya sekarang kegiatan para isteri dalam hal ini semakin bertambah. Ini menunjukkan perubahan sikap di kalangan para isteri sementara pihak suami pula tidak membantah mereka, mungkin mereka sedar mencari rezeki (apalagi kalau untuk menambahnya) itu bukanlah kerja lelaki semata-mata. Kebanyakan para isteri melibatkan diri mereka dengan membuat keropok<sup>16</sup> atau proses yang bersangkutan dengannya seperti mengambil upah 'menyiangkan' ikan, menumbuk atau 'mengentil'. Perlu ditegaskan membuat keropok ini hanya terhad pada hari-hari ikan banyak dan murah. Untuk 'menyiangkan' ikan upahnya ialah 10 sen satu cupak dan untuk sepetang<sup>17</sup> bolehlah seorang itu 'menyiang' sebanyak 5—6 cupak. Upah menumbuk ikan pula ialah 25 sen satu lesung dan seorang itu dapat menumbuk 3—4 lesung sepetang. Bagi upah 'mengentil' ialah 10 sen satu batang dan kalau dalam sepetang ia dapat 'mengentil' seratus batang, ia akan dapat satu ringgit. Walaupun pendapatan ini tidaklah seberapa sangat, namun menurut mereka "lepaslah dari perbelanjaan anak ke sekolah" atau "bolehlah membeli satu dua bungkus teh atau kopi."

Secara keseluruhannya keadaan ekonomi mereka sekarang adalah lebih tegak sedikit daripada tahun-tahun 1950-an. Ini memandangkan kepada penggunaan alat-alat moden dalam penangkapan ikan dan sudah tentu dengan

15 R. Firth op. cit., hlm. 348.

16 Terdapat dua jenis keropok "keropok gondil" (rebus) dan "keropok keping". Untuk mendapat keropok keping, keropok 'gondil' diiris halus dan kemudian dijemur di tengah panas. Apabila hendak dihidangkan, keropok keping itu terpaksa digoreng dahulu.

17 Keropok biasanya dibuat sebelum petang sebab ketika itu banyak nelayan yang pulang dari laut.

tangkapan yang lebih banyak, mereka akan dapat ganjaran yang banyak juga, biarpun sistem pembahagian masih tidak berubah.<sup>18</sup> Menurut Ungku Aziz dalam tahun-tahun 1950-an, "... (sebab) orang-orang kampung ini terlalu miskin mereka tiada mempunyai rempah-ratus untuk mengulai ikan supaya masakannya agak lazat. Mereka hanya tahu masak singgang saja iaitu ikan direbus dengan air dan garam. Selain daripada masak singgang, ikan itu sekadar dibakar atau dipanggang saja..."<sup>19</sup> Jadi kalau dibandingkan dengan keadaan sekarang adalah lebih daripada itu; di satu rumah penulis perhatikan untuk hidangan tengah hari terdapat selain daripada dua perkara di atas, ikan goreng, sayur labu dan budu. Mungkin juga Ungku Aziz tersalah anggap sebab singgang, ikan panggang dicampur dengan budu merupakan *delicacy* kepada masyarakat nelayan di sini.

Pada tahun 1970-an di Kuala Kemaman rancangan sedang giat diatur oleh Pejabat Perikanan Kemaman, untuk menubuhkan sebuah syarikat ko-operatif "... untuk membolehkan nelayan-nelayan tulin yang miskin mempunyai pukat atau bot mereka sendiri supaya membebaskan mereka daripada ikatan orang tengah dan dengan demikian akan meninggikan taraf ekonomi nelayan."<sup>20</sup> Memang menurut masyarakat nelayan (dan ini disokong oleh Pembantu Perikanan di Pejabat Perikanan) dalam tahun-tahun lewat pun sudah ada sebuah syarikat nelayan di sana tetapi ia tidak merupakan sebuah syarikat dalam erti sebenar, malah lebih merupakan satu pakatan antara sekelompok nelayan yang berasal dari Kuala Ibai dan Kuala Terengganu. Jadi ahli-ahlinya terhad kepada nelayan-nelayan yang datang dari Kuala Ibai sahaja. Sekarang syarikat ini tidak lagi bergiat aktif dan telah disifatkan 'mati' oleh pejabat perikanan di sini. Mengikut pegawai pejabat perikanan di sini, syarikat ko-operatif yang dicadangkan itu akan menerima semua nelayan tanpa mengira tempat asal mereka. Tarif nelayan yang digunakan oleh pejabat perikanan ialah "orang-orang yang mendapat 60% atau lebih daripada jumlah pendapatannya dari bekerja dalam perusahaan menangkap ikan" dan pergi ke laut sekurang-kurangnya 90 hari dalam setahun. Jadi ciri baru di sini ialah ciri-ciri sebuah syarikat ko-operatif yang tidak menghadkan ahli-ahlinya dari satu-satu tempat sahaja dan syarikat yang berbentuk begini memang sesuai dengan kehendak hari ini. Secara keseluruhannya tujuan persatuan baru ini ialah meninggikan pendapatan serta membebaskan diri mereka daripada pebelengguan orang-orang tengah dan tauke. (Untuk tujuan yang sepenuhnya seperti yang terkandung dalam perlembagaan persatuan, lihat Lampiran 3).

### Kesimpulan

Kita dapat dalam setengah aspek perubahan sosioekonomi dalam masyarakat nelayan di Kuala Kemaman, ada yang berlaku itu sangat cepat seperti dalam penggunaan bot-bot berjentera dan pukat-pukat nylon tetapi

18 Mengikut sistem pembahagian ikan di Kuala Kemama, semua tangkapan itu akan dibahagi dua antara 'jeragan' dan 'awak-awak' setelah ditolak bayaran minyak. Misal tangkapan itu bernilai \$100/-, katakan wang minyak \$10.00; jadi dari bakinya \$90.00 itu, \$45.00 adalah bahagian 'jeragan' seorang dan \$45.00 lagi itu dibahagi antara 'awak-awak'.

19 Ungku Aziz, *op. cit.*, hlm. 15.

20 Petikan dari *Laporan dan Perangkoan Tahunan 1972*, Pejabat Perikanan Negeri Terengganu.

dalam aspek lain pula perubahannya perlahan, malah masih juga memandang kepada yang lama, seperti masih ramai di antara mereka yang percaya kepada perubatan tradisional. Oleh itu dapat dikatakan masyarakat di Kuala Kemaman dewasa ini berada dalam proses transisi dan kalau hendak mengikut kategori Guy Hunter, ianya berada dalam *Stage II*.<sup>21</sup> Mungkin perubahan-perubahan yang lebih banyak dan rancak akan berlaku di sana dalam tahun-tahun yang akan datang setelah memandang kepada perubahan-perubahan yang sedang berlaku pada tahun 1970-an.

---

21 "Stage II represents societies which have already been drawn quite far into a modern economy but are yet strongly held in traditional ways and values" dalam *Modernising Peasant Societies*, Oxford University Press, London, 1969, hlm. 31.

### Lampiran 1

#### Bilangan Nelayan di Daerah Kemaman, Terengganu

Mukim	Bilangan
Kerteh	75
Kemasik	176
Teluk Mengkuang	25
Kijal	439
Cukai	567
Kuala Kemaman (dan Geliga)	581
Jumlah	1,863

Jumlah seluruh Negeri Terengganu 10,868.

Sumber: Laporan dan Perangkaan Tahunan 1972, Pejabat Perikanan Negeri Terengganu.

### Lampiran 2.

#### Motorbot Baru Yang Didaftarkan Tahun 1972 bagi Daerah Kemaman

Kuasa-kuda (h.p.)	Bilangan
Kurang 10	18
10—19	18
20—29	10
30—39	1
40—59	8
60—79	2
80—89	2
90—99	—
100—120	2
Jumlah	61

Sumber: Petikan dari Laporan dan Perangkaan Tahunan 1972, Pejabat Perikanan Negeri Terengganu.

### Lampiran 3

#### Perlembagaan Persatuan Yang Dicadangkan Bahagian tujuan.

.....tujuan Persatuan ini adalah hendak memajukan kepentingan ekonomi dan masyarakat atau kesentosaan ahli-ahli dengan jalan mereka mengambil bahagian secara langsung dalam gerakan-gerakan Persatuan seperti berikut:

- (a) mengurus dan mengendalikan rancangan bantuan kewangan untuk mengadakan sumber-sumber kredit dan modal bagi ahli,
- (b) memajukan pelajaran dan latihan bagi ahli termasuk pengedaran maklumat mengenai perkara-perkara yang mungkin menarik perhatian ahli,
- (c) mengatur pameran, pasaria dan pertunjukan,
- (d) mengatur usaha menangkap ikan atau memelihara kehidupan-kehidupan dalam air, mengumpul, memproses, membahagi dan melupus benda-benda keluaran ahli,
- (e) mengadakan pusat kesihatan, didikan kanak-kanak, pertubuhan jimat cermat, insuran, bantuan bersama dan lain-lain rancangan kebijakan,
- (f) membantu dalam penyiasatan dan pengumpulan perangkaan mengenai perusahaan menangkap ikan,
- (g) mengadakan boyo dan lain-lain alat bantuan pelayaran dan kemudahan-kemudahan di pelabuhan perikanan,
- (h) menjadi sebagai orang tengah dalam pertikaian yang berbangkit dalam perusahaan menangkap ikan dalam mana seorang atau beberapa orang ahli terlibat,
- (i) mengatur penyertaan ahli dalam apa-apa rancangan pemilihan yang diarahkan oleh ketua pengarah perikanan.

*Sumber:* Petikan dari salinan stelan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perikanan, Kemaman, Terengganu.

# Kampung Mengabang Telipot, Kuala Terengganu: Satu Kajian Tentang Perkembangan Ekonomi, Masalah Dan Proses Perpindahan Nelayan\*

DAGANG MOHD. YUNUS<sup>+</sup>

## Pendahuluan

**P**ERIKANAN merupakan salah satu sektor penting dalam ekonomi Terengganu. Walaupun sumbangannya kepada hasil negeri agak kecil berbanding dengan sektor-sektor lain, tetapi lebih seperenam penduduknya adalah nelayan. Nelayan-nelayan Terengganu biasanya tinggal di sepanjang pantai. Masyarakat umum tahu kebanyakannya mereka adalah miskin. Tetapi tidak ramai yang sedar akan perkembangan kampung-kampung tersebut. Kajian ini cuba menggambarkan sejarah perkembangan ekonomi dan masalah di sebuah kampung nelayan. Dari satu segi kajian ini akan memperlihatkan pengenalan unsur-unsur moden dan penerimaan masyarakat setempat terhadap modernisasi. Di samping itu akan juga mengemukakan masalah nelayan di Kampung Mengabang Telipot. Usaha-usaha nelayan menyelesaikan masalah mereka sendiri akan juga dibicarakan.


Kampung Mengabang Telipot terletak kira-kira 13 batu ke utara bandar Kuala Terengganu. Suatu ketika kampung ini merupakan sebuah perkampungan nelayan yang agak 'gemilang'. Setiap petang kecuali hari Jumaat, pantainya menjadi tumpuan. Petani-petani dari kampung-kampung sekitar, peraih-peraih ikan dari kampung-kampung di pedalaman ke sana untuk membeli ikan. Anak dan isteri nelayan saban petang gigih menunggu perahu-perahu nelayan pulang. Tetapi sekarang keadaan sudah berubah. Pantainya lengang sahaja. Tidak dikunjungi siapa-siapa untuk urusan perikanan. Peraih-peraih ke Mengabang Telipot menjual bukan lagi membeli ikan.

## Latar Belakang

Mengabang Telipot ialah sebuah perkampungan nelayan, letaknya di

\* Kajian ini lebih banyak berdasarkan kepada wawancara dengan nelayan, pemerhatian dan penglibatan sendiri sebagai nelayan (sebagai nelayan sambilan sewaktu cuti sekolah) sejak tahun 1970.

+ Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1978.



*Kedudukan Kampung Mengabang Telipot.*

pinggir Laut Cina Selatan, kira-kira 13 batu ke utara bandar Kuala Terengganu. Sebenarnya kalau menyusur pantai jaraknya cuma 8 batu sahaja. Keadaan kampung dan kehidupan nelayan Mengabang Telipot mempunyai ciri-ciri persamaan dengan perkampungan nelayan di tempat-tempat lain di Terengganu. Ini termasuklah kemahiran, pengetahuan dan kepercayaan tradisional juga penggunaan teknologi. Teknologi moden dan kepercayaan serta kemahiran tradisional diamalkan serentak.<sup>1</sup>

Hampir keseluruhan penduduk Mengabang Telipot adalah nelayan, pekerjaan turun-temurun masyarakat di sini. Dari segi perusahaan perikanan di Kuala Terengganu memang Mengabang Telipot sebuah tempat penting di samping Seberang Takir, Kuala Ibai, Duyung dan Batu Rakit.<sup>2</sup> Walaupun begitu pembukaan kampung ini tidak dipertimbangkan secara mendalam kepada faktor-faktor ilmu alam, "size" dan jenis (*type*) penempatan perikanan. Kedudukannya terdedah kepada Laut Cina Selatan dan tidak terkawal. Keadaan ini tidak sesuai untuk melabuh bot-bot berinjin (seterusnya ditulis motor, mengikut kegunaan harian nelayan Terengganu) yang semakin bertambah dan semakin besar. Masa dahulu nelayan menggunakan perahu yang senang disorong-tarik bila memerlukannya. Perkembangan begini menjadikan Mengabang Telipot tidak sesuai untuk aktiviti perikanan secara besar-besaran.<sup>3</sup> Bagaimanapun perkara ini tidak menghalang nelayan Mengabang Telipot menerima teknologi moden. Sehingga 1960-an kegiatan perikanan di sini meningkat maju. Nelayan-nelayan menyesuaikan diri dengan keadaan. Pada musim tengkujuh motor-motor dilabuhkan di Kuala Terengganu. Musim teduh (bukan tengkujuh) pula motor berlabuh di pangkalan (kampung).

Menjelang 1970-an kedudukan Mengabang Telipot sebagai sebuah perkampungan nelayan mula merosot. Nelayan-nelayan Mengabang Telipot mendapat saingan hebat dari motor yang lebih besar dengan pukat yang lebih moden seperti Pukat Harimau (Pukat Tunda) dan Pukat Jerut. Untuk meneruskan hidup ada setengahnya berpindah tempat dan kerja. Tetapi bilangannya agak kecil. Masih ramai nelayan yang tinggal di kampung, menyesuaikan diri dengan keadaan. Suatu hal yang nyata mereka lebih cenderung menggunakan alat-alat yang lebih moden tetapi disediakan oleh tauke-tauke. Perahu boleh dikatakan tidak digunakan lagi. Namun, perahu kolek tetap berguna di musim teduh, terutamanya untuk menangkap sotong. Tetapi masa kerjanya terbatas. Sementara itu generasi muda yang kebanyakannya mempunyai sedikit pelajaran formal tidak cenderung untuk menjadi nelayan.

### Perkembangan Ekonomi

#### a) *Ekonomi Tradisional*

Di Mengabang Telipot, menangkap ikan telah lama dikerjakan orang.

1 Ariffin Embong, 'Aspek-aspek Sosiobudaya Komuniti Nelayan Mengabang Telipot Terengganu', Latihan Ilmiah untuk Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur 1975/1976, him. 87.

2 Ibid., him. 2.

3 Abdul Hamid bin Abdullah, 'Some Aspects of Rural Development in Terengganu, West Malaysia 1957—1969'. Theses M.A., University of Malaya, Kuala Lumpur 1971, him. 253.

Asalnya cuma tali kail sahaja digunakan dan nelayan-nelayan pun pergi tidak jauh dari pantai. Perahu yang digunakan pun kecil-kecil.<sup>4</sup> Setelah lama kemudian baharulah nelayan Mengabang Telipot tahu menggunakan pukat. Menurut Encik Chik bin Muhammad,<sup>5</sup> lebih seratus tahun dahulu Pak Mamat dari Bachok Kelantan telah memperkenalkan Pukat Tangkul di Mengabang Telipot. Ketika itu pukat yang digunakan diperbuat dari urat kulit kayu. Benang belum ada. Kedatangan Pak Mamat cuma hendak mengajar orang-orang Mengabang Telipot membuat dan menggunakan pukat tersebut. Beliau pulang setahun kemudian. Ilmu "menangkul"<sup>6</sup> diperlakukan kepada Pak Tahir, Pak Him dan Khatib Kassim. Ketiga-tiga orang inilah yang mengembangkan penggunaan Pukat Tangkul di Mengabang Telipot. Kira-kira dua puluh tahun kemudian baharulah nelayan Mengabang Telipot tahu membuat pukat benang. Pukat benang mula dicipta oleh Khatib Abdullah berdasarkan pukat yang diperkenalkan oleh Pak Mamat dahulu. Dengan pengenalan pukat benang ini Pukat Tangkul mula berkembang. Di samping itu pukat-pukat jenis baru iaitu Pukat Tarik dan Pukat Dalam mula dicipta. Penggunaan Pukat Tangkul pun mula merebak ke tempat-tempat lain di Terengganu. Tetapi kemahiran membuat pukat cuma dimiliki oleh nelayan-nelayan Mengabang Telipot sahaja. Orang-orang di luar Mengabang Telipot tahu membuat pukat cuma 20 tahun kebelakangan ini.<sup>7</sup>

Walaupun ada pukat jenis lain, Pukat Tangkul digunakan dengan luasnya. Dari tiga bidang pukat ini meningkat menjadi tiga puluh bidang. Tiap-tiap sebidang Pukat Tangkul mengandungi dua puluh lima hingga tiga puluh orang. Lima buah perahu digunakan. Perahu-perahu adalah hak milik nelayan yang agak berkemampuan di kalangan mereka. Beliaulah yang menjadi 'juragan' (ketua) perahu itu. Sementara pukat pula adalah milik bersama. Pukat-pukat dibeli dari pembuat-pembuat pukat secara berhutang. Satu pertiga dari pendapatan sebidang Pukat Tangkul ditolak untuk membayar harga pukat secara ansuran. Ini dikenali sebagai bahagian pukat. Bahagian pukat ini diteruskan sehingga harga pukat jelas dibayar. Setelah jelas bahagian pukat dibahagikan di kalangan anggota-anggota Pukat Tangkul tersebut.

Oleh kerana alat kelengkapan yang digunakan tidak begitu baik nelayan tidak dapat pergi jauh ke tengah laut. Masa bekerja juga terbatas, kira-kira tujuh bulan sahaja. Pada pertengahan bulan Oktober hingga pertengahan bulan Mac nelayan tidak ke laut kerana gelombang besar (musim tengkujuh). Menjelang hampir ketibaan musim tengkujuh nelayan-nelayan menyediakan bahan keperluan mereka. Biasanya 'juruselam' (ketua Pukat Tangkul) bertanggungjawab dalam soal ini. Kerja-kerja harian juga banyak

4 Kenyataan ini berdasarkan penerangan oleh Encik Embong bin Jusoh (lebih kurang 50 tahun) ketika di wawancara di rumahnya di Kampung Tanjung Gelam, Mengabang Telipot, Kuala Terengganu pada 17 September 1977. Mengikut beliau, setakat yang dia ingat dan berdasarkan cerita keluarganya, tiga generasi sebelumnya menangkap ikan sudah dikerjakan orang di sini.

5 Wawancara Encik Chik bin Muhammad (80 tahun) di rumahnya di Kampung Tanjung Gelam, Mengabang Telipot pada 22 November 1977.

6 Ilmu menangkul dimaksudkan ialah selok-belok menangkap ikan dengan menggunakan Pukat Tangkul. Penerangan ringkas berkaitan pukat tersebut diberikan dalam lampiran A.

7 Wawancara Encik Chik b. Muhammad. Pendapat beliau disokong oleh Encik Hassan b. Jusoh (65 tahun, lebih kurang). Encik Hassan juga ditemutanya di rumah Encik Chik pada 22 November 1977.

selepas balik dari laut pukat dijemur, kemudian dibaiki mana yang koyak. Secara kasarnya nelayan bekerja sepanjang hari.

Nelayan-nelayan juga amat bergantung kepada kepercayaan dan kemahiran tradisional. Jampi Serapah dan doa digunakan untuk melindungi diri dari bahaya di laut, mendapat hasil yang lebih dan sebagainya. Nelayan juga tahu meramalkan cuaca secara tradisional. Seorang juruselam pula mestilah mengetahui dan memahami keadaan ikan di laut, mengawal pernafasan ketika menyelam, boleh berbomoh dan menyelaraskan kerja di samping mempunyai "pendinding" dari bahaya. Nelayan, khususnya di Mengabang Telipot, mahir menggunakan "tandaan". "Tandaan" adalah penentuan kedudukan sesuatu tempat di laut yang penting bagi nelayan seperti unjang (rumah ikan), batu karang, dan teranas (kandang ikan). Dua jenis "tandaan" digunakan serentak, iaitu "timur barat" dan "laut darat". Pulau-pulau di sekitar seperti Pulau Bidung, Pulau Yu, Pulau Karah, Pulau Redang, dan Pulau Geluk digunakan untuk "tandaan laut darat" iaitu penentuan jauh tempat itu berada dari pantai. Untuk "tandaan timur barat" pula digunakan bukit-bukau dan pokok-pokok di daratan yang dapat dilihat dari laut. Kadangkala bintang dan tiupan angin juga digunakan. Biasanya nelayan menamakan tempat-tempat berkenaan dengan nama yang pelik-pelik, kadangkalai melucukan mengikut keadaan yang mereka lihat. Antaranya "Redang Bercium — Kayu Besar Dilekuk" dan "Mengandar — Kayu Jong Permatang Kawah".<sup>8</sup>

Kepercayaan dan kemahiran tradisional ini walaupun kadangkala disertai oleh upacara-upacara tertentu tetapi tidaklah bertentangan dengan lunas-lunas agama. Nelayan menggunakan supaya tidak turun ke laut dengan batang tubuh semata-mata. Sampai hari ini kebanyakannya masih lagi digunakan.

Ikan-ikan yang ditangkap dijual di Kuala Terengganu. Kebiasaannya "dagangan" (orang tengah) menguruskan penjualan ikan bagi pihak nelayan. Sebagai ganjarannya "dagangan" menerima satu peratus dari jumlah hasil yang dijual. Peraih-peraiah (penjaja) ikan dari kampung-kampung yang berdekatan kemudiannya memainkan peranan dalam pemasaran ikan ini. Mereka hanya berjalan kaki dengan mengandar ikan untuk dijaja kepada petani-petani di kampung-kampung sekitar. Kebanyakan mereka dari Kampung Batu Enam. Bagaimanapun kalau hasil tangkapan banyak ia akan dihantar ke Kuala Terengganu atau Seberang Takir untuk dijadikan ikan kering. Di Mengabang Telipot pekerjaan membuat ikan kering baru dimulakan lebih kurang 80 tahun dahulu oleh Encik Mat Min.<sup>9</sup> Dengan bermulanya pekerjaan ini meluaskan lagi pemasaran ikan di Kampung Mengabang Telipot. Ikan-ikan kering kemudiannya dihantar ke Kuala Terengganu untuk dieksport ke Singapura. Urusan perniagaan ini dijalankan

<sup>8</sup> Tandaan "Redang Bercium — Kayu Besar Dilekuk" bermaksud suatu tempat di laut di mana, jika berada di situ, kelihatan hujung Pulau Redang dan Pulau Bidung betul-betul rapat seperti bercium lakunya. Di daratan pula kelihatan pokok Kayu Besar berada di lekuk bukit.

Di "Mengandar — Kayu Jong Permatang Kawah" pula kelihatan kedudukan Pulau Redang dan Pulau Bidung seperti dua buah bakul yang dikandar orang. Sebatang pokok kayu di Bukit Jong (Kayu Jong) seolah-olah berada di Permatang Bukit Kawah.

<sup>9</sup> Menurut keterangan Encik Chik, Encik Mat Min adalah bapa saudara beliau.

oleh orang-orang yang berhubungan dengan seorang saudagar Singapura bernama Hindi Chang.<sup>10</sup>

Pendapatan dari hasil tangkapan ini dibahagi-bahagikan seminggu sekali. Di samping itu hasil jualan oleh "daganan" disimpan. Dibahagi-bahagikan bila tertutup musim iaitu bila tiba musim tengkujuh. Pembahagian duit ketika dahulu memakan masa dua atau tiga hari terus-menerus. Duit ditompok-tompokkan kepada bahagian-bahagian tertentu. Setelah ditolak satu peratus untuk "daganan" dan satu pertiga bahagian pukat, selebihnya dibahagikan di kalangan nelayan yang berkenaan. Biasanya  $7\frac{1}{2}$  bahagian dilebihkan untuk diberi kepada juruselam dan orang-orang lain yang dianggap bekerja lebih dari nelayan 'awak-awak' (*crew*). Pada tahun 1930 baharulah nelayan Mengabang Telipot menggunakan jurutulis untuk merekod hal-hal yang berkaitan. Bagaimanapun jurutulis tadi menggunakan simbol-simbol yang hanya dia sendiri memahaminya. Tradisi ini kemudiannya berkembang selari dengan pengetahuan membaca dan menulis masyarakat Mengabang Telipot.

Apa yang menarik, penglibatan ke dalam semua aktiviti perikanan dimonopoli oleh orang-orang Melayu sekurang-kurangnya sehingga 1925. Orang-orang Cina mula masuk ke Mengabang Telipot pada 1911, iaitu seorang peniaga yang dikenali dengan panggilan Keo. Tetapi pada 1925-1930-an orang-orang Cina mula terlibat dengan aktiviti perikanan. Perintisnya ialah seorang yang dikenali dengan nama Leong.<sup>11</sup> Penglibatan ini tidak pula dapat menandingi orang-orang Melayu yang agak sudah kukuh kedudukannya. Ini jelas, kerana kebanyakan tauke-tauke ikan di Mengabang Telipot terdiri daripada orang-orang Melayu sehingga 1960-an.

#### b. *Pemodenan sejak 1950-an hingga 1960-an*

Menurut Abdul Hamid bin Abdullah<sup>12</sup> pemodenan bot-bot (motor) nelayan di dapat dalam dua cara. Pertama dengan meletakkan injin di dalam (*inboard engine*) kepada perahu tradisional. Kedua membina satu motor jenis baharu yang cukup besar untuk menggunakan jaring dan bubu. Mengikut bahasa sehariannya nelayan, membuat motor "sekuci" dan "bidur", dua jenis perahu tradisional dan "motor belakang potong" (jenis baharu). Berdasarkan ini, dapat dikatakan pemodenan di Mengabang Telipot telah bermula sejak 1950<sup>13</sup>. Pada peringkat permulaan ini motor hanya digunakan untuk menunda perahu-perahu Pukat Tangkul dan membeli ikan di laut. Kemudiannya kegunaan motor menjadi meluas. Setiap bidang Pukat Tangkul mempunyai motor sendiri. Motor ini adalah hak milik nelayan-nelayan yang berkemampuan dan juga disediakan oleh tauke-tauke. Ada juga permuafakatan di kalangan anggota-anggota Pukat Tangkul untuk membeli motor dan memiliki bersama secara bayaran beransur-ansur. Kaedah ini sama seperti mereka membeli pukat sebelum 1950-an dahulu. Bagaimanapun percubaan ini tidak berjaya kerana masalah pengurusan dan 'awak-awak'

10 Ibid.

11 Ibid.

12 Abdul Hamid bin Abdullah, *op. cit.*, hlm. 248.

13 Keterangan Encik Chik dan Encik Hassan. Encik Chik turut serta memperkenalkan motor tersebut kepada nelayan tempatan pada 1949. Bagaimanapun, tegas beliau bersungguh-sungguh, sehingga tahun berikutnya tidak seorang pun mahu mencubanya.

sebidang Pukat Tangkul sering berubah-ubah.

Perkembangan penggunaan motor adalah secara berperingkat-peringkat.<sup>14</sup> Pada mulanya sebidang Pukat Tangkul menggunakan sebuah motor dan lima buah perahu. Kemudiannya dua buah motor empat buah perahu. Kira-kira 4 hingga 5 tahun keadaan ini berterusan. Nelayan Mengabang Telipot meningkat selangkah lagi ke hadapan kemudiannya. Sebanyak tiga buah motor dan tiga buah perahu digunakan. Peringkat inilah yang paling lama diamalkan. Kira-kira tahun 1965 cuma dua buah perahu sahaja digunakan dan motor empat. Perkembangan seterusnya, nelayan hanya menggunakan sebuah perahu dan lima buah motor menjelang akhir 1960-an. Kegunaan perahu ini amat penting untuk mendekati 'unjang' supaya tidak bising. Dengan demikian ikan tidak akan lari dari unjang. Di samping itu jumlah kuasa kuda injin yang digunakan juga meningkat maju. Pada 1950-an nelayan hanya menggunakan injin empat kuasa kuda. Selepas tiga atau empat tahun meningkat kepada enam atau lapan kuasa kuda. Peringkat ini "sekuci" dan "bidur" masih lagi digunakan. Tetapi penggunaan "belakang potong" telah mula mendapat tempat. Menjelang 1962 apabila rata-rata nelayan menggunakan "motor belakang potong", kuasa kudanya meningkat kepada 16 atau 22. Motor-motor inilah menjadi kegunaan ramai. Motor-motor yang lebih kecil masih ada tetapi peranannya tidak lagi sepenting dahulu. Tahun 1970-an menampakkan kemajuan yang menggalakkan. Motor-motor 33, 37 malah meningkat ke 60 atau lebih kuasa kuda ada digunakan.

Penggunaan motor ini membolehkan nelayan pergi jauh dari pantai. Hasil tangkapan mereka kian bertambah. Kerja-kerja nelayan menjadi lebih mudah. Mereka tidak perlu lagi membawa bekal kerana boleh memasak di atas motor. Di samping itu, sejak 1964 nelayan telah menggunakan pukat dari benang tiruan (*banglon*). Dengan demikian mereka tidak lagi menjemur pukat selepas pulang. Masa bekerja pun lebih lama dengan penggunaan motor yang lebih besar. Dari segi lain pula pemodenan ini menyebabkan kemahiran tradisi nelayan Mengabang Telipot iaitu membuat pukat agak terganggu. Bagaimanapun pukat-pukat jenis baru yang diimport dari Jepun itu buatannya tidak sesuai untuk digunakan di sini. Jadi ia perlu diubahsuai. Cuma dalam hal ini sahaja lagi tukang-tukang pukat tradisional dapat berperanan. Sekarang sebidang Pukat Tangkul dapat disiapkan oleh seorang sahaja.

Pada 1950-an dan 1960-an pemasaran ikan menjadi bertambah meluas. Di Mengabang Telipot sendiri tauke ikan kering kian bertambah. Di samping itu pada 1960-an timbul pula pekerjaan baru iaitu membuat keropok. Kedua jenis pekerjaan ini disamping dapat meluaskan pemasaran ikan dapat pula memberi pekerjaan kepada wanita-wanita tempatan. Pekerjaan membuat keropok kemudiannya berkembang maju pada 1970-an. Ini berikutnya pasarnya telah menyeluruh ke segenap rantau tanahair. Peraih-peraih ikan

14 Peringkat-peringkat yang diuraikan adalah hasil perbincangan penulis sendiri dengan Encik Ali bin Muhammad (25 tahun), Wan Abdul Ghani Salleh (27 tahun) dan Encik Ghazali Talib (24 tahun), di rumah Wan Abdul Ghani di Kampung Tanjung Gelam, Mengabang Telipot, Kuala Terengganu, pada 16 September 1977.

secara kecil-kecilan juga telah bertambah bilangannya. Mereka telah maju ke depan selangkah lagi. Kalau dulu hanya berjalan kaki tetapi sejak akhir 1950-an mereka menggunakan basikal. Kemudianya motosikal pula digunakan. Pasarannya pun semakin jauh ke pedalaman.

Penggunaan motor juga menyenangkan nelayan membawa hasil tangkapan ke Kuala Terengganu. Di Kuala Terengganu ikan dijual secara lelong. Sekali lagi "daganan" memainkan peranan melelong ikan bagi pihak nelayan. Selalunya "daganan" itu sendiri adalah tauke ikan. Sekiranya harga ikan yang ditawarkan tidak memuaskan hatinya mereka sendiri membelinya. Harganya pula berdasarkan apa yang difikirkan patut oleh "daganan" tersebut. Suatu hal yang nyata, "daganan" menjadi bertambah penting kepada nelayan.

Penggunaan peralatan moden dari satu segi menyenangkan pekerjaan nelayan. Dar segi lain pula menggalakkan penglibatan aktif orang tengah. Alat kelengkapan selalunya disediakan oleh tauke kerana ketidakmampuan nelayan menyediakannya. Kadangkala tauke dan "daganan" merupakan orang yang sama. Jadi, sebahagian pendapatan nelayan adalah kepunyaan mereka.

Pembahagian pendapatan nelayan masih juga seperti dahulu. Tetapi duit tidak lagi disimpan hingga hujung tahun. Biasanya semua sekali pendapatan dibahagikan seminggu sekali. Walaupun pendapatan keseluruhannya bertambah tetapi "cabutan"nya juga meningkat. Pendapatan keseluruhan dicabut lima peratus untuk "daganan". Kemudian ditolak perbelanjaan lain seperti minyak, duit teh harian awak-awak (dipanggil cemor) dan lain-lain. Pendapatan bersih 35% adalah hak tauke dan selebihnya bahaurlah dibahagikan. Pembahagian tidaklah sama rata. Orang yang dianggap lebih penting mendapat bahagian yang lebih. Kalaupun ada kemajuan pembahagian duit tidak lagi memakan masa berhari-hari seperti dahulu. Sesuai dengan peredaran masa dan pelajaran yang sedikit-sedikit setengah daripada mereka terima, nelayan pun sudah tahu mengira dengan agak lebih baik.

#### c. *Perkembangan 1970-an*

Pada tahun-tahun 1970-an kecenderungan mengguna motor yang lebih besar semakin bertambah. Berikutan dengan ini pukat-pukat yang lebih moden seperti Pukat Jerut, Pukat Kilat dan Pukat Harimau (Pukat Tunda). Pukat Tangkul ternyata tidak sesuai digunakan oleh motor yang besar kerana pendapatannya tidak dapat menampung kos. Lagi pula sukar untuk mengerjakannya. Perkembangan ini menyebabkan banyak Pukat Tangkul berkubur. Sehingga 1976 di Mengabang Telipot cuma tinggal tiga bidang Pukat Tangkul sahaja. Itu pun sekejap dikerjakan sekejap tidak. Umumnya bolehlah dikatakan Pukat Tangkul telah mati di Mengabang Telipot. Pukat-pukat yang lebih moden menyebabkan kemerosotan Pukat Tangkul. Pukat Kilat dan Pukat Jerut menangkap ikan di waktu malam dan menggunakan api untuk menarik tumpuan ikan. Keadaan ini menyebabkan ikan lari dari unjang dan dengan ini Pukat Tangkul tidak dapat menangkapnya. Masalahnya di Mengabang Telipot hampir tidak ada pukat jenis ini.

Kebanyakan Pukat Jerut dan Pukat Kilat menggunakan motor yang besar-besar. Setengahnya dari Kelantan.

Keadaan ini menyebabkan nelayan berpindah ke tempat lain, memasuki rancangan tanah kerajaan dan ada juga yang bekerja dengan motor-motor berpukat moden tersebut. Kebanyakan nelayan Mengabang Telipot sekarang menggunakan Pukat Dalam sebagai jalan keluar menghadapi persaingan tersebut. Pukat Dalam kebanyakannya menggunakan motor 16 atau 22 kuasa kuda. Cuma sebuah motor sahaja untuk sebidang Pukat Dalam. Walaupun pukat ini telah lama digunakan tetapi baharu tahun 1970-an berkembang. Tiap-tiap sebidang pukat ini memerlukan 8 hingga 11 orang pekerja. Pukat Dalam hanya menangkap ikan yang timbul di permukaan laut atau "ikan rantaui". Jadi, pukat ini dicipta sebagai tindak-balas nelayan yang selalu menemui ikan timbul tetapi tidak tahu cara menangkapnya sebelum itu. Kebanyakan kelengkapan untuk pukat ini disediakan oleh tauke. Jarang kedapatan nelayan sendiri memilikinya. Pembahagian pendapatan pukat ini pada dasarnya sama juga dengan kaerah Pukat Tangkul. Perbezaannya, tauke mendapat 40% dan 15% dari bahagian tauke diberikan kepada orang yang dipercaya mengetuai pukat tersebut, jeragan.

Dengan penggunaan alat kelengkapan moden ini nelayan boleh dikatakan dapat ke laut sepanjang tahun kecuali ketika gelombang terlampau kuat dan angin terlalu kencang. Zaman ini ramalan cuaca dari radio dan televisyen Malaysia berguna besar kepada nelayan. Satu perkembangan baru, nelayan Mengabang Telipot sekarang cenderung menukar-nukarkan jenis pukat yang digunakan mengikut musim. Umpamanya musim teduh Pukat Dalam digunakan dan musim bergelombang (November hingga Mac) digunakan pula Pukat Tunda Udang atau Pukat Hanyut.

Dengan penubuhan MAJUIKAN (November 1971) boleh dikatakan keadaan nelayan terjamin sedikit. Harga ikan boleh dikatakan stabil dan naik sedikit. Umumnya nelayan berpuas hati dalam soal ini.<sup>15</sup> Bagaimanapun mereka tidak puas hati keadaan di Kompleks MAJUIKAN di Pulau Kambing, Kuala Terengganu. Menurut mereka mendaratkan ikan di kompleks tersebut memakan masa dan rumit. Susah untuk motor-motor kecil. Walaupun demikian keadaan lebih baik dari dahulu. Nelayan-nelayan juga tidak puas hati dengan bantuan kerajaan. Menurut mereka lagi bantuan itu kepada mereka yang sudah berada. Untuk mendapat bantuan terlalu susah. Ramai nelayan tidak memahaminya.

Pada tahun 1975 nelayan-nelayan Mengabang Telipot menubuhkan Koperasi Nelayan. Sebelum itu sudah ditubuhkan Syarikat Kerjasama Nelayan tetapi gagal berperanan secara berkesan. Kebanyakan nelayan sedar akan faedah koperasi. Tetapi cuma 30% sahaja daripada nelayan di sini menjadi ahlinya. Ramai nelayan mendakwa mereka tidak tahu perjalanan koperasi mereka. Mereka hanya membayar saham tetapi tidak merasai faedahnya. Walaupun telah dua tahun Koperasi Nelayan Mengabang Telipot

15 Pandangan nelayan terhadap MAJUIKAN ini adalah analisa penulis sendiri. Analisa dibuat berdasarkan kerja lapangan. Penulis menyertai teman dari Universiti Pertanian Malaysia, Che Mat Abu Bakar membuat kajian tentang perusahaan perikanan di kampung-kampung nelayan termasuk Mengabang Telipot pada 24 Mei 1977.

berjalan baru sekarang cuba mengorak langkah. Selepas penubuhannya tidak ada mesyuarat agung dijalankan.<sup>16</sup> Keadaan ini berlaku mungkin kerana kesukaran di peringkat pengurusannya. Mungkin juga pemimpin-pemimpin Koperasi Nelayan Mengabang Telipot merencanakan aktiviti-aktiviti koperasi mereka secara senyap-senyap. Suatu hal yang nyata nelayan-nelayan kurang memahami konsep dan pentadbiran koperasi. Perkara ini memerlukan bimbingan dan tunjuk-ajar dari pihak-pihak yang berkenaan.

### Masalah-masalah Nelayan Mengabang Telipot

Masalah paling dasar dalam mana-mana masyarakat nelayan, sekurang-kurangnya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, khususnya di Mengabang Telipot adalah kemiskinan. Profesor Ungku Aziz berpendapat dunia nelayan adalah semuanya kelabu. Di muka nelayan jelas terbayang penderitaan akibat kemiskinan mereka. Pendapatan mereka tidak begitu mencukupi, boleh diibaratkan "kais pagi makan esok", kira-kira lima puluh hingga seratus ringgit sebulan.<sup>17</sup> Keadaan kampung nelayan membayangkan kemiskinan penduduknya. Di Mengabang Telipot kebanyakannya rumah kecil-kecil belaka. Adalah beberapa buah terkecuali. Rumah-rumah yang agak lebih besar dipunyai oleh tauke-tauke ikan, tauke keropok, juragan, juruselam, guru dan mereka yang bekerja dengan kerajaan. Hakmilik nelayan cuma rumah dan sedikit sahaja di kalangan mereka mempunyai perahu yang juga kecil (kolek). Nelayan tidak mampu memiliki alatan yang lebih moden. Sudah dijelaskan terdahulu pukat yang berharga kira-kira seratus hingga tiga ratus ringgit pun dibeli secara berhutang.

Kemiskinan nelayan bukanlah sangat disebabkan oleh kemalasan dan sikap mereka yang tidak mahu menerima perubahan. Kalau malas tidaklah nelayan ke laut subuh-subuh hari, kadangkala malam hari. Mereka juga berusaha memodenkan pekerjaan mereka. Huraiyan yang terdahulu memperlihatkan mereka menerima pemodenan selagi keselamatan dan kesejahteraan mereka semasa kerja di laut terjamin. Sebenarnya:

Kemiskinan nelayan adalah berpunca dari sistem sosial yang begitu rupa yang mencengkam nelayan-nelayan. Sistem sosiallah membuat nelayan miskin terutamanya awak-awak walau begitu rajin pun mereka bekerja dan semoden mana pun teknologi yang mereka gunakan.<sup>18</sup>

Kebiasaan turun-temurun nelayan bekerja secara kecil-kecilan, secukup hidup. Kawasan tangkapan sudah diusahakan dari generasi demi generasi. Jadinya sumber hasil beransur berkurangan. Pendapatan mereka mulai merosot. Kelengkapan moden yang seharusnya digunakan memerlukan modal yang banyak. Risikonya juga tinggi. Ternyata nelayan tidak berke-

16 Keterangan juga didasarkan kepada sungutan, perbincangan serta perbualan nelayan-nelayan di wakaf dan kedai-kedai kopitiam. Dalam keadaan demikian nelayan mengeluarkan rasa tidak puas hati dengan bebas. Nelayan tidak suka majlis formal. Bagaimanapun analisa dibuat dengan menimbangkannya seteliti mungkin.

17 Ungku Abdul Aziz Hamid, "Kebuluran Tak Ketara Di Kuala Kemaman", dalam *Rencana-rencana Ekonomi dan Kemiskinan*, Pustaka Melayu, Singapura 1959. Pendapat beliau dikutip dari kajian ilmiah Ariffin Embong, op. cit., hlm. 20-21.

18 Ariffin Embong, hlm. 23.

mampuan. Di sinilah peranan orang-orang tengah sangat-sangat diperlukan. Nelayan-nelayan begitu bergantung kepada mereka. Keadaan ini menyebabkan nelayan terdedah kepada cengkaman dan penindasan orang-orang tengah tersebut. Alat kelengkapan mereka sediakan. Oleh itu pemasaran dalam tangan mereka, di samping sebahagian hasil pendapatan nelayan. Hubungan begini juga menjadikan gerakan Syarikat Kerjasama kurang berjaya.

Meskipun pendapatan bertambah, perbelanjaan juga meningkat. Pembahagian pula tidak sama rata. Kalau awak-awak mendapat sebahagian, juruselam, juragan dan mereka yang dianggap penting, seperti jurupukat, juruinjin mendapat dua tiga bahagian lebih. Ini selepas ditolak pendapatan tauke. Nelayan-nelayan juga tidak berpeluang membuat kerja sampingan. Di samping tidak ada kemahiran nelayan juga tidak mempunyai waktu. Pekerjaan menangkap ikan memerlukan penglibatan sepenuh masa. Masa-masa tidak ke laut cuma di musim hujan dan angin kencang. Tanah pantai yang berpasir tempat nelayan tinggal tidak sesuai untuk bercucuk tanam. Cuma pohon ru dan pokok kelapa sahaja yang boleh hidup subur.

Pendek kata, kemiskinan adalah "lingkaran jahanam" (*Vicious Circle*) kepada nelayan. Kerana miskin mereka tidak boleh melabur dalam perusahaan perikanan secara besar-besaran. Umumnya kemasukan teknologi moden pun tidak membawa nelayan ke mana-mana arah yang lebih baik lagi. Mereka masih miskin tetapi tidak lagi 'kebulur'. Nelayan sekarang sudah agak mampu menyediakan keperluan asas seperti makan minum, tempat tinggal yang lebih baik sedikit, pelajaran anak-anak dan lainnya. Perubahan yang ada tidaklah besar. Bagaimanapun adalah lebih baik dari dahulu.

Satu lagi masalah adalah pangkalan. Mengabang Telipot bukanlah sebuah pangkalan perikanan yang baik. Kedudukannya terdedah kepada angin kencang dan gelombang besar. Tidak ada teluk tempat dibuat berlindung. Untuk perahu yang senang disorong-tarik mungkin sesuai. Motor-motor hanya dilabuhkan di pangkalan cuma di musim teduh, antara bulan April hingga pertengahan September. Musim selebihnya motor dilabuh di Seberang Takir. Jeti pun tidak ada di Mengabang Telipot. Ikan didaratkan di Kuala Terengganu. Lepas itu nelayan pulang semula ke pangkalan. Untuk naik ke darat digunakan sampan kecil.

Bila musim berlabuh di Seberang Takir nelayan terpaksa tinggal di sana. Mereka memenuhi kesesakan di Hujung Tanjung, Seberang Takir. Nelayan-nelayan pulang ke kampung biasanya seminggu sekali. Ikan dikirimkan untuk keperluan anak isteri setiap hari. Keadaan ini menyulitkan kepada penduduk yang bukan nelayan malah nelayan sendiri. Di Mengabang Telipot, walaupun sebuah kampung nelayan, sekarang ini terdapat peraih masuk menjaja ikan.

Keadaan hidup nelayan-nelayan Mengabang Telipot dan Seberang Takir amat menyedihkan. Tidak ada sebarang tempat tinggal yang khas. Nelayan-nelayan terpaksa tidur di atas 'ran' tempat menjemur ikan kering. Kalau dilihat pada siang hari tidak munasabah dijadikan tempat tidur. Selain dari itu mereka juga terpaksa menyediakan makanan sendiri. Suasana begini

merupakan kesulitan besar yang sudah menjadi biasa.<sup>19</sup>

Sejak akhir-akhir ini tenaga buruh juga telah menjadi masalah kepada nelayan-nelayan. Pukat Dalam yang biasanya memerlukan lapan orang, sekarang dikerjakan orang dengan enam orang sahaja. Kekurangan tenaga ini disebabkan oleh dua perkara. Pertama, ramai nelayan berpindah ke tempat lain dan ada yang berhenti dari menjadi nelayan. Kedua, generasi baru tidak berapa berminat untuk menjadi nelayan kecuali terpaksa.

Belia-belia anak nelayan kurang berminat untuk meneruskan pekerjaan warisan mereka. Mereka kebanyakannya mempunyai pelajaran formal. Mereka lebih suka bekerja makan gaji. Kerja makan gaji biasanya dipandang lebih tinggi oleh anggota masyarakat. Mana-mana yang berpelajaran agak rendah sedikit (setakat lulus SRP ke bawah) lebih cenderung bekerja di kilang-kilang. Kawasan perusahaan negeri, di Gong Badak, tidak jauh dari Mengabang Telipot sedang giat dibangunkan. Hanya mereka yang tidak berpelajaran terpaksa juga ke laut. Tetapi mereka lebih suka merantau ke tempat orang mencari peluang yang lebih baik. Sebab-sebab psikologi juga tidak kurang pentingnya. Kepada belia-belia, bekerja sebagai nelayan di kampung sendiri terutamanya, sukar untuk memikat gadis. Pada anggapan mereka gadis-gadis di kampung "tidak pandang" pun orang ke laut. Susah juga menafikan kebenaran anggapan mereka ini. Orang-orang zaman sekarang berlumba-lumba mencari kedudukan yang lebih baik.

Begitu juga kedhaifan dan kesukaran bekerja di kampung sendiri menyebabkan nelayan berpindah ke tempat lain. Ini adalah salah satu ikhtiar mereka untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Perpindahan mereka ini membawa kesan negatif pula kepada perkembangan perikanan di kampung sendiri. Setengahnya pula cuba mengalah pandangan bekerja di sektor-sektor lain. Ada sedikit-sedikit mencebur diri dalam perusahaan membuat keropok, menjadi peraih ikan dan bermiaga kecil-kecilan. Tetapi perusahaan membuat ikan kering sudah hampir tidak dikerjakan lagi di Mengabang Telipot.

### Proses Perpindahan Nelayan Mengabang Telipot

Setakat yang dapat dikesan nelayan-nelayan Mengabang Telipot mula keluar bekerja ke tempat orang kira-kira enam puluh tahun dahulu.<sup>20</sup> Proses keluar kampung ini dikenali sebagai "belayar ke kampung orang". Istilah ini masih kekal sampai sekarang. "Belayar ke kampung orang" zaman dulu-dulu melibatkan semua sekali anggota sebidang Pukat Tangkul, setelah mendapat khabar ikan banyak di satu-satu tempat. Kemudiannya nelayan-nelayan lebih cenderung "belayar ke kampung orang" pada musim tengkujuh dan bekerja di tempat sendiri musim teduh. Selepas Pukat Tangkul mengalami kemerosotan proses ini makin bertambah giat. Di akhir-akhir ini ramai nelayan yang "belayar ke kampung orang", balik ke kampung sekali-

19 Keadaan ini adalah rakaman pengalaman yang dialami sendiri sebagai nelayan sambilan semasa cuti-cutu persekolahan sejak 1970. Pergaulan mesra dengan nelayan-nelayan memungkinkan penulis menganalisa kesulitan yang diucapkan mereka secara sedar mahupun tidak sedar.

20 Berdasarkan keterangan Encik Hassan b. Jusoh. Menurut Encik Hassan salah seorang yang terlibat adalah Encik Mohd. moyang penulis sendiri. Cerita Encik Hassan lebih kurang sama dengan cerita cerita keluarga penulis.

sekala. Kadang-kadang berpindah anak-beranak. Setengahnya menetap terus di tempat-tempat tersebut.

Antara tempat-tempat yang menjadi tumpuan adalah Dungun dan Kemaman, di Terengganu. Perpindahan juga berlaku ke negeri-negeri lain iaitu Kuantan, Kuala Pahang dan Rompin di Pahang. Di Johor pula nelayan Mengabang Telipot lebih ramai berpindah ke Mersing di samping sedikit-sedikit ke Kuala Sedeli dan Endau. Di tempat-tempat tersebut terutamanya di Teluk Bidara (Dungun), Kuala Kemaman dan Mersing ramai nelayan Mengabang Telipot menetap dan berkampung halaman di sana. Teluk Bidara misalnya, lebih separuh (hampir tiga suku) penduduknya berasal dari Mengabang Telipot. Selain dari itu nelayan Mengabang Telipot juga berpindah ke Kedah terutama di Kuala Kedah dan Langkawi. Bagaimanapun perpindahan ke sana sementara sifatnya.

Sebab-sebab proses perpindahan berlaku di dalam masyarakat nelayan Mengabang Telipot pada dasarnya berkisar kepada kedhaifan dan kesulitan hidup di kampung tersebut. Di samping itu nelayan mahu membina kehidupan yang lebih baik walau di tempat orang sekalipun.<sup>21</sup> Pada mulanya proses perpindahan ini didorong oleh perasaan mahu melihat tempat orang dan merasa bezanya dengan tempat sendiri terutama dari generasi muda. Apalagi di kampung mereka tidak mewah. Pemuda-pemuda kampung sering kali kesempitan terutama di musim tengkujuh. Dengan keluar ke tempat orang mereka berharap keadaan lebih mewah sedikit. Mereka juga mahu mengumpul duit dan belajar berdikari. Tambahan pula, dahulunya selalu orang-orang terutamanya dari Mersing datang ke Mengabang Telipot mencari orang yang sanggup bekerja di sana. Mereka akan diberi eluan lima belas ringgit sebulan dan tambang percuma di samping pendapatan dari pekerjaan mereka. Pengalaman-pengalaman orang yang pernah ke sana memperlihatkan keadaan di sana menyenangkan. Jadi sudah wujud tanggapan yang berakar umbi bahawa di luar kampunglah tempat membina kehidupan yang lebih baik dan mencari kemewahan sekadarnya. Keadaan sebenarnya, sekurang-kurangnya untuk masa sekarang tidaklah seperti yang dijangkakan. Tetapi kepercayaan ini sukar dikikis. Lagi pula di tempat orang, belia-belia yang ke sana dapat mempersiapkan diri dengan keperluan yang secukupnya. Bila pulang ke kampung nanti dapatlah 'ditayang-tayangkan' ke hulu ke hilir. Perasaan mahu memperlihatkan diri mereka jaguh wujud dalam diri kebanyakan mereka. Gadis-gadis kampung tentu membuka mata melihat kehebatan mereka, pada anggapan mereka. Kadangkala lagak mereka itu menimbulkan rasa kurang senang penduduk-penduduk kampung yang tidak ke mana-mana.

Di tempat-tempat kerja yang baru mereka pindah pula keadaannya lebih baik. Inilah faktor-faktor penarik mereka ke sana. Teknologi lebih tinggi dari kampung sendiri. Lagi pula tidak ada sebarang pantang-larang sewaktu di laut seperti di kampung. Barang-barang keperluan di laut tauke sediakan. Harga ikan di sana walaupun murah tetapi tetap. Pendapatan lebih terjamin. Di samping itu mereka sudah mempunyai sedikit kemahiran sewaktu di kam-

<sup>21</sup> Sebab-sebab yang dikemukakan hasil perbincangan dengan Wan Abdul Ghani Salleh dan Ali Muhammad sebagai orang yang terlibat secara langsung.

pung, senang mendapat kedudukan lebih baik sedikit. Kekurangan orang-orang tempatan (di tempat-tempat perpindahan) menyebabkan tauke-tauke di sana mencari orang-orang dari luar untuk bekerja. Nelayan-nelayan dari sana yang dipercayai oleh tauke, keseluruhan mereka berasal dari Mengabang Telipot sendiri, menjadi ejen tauke-tauke tersebut. Orang-orang Terengganu khususnya Mengabang Telipot yang sudah ada di sana banyak mempengaruhi proses perpindahan ini. Mereka yang kebanyakannya mempunyai kedudukan lebih kukuh pulang ke kampung mempengaruhi dan membawa orang-orang kampung, terutama pemuda ke sana. Faktor-faktor ini menggalakkan proses perpindahan dan menyulitkan lagi keadaan di kampung sendiri.

### Kesimpulan

Masyarakat nelayan Mengabang Telipot dalam erti kata tradisionalnya telah memperlihatkan perkembangan ke arah kemajuan. Pengetahuan dan kemahiran tradisi seperti membuat pukat, menggunakan sistem "tandaan" dan sebagainya telah diperbaiki sedikit demi sedikit ke arah yang lebih baik. Pembuatan pukat misalnya seperti yang diuraikan telah memperlihatkan hal ini. Kemahiran dan pengetahuan ini bagaimanapun tidak dapat berkembang dengan pesat bila kemasukan alatan moden.

Nelayan Mengabang Telipot memang menerima unsur-unsur moden. Kaedah dan pengetahuan tradisi tidak pula ditinggalkan. Mana-mana yang dianggap berguna masih lagi diamalkan. Pengetahuan tradisi dan perubahan-perubahan moden selalunya digabungkan. Pergabungan ini dilakukan melalui proses saringan yang agak teliti. Walaupun pemodenan berjaya memberi kehidupan yang lebih baik sedikit kepada nelayan tetapi dari segi lain pula memberi juga kesan-kesan negatif. Pemodenan menggalakkan penglibatan orang tengah secara lebih aktif dalam melabur ke dalam aktiviti-aktiviti perikanan secara besar-besaran kerana ketidakmampuan nelayan sendiri. Nelayan-nelayan menjadi terdedah kepada penindasan. Pemodenan juga tidak dapat mengatasi kesulitan nelayan secara mutlak. Kemiskinan masih juga tidak dapat dibendung secara berkesan dengan pemodenan. Masih lagi menjadi masalah paling dasar bagi nelayan khususnya di Mengabang Telipot.

Sebagai jalan keluar nelayan memilih untuk berpindah, sama ada berpindah tempat kerja atau pindah pekerjaan sama sekali. Golongan belia pula lebih suka mencari jalan keluar dengan bekerja makan gaji setakat yang mampu. Proses perpindahan ini boleh mengatasi sedikit kesulitan-kesulitan nelayan. Sebaliknya kemerosotan kampung Mengabang Telipot sebagai perkampungan nelayan bukan semakin dapat diperbaiki tetapi makin menurun. Walaupun keadaan nelayannya lebih baik sedikit, suasana kampungnya sebagai kampung nelayan merosot terus.

Keadaan nelayan Mengabang Telipot memang tidak boleh dinafikan berubah. Perubahan bagaimanapun memang tidak banyak. Suasana hanya lebih baik sedikit dari zaman dahulu. Sumbangan-sumbangan pengetahuan dan kemahiran tradisional masih lagi amat berguna bagi nelayan Mengabang Telipot untuk terus kekal (*survive*).

## Lampiran A

### Jenis-jenis Pukat Yang Digunakan:

#### (1) *Pukat Tangkul*

Pukat ini adalah pukat yang tertua digunakan di Mengabang Telipot. Sebidang Pukat Tangkul memerlukan 25 hingga 30 orang. Sebanyak 5 buah perahu digunakan, 4 buah untuk memukat dan sebuah untuk kerja-kerja di unjang. Selepas penggunaan motor, biasanya sebuah lagi bersedia untuk memuatkan ikan, menjadikan jumlahnya 6. Pukat Tangkul tidak dapat di kerjakan tanpa unjang. Pukat ini biasanya dikerjakan pada siang hari.

Pukat Tangkul diketuai oleh seorang 'juruselam'. Tugasnya menyelam untuk "mengkaji" keadaan ikan yang akan ditangkap. Beliau juga mengurus perjalanan Pukat Tangkul tersebut. Beliau dibantu oleh seorang 'jurusolo' atau kapit (penolong juruselam) dan 5 atau 6 orang juragan perahu dan motor. Selebihnya adalah awak-awak.

#### (2) *Pukat Tarik*

Pukat ini digunakan untuk menangkap ikan di pinggir pantai. Kedua-dua hujung pukat ini ditarik dari pantai setelah dilingkungi "kawan (kumpulan) ikan". Pukat Tarik sudah tidak digunakan lagi sekarang.

#### (3) *Pukat Dalam*

Pukat Dalam memerlukan hanya sebuah motor. Nelayan-nelayan yang terlibat hanya antara 8 hingga 11 orang. Pukat ini diketuai oleh seorang juragan. Beliau dibantu oleh "juruhaluan" iaitu pemerhati keadaan dan pergerakan ikan. "Jurutarang" iaitu seramai 2 orang mengendalikan pukat dan juruinjin juga membantu. Apabila hendak memukat kerjasama antara mereka tersebut di atas adalah suatu kemestian.

Pukat ini memukat "ikan rantau" iaitu ikan yang timbul di permukaan air. Biasanya dikerjakan waktu malam ketika bulan gelap, dipanggil "kelam". Kadangkala siang pun dikerjakan juga. Pengetahuan dan kemahiran tentang pergerakan dan jenis ikan di air amat perlu untuk pukat ini. Kawasan di mana kumpulan "ikan rantau" timbul di permukaan laut dilingkungi dengan pukat. Kemudian dibuat bising supaya ikan-ikan yang terperangkap itu melanggar pukat. Kalau ikan kecil nelayan tidak memukat kerana tidak lekat di pukat. Pergerakan ikan perlu diteliti supaya dapat ikan diperangkap.

#### (4) *Pukat Jerut dan Pukat Kilat*

Kedua-dua jenis pukat ini pada dasarnya sama. Bezanya cuma Pukat Kilat menggunakan sebuah motor, sementara Pukat Jerut ditambah dengan sebuah perahu. Biasanya pukat jenis ini dikerjakan waktu malam dengan "memasang api" untuk menarik tumpuan ikan. Motor-motor yang digunakan besar-besaran belaka. Dapat dikatakan Pukat Kilat adalah Pukat Jerut yang lebih moden.

**(5) Pukat Harimau dan Pukat Tunda**

Umumnya kedua jenis pukat ini mempunyai prinsip kerja yang agak sama. Pukat ini menjadi ancaman kepada nelayan-nelayan kecil kerana ia hanya dapat menangkap semua jenis ikan. Pukat Tunda adalah lebih kecil dari Pukat Harimau. Ada dua jenis Pukat Tunda iaitu Pukat Tunda Ikan dan Pukat Tunda Udang.

# Kemunculan Parti-parti Politik Di Besut 1945 – 1970

SAFAR BIN HAJI AWANG\*

## Pengenalan

BESUT seperti juga daerah-daerah lain di Malaysia mengalami kemunculan parti-parti politik. Dari tahun 1945 beberapa buah parti politik ditubuhkan di Besut, di antaranya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organisation — UMNO), Parti Negara, Parti Islam Se Malaya (PAS) dan Parti Rakyat Malaya.

## Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

Parti politik yang pertama ditubuhkan di Besut selepas perang dunia kedua ialah Parti Kebangsaan Melayu Malaya.<sup>1</sup> Parti ini telah ditubuhkan di Kampung Raja oleh Wan Ahmad selaku Yang Dipertua yang pertama. Lain-lain tokoh yang bersama-sama beliau ialah Salleh bin Mohammad sebagai Setiausaha dan Haji Taib bin Abdullah selaku Bendahari parti ini. Penubuhan PKMM ini adalah sebagai mengisi kekosongan badan-badan politik yang boleh menyatukan tenaga pergerakan-pergerakan penduduk di sini memandangkan kepada kekalahan Jepun dalam perang dunia kedua. Kekalahan Jepun di dalam perang ini bererti Inggeris akan datang semula selaku penjajah untuk menjajah negara ini. Penubuhan PKMM di Kampung Raja adalah pada akhir tahun 1945 iaitu dua bulan setelah PKMM ditubuhkan di Perak.

\* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, tahun 1976.

<sup>1</sup> Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah diasaskan pada bulan September 1945 di Ipoh Perak oleh pengarang dan pentadbir akhbar *Swara Rakyat*. Di antara mereka ialah Arshad Ashaari, Mokhtaruddin Lasso dan Dahari Ali. Susunan dewan pimpinan parti itu pada mula-mula ditubuhkan ialah Yang Dipertua Agung Mokhtaruddin Lasso, Setiausaha Agung Dahari Ali dan Bendahari Agung ialah Arshad Ashaari. (Jawatan Naib Yang Dipertua Agung telah disediakan kepada Dr. Burharuddin walaupun ia tidak menghadiri perjumpaan penubuhan parti itu).

Di masa penubuhannya terdapat dua nama parti yang dicadangkan; Arshad Ashaari mencadangkan parti itu dinamakan Parti Sosialis Melayu. Cadangan yang kedua dibuat oleh Ahmad Boestaman supaya parti itu dinamakan Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Setelah diundi cadangan Ahmad Boestaman diterima.

PKMM cawangan Jerteh telah ditubuhkan oleh Ibrahim bin Ismail pada tahun 1946. Lain-lain orang yang bersama beliau mengetuai PKMM cawangan Jerteh ini di antaranya seperti A. Rahman bin Mohammad, Md. Daud bin Abdul Samad,<sup>2</sup> Mohd. Noor bin Awang, Tahir bin Mohd. Shah, Ibrahim bin Mohammad, Dowan bin Abdullah (dan lain lagi yang sama-sama berjuang).

PKMM cawangan Kuala Besut pula ditubuhkan pada tahun 1947 oleh Yusof bin Embong selaku Yang Dipertua. Jawatan Setiausaha disandang oleh Mohd. Senari bin Yunus dan Bendahari ialah Wan Hassan bin Muda. Ahli-ahli jawatankuasa ialah Mohd. Noor bin Ismail, Salleh bin A. Rahman, Awang (Pak Su Awang) (dan lain-lain tokoh lagi). Kemudian muncul ramai lagi pemimpin-pemimpin yang bergerak cergas di dalam parti ini seperti Wan Ali bin Jusoh.

Ahli-ahli di kawasan ini merupakan yang paling ramai di antara ketiga-tiga cawangan yang terdapat di daerah Besut ini (Kuala Besut, Kampung Raja, Jerteh). Ramai orang-orang di sini melibatkan diri adalah kerana corak kehidupan mereka sebagai nelayan yang memerlukan pembelaan. Bila ada orang-orang yang berkempen untuk mencapai kemerdekaan maka dengan senang sahaja mereka akan sama-sama mengikut dan memberi sokongan.

Pengikut-pengikut yang menganggotai PKMM adalah terdiri dari orang-orang dewasa yang di dalam peringkat umur yang masih muda dan mempunyai semangat perjuangan. Kawan-kawan rapat kepada pemimpin-pemimpin yang mengetuai PKMM tiap-tiap cawangan itu berjaya ditarik oleh pemimpin-pemimpin itu untuk menganggotai parti ini. Terdapat seramai lebih dari 300 orang telah mendaftar menjadi ahli di Besut. Tiap-tiap ahli berdaftar membayar yuran sebanyak seringgit setahun dan mereka menerima kad keahlian mereka sebagai menandakan keahlian mereka secara rasmi. Sungguhpun ahli berdaftar seramai lebih dari 300 orang sahaja, tetapi terdapat ramai juga pengikut-pengikut yang tidak mendaftarkan diri secara rasmi. Ini dapat dikesan apabila dilihat di dalam satu-satu perjumpaan yang diadakan untuk membincangkan satu-satu perkara penting yang berhubungan dengan pergerakan parti didapati ramai ahli-ahli tidak berdaftar hadir memberi sokongan.<sup>3</sup>

Di dalam mentadbirkan parti tidak ada tatacara yang khusus diamalkan. Ini adalah kerana parti ini tidak mempunyai pejabat yang khas. Perjumpaan parti cuma diadakan di rumah-rumah pemimpin parti itu sendiri. Laporan mesyuarat tidak ada dibuat dan pemilihan ketua untuk memimpin parti adalah dijalankan secara undian mengangkat tangan. Tidak pernah terjadi persaingan yang hebat untuk merebut satu-satu jawatan di dalam parti. Bahkan ada juga yang menolak apabila nama-nama mereka dicalonkan. Ini

<sup>2</sup> Mohd. Daud bin Abdul Samad pernah menjawat jawatan Menteri Besar Terengganu. Beliau memegang jawatan ini selepas pilihanraya 1959 hingga kerajaan PAS Terengganu digulingkan pada bulan Oktober 1961.

<sup>3</sup> Di dalam satu perjumpaan penerangan untuk menujuhkan PUTERA, (Pusat Tenaga Rakyat) yang terdiri dari gabungan PKMM, API dan AWAS terdapat seramai lebih dari 500 orang telah hadir. Wawancara dengan Mohd. Senari bin Yunus salah seorang yang bergiat di dalam PKMM di Kuala Besut, pada 29 Mac, 1975. (PUTERA peringkat pusat telah ditubuhkan pada 22 Februari 1947 di bawah pimpinan Ishak bin Hj. Mohammad).

kerana rasa tidak yakin kepada diri sendiri untuk memimpin parti itu; oleh itu mereka mengharapkan orang lain yang lebih layak akan muncul untuk memimpin. Hal ini wujud kerana kekurangan pemimpin-pemimpin yang betul-betul layak dan sanggup berkorban untuk perjuangan parti. Oleh sebab itu didapati orang-orang yang sama memimpin parti ini hingga beberapa tahun.

Angkatan Pemuda Insaf (API)<sup>4</sup> telah ditubuhkan di Kampung Raja dan juga di Kuala Besut. Pada mulanya API adalah sebuah badan di dalam PKMM tetapi kemudiannya telah wujud sebagai badan yang tersendiri pada penghujung tahun 1946. API dianggotai oleh pemuda-pemuda di daerah ini yang mempunyai semangat berjuang untuk kemerdekaan tanahair.

API mempunyai susunan organisasi tersendiri dan mempunyai pelembagaan yang khas. Slogan perjuangan API ialah "Merdeka Dengan Darah" dan ianya wujud sebagai organisasi yang semimiliter (separuh tentera). Lambang API ialah 'genggaman tangan kiri berwarna hitam di atas latar berwarna merah'. Lagu API diberi nama 'Wahai API Perwira'.

Sebuah lagi badan gabungan kepada PKMM ialah AWAS ringkasan dari Angkatan Wanita Sedar.<sup>5</sup> Di Kuala Besut AWAS telah ditubuhkan di bawah pimpinan Anjan bt. Husin dengan pengikut-pengikutnya yang kebanyakannya terdiri dari isteri-isteri orang yang bergerak cergas di dalam API dan PKMM.

AWAS juga seperti API mempunyai perlombagaan tersendiri dan slogan perjuangannya ialah 'AWAS'. Sewaktu pekikan AWAS diteriakkan tangan kanan digenggam dengan jari telunjuk ditegakkan seperti isyarat memberi amaran.

Dengan tujuan untuk menubuhkan dan mengumpulkan tenaga ulama supaya bergerak cergas di dalam pergerakan politik PKMM maka satu percubaan telah dibuat di Jerteh untuk menubuhkan Hizbul Muslimin pada tahun 1948. Ustaz Abu Bakar Bakhil telah datang ke Jerteh memberi penerangan mengenai pertubuhan itu. Di dalam tahun yang sama setelah mendengar penerangan itu maka telah ditubuhkan Hizbul Muslimin dengan diketuai oleh Hj. Wan Abdul Latif bin A. Kadir. Belum pun sempat Hizbul Muslimin ini didaftarkan, penjajah Inggeris telah mengisyiharkan darurat di seluruh Malaya. Dengan ini semua aktiviti politik PKMM telah diharamkan. Dengan ini berkuburlah Hizbul Muslimin sebelum menjalankan apa-apa pergerakan.

Di dalam menyatukan tenaga buruh dan petani PKMM mempunyai bahagian yang khas. Di peringkat pusat PKMM mempunyai Jabatan Buruh<sup>6</sup> dan Jabatan Tani.<sup>7</sup> Oleh kerana pada masa itu telah wujud Kesa-

<sup>4</sup> API (Angkatan Pemuda Insaf) peringkat pusat adalah sebuah badan yang ditubuhkan oleh Ahmad Boestaman pada 17 Februari 1946 dengan 500 orang ahli untuk menyertai perarakan bagi menunjukkan kekuatan di bandar Ipoh sempena menyambut enam bulan kemerdekaan Indonesia. Indonesia mencapai kemerdekaan pada 17 Ogos 1945. Pada penghujung tahun 1946 API mengisyiharkan dirinya sebagai sebuah badan yang tersendiri di luar PKMM.

<sup>5</sup> AWAS (Angkatan Wanita Sedar) peringkat pusat adalah ditubuhkan oleh Shamsiah Faqih pada tahun 1946. Sebelum dari penubuhan AWAS oleh Shamsiah tenaga wanita yang bergerak di dalam PKMM adalah terletak di bawah pimpinan Ketua Jabatan Wanita Khadijah Ali semasa markas besar PKMM berada di Ipoh dan di bawah Aishah Ghani semasa markas PKMM berpindah ke Kuala Lumpur.

<sup>6</sup> Jabatan Buruh peringkat pusat adalah diketuai oleh Shamsuddin Salleh.

<sup>7</sup> Pemimpin Jabatan Tani peringkat pusat ialah Musa Ahmad.

tuan Umum Buruh (*General Labour Union*) maka PKMM tidak menjalankan gerakan yang aktif di dalam bahagian ini. Ini ialah untuk memberi peluang kepada GLU<sup>8</sup> menjalankan gerakan mereka. Hal yang sama wujud di peringkat daerah di mana Barisan Buruh yang ditubuhkan di Kuala Besut menjalankan kegiatan bersama-sama dengan Kesatuan Umum Buruh.

Berlainan halnya dengan Barisan Tani. Barisan Tani yang ditubuhkan di cawangan Kuala Besut di bawah pimpinan Md. Noor bin Hj. Harun sebagai ketua I dan Sheikh Ali bin Hj. Ahmad sebagai ketua II menjalankan organisasinya sendiri. Ini ialah kerana tidak ada badan yang menggembung tenaga kaum petani sebelumnya di dalam gerakan politik. Barisan Tani Se Malaya (BATAS) cawangan Kuala Besut telah berjaya menimbulkan kesedaran bersatu, berorganisasi dan cintakan tanahair dan bangsa di kalangan petani-petani. Ini lebih memperkuatkan lagi barisan pejuang-pejuang golongan kiri yang bersatu di dalam Partai Kebangsaan Melayu Malaya.

### Asas dan Tujuan

Tujuan PKMM ditubuhkan adalah untuk memperjuangkan kemerdekaan penuh atau seratus peratus bagi Malaya.<sup>9</sup> Setelah tentera Inggeris mendarat semula di Malaya pada akhir bulan Ogos 1945 tidak ada satu pun organisasi perjuangan nasional di Malaya yang sungguh-sungguh memperjuangkan kemerdekaan penuh. Menyedari hakikat ini maka lahirlah PKMM dengan semboyan 'MERDEKA'. PKMM berjuang untuk kemerdekaan Malaya seratus peratus dengan tidak ada kompromi dan berkorak *non-co-operation*. Aliran perjuangan ini menyebabkan parti ini digelarkan sebuah parti politik yang bercorak kiri oleh penjajah Inggeris pada masa itu.

Mengikut IBHY (Ibrahim Hj. Yaakob) dalam bukunya *Sekitar: Malaya Merdeka*:

PKMM adalah kelanjutan dari Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang dibentuk semenjak 1937, yang pada tahun 1945 bernama Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) yang akhirnya bulan November 1945 menjelma menjadi Malay Nationalist Party (MNP) yang berjuang atas dasar nasionalisme menuju cita-cita satu Indonesia Raya sesuai dengan pertumbuhan kesedaran Nasional Indonesia.<sup>10</sup>

Tetapi pendapat ini telah ditentang oleh Ahmad Boestaman sebagai seorang yang terlibat secara langsung di dalam penubuhan PKMM. Di antara lain beliau menyebut:

Kenyataan ini kalau kita mahu berlaku adil dan jujur tidaklah benar sama sekali. Sebagai seorang pengasas yang memainkan peranan penting dalam penubuhan PKMM dapat saya katakan dengan penuh tanggungjawab bahawa tidak seorang pun dari orang-orang yang menghadiri perjumpaan penubuhan itu memendam hasrat ini di dalam dada mereka masing-masing apatah lagi menyatakan dengan lidah dan perasaan.<sup>11</sup>

<sup>8</sup> GLU (General Labour Union) adalah badan yang dipengaruhi oleh golongan kiri terutamanya dari kalangan Parti Komunis Malaya.

<sup>9</sup> Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 28.

<sup>10</sup> Ibrahim bin Hj. Yaacob, *Sekitar: Malaya Merdeka*, Kesatuan Malaya Merdeka, Djakarta, 1957, hlm. 53.

<sup>11</sup> Ahmad Boestaman, op. cit., hlm. 29.

Jadi dapatlah diterima bahawa pertubuhan PKMM adalah dengan kesedaran untuk memperjuangkan kemerdekaan bagi rakyat Malaya dari penjajahan Inggeris. Ianya bukan satu pertubuhan yang berupa kelanjutan dari pertubuhan yang lain tetapi adalah satu parti siasah yang baru.<sup>12</sup>

Pergerakan PKMM berserta dengan badan-badan gabungan seperti API, AWAS, BATAS, Barisan Buruh dan Hizbul Muslimin adalah berjalan di dalam satu aliran dan pergerakan. Ianya tidak terpisah di antara satu sama lain. Malahan susah untuk membezakan mana satu ahli API, dan mana satu ahli PKMM. Jadi pergerakan mereka adalah saling bantu membantu dan saling menerima sokongan. Jika API menjalankan satu-satu tindakan dan aktiviti ianya akan menerima sokongan dari badan-badan yang lain seperti Barisan Tani, Barisan Buruh dan juga PKMM dan begitulah sebaliknya. Keadaan ini wujud adalah kerana semangat *esprit de corps* yang dipegang oleh orang-orang kampung amat tebal sekali, tambahan pula mereka menganggap perjuangan mereka adalah sealiran iaitu untuk kemerdekaan penuh bagi Malaya. Dengan itu mereka menganggap mereka adalah di bawah satu bumbung yang beratapkan 'Sangsaka Merah Putih'.

Mengenai masalah Malayan Union bagi PKMM ia mengalu-alukan pada prinsipnya tetapi tidak menerima bulat-bulat. PKMM akan menerima Malayan Union yang diperkenalkan oleh Inggeris sekiranya ia memerdekaan Malaya dalam bentuk negara Unitaris atau disebut juga negara Kesatuan.<sup>13</sup> Jadi prinsip negara Kesatuan ini yang diterima oleh PKMM. Tetapi sehingga Februari 1946 'belang' Malayan Union telah mula nampak yang mana prinsip Kesatuan yang dianjur oleh penjajah Inggeris bukanlah bermaksud sebagai sebuah negara yang merdeka melainkan sebuah jajahan takluk Inggeris. Tidak sekadar itu sahaja paksaan dan penipuan dilakukan pula ke atas raja-raja Melayu bagi melahirkannya. Dengan itu PKMM telah menghadiri kongres pertubuhan-pertubuhan Melayu Semalaya untuk menubuhkan UMNO bagi menentang Malayan Union. Keputusan PKMM menghadiri kongres ini adalah atas perhitungan-perhitungan berikut:

Malayan Union yang akan menjadi tanah jajahan Inggeris bulat-bulat tidak ada gunanya kepada rakyat jelata sebab ia bererti perhambaan ke atas mereka semata-mata. Sebab itu ia harus ditentang habisan dan dihancurkan sehingga menjadi debu. Prinsip penentangan PKMM ini haruslah didasarkan atas kepentingan rakyat jelata dan demi membela maruah dan kedaulatan mereka dan bukan didasarkan untuk membela kedudukan kaum feudal.

12 Tujuan Ibrahim Hj. Yaacob menimbulkan pendapat demikian mungkin untuk menarik perhatian Presiden Soekarno. Presiden Republik Indonesia bahawa beliau adalah orang yang ingin membentuk satu Indonesia Raya dengan menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia. Oleh kerana KMM dan KRIS di bawah pimpinannya (Ibrahim Yaakob) maka bila dikatakannya PKMM adalah kelanjutan dari KMM dan KRIS maka itu menunjukkan bahawa perjuangan PKMM adalah sambungan dari perjuangannya. Bagi Ahmad Boestaman pula bila ia mengatakan PKMM adalah sebuah parti baru yang tidak ada hubungan dengan KMM dan KRIS ia ingin menarik perhatian umum bahawa perjuangan PKMM adalah untuk Malaya sebagai sebuah negara tersendiri. Ia juga ingin membentulkan satu fakta sejarah yang telah dipesongkan oleh orang-orang tertentu. Di sini memberi gambaran bahawa satu fakta sejarah yang benar telah diubah untuk kepentingan diri. Penulis adalah bersetuju dengan pendapat Ahmad Boestaman memandangkan beliau adalah orang yang terlibat secara langsung di dalam pembentukan PKMM.

13 Ahmad Boestaman, op. cit., him. 57. Ada dua bentuk negara merdeka iaitu bentuk federalis dan bentuk uniteris. Federalisme bererti beberapa buah negeri dipersekutuan dan tiap-tiap negeri diberi hak otonomi pada beberapa perkara yang ditentukan. Bentuk uniterisma pula bererti beberapa buah negeri disatukan atau dijadikan satu, tanpa hak otonomi bagi negeri di dalamnya.

Berdasarkan hakikat ini perwakilan PKMM haruslah menghadiri persidangan kongres bangsa Melayu tersebut untuk mengemukakan sikap dan pendiriannya. Dengan lain perkataan PKMM bersetuju Malayan Union ditentang dan dihancurkan dengan tenaga raksasa seluruh rakyat tetapi di atas runtuhannya Malayan Union itu 'Malaya Merdeka Seratus Peratus' haruslah ditegakkan.<sup>14</sup>

Dengan itu lahirlah UMNO pada 11 Mei 1946 yang telah menyatukan tenaga seluruh orang Melayu untuk menentang Malayan Union. Selang tidak beberapa bulan sahaja UMNO telah memperkembangkan sayap ke seluruh Malaya; dan Besut tidak terkecuali di dalam hal ini. Ini bermakna sehingga 1946 telah terdapat dua buah parti politik di Besut iaitu PKMM dan UMNO.

### Pengharaman Pergerakan PKMM

Penjajah Inggeris telah mengisyiharkan darurat pada 12 Julai 1948. Perisyiharan ini diikuti dengan pengharaman ke atas pergerakan parti-parti politik kiri. PKMM adalah diharamkan kerana penjajah Inggeris mengsyaki parti ini mempunyai hubungan dan kerjasama dengan Parti Komunis Malaya (PKM). Salah satu sebab pengisyiharan darurat oleh Inggeris itu adalah terbit dari ancaman Komunis yang melancarkan pemberontakan bersenjata. Oleh itu kerana Inggeris bimbangkan gerakan PKMM ini mengancam kedudukannya maka ia bertindak mengharamkan parti itu.

Seterusnya satu gerakan menyelongkar rumah dan pejabat di seluruh Tanah Melayu dijalankan. Besut tidak terkecuali dari gerakan ini. Rumah-rumah dan tempat-tempat yang disyaki ada menyimpan dokumen dan risalah-risalah pergerakan Komunis dan PKMM telah diselongkar; dokumen-dokumen itu dirampas. Di samping penyelongkaran rumah itu diikuti dengan penangkapan ke atas pemimpin-pemimpin tempatan yang difikirkan membahayakan kedudukan penjajah itu.

Dengan ini tertangkaplah beberapa orang pemimpin-pemimpin di daerah ini yang terdiri dari pemimpin-pemimpin PKMM di daerah Besut. Penangkapan mereka ini adalah atas tuduhan menjalankan gerakan menentang penjajahan Inggeris. Inggeris memang bimbang sekali tentang keteguhan kedudukannya terbit dari ancaman golongan yang bergerak cergas di dalam PKMM. Untuk menentukan kedudukan penjajah itu tidak tergugat maka ia bertindak terlebih dahulu menyekat pergerakan-pergerakan nasionalis itu. Di antara mereka yang ditangkap itu ialah seperti Ibrahim bin Ismail, Md. Daud bin Abdul Samad, dan Hj. Taib bin Abdullah.<sup>15</sup> Setelah seminggu disoal siasat, dan difikirkan kegiatan tokoh-tokoh itu tidak begitu membahayakan maka penjajah telah membebaskan mereka; kecuali Ibrahim bin Ismail ditahan selama lima tahun di dalam penjara. Ibrahim bin Ismail adalah tokoh yang paling cergas dan ketua PKMM cawangan Jerteh. Beliaulah orang yang bertanggungjawab menyebabkan PKMM di Besut bergerak aktif. Penjajah Inggeris bimbang jika Ibrahim dibebaskan boleh mengancam kedudukannya.<sup>16</sup>

Dengan tindakan Inggeris ini maka berakhirlah pergerakan PKMM di

14 Ibid., hlm. 60.

15 Wawancara dengan bekas ahli perjuangan yang aktif di dalam PKMM iaitu Encik Abdul Rahman bin Mohammed, Jerteh, Terengganu, 24 Mac, 1975.

16 Ibid.

Besut. Sungguhpun begitu semangat perjuangan mereka tidak terhenti di situ sahaja. Mereka terus berjuang untuk membebaskan diri dari ikatan belenggu penjajahan. Setelah mencapai kemerdekaan orang-orang yang berjuang di dalam PKMM telah memasuki parti-parti politik baru yang ditubuhkan untuk mendapatkan kekuasaan bagi menjalankan pemerintahan di bumi mereka ini. (Tokoh-tokoh ini bergerak di dalam parti-parti politik seperti Parti Rakyat, PAS, dan Parti Negara).

### Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Pekembar: United Malays National Organisation UMNO)

Parti UMNO yang telah ditubuhkan pada 11 Mei 1946,<sup>17</sup> oleh Datuk Onn bin Jaafar telah bertapak di Kampung Raja Besut beberapa bulan berikutnya di dalam tahun yang sama. Pemimpin yang bertanggungjawab kearah penubuhannya di Besut ialah Datuk Lela Segara, Abu Bakar bin Ahmad dan Ismail bin Yusuff. Penubuhan parti UMNO di Kampung Raja adalah sebagai memenuhi kehendak ramai orang besar yang tinggal di situ untuk mempunyai satu badan yang dapat mempertahankan *status quo* mereka dengan membela kaum feudal khususnya.<sup>18</sup>

Keanggotaan UMNO pada peringkat awal penubuhan adalah didokong oleh kakitangan Kerajaan dan kaum feudal yang ramai tinggal di Kampung Raja. Kampung Raja pada masa itu adalah pusat pentadbiran di daerah Besut yang mana kebanyakannya pegawai-pegawai tadbir dan keluarga diraja tinggal di situ. Tidak ada sebarang sekatan dibuat bagi orang ramai yang ingin memasuki parti itu. Oleh itu parti ini adalah bercorak '*mass party*' kerana ia tidak menghadkan keahliannya kepada golongan tertentu sahaja.

UMNO Kampung Raja pada masa itu cuma merupakan peringkat cawangan sahaja dan ianya terletak di bawah bahagian Terengganu Utara. Pada tahun 1957 baharulah UMNO Besut dinaikkan ke peringkat bahagian. Sehingga 1957 UMNO di Besut mempunyai tujuh cawangan, iaitu UMNO Cawangan Kampung Raja, Jerteh, Kuala Besut, Jabi, Kampung Buluh, Pasir Akar dan Alor Lintah.<sup>19</sup>

UMNO cawangan Jerteh ditubuhkan pada tahun 1954 dengan usaha Zainal Abidin bin Mohd. Amin dan Sulong bin Ngah. Dengan ahli-ahli seramai lebih kurang 30 orang; kebanyakannya orang yang telah memasuki UMNO Cawangan Kampung Raja pada permulaannya telah berusaha memperkuatkannya kedudukan UMNO Jerteh. Cita-cita untuk menubuhkan UMNO Cawangan Jerteh ini timbul adalan memandangkan kedudukan UMNO Cawangan Kampung Raja dalam keadaan 'hidup segan

<sup>17</sup> Persatuan Melayu Selangor telah memainkan peranan yang penting di dalam penyelenggaraan Kongres Melayu Se Malaya yang diadakan di Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac, 1946 yang telah berakhir dengan terbentuknya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organisation — UMNO). Di dalam perhimpunan ini Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) juga menghantar wakilnya, orang yang mengetua perwakilan itu ialah Dr. Burharuddin Al-Hilmy.

<sup>18</sup> Ini ialah kerana di masa yang sama Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah ditubuhkan di Kampung Raja di bawah pimpinan Wan Ahmad. PKMM adalah tidak membela kaum feudal dan menuntut kemerdekaan penuh bagi Melayu. Buktinya UMNO membela kaum feudal dan ingin menjaga *status quo* mereka dapat dilihat pada tokoh-tokoh yang memimpin parti ini seperti Datuk Onn bin Jaafar, Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj. Datuk Panglima Bukit Gantang, Datuk Hamzah bin Abdullah dan yang semuanya adalah dari keturunan bangsawan.

<sup>19</sup> Wawancara dengan Husain bin Hj. Abdullah, Jerteh Terengganu, 16 April 1975.

mati tak mahu'.<sup>20</sup>

Di dalam pemilihan pemimpin pada tahun permulaan ia ditubuhkan di Jerteh ini Zainal Abidin bin Mohd. Amin telah terpilih sebagai Ketua Cawangan dan Sulong bin Ngah sebagai Setiausaha. Ahli jawatankuasa pula terdiri dari Hj. Wan Abd. Latif bin Abdul Kadir, Awang bin Abu Bakar, Wan Endut bin Othman, Musa bin Alias, Mohamad bin Hj. Said, Tengku Mat bin Chik, Wan Sulaiman bin Ibrahim dan Wan Mustapha bin Yusuff.

Perasmian penubuhan cawangan ini dibuat oleh Hj. Kamaruddin bin Hj. Idris, selaku Menteri Besar Terengganu pada tahun 1955. Ibrahim Fikri selaku Ketua UMNO bahagian Terengganu Utara<sup>21</sup> turut serta di dalam upacara perasmian itu.

Di Kuala Besut UMNO telah mengembangkan sayap cawangannya di sana pada tahun 1954. Muhammad bin Abdul Rahman yang telah mengasaskan parti ini telah terpilih sebagai Ketua cawangan, Wan Husin bin Muda sebagai Setiausaha dan jawatan Bendahari dipegang oleh Daud bin Din. Ahli-ahli jawatankuasa adalah disandang di antaranya oleh Ibrahim bin Muhammad, A. Hamid bin Ahmad, dan Hamzah bin Muhammad. Perasmian penubuhan cawangan ini telah dibuat oleh Ibrahim Fikri. Ketika mula-mula ditubuhkan ahli-ahli cawangan adalah seramai 30 orang sahaja. Pergerakan Pemuda cawangan ini adalah dipimpin oleh Husin bin Ali,<sup>22</sup> sebagai Ketua, dan Yusoff bin Sulong sebagai Setiausaha. Mohammad bin Hj. Hassan, Mohammad bin Hj. Wan Dagang adalah ahli-ahli jawatankuasa yang terpilih di samping beberapa orang lagi yang lain. Pergerakan Kaum Ibu UMNO cawangan Kuala Besut adalah dipimpin oleh Hasmah bt. Husin.

Pergerakan Pemuda UMNO bahagian Besut telah ditubuhkan pada tahun 1959 di bawah pimpinan Ishak bin Ali. Pergerakan Kaum Ibu UMNO<sup>23</sup> bahagian Besut pula dipimpin oleh Zainab bt. Abu Bakar. Penubuhan kedua-dua pergerakan ini memperkuatkan kedudukan parit kerana tenaga dua golongan ini berjaya mempengaruhi dan menyatukan tenaga kaum muda supaya berganding bahu berjuang untuk parti, bangsa dan negara.

## Susunan Organisasi

### (a) UMNO Bahagian

Kewujudan UMNO di Besut ini adalah di peringkat yang paling bawah di dalam kedudukan susunan organisasi UMNO Malaysia. Peringkat cawangan dan bahagian merupakan peringkat yang terkebawah sekali dan ianya ditubuhkan di peringkat daerah.

UMNO peringkat bahagian adalah meliputi satu kawasan pilihanraya Parlimen yang ditadbirkan oleh sebuah jawatankuasa dan jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab penuh atas kesempurnaan perjalanan bahagiannya.<sup>24</sup>

20 Wawancara dengan Sulong bin Ngah, Jerteh, Terengganu, 17 April, 1975.

21 Di masa itu daerah Besut adalah terletak di dalam bahagian Terengganu Utara. Pada tahun 1957 barulah Besut wujud sebagai satu bahagian.

22 Beliau adalah seorang penulis yang menggunakan nama samaran Hasbi untuk nama penanya.

23 Di dalam tahun 1972 nama pergerakan kaum ibu telah ditukar kepada Pergerakan Wanita UMNO.

24 Perlumbagaan UMNO Malaysia 1972, Kuala Lumpur, fasil 15 dan pecahannya.

Keanggotaan jawatankuasa ini adalah terdiri dari seorang ketua, seorang timbalan ketua, tiga orang naib ketua (termasuk Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita bahagian) dan 10 orang jawatankuasa yang dipilih oleh mesyuarat perwakilan bahagian. Lima orang lagi berserta dengan setiausaha, bendarai dan ketua penerangan dilantik oleh Ketua Bahagian untuk memegang jawatan selama dua tahun.<sup>25</sup>

Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab atas perjalanan cawangan-cawangan di dalam kawasan ini dan mengawasi perjalanan Pergerakan Pemuda dan Wanita. Jawatankuasa bahagian berkuasa membuat keputusan atas satu-satu masalah yang berbangkit di kalangan cawangan-cawangan dan keputusan yang diambil oleh bahagian itu hanya boleh dibatal oleh mesyuarat Perwakilan atau Majlis Tertinggi UMNO Malaysia.<sup>26</sup>

#### (b) UMNO Cawangan

UMNO di peringkat cawangan adalah meliputi satu kawasan mengundi pilihanraya negeri atau di mana-mana tempat yang difikirkan munasabah oleh jawatankuasa bahagian untuk ditubuhkan sebuah cawangan.<sup>27</sup>

Sungguhpun di dalam 'Perlembagaan' tidak disebutkan tentang jumlah ahli bagi penubuhan sesebuah cawangan itu tetapi jika difahamkan dari perwakilan yang menghadiri mesyuarat Perwakilan Bahagian maka nyatahal sesebuah cawangan itu hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 50 orang ahli.

Sesebuah cawangan itu adalah ditadbirkan oleh jawatankuasa yang dipilih oleh persidangan cawangan berserta dengan ahli-ahli yang dilantik oleh Ketua cawangan itu sendiri.<sup>28</sup> Jawatankuasa cawangan adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah yang munasabah untuk kepentingan cawangan dan membuat cadangan-cadangan untuk kepentingan UMNO seluruhnya dengan melalui saluran yang tertentu.

#### Pentadbiran Cawangan

Pegawai yang menjalankan pentadbiran cawangan ialah Setiausaha cawangan. Ketua cawangan adalah bertanggungjawab atas kesempurnaan pekerjaan pejabat Setiausaha cawangan itu. Sepanjang penyelidikan dibuat didapati Setiausaha cawangan dan bahagian UMNO Besut tidak menyimpan rekod-rekod sama ada di peringkat awal tahun 1950-an, semasa UMNO mula-mula ditubuhkan atau di peringkat tahun-tahun 1960-an. Keadaan ini wujud mungkin kerana jawatan Setiausaha itu tidak dibayar gaji dengan ini kerja-kerja sukarela biasanya dibuat tidak sepenuh tenaga.

Tugas jawatankuasa cawangan, sebaik-baik sahaja dilangsungkan mesyuarat agung ialah menentukan tempat pejabat Setiausaha bagi cawangan-cawangan yang tidak mempunyai bangunan sendiri.<sup>29</sup> Sekiranya pejabat Setiausaha ditempatkan di rumah setiausaha maka terlebih dahulu hendaklah didapatkan persetujuan daripadanya supaya salah seorang dari jawatankuasa

25 Ibid., fasil 16.

26 Ibid., fasil 16, ceraian (12) dan pecahannya.

27 Ibid., fasil 18 ceraian (1).

28 Ibid., fasil 19 ceraian (1).

29 Ibid., fasil 19 ceraian (12) C.

berhak mengambil kertas dan segala alatan cawangan sekiranya Setiausaha itu bercuti atau uzur ataupun ia berhenti ataupun diberhentikan. Ini adalah untuk mengelakkan dari terhentinya pergerakan parti jika Setiausaha itu tidak lagi bertugas. Dengan adanya jawatankuasa yang boleh mengambil alatan-alatan parti itu ia akan dapat menentukan persambungan pergerakan parti sekiranya bertukar tangan.

Setiausaha adalah seorang pegawai yang dilantik oleh Ketua cawangan. Oleh itu dalam segala pekerjaan yang berkaitan dengan dasar, Setiausaha hendaklah terlebih dahulu berunding dengan Ketua cawangan. Setiausaha tidak boleh bertindak bersendirian kecuali dalam hal-hal yang berkaitan dengan perkara biasa, sahaja.<sup>30</sup> Semua surat-menyurat atas nama cawangan adalah ditandatangani oleh Setiausaha atau Ketua cawangan. Seseorang ahli jawatankuasa yang ingin menulis atas satu-satu masalah mengenai cawangan hendaklah menerusi Setiausaha. Segala perbuatan menggunakan nama cawangan atau nama jawatankuasa untuk kerja-kerja bersendirian adalah dilarang. Perhubungan surat-menyurat adalah melalui saluran yang tertentu iaitu, cawangan hendaklah melalui bahagian jika surat itu ditujukan kepada UMNO negeri, ibu pejabat UMNO Malaysia atau kepada Menteri Besar dan Menteri-Menteri Kabinet Malaysia.

Setiausaha cawangan menyediakan fail-fail khas seperti berikut:-

- (i) Mesyuarat Agung Cawangan.
- (ii) Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.
- (iii) Mesyuarat Khas Jawatankuasa Cawangan
- (iv) Permintaan Menjadi Ahli Biasa
- (v) Permintaan Menjadi Ahli Bersekutu
- (vi) Surat Keliling Dari Ibu Pejabat
- (vii) Surat Keliling Dari Badan Perhubungan Negeri
- (viii) Surat Keliling Dari UMNO Bahagian
- (ix) Surat Keliling Yang Dikeluarkan Kepada Ahli
- (x) Pengundi-Pengundi
- (xi) Pilihanraya
- (xii) Gerakan Parti Lawan Yang Ada Di Dalam Kawasan Cawangan-cawangan (Satu fail bagi satu parti).
- (xiii) Cadangan Daripada Ahli-Ahli
- (xiv) Pergerakan Pemuda
- (xv) Pergerakan Wanita
- (xvi) Penyata Tahunan

Setiausaha cawangan juga mempunyai tugas menyimpan buku-buku berikut:-

- (i) Buku daftar ahli-ahli yang dikeluarkan oleh ibu pejabat.
- (ii) Buku resit yuran ahli yang dikeluarkan oleh ibu pejabat.
- (iii) Resit akuan yang dikeluarkan oleh ibu pejabat.
- (iv) Buku daftar fail.
- (v) Buku Peringatan Mesyuarat.
- (vi) Buku Catatan Harian.

<sup>30</sup> Ibid., fasal 19 ceraian (4).

Jawatankuasa cawangan mengadakan mesyuarat sekali sebulan. Oleh itu adalah menjadi tugas Setiausaha mengingatkan Ketuaanya tentang tarikh akan mengadakan mesyuarat jawatankuasa cawangan yang akan datang.<sup>31</sup> Biasanya tarikh itu ditetapkan di dalam agenda pada tiap-tiap kali mesyuarat.

Persidangan cawangan diadakan pada tiap-tiap tahun di dalam bulan Januari. Sekiranya ada satu-satu masalah yang menyebabkan mesyuarat itu terpaksa ditangguhkan ia boleh berbuat demikian tetapi tidak boleh ditangguh hingga ke tahun yang lain.<sup>32</sup> Di dalam persidangan itu dibentangkan laporan tahunan pergerakan parti. Persidangan cawangan diadakan dengan berpandu kepada perlembagaan dan menggunakan peraturan mesyuarat yang dipakai oleh Perhimpunan Agung UMNO Malaysia. UMNO cawangan memberi laporan kepada UMNO bahagian mengenai masa dan tempat mengadakan persidangan cawangan itu.

Di dalam pemilihan wakil jawatankuasa cawangan yang baru dan wakil-wakil yang akan menghadiri mesyuarat perwakilan UMNO bahagian hendaklah dipilih oleh persidangan cawangan dan Kuasa Memilih ini tidak boleh dipindahkan kepada Jawatankuasa.<sup>33</sup>

Semua keputusan persidangan cawangan mengenai soal-soal negara dan kepentingan umum adalah dirujukkan kepada bahagian untuk dijadikan cadangan di dalam Perwakilan Bahagian ataupun untuk tindakan bahagian itu sendiri. Perkara-perkara biasa untuk tindakan cawangan itu sendiri adalah terkecuali tetapi segala langkah yang dijalankan itu adalah dimaklumkan kepada bahagian.

#### **Pentadbiran: UMNO Peringkat Bahagian**

Pentadbiran di peringkat bahagian tidaklah jauh bezanya dengan apa yang telah diterangkan untuk pentadbiran cawangan. Cuma apa yang berbeza ialah tentang kuasa-kuasa menurut perlembagaan parti.

Bahagian mempunyai kewajipan untuk memerhati dan mengarahkan cawangan-cawangan supaya dapat disesuaikan dengan perkembangan dan disiplin parti.

Bahagian adalah meliputi satu kawasan pilihanraya Parlimen dan terdapat beberapa cawangan di dalamnya. Di peringkat bahagian ditubuhkan beberapa jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab di antaranya di dalam lapangan kewangan, penerangan pilihanraya dan bangunan. Setiausaha adalah dengan sendirinya menjadi Setiausaha kepada biro atau jawatankuasa-jawatankuasa kecil itu.

Setiausaha dan Bendahari dikehendaki sentiasa menggunakan masa yang terluang untuk pergi ke cawangan bagi memeriksa pentadbiran cawangan dan juga hal-hal yang berkaitan dengan yuran. Setiausaha juga mempunyai tugas membuat borang tertentu untuk diedarkan kepada semua setiausaha cawangan untuk mendapat laporan tetap pada tiap-tiap bulan mengenai kemajuan cawangan-cawangan sama ada dari kegiatan politik dan lain-lainnya terutama masalah pungutan yuran. Laporan-laporan ini dapat

31 Ibid., fasal 19 ceraian (5).

32 Ibid., fasal 18 ceraian (3).

33 Ibid., fasal 15 ceraian (2) dan fasal 15 ceraian 6 (b) dan (c).

dijadikan bahan perbincangan oleh jawatankuasa Bahagian dari satu masa ke satu masa dan boleh dibuat ukuran mundur atau maju sesebuah cawangan itu.

Satu dari kenyataan yang dapat membuktikan bahawa Bahagian masih hidup ialah adanya mesyuarat perwakilan tahunannya. Tiap-tiap Bahagian UMNO dikehendaki menganggap Mesyuarat Perwakilan Tahunan sebagai satu perkara wajib. Bagi Bahagian yang tidak dapat mengadakan mesyuarat perwakilan kemungkinan besar Bahagian itu tidak dapat menghadiri persidangan Perhimpunan Agung UMNO Malaysia.

Se semua tindakan bahagian yang berkaitan dengan dasar parti dikehendaki memberitahu kepada ibu pejabat sekalipun perkara itu adalah berkaitan dengan urusan negeri sahaja. Semua perhubungan surat-menyurat di antara Bahagian dengan Ahli Majlis Kerja Tertinggi, Menteri Kabinet Malaysia adalah dikehendaki menghantarnya menerusi Pejabat Setiausaha Agung UMNO Malaysia.

Untuk merapatkan lagi pentadbiran ibu pejabat dengan Bahagian-bahagian maka semua minit mesyuarat jawatankuasa sama ada yang biasa atau khas dikehendaki menghantar satu salinan kepada ibu pejabat pada tiap-tiap kali mesyuarat diadakan. Penyata tahunan Bahagian juga dikehendaki hantar ke ibu pejabat sebaik sahaja ianya siap. Penyata tersebut tidak perlu diluluskan oleh mesyuarat perwakilan terlebih dahulu sebelum dihantar ke ibu pejabat.

### Asas dan Tujuan

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) adalah bercogan kata "Bersatu, Bersetia dan Berkhidmat" dan seruannya ialah "Merdeka".<sup>34</sup>

Di dalam Perlembagaan UMNO 1955 tercatat tujuan dan asas perjuangannya yang antara lain menyebut bahawa langkah-langkah dan ikhtiar akan dijalankan untuk mendirikan sebuah negara Malaya yang merdeka dan berdaulat. UMNO juga berjuang untuk memajukan rakyat Melayu khasnya dan rakyat Malaya amnya, di dalam semua lapangan. Agama Islam dan adat resam Melayu diutamakan dan akan dipertahankan serta ikhtiar akan dijalankan bagi mengembangkan agama yang maha suci itu. Memelihara taraf dan kedaulatan raja-raja Melayu sebagai raja yang berperlembagaan di negeri masing-masing. Perjuangan UMNO juga adalah untuk menubuhkan, dan mengawal serta memelihara asas-asas pemerintahan demokrasi secara berparlimen yang bertanggungjawab. Kebebasan berfikir, beragama, berucap, menulis, berhimpun dan mengadakan persatuan-persatuan juga akan dipelihara dan dilembagakan. Kumpulan-kumpulan kaum minoriti akan dipelihara, dihormati dan dikawal kepentingan mereka. Tujuan yang akhir sekali ialah untuk melaksanakan dasar kerjasama dengan bangsa-bangsa lain di dunia atas dasar persamaan hak (*equal rights*) bagi mencipta susunan masyarakat baru yang berdasarkan perikemanusiaan dan keadilan.<sup>35</sup>

Di dalam perlembagaan UMNO 1972 pula ada sedikit perubahan dibuat mengenai tujuan dan asas perjuangan. Ini adalah kerana keadaan alam sekitar

34 Undang-undang tubuh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Malaya, 1955, bab 2 fasil (2) dan (3).

35 Ibid., bab 3 fasil (4) dan pecahan-pecahannya.

yang telah berubah dan juga kerana sebahagian dari tujuan-tujuannya di dalam perlumbagaan 1955 telah tercapai.

Bagi parti UMNO di daerah Besut, jika dibandingkan dengan peringkat awal penubuhannya; pada tahun 1960-an didapati ia bertambah kuat dan teguh. Begitu juga mengenai pentadbiran dan susunan organisasinya.

### Persatuan Islam Se Malaya (PAS) atau Pan Malayan Islamic Party (PMIP)

Persatuan Islam Se Malaya (PAS) yang telah ditubuhkan pada tahun 1951<sup>36</sup> telah bertapak di Jerteh di Sekolah Arab Ittifakiah pada tahun 1958 sebagai ranting PAS yang pertama di Besut. PAS Jerteh pada peringkat awalnya dipimpin oleh Husin bin Jusoh bersama-sama seperjuangannya Hj. Mohammad bin Ismail, Wan Yusoff bin Abdullah, Yaacob bin Sheikh A. Rahman. Menjelang pilihanraya 1959 makin ramai yang bergerak aktif di dalam parti ini. Di antara mereka ialah Husin bin Othman, Lokman bin Abdul Kadir dan Daud bin Abdul Samad.

Tertubuhnya PAS di Jerteh pada tahun 1958 ini adalah kerana bantahan orang-orang Melayu terhadap pembentukan Perikatan di antara parti-parti UMNO-MCA-MIC.<sup>37</sup> Juga orang-orang Melayu mula merasa bimbang dengan kekuatan politik orang-orang bukan Melayu yang kian hari bertambah kuat di Malaya. Ada golongan yang berada di dalam UMNO sendiri bertindak keluar dari parti itu dan bersama-sama berjuang melalui PAS.

Ahli-ahli PAS adalah terdiri dari orang-orang yang mempunyai pendidikan agama Islam dan pelajaran pondok. Mereka ini yang sebelumnya adalah berjuang bersama-sama orang UMNO, menganggotai parti Negara dan ada juga terdiri dari bekas ahli PKMM. Dengan ideologi Islam yang dibawa oleh PAS itu ia berjaya menarik kepercayaan mereka dan membawa mereka bersama-sama mendukung parti ini dengan meninggalkan parti asal masing-masing.

Faktor utama kenapa ahli UMNO keluar dari parti kerana mereka tidak menaruh keyakinan kepada konsep bekerjasama dengan bangsa-bangsa asing untuk mencapai kemerdekaan. Jadi dengan adanya PAS sebuah parti yang memperjuangkan hak orang-orang Melayu dan agama Islam serta kemerdekaan bagi Malaya tanpa kerjasama kaum-kaum India dan Cina sudah tentu memberi peluang kepada mereka yang tidak bersetuju dengan dasar Perikatan di dalam UMNO memasuki parti PAS. Bagi mereka yang sebelum ini berada di dalam parti-parti lain seperti parti Negara juga memasuki PAS. Kemasukan mereka adalah kerana ideologi Islam yang dibawa oleh PAS menarik minat mereka. Dengan adanya sokongan ini PAS

36 PAS lahir adalah dari tubuh UMNO sendiri yang mana golongan Ulama UMNO telah bertindak keluar dari parti itu dan menubuhkan Persatuan Islam Se Malaya pada tahun 1951 di bawah pimpinan Hj. Mohd. Fuad Hassan sebagai Yang Dipertua Agung yang pertama dan Hj. Ahmad Maliki sebagai Naib Yang Dipertua. Lain-lain tokoh yang memimpin PAS pada tahun-tahun permulaan penubuhannya ialah Ahmad Shahrin, Hj. Ahmad Long Perlis, Hj. Ahmad Bedui, Hassan Adli, Osman Abdullah dan Mohammad Hanif.

37 Perikatan telah ditubuhkan di dalam tahun 1952 dengan persentuman di antara UMNO dengan MCA (Malayan Chinese Association). Di dalam tahun 1955 MIC (Malayan Indian Congress) pula diterima sebagai anggota gabungan dengan itu terbentuklah Perikatan gabungan tiga buah parti politik yang mewakili kaum Melayu, Cina dan India.

dapat memperkembang dan memperteguhkan kedudukannya.

Pada peringkat awal PAS ditubuhkan di Besut hanya 20 orang sahaja yang mendaftarkan diri untuk menjadi ahli; tetapi dengan usaha pemimpin-pemimpin itu PAS berjaya menambahkan ahli-ahli dengan banyaknya di dalam jangka masa yang singkat sahaja.

Seterusnya ranting PAS telah ditubuhkan di Kuala Besut di bawah pimpinan Hj. Wan Said b. Mohd. Noor, Mohd. Senari bin Yunus, W. Ismail bin Sulong dan Abu Bakar bin Mat. Ranting Kuala Besut mendapat sokongan kuat dari pemimpin-pemimpin PAS ranting Jerteh. Mereka yang menganggotai parti PAS ini adalah terdiri dari golongan-golongan yang berpendidikan agama Islam dan lepasan sekolah-sekolah agama dan juga pondok.

Di dalam usaha untuk memperkembangkan parti ini ranting-ranting PAS ditubuhkan di tempat-tempat yang telah ada cawangan UMNO. Ini adalah langkah untuk menyaingi dan mempengaruhi ahli-ahli UMNO dan juga orang-orang Melayu supaya memasuki PAS. Ranting PAS di Kampung Raja, Alor Lintah, Pasir Akar, Jabi dan Kampung Buloh telah ditubuhkan dan usaha-usaha untuk mendapatkan ahli sebanyak mungkin diusahakan oleh pemimpin-pemimpin itu. Di sini telah mula wujud persaingan di antara PAS-UMNO untuk mendapatkan sokongan orang-orang Melayu. Sokongan orang-orang Melayu adalah tertumpu kepada dua parti politik ini yang sama-sama ingin memperjuangkan nasib bangsa dan tanahair tetapi berlainan ideologi. PAS dengan ideologi Islam manakala UMNO dengan ideologi nasionalisme berserta menganut faham perjuangan bersama dengan kaum-kaum yang terdapat di Malaya masa itu.

Menjelang pilihanraya 1959 setelah ranting-ranting PAS ditubuhkan di merata-rata tempat di Besut ranting PAS Jerteh telah dinaikkan kedudukannya sebagai cawangan<sup>38</sup> PAS Besut. Dengan ini PAS di Besut telah mempunyai satu cawangan yang tersendiri.

## Susunan Organisasi

### Cawangan PAS dan ranting PAS

Cawangan PAS boleh ditubuhkan di mana-mana tempat yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS, dan sesebuah cawangan itu hendaklah meliputi sebuah negeri ataupun sebuah daerah ataupun beberapa daerah yang disatukan dan satu-satu kawasan itu hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 50 orang ahli.<sup>39</sup> PAS cawangan Besut ini ditubuhkan mengikut syarat di dalam perlumbagaannya yang meliputi satu daerah.

Adapun ranting dari sesebuah cawangan PAS itu boleh ditubuhkan di mana-mana tempat dalam cawangan itu yang dipersetujui oleh jawatankuasa kerja cawangan. Ahli-ahli untuk menubuhkan satu-satu cawangan hendaklah tidak kurang dari 15 orang.<sup>40</sup> Penubuhan ranting PAS di Besut di beberapa tempat di dalam cawangan ini adalah dengan persetujuan jawatankuasa kerja cawangan parti ini.

<sup>38</sup> 'Ranting' adalah peringkat yang kecil di dalam susunan pertubuhan itu; jika dibandingkan dengan UMNO 'ranting PAS' adalah sama dengan 'Cawangan UMNO'. Peringkat yang lebih tinggi dari ranting PAS ialah cawangan PAS dan jika dipandangkan dengan UMNO ia sama dengan 'bahagian UMNO'.

<sup>39</sup> *Undang-undang Tubuh Persatuan Islam Se Tanah Melayu (PAS) 1955*, fasil 15 ceraian (1) dan (2).

<sup>40</sup> *Ibid.*, fasil 16 ceraian (1) dan (2).

## Pentadbiran

Pegawai-pegawai bagi satu-satu cawangan itu adalah dianggotai oleh seorang Yang Dipertua Cawangan, seorang Naib Yang Dipertua, tiga orang Ketua Dewan seorang Setiausaha dan seorang Bendahari. Pemilihan pegawai-pegawai ini kecuali Setiausaha adalah dibuat melalui mesyuarat agung tahunan. Tiga orang Ketua Dewan itu adalah terdiri dari seorang tiap-tiap satu Dewan Ulama, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat.

Setiausaha cawangan adalah dilantik oleh Yang Dipertua Cawangan dalam mesyuarat jawatankuasa kerja cawangan dan akan memegang jawatan itu selama setahun iaitu sehingga kepada mesyuarat agung tahunan yang akan datang ataupun sehingga ia meminta berhenti ataupun diberhentikan oleh jawatankuasa kerja cawangan ini.

Jawatankuasa kerja cawangan PAS terdiri dari pegawai-pegawai cawangan dan beberapa orang yang dilantik dari ahli-ahli biasa PAS cawangan ini dan satu pertiga dari jumlah itu adalah dilantik oleh Yang Dipertua.<sup>41</sup> Tugas jawatankuasa kerja cawangan ialah untuk mentadbirkan sebarang hal-ehwal cawangan di bawah perintah dan kekuasaan Majlis Mesyuarat Agung Cawangan. Segala perbuatan itu adalah dimaklumkan kepada mesyuarat agung cawangan akan datang ataupun diberitahu kepada ranting-ranting di dalam cawangan ini. Jawatankuasa kerja cawangan ber sidang sekurang-kurangnya sekali di dalam masa dua bulan.

Jawatankuasa kerja cawangan bertanggungjawab untuk menjalankan ranting-ranting di dalam cawangan serta menyatukan pekerjaan mengikut undang-undang tubuh PAS. Dewan Pemuda, Dewan Muslimat dan Dewan Ulama adalah ditubuhkan untuk cawangan ini. Penyediaan penyata tahunan adalah dibuat oleh jawatankuasa ini. Penyata tahunan ini dibentangkan kepada mesyuarat agung tahunan dan dihantar kepada semua ranting-ranting, dua minggu sebelum mesyuarat agung tahunan cawangan ini berlangsung.

Kuasa jawatankuasa kerja cawangan dalam masalah perselisihan juga diberi, jawatankuasa kerja cawangan berkuasa menyelesaikan perselisihan apa-apa perkara yang boleh menerbitkan salah faham dan perkara-perkara yang menyebabkan terganggu perjalanan dan kemajuan cawangan itu, yang berbangkit atau dibangkitkan oleh ranting-ranting PAS cawangan itu atau oleh Dewan Ulama, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat dalam cawangannya.<sup>42</sup>

Tugas Setiausaha adalah sama seperti tugas yang diberi kepada Setiausaha yang mentadbirkan pejabat. Ia tidak akan dihuraikan lagi di sini kerana di dalam huraian mengenai parti UMNO ia telah dihuraikan dengan jelasnya.

## Ranting PAS

Perjalanan pentadbiran ranting adalah hampir sama dengan pentadbiran cawangan. Ia hanya berbeza mengikut kuasa yang diberi oleh perlembagaan parti sahaja. Pentadbiran ranting PAS adalah di bawah kelolaan

41 Ibid., fasal 20 ceraian (1) dan (2).

42 Ibid., fasal 20 ceraian (9).

jawatankuasa kerja ranting. Setiap ranting PAS mengandungi pegawai-pegawai yang terdiri dari seorang ketua ranting, seorang naib ketua ranting, seorang setiausaha ranting dan seorang bendahari ranting. Perlantikan pegawai-pegawai ini adalah dibuat oleh ahli-ahli PAS di dalam mesyuarat agung tahunan ranting. Ranting-ranting PAS di Besut ini juga mempunyai struktur pentadbiran yang sama.

Jawatankuasa kerja ranting ditubuhkan mengandungi pegawai-pegawai ranting dan beberapa orang lagi ahli biasa PAS yang dilantik dalam mesyuarat agung tahunan ranting itu. Satu pertiga dari ahli-ahli jawatankuasa itu adalah dilantik oleh Yang Dipertua tiap-tiap ranting itu sendiri. Jawatankuasa kerja ranting adalah bertanggungjawab kepada majlis mesyuarat agung tahunan ranting bagi menjalankan pentadbiran hal-ehwal rantingnya di bawah perintah dan kekuasaan mesyuarat agung masing-masing ranting.

Tanggungan jawatankuasa kerja ranting ialah berikhtiar untuk membanyakkan ahli dan membuktikan tujuan-tujuan PAS di dalam ranting masing-masing. Tegasnya jawatankuasa ini adalah anggota yang bertanggungjawab di dalam segala hal-ehwal di dalam rantingnya. Jawatankuasa ini juga berhak membuat sebarang aturan dan peraturan kerana menjalankan pekerjaan ranting itu dengan sempurna atas sebarang perkara yang tiada khas ditentukan di dalam undang-undang tubuh itu dengan syarat tidak berlawanan dengan kehendak undang-undang tubuh PAS dan diluluskan oleh cawangan.

Pejabat Setiausaha ranting ditempatkan di mana-mana tempat di dalam kawasan ranting masing-masing dengan persetujuan jawatankuasa ranting itu. Setiausaha ranting adalah menjadi pegawai yang khas bagi menjalankan usaha-usaha dan perintah yang didatangkan kepadanya di bawah kelolaan dan awasan Ketua ranting. Umumnya Setiausaha ranting itu adalah bertanggungjawab menguruskan segala tanggungan yang biasa dan khas bagi rantingnya itu. Setiausaha cawangan juga mempunyai tanggungjawab yang sama seperti setiausaha ranting cuma ia berbeza mengikut peringkat sahaja. Setiausaha cawangan bertanggungjawab hal-ehwal peringkat cawangan.

### **Asas dan Tujuan**

Keahlian PAS adalah terbuka kepada orang-orang Islam yang akil baligh menurut hukum Islam.<sup>43</sup> Syarat ini menentukan orang-orang yang beragama Islam sahaja boleh menjadi ahli dan berjuang melalui parti ini. Ini sesuai dengan cogan kata PAS iaitu "Allahu Akbar"<sup>44</sup> dan berseruan kan "Merdeka".<sup>45</sup> Tiap-tiap orang ahli yang berdaftar adalah dikehendaki menjelaskan yuran sebanyak seringgit untuk selama setahun.

Persatuan Islam Se Tanah Melayu ditubuhkan dengan tujuan untuk menjalankan ikhtiar dan langkah untuk menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam serta memperjuangkan cita-cita Islam di dalam masyarakat dan urusan pemerintahan negara.<sup>46</sup>

43 Ibid., fasal 9 ceraian (1).

44 Ibid., fasal 41 ceraian (1).

45 Ibid., fasal 41 ceraian (2).

46 Ibid., fasal 2 ceraian (1) dan (2).

Untuk mencapai tujuan itu PAS akan berusaha mewujudkan satu perikatan persaudaraan Islam untuk membentuk satu tenaga bersama bagi menyelenggarakan segala tuntutan Islam dan siasah yang berdasarkan demokrasi. Segala tenaga dan usaha untuk mewujudkan pentadbiran Islam seluruhnya dengan mempertahankan hak kepentingan dan kehormatan umat Islam akan diwujudkan. Hukum Allah dan ajaran Islam akan dilaksanakan di dalam kehidupan orang-orang perseorangan dan masyarakat menuju keredaan Allah. PAS juga akan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain yang dasar dan tujuan tidak berlawanan dengan ajaran agama Islam dalam mencapai demokrasi, keadilan masyarakat dan perikemanusiaan.

Di dalam pegangan PAS hukum yang tertinggi sekali ialah Kitab Allah (Al-Quran) dan Sunah Al-Rasul serta ijmak ulama yang nyata.<sup>48</sup> Jadi PAS adalah sebuah parti yang berdasarkan kepada agama Islam dan ingin melaksanakan hukum-hukum Islam di dalam pentadbiran negara.

### Parti Negara

Dengan berlakunya keretakan di dalam parti UMNO yang diikuti oleh perletakkan jawatan Dato' Onn bin Jaafar sebagai Yang Dipertua pada tahun 1951 maka tertubuhlah IMP (Independence Malaya Party) di bawah pimpinan Dato' Onn di dalam tahun yang sama.

Dato' Onn meninggalkan UMNO adalah akibat kegalalannya mempengaruhi UMNO untuk membuka pintu kepada penduduk Malaya yang bukan Melayu menjadi ahli. IMP telah ditubuhkan untuk semua kaum yang menjadi rakyat Malaya pada masa itu. Orang-orang Melayu telah menolak dasar seperti ini kerana orang Melayu pada masa itu berjuang atas dasar 'Malaya Untuk Melayu'. Oleh kerana IMP tidak mendapat sokongan orang-orang Melayu<sup>49</sup> maka kedudukan parti itu amat lemah dan berikutnya pada tahun 1953 Dato' Onn membubarkan parti itu.

Sebagai menggantikan IMP yang telah dibubarkan itu Dato' Onn telah menubuhkan Parti Negara pada bulan Mac, 1954.<sup>50</sup> Parti Negara cawangan Besut telah ditubuhkan tiga bulan kemudiannya di Kampung Raja di bawah pimpinan Idris bin Hassan bersama-sama dengan Salleh bin Ahmad, Hj. Abdullah bin Hj. Salleh, W. Jusoh b. Ibrahim dan Fauzi bin Husein.

Organisasi Parti Negara ialah sama bentuknya dengan parti-parti lain yang telah ditubuhkan. Mengenai pentadbiran dan perjalanan pentadbiran ia tidak mempunyai perbezaan yang besar. Oleh itu, di sini tidak akan menghuraikan tentang organisasi Parti Negara kerana huriahan mengenai organisasasi telah pun dibuat tentang parti UMNO dan PAS. Dengan berpan-

47 Ibid., fasal 3 serta pecahan-pecahannya.

48 Ibid., fasal 4 ceraian (I) a.

49 Parti Negara juga tidak mendapat sambutan yang memuaskan dari orang-orang bukan Melayu. Pada permulaan parti itu akan ditubuhkan. Tan Cheng Lock memberi jaminan kepada Dato' Onn bahawa ia akan berusaha mendapatkan sokongan dari orang-orang Cina tetapi jaminan ini tidak ditunaikan.

50 Orang-orang yang terpilih untuk memimpin parti ini pada mula-mula ia ditubuhkan ialah Dato' Hamzah bin Abdullah sebagai Presiden, Heath Joo Seng sebagai Naib Presiden, Onn bin Jaafar sebagai Setiausaha Agung dan jawatan Bendahari adalah dipegang oleh W.M. Mc Leod. Lain-lain ahli setiausaha kerja pusat parti di antaranya ialah Nik Ahmad Kamil, Dato' Naning, dan Dato' E.E.C. Thuraisingam dan lain-lain. Butir-butir ini diperolehi dari:- R.K. Vasil, 'Politics in A Plural Society — A Study of Non Communal Political Parties in Malaysia' tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1968, him. 60.

dukan organisasi dua parti itu kita juga boleh memahami organisasi Parti Negara.

Perbezaan yang besar di antara parti UMNO dengan Parti Negara ialah mengenai keahlian. Parti Negara adalah membuka pintu keahlian kepada semua bangsa. Ia tidak terhad kepada kaum-kaum tertentu sahaja. Bagi daerah Besut keanggotaan Parti Negara adalah dimonopoli oleh orang-orang Melayu sahaja ini ialah kerana majoriti penduduk Besut adalah terdiri dari orang-orang Melayu.

Penubuhan Parti Negara adalah dengan tujuan-tujuan<sup>51</sup> tertentu. Parti Negara telah ditubuhkan untuk mengadakan dan menjalankan dalam parlimen dan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah parti politik. Parti Negara ini adalah sebuah parti yang akan bergerak di dalam bidang politik.

Parti Negara bercita-cita untuk memerintah Persekutuan Tanah Melayu dan memegang tumpuk pemerintahan negara. Bila ia berjaya memerintah ia akan menjalankan pemerintahan mengikut cara-cara demokrasi dan memenuhi kehendak-kehendak keadilan. Cita-cita Parti Negara ini mempunyai keseragaman dengan cita-cita Parti UMNO dan PAS.

Perkara yang berbeza ialah mengenai 'rupa bangsa'. Parti Negara menghendaki 'rupa bangsa' di Malaya ini dinamakan 'Melayu' dan satu sahaja kerakyatan bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Dengan tidak mengira keturunan seseorang sama ada dari bangsa Melayu, Cina, India atau lain-lain, mereka itu hendaklah dikenali sebagai 'Melayu' dan mempunyai taraf kerakyatan yang sama.<sup>52</sup>

Parti Negara juga mempunyai cita-cita untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara. Walaupun begitu rakyat diberi kebebasan menganuti agama yang mereka suka.<sup>53</sup> Begitu juga dengan UMNO, membenarkan penduduk Malaysia menganuti agama pilihan mereka. Oleh itu dasar kedua-dua parti ini terhadap agama tidak berbeza.

Di Persekutuan Tanah Melayu bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan. Inilah cita-cita yang akan ditegakkan oleh Parti Negara.<sup>54</sup> Begitu juga Parti UMNO dan PAS.

Parti Negara juga mempunyai tujuan untuk memajukan rakyat dari segi sosial, siasah dan ekonomi; dan lebih khas lagi bagi orang-orang yang mencari nafkah kehidupan yang kekal dengan tangan dan ikhtiar sendiri. Tegasnya bagi rakyat-rakyat yang hidupnya menderita dan mundur akan diberi keutamaan di dalam dasar-dasar pembangunan negara.<sup>55</sup>

Di dalam undang-undang tubuh Parti Negara tidak ada dicatatkan mengenai raja-raja Melayu tetapi di dalam manifesto pilihanraya ada menyatakan bahawa Parti Negara akan memelihara taraf dan kedudukan raja-raja Melayu di Persekutuan Tanah Melayu dan mengekalkan kedaulatan di negeri masing-masing.<sup>56</sup>

51 Anwar Abdullah *Dato Onn*, Pustaka Nusantara, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 183.

52 Wawancara Encik Idris bin Hassan, Kampung Raja, Besut, 12 April, 1975. Beliau adalah pemimpin Parti Negara daerah Besut.

53 Anwar Abdullah, op. cit., hlm. 183.

54 Ibid.

55 Ibid.

56 Ibid.

Kesimpulannya Parti Negara tidak mempunyai dasar yang berbeza dengan UMNO kecuali hal kewarganegaraan dan kerakyatan. Bagi lain-lain hal ianya sama seperti UMNO. Mengenai kerakyatan Parti Negara menghendaki supaya rakyat Persekutuan Tanah Melayu walau dari bangsa apa sekalipun mestilah dikenali sebagai 'Melayu'.

Oleh kerana perjuangan orang-orang Melayu pada masa itu ialah 'Malaya untuk Melayu' maka Parti Negara dengan dasar Malaya untuk semua kaum sukar mendapat sokongan orang-orang Melayu. Bagi parti yang tidak mendapat sokongan orang Melayu maka ia tidak berpeluang untuk berkembang dengan meluas dan pesat.

Parti Negara di Besut telah berakhir riwayatnya setelah pilihanraya 1964. Di dalam pilihanraya 1969 parti ini tidak meletakkan calon mereka. Parti Negara adalah parti yang paling kurang mendapat pengaruh dari kalangan orang-orang Besut di antara beberapa parti politik yang terdapat di sini.

### Parti Rakyat

Parti Rakyat telah ditubuhkan di Kuala Besut oleh Wan Ali bin Jusoh pada tahun 1955.<sup>57</sup> Beliau menjadi Pengurus parti ini; dan Ku Jusuh bin Abdullah sebagai Penolong Pengurus. W. Hassan bin Muda pula sebagai Setiausaha. Mereka inilah yang telah berusaha memperkuatkan kedudukan Parti Rakyat ranting Kuala Besut.

Setelah tertubuhnya ranting Kuala Besut, Parti Rakyat telah ditubuhkan pula di Jerteh oleh Ibrahim bin Ismail (allahyarham) bersama-sama dengan rakan seperjuangannya, di antaranya ialah Abdul Rahman bin Mohammad dan Ibrahim bin Mohammad.

Di dalam Perlembagaan Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM) 1970<sup>58</sup> menyebutkan organisasi peringkat daerah dikenali sebagai Organisasi Asas. Organisasi Asas Parti terdiri daripada ranting umum, ranting dan kumpulan yang ditubuhkan di dalam mukim, kampung, kilang, lombong, estet, pekan, bandar; dan unit asas lain yang di dalamnya terdapat tiga orang Anggota Penuh atau lebih. Sekiranya sesuatu unit asas mempunyai anggota penuh kurang daripada tiga orang maka mereka boleh bersama-sama dengan anggota calon di dalam unit itu menubuhkan satu kumpulan atau memasuki Organisasi Asas unit yang berhampiran.<sup>59</sup>

Untuk membentuk Organisasi Asas Parti sekurang-kurangnya memerlukan ahli seramai 50 orang. Sesuatu Organisasi Asas parti yang mempunyai 50 orang atau lebih boleh membentuk satu Jawatankuasa Umum Parti dengan persetujuan jawatankuasa parti peringkat Negeri. Penubuhan jawatankuasa ini adalah dipilih dalam 'rapat anggota' atau 'rapat perwakilan'. Di bawah jawatankuasa ranting umum parti beberapa ranting boleh ditubuhkan mengikut pembahagian yang berdasarkan produksi,

57 Wawancara dengan Wan Ali bin Jusoh Kuala Besut, 29 Mac 1975.

Parti Rakyat telah dilancarkan pada 11 November 1955. Ahmad Boestaman telah dipilih sebagai Ketua Umum manakala jawatan Setiausaha Agung disandang oleh Abdul Wahab Majid. R.K. Vasil, op. cit., bab 4, hlm. 3.

58 Perlembagaan Parti Sosialis Rakyat Malaya (dulunya Parti Rakyat Malaya) diterima oleh Sidang Khas Kongres Nasional Ke-14 Parti Rakyat Malaya di Kuala Lumpur pada 26 Disember, 1969 dan diluluskan oleh pendaftar pertubuhan pada 29 Julai 1970.

59 Perlembagaan Parti Sosialis Rakyat Malaya, 1970 bab VII, fasil 33.

kerja atau tempat duduk.

Bagi Organisasi Asas Parti yang mempunyai anggota kurang dari 50 orang boleh membentuk sebuah jawatankuasa ranting yang dipilih di dalam 'rapat anggota' dengan persetujuan Jawatankuasa Umum Parti. Di bawah ranting umum dan ranting pula boleh ditubuhkan kumpulan.<sup>60</sup>

Jawatankuasa ranting umum parti berkuasa mengesahkan dan membatalkan keputusan-keputusan ranting mengenai anggota-anggota baru dan tindakan-tindakan disiplin terhadap anggota parti. Jawatankuasa ranting mempunyai kuasa menerima anggota baru dan mengambil tindakan disiplin terhadap anggota parti. Keputusan seperti ini mestilah disahkan oleh 'rapat anggota' dan oleh jawatankuasa parti di atas.<sup>61</sup>

Sesuatu ranting umum parti mengadakan 'rapat perwakilan' atau 'rapat anggota' empat bulan sekali. Sesuatu ranting parti mengadakan rapat anggota sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

'Rapat perwakilan' atau 'rapat anggota' Organisasi Asas Parti mendengar dan memeriksa laporan jawatankuasa ranting umum atau jawatankuasa ranting, membincangkan dan memutuskan soal-soal yang berhubung dengan unitnya, memilih jawatankuasa ranting umum atau ranting dan memilih wakil ke kongres parti.

Jawatankuasa ranting umum dan ranting adalah dipilih bagi tempoh setahun. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya sebulan sekali, dipanggil oleh jawatankuasa tetap atau setiausaha masing-masing. Dalam sidang penuhnya jawatankuasa ranting umum akan memilih seorang setiausaha dan seorang/dua orang penolong setiausaha. Pemilihan itu adalah disahkan oleh jawatankuasa daerah.

Organisasi Asas Parti mestilah menjulang tinggi panji-panji sosialisme saintifik, mengutamakan politik rakyat serta mengembangkan cara kerja menyatukan teori dengan amalan, mengadakan hubungan yang rapat dengan rakyat serta mengamalkan kritik dan kritik diri. Tugas-tugas mereka yang besar ialah:-

- (i) Memimpin anggota parti dan rakyat yang progresif, mengkaji dan mengamalkan teori sosialisme saintifik.
- (ii) Menerangkan dan menjalankan dasar parti, melaksanakan keputusan-keputusannya dan menunaikan tugas-tugas yang diberi oleh parti.
- (iii) Menerangkan dan menjalankan dasar parti, melaksanakan keputusan-keputusannya dan menunaikan tugas-tugas yang diberi oleh parti.
- (iv) Mendamping rapat dengan rakyat dan selalu mendengar pendapat-pendapat dan tuntutan-tuntutan mereka serta melaporkan ini kepada organisasi-organisasi parti di atas.
- (v) Memimpin rakyat mengambil bahagian yang aktif di dalam kehidupan politik negara.
- (vi) Mengambil anggota-anggota baru, melaksanakan disiplin parti, sertiasa memperkuatkan organisasi-organisasi parti dan membuat

60 Ibid., fasil 34 ceraian (1), (2) dan (3).

61 Ibid., fasil 35 dan 36.

yang buruk dan mengambil yang elok untuk memilihara kemurnian barisan-barisan parti.<sup>62</sup>

### Keanggotaan

Setiap warganegara Malaya boleh menjadi anggota parti apabila umurnya 18 tahun. Di samping itu mereka hendaklah menerima Perlembagaan Parti, memasuki sesbuah organisasi parti serta mengambil bahagian yang aktif di dalamnya; melaksanakan keputusan-keputusan parti, patuh kepada disiplin parti, dan membayar yuran parti.<sup>63</sup>

Pemohon-pemohon yang ingin memasuki anggota parti mestilah dicadangkan oleh dua orang anggota penuh parti. Keanggotaan ini adalah dikenali sebagai anggota calon. Bagi ahli-ahli anggota calon mereka boleh diterima menjadi anggota penuh setelah menjalani tempoh setahun sebagai anggota calon.

Anggota calon mempunyai kewajipan yang sama dengan anggota penuh. Mereka mempunyai hak yang sama kecuali hak mengundi, memilih dan dipilih. Apabila tempoh percubaan bagi seseorang anggota calon telah tamat, ranting parti yang dianggotainya mestilah dengan segera membincangkan sama ada ia layak dipindah menjadi anggota penuh.<sup>64</sup>

### Asas dan Tujuan

Parti Sosialis Rakyat Malaya ialah parti politik rakyat Malaya dari semua suku bangsa. Tujuan pokoknya ialah menghapuskan sistem penjajahan baru Inggeris, Amerika Syarikat dan sistem feudal; mencapai kemerdekaan nasional yang tulun dan mewujudkan pemerintahan demokrasi rakyat di Malaya. Tujuan akhirnya ialah mencapai sosialisme. Dalam hal ehwal luar PSRM menyokong gerakan pembebasan nasional di seluruh dunia menentang penjajahan lama dan baru untuk mencapai kemerdekaan nasional yang tulun dan keamanan dunia.

PSRM mengambil teori Sosialisme Saintifik<sup>65</sup> sebagai pedoman bekerja. Dalam mengamalkan teori ini PSRM memadukan kebenaran-kebenaran umumnya dengan keadaan-keadaan konkrit perjuangan progresif dan revolusioner rakyat Malaya dan melawan penyelewengan-penyelewengan kiri dan kanan.

Parti Sosialis Rakyat Malaya mendasarkan perjuangannya di atas gabungan tenaga kaum buruh dan kaum tani dari semua suku bangsa, dan di sekeliling ikatan buruh tani ini, mempersatukan semua rakyat yang boleh disatukan dan bekerjasama dengan semua golongan yang cinta bangsa, anti-imperialis dan antifeudal.

PSRM disusun atas prinsip demokrasi kepimpinan sebagai pertubuhan nasional yang padu. Ia memperjuangkan perpaduan parti di atas dasar prinsip dan melawan aliran-aliran *opportunist* kiri dan kanan, faham-faham berpuak-

62 Ibid., fasal 42 dan ceraian-ceraiannya.

63 Ibid., bab 3 fasal 3.

64 Ibid., fasal 4 ceraian (c) dan (d).

65 Di dalam perlembagaan lama parti itu (Parti Rakyat Malaya) tidak terdapat teori sosialisme saintifik, cuma di dalam perlembagaan baru (PSRM) ada dicatatkan. Di dalam perlembagaan lama teori yang dianut ialah marhaenisme.

puak, bersuku-suku, dogmatik, subjektif dan individuals. Anggota-anggota PSRM yang memberi jiwa raga mereka kepada perjuangan untuk mencapai sosialisme, tidak takut keapda pengorbanan dan mengatasi segala rintangan untuk mencapai kemenangan.<sup>66</sup>

PSRM berlambangkan Kepala Banteng di kelilingi oleh Roda Bergigi Dua Belas. Benderanya ialah merah dan di tengah-tengahnya gambar Kepala Banteng berwarna hitam dan di kelilingi oleh Roda Bergigi Dua Belas berwarna putih.<sup>67</sup>

---

66 Ibid., bab 2 fasal 2 (a), (b), (c) dan (d).

67 Ibid., bab 1 fasal 1 ceraian (b) pecahan (1) dan (2).



## **QUALITY PRINTING SERVICES**

LITHOGRAPHIC, OFFSET, LETTER PRESS, IBM COMPOSING &  
SCREENING

- \* Text Books, Magazines & Bulletins
- \* Posters & Calendars etc
- \* Catalogues & Brochures

**UNITED SELANGOR PRESS SDN. BHD.**

8 & 10, JALAN LENGKONGAN BRUNEI,  
OFF PUDU, KUALA LUMPUR,  
SELANGOR, WEST MALAYSIA,  
TELEPHONE:- 03-481090 & 03-487336

Pretty Slim. Pretty Trim...

# Philips TLD cuts lighting cost up to 10%.

Fits all existing lamp fixtures

Philips TLD. The slim, handsome fluorescent lamp uniquely designed to cut lighting costs for homes and offices. Another Philips innovation, in their constant search to bring you only the best.

Philips TLD is smarter looking than ordinary lamps. But more.

**Energy-saving**

Philips TLD is a 36 Watt, energy saving, high-illumination lamp capable of giving off as much light as a conventional 40 Watt lamp. This means Philips cuts power consumption up to 10%. Which means you pay less. You save!

Philips TLD also fits neatly into your existing lamp fixtures. What's more, it's priced the same as a Philips conventional lamp. And it has a burning life that easily matches that of any conventional lamp. Now, that's pretty bright.

Also available: Philips TLD 18 Watt and 38 Watt (versus conventional 20 Watt and 65 Watt lamps respectively).

Use Philips starters for trouble free operation of all TLD lamps.

**How Philips TLD cuts cost**

Take an office building with 3,000 fluorescent lamps, each of 40 watts.

Savings per lamp with Philips TLD 36W = 4 Watts

Total Watts saved =  $4 \times 3,000 = 12,000$  (12 Kw)

Total savings at 25c per Kwh at 9 hours a day

over 250 days a year =  $0.25 \times 12 \times 9 \times 250$

= \$6,750

This saving is achieved with no loss of illumination, and at no extra cost.

## Philips lights up for less

Philips Malaysia Sdn. Berhad,  
4, Persiaran Barat, Petaling Jaya. Tel: 554411.

# PHILIPS

